

BAB 1

PENGENALAN

Pendahuluan

Sistem pendidikan negara Malaysia telah bermula sebelum kedatangan British ke negara ini. Sejarah perkembangan pendidikan di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pendidikan sebelum kemerdekaan dari zaman penjajahan British hingga 1956 dan pendidikan selepas kemerdekaan negara iaitu selepas 1957. Kedatangan dan seterusnya campur tangan British dari abad ke-19 sehingga abad ke-20 dalam pemerintahan Tanah Melayu telah membawa perubahan yang besar dalam bidang politik, ekonomi dan sosial pada masyarakat pribumi dan masyarakat kosmopolitan yang terkemudiannya (Sufean Hussin, 2004). Fenomena ini telah menimbulkan kerencaman masalah dan mempengaruhi perkembangan sistem pendidikan sehingga masa kini.

Namun, Laporan Razak (1956) dan Laporan Rahman Talib (1960), telah dijadikan asas penggubalan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Dasar yang penting dikemukakan oleh kedua-dua laporan tersebut telah termaktub ke dalam Akta Pelajaran 1961. Tahun-tahun selepas kemerdekaan Tanah Melayu sehingga tahun 1970 dianggap sebagai era penyusunan semula sistem pendidikan bukan sahaja di Semenanjung tetapi juga di Sabah dan Sarawak (Sufean Hussin, 2004). Tahun 1970 sehingga 1990 pula dianggap sebagai era pembangunan dan pengukuhan sistem pendidikan bagi mencapai hasrat pendidikan yang berkualiti dan kemajuan dalam bidang ekonomi dan sosial. Dalam masa yang sama Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) 1983 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) 1989 telah dilaksanakan bagi tujuan peningkatan kualiti

pendidikan di negara kita. Menurut Sufean Hussin (2004), tahun 1990 sehingga 2010 merupakan era globalisasi dan liberalisasi pendidikan, khususnya peringkat pendidikan tinggi dengan disokong oleh kelulusan Akta Pendidikan Tinggi 1996. Ishak Saat (2009) menyatakan pembinaan negara bangsa Malaysia merupakan pelan pertama yang digariskan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP). Pelan ini bertujuan untuk menyediakan rakyat Malaysia ke arah satu bangsa yang bersatu padu dan saling bekerjasama dan merapatkan jurang pendidikan antara golongan luar bandar dan bandar serta antara kaum-kaum di Malaysia.

Kalau kita meneliti pelaksanaan pelbagai sistem pendidikan di negara ini seperti KBSR, KBSM, PIPP, KSSR ianya bertujuan untuk melahirkan generasi muda yang berpendidikan, berdikari dan produktif kepada pembangunan negara. John Dewey (1966), seorang ahli falsafah Amerika, memberi pengertian pendidikan sebagai proses pembentukan tingkah laku, kecerdikan dan emosi terhadap alam dan manusia. Manakala Kamarudin (1989) menjelaskan pendidikan bermatlamat memperkembangkan pertumbuhan dan membentuk personaliti seseorang individu daripada segala aspek seperti intelektual, kerohanian, sosial, fizikal, estetika dan moral. Seterusnya, beliau menegaskan proses pendidikan melahirkan manusia yang terdidik, bersopan santun, bermasyarakat, bertimbang rasa, bertanggungjawab, berilmu pengetahuan, berseni, berbudaya, berakhhlak tinggi, beriman, berfikiran waras dan berbudi pekerti.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang telah diumumkan secara rasmi pada tahun 1988 menentukan arah haluan, asas dan sumber inspirasi kepada semua usaha dan rancangan dalam bidang pendidikan.

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

Selaras dengan dasar pendidikan wajib di peringkat sekolah rendah, semua kanak-kanak yang sudah mencapai umur tujuh tahun perlu diantar ke sekolah rendah oleh ibu bapa masing-masing. Ini akan menyebabkan enrolmen atau kemasukan murid ke sekolah rendah dijangka bertambah kepada 3.2 juta pada tahun 2010 dan enrolmen di peringkat pendidikan menengah akan meningkat kepada 2.3 juta (Rancangan Malaysia ke-9, 2006). Langkah juga akan diambil oleh pihak kerajaan bagi mengurangkan dan seterusnya menghapuskan keciciran murid bagi memastikan semua murid memperoleh sekurang-kurangnya 11 tahun pendidikan.

Kerajaan Malaysia berhasrat untuk meningkatkan mutu pendidikan rendah dan menengah di negara kita. Hasrat ini telah termaktub dalam Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970) hingga ke Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) yang dilancarkan pada tahun 2006. Sebanyak RM 132 juta telah dibelanjakan oleh kerajaan semenjak tahun 1980 hingga ke tahun 1990, khas untuk memperbaiki kualiti pendidikan negara kita (Kamarudin, 1989). Seterusnya RM 40,356.5 juta telah diperuntukkan bagi tujuan

pembangunan pendidikan dan latihan di negara kita (Unit Perancang Ekonomi, 2006). Kerajaan telah membelanjakan jumlah wang yang begitu besar dalam usaha mempertingkatkan kualiti pendidikan di negara ini.

Selain itu, sistem pendidikan di negara ini juga bertujuan untuk mengatasi masalah buta huruf dalam kalangan rakyat. Justeru itu, kerajaan telah melakukan pelbagai perubahan dalam sistem pendidikan di negara kita dengan harapan dapat melahirkan rakyat yang celik huruf. Namun masih terdapat segelintir murid yang tidak dapat menguasai tiga kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira. Pencapaian murid-murid ini juga adalah di bawah tahap yang ditetapkan iaitu tidak lulus mana-mana mata pelajaran di peringkat menengah rendah. Jadual 1.1 menunjukkan bilangan murid pemulihhan bumiputera dan bukan bumiputera peringkat kebangsaan dan peringkat negeri Melaka di sekolah menengah. Data menunjukkan masih wujud murid yang tidak tahu membaca dan menulis dengan baik (Jadual 1.1 dan 1.2).

Jadual 1.1

*Bilangan Murid Pemulihhan Bumiputera dan Bukan Bumiputera
Peringkat Kebangsaan di Sekolah Menengah*

Sekolah	Menengah	
	Bumiputera	Bukan Bumiputera
2007	4768	3338
2008	4393	3701
2009	4198	3291

Nota. Termasuk Murid KIA 2M
Sumber. EPRD, 2009.

Jadual 1.2

Bilangan Murid Pemulihan Bumiputera dan Bukan Bumiputera Peringkat Negeri Melaka di Sekolah Menengah

Sekolah	Menengah	
	Bumiputera	Bukan Bumiputera
2007	19	50
2008	23	46
2009	43	106

Nota . Termasuk Murid KIA 2M

Sumber. EPRD, 2009.

Latar Belakang Kajian

Sejak kebelakangan ini Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan beberapa rancangan dalam usaha memperbaiki keadaan pendidikan di negara ini termasuk pembinaan bangunan-bangunan baru, pembekalan alat-alat pengajaran, pembinaan makmal komputer, penempatan guru-guru terlatih dan guru-guru berijazah, pinjaman buku teks percuma, kursus-kursus jangka pendek dan jangka panjang, pemansuhan yuran peperiksaan awam dan yuran khas, namun masih wujud murid yang tidak tahu membaca, menulis dan mengira.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan bahawa pada tahun 2008 masih terdapat kira-kira 13 peratus ataupun 54,000 murid Tahun 1 tidak menguasai 2M iaitu membaca dan menulis. Seterusnya beliau juga menyatakan bahawa perkara ini dianggap serius kerana apabila murid ini melangkah ke tahap seterusnya mereka tidak dapat menguasai 3M dan akhirnya menyumbang kepada peningkatan kadar keciciran

serta peningkatan masalah disiplin (Mingguan Malaysia, 11 April 2010). Menurut satu laporan Unicef (2010) didapati hampir 120 000 kanak-kanak di Malaysia masih tidak menguasai tiga kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira. Dalam satu kenyataan akhbar, mantan Timbalan Menteri Pelajaran Datuk Wee Kah Siong, menyatakan bahawa 48 520 murid tidak tahu membaca iaitu 29 169 orang murid dari sekolah rendah dan 19 351 orang murid dari sekolah menengah (Harian Nam Naadu, 7 Disember 2012). Pelbagai kemudahan dan prasarana yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia tidak memperlihatkan pencapaian prestasi seratus peratus di sekolah rendah mahupun sekolah menengah.

Dalam pada itu, kerajaan telah membelanjakan RM 37 922.0 juta dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM ke-8) iaitu dari tahun 2001-2005 untuk pendidikan. Sebanyak RM 5,369.3 juta telah dibelanjakan untuk pendidikan rendah dan RM8,748.1 juta pula telah dibelanjakan untuk pendidikan menengah. Seterusnya RM40,356.5 juta telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RM ke-9) iaitu dari tahun 2006-2010 bagi tujuan pembangunan pendidikan. RM4,837.3 juta telah diperuntukkan untuk pendidikan rendah dan RM6,792.8 juta pula telah diperuntukkan untuk pendidikan menengah (Unit Perancang Ekonomi, 2006). Walaupun jumlah wang yang begitu banyak dibelanjakan dalam setiap Rancangan Malaysia namun masih wujud segelintir murid yang tidak lulus dalam semua mata pelajaran di sekolah menengah.

Marimuthu (1975, 1996), Coleman (1986), Santhiram (1999) serta Ballantine dan Spade (2001) telah menyatakan bahawa faktor kemiskinan serta perbezaan taraf sosioekonomi ibu bapa telah menyebabkan tahap pencapaian akademik yang rendah dalam

kalangan murid. Seterusnya Johnson (2001), Considine dan Zappala (2002) dan Majlis Pengetua Kanan Kebangsaan (MPKK, 2005) juga menyenaraikan pencapaian akademik murid memang ada kaitan dengan status sosioekonomi keluarga seseorang murid. Pencapaian akademik murid tidak semestinya bergantung kepada faktor kemiskinan semata-mata. Ada juga faktor-faktor lain yang menjadi penghalang kepada keputusan yang baik dalam kalangan murid (Chih Lun Hung, 2007; Demie & McLean, 2007).

Seterusnya Coopersmith (1967) juga mengatakan bahawa ibu bapa adalah pembentuk suasana keluarga dan menjadi *role model* atau model peranan bagi anak-anak mereka. Ibu bapa adalah perancang dan pengurus dalam semua urusan kekeluargaan. Burns (1982) dan Marimuthu (1996) mengatakan keluarga merupakan agen sosialisasi yang utama kepada anak-anak selain daripada sekolah, kelompok sebaya, media massa dan persatuan-persatuan sukarela. Ibu bapa merupakan orang yang terpenting dalam sesbuah keluarga dan memainkan peranan utama dalam mencorak kehidupan anak-anak (Asmah Ali & Zulekha Yusof, 2004). Idea dan penilaian ibu bapa terhadap anak-anak akan digunakan oleh mereka sebagai ideanya sendiri dalam membentuk konsep kendiri.

Menurut Omar Mohd Hashim (1993), murid dahulu takut dan hormat kepada guru, mempunyai hala tuju yang jelas dalam pelajaran, tidak mudah dipengaruhi oleh mana-mana pihak, bercita-cita tinggi selain daripada dibesarkan dalam suasana keluarga yang penuh dengan kasih sayang, hormat menghormati di samping tidak terlibat dalam arus mengejar kebendaan semata-mata. Ini kerana hubungan kekeluargaan pada masa dahulu adalah begitu akrab dan manusia sentiasa mengambil tahu antara satu sama lain. Namun, gaya hidup manusia pada masa kini adalah agak berbeza dengan gaya hidup dahulu.

Parson (1961) dan Karweit (1983) menyatakan sekolah sebagai agen sosialisasi yang menyediakan dua jenis persekitaran yang kondusif iaitu aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum untuk menghadapi alam dewasa. Manakala Johnson (2001) memberikan beberapa kaedah sebagai pendekatan alternatif agar semua murid berjaya iaitu persekitaran yang memberangsangkan, sokongan dan bantuan untuk murid termasuk polisi sekolah dan prosedurnya.

Sharifah Md Nor dan Noraizah Shahruddin (2005) menjelaskan bahawa tidak banyak yang boleh dilakukan oleh sekolah untuk mengubah keadaan sosioekonomi murid berisiko, budaya atau keadaan keluarga mereka. Akan tetapi, apa yang boleh dilakukan oleh sekolah dengan baik ialah memastikan murid ini mendapat pendidikan yang terbaik kerana itu tanggungjawab sekolah yang sebenar.

Brophy dan Good (1974), Wilbur (1979), Andy (1979), Kamarudin (1989) dan Omar (1993) menegaskan guru merupakan golongan yang berperanan penting dalam menyampaikan ilmu pengetahuan, pembentuk tingkah laku murid melalui bimbingan dan bantuannya. Seterusnya Walters dan Borgers (1995), O'Connor (1996) dan Haston (1999) pula menjelaskan guru perlu mengenal pasti kelemahan murid dan perlu mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengatasi kelemahan murid di sekolah.

Johnson (2001) telah memberikan beberapa strategi pembelajaran intensif iaitu pembangunan profesional akan memastikan guru yang berkemahiran serta dapat mengembangkan pengkhususan dalam pembelajaran, nilai murid untuk membantu guru dan penglibatan untuk mengelakkan keciciran. MPKK (2005) menjelaskan pengajaran dan

pembelajaran yang berkesan akan mempengaruhi pencapaian akademik yang lebih baik dalam kalangan murid. Satu artikel dari BBC News (2005), yang bertajuk ‘*Gifted Pupils-Under Achieving*’ menjelaskan masalah yang dihadapi oleh guru iaitu golongan pendidik tidak fokus terhadap murid lemah kerana guru perlu memenuhi kehendak kurikulum dan sasaran yang ditetapkan.

Justeru, guru harus kreatif dalam meningkatkan pencapaian kanak-kanak. Kalau seseorang kanak-kanak gagal dalam sesuatu perkara, maka itu bukan bererti dia lemah dalam semua bidang. Kegagalan merupakan salah satu bahagian dalam pembelajaran. Namun, kepandaian pula bukan sesuatu yang semula jadi dan tetap bagi seseorang kanak-kanak. Seterusnya sesuatu sasaran juga dapat dicapai melalui pendekatan yang lebih kreatif (BBC News, 2005).

Menurut Dweech (1986) motivasi mempunyai hubungan rapat dengan pencapaian akademik. Merh (1996) pula mengatakan sikap murid itu sendiri turut menyebabkan seseorang menamatkan persekolahan pada tahap rendah. Sosialisasi semasa dalam zaman kanak-kanak amat penting dalam mempengaruhi perkembangan corak personaliti dan tingkah laku (Marimuthu, 1996). Murid yang bermotivasi tinggi akan menunjukkan kemajuan dalam pencapaian akademik. Ballantine dan Spade (2001), menyatakan bahawa tujuan sosial persekolahan ialah supaya melatih kanak-kanak bersosialisasi dalam pelbagai peranan, kelakuan dan nilai masyarakat.

Penyataan Masalah

Sejak kebelakangan ini, pelbagai usaha telah dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengatasi masalah penguasaan 3M dan murid berpencapaian rendah. Namun, masih terdapat murid-murid di Malaysia khususnya daripada kaum India yang tidak menguasai kemahiran asas 3M. Menurut Janaki Raman (2009), pada tahun 1999 seramai 10,576 murid telah menduduki PMR dan mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil. Peratus kelulusan bagi mata pelajaran Bahasa Tamil sendiri amat kurang memuaskan iaitu seramai 2,010 orang murid atau 19% hanya memperoleh gred “D” dan seramai 3,734 orang murid atau 35.3% pula memperoleh gred “E” sahaja. Mata pelajaran Bahasa Tamil yang merupakan bahasa ibunda tidak memperlihatkan prestasi yang baik maka sudah tentu mata pelajaran lain juga turut tidak memperlihatkan pencapaian yang baik.

Satu lagi contoh, pada tahun 2007 di negeri Melaka, seramai 763 murid telah menduduki PMR dan 27 orang atau 3.53% daripada mereka telah gagal dan memperoleh gred “E” dalam semua mata pelajaran (Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Melaka, 2007). Sekiranya keadaan ini berterusan golongan murid India yang berpencapaian rendah dalam negara ini akan meningkat. Murid-murid yang gagal memperoleh keputusan yang baik atau cemerlang menghadapi kesukaran untuk memperoleh pekerjaan yang berpendapatan lumayan. Ada pula langsung tidak mendapat apa-apa kerja. Ini menyukarkan masa depan mereka dan mereka terpaksa menghadapi pelbagai kesukaran untuk merebut peluang pekerjaan. Kegagalan untuk memperoleh pekerjaan yang tetap dan berpendapatan lumayan berpotensi menimbulkan pelbagai masalah sosial pada masa akan datang. Ada yang melibatkan diri dalam kes-kes merompak

dan gengsterisme. Bilangan penjenayah dalam kalangan masyarakat India akan bertambah. Ini dapat dilihat melalui statistik tahanan seperti mana yang terdapat dalam Jadual 1.3.

Jadual 1.3

Tahanan di Pusat Tahanan di Simpang Renggam, Johor

Kaum	Disember 2004	Mac 2005
Melayu	147	152
Cina	147	147
India	371	377
Lain-lain	32	27
Jumlah	697	703

Sumber. Janaki Raman (2009)

Masalah kegagalan murid-murid India tersebut berkaitan dengan kegagalan mereka untuk membaca, menulis dan mengira walaupun sudah enam tahun berada di sekolah rendah. Jadual 1.4 menunjukkan pencapaian UPSR murid India di SJK(T) negeri Melaka. Mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris menunjukkan peratus kegagalan yang tinggi iaitu lebih daripada 30.0%. Apabila murid dari sekolah rendah melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah, hampir kesemua mata pelajaran diajar dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris kecuali bahasa ibunda. Sehubungan itu, setelah mereka melangkah ke sekolah menengah, murid yang gagal Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris terus ketinggalan kerana kurang memahami kedua-dua bahasa tersebut. Guru-guru berhadapan dengan pelbagai tuntutan yang perlu diutamakan dan tidak ada kesempatan untuk membuat kelas pemulihan secara serius untuk membantu murid yang lemah.

Jadual 1.4

Pencapaian UPSR, SJK(T) Negeri Melaka bagi tahun 2008 dan 2009

M/P	Bil Calon		Pencapaian Minimum A+B+C		Pencapaian D+E	
	2008	2009	2008	2009	2008	2009
Bahasa Melayu (K)	551	537	370 (67.2)	332 (64.1)	181 (32.8)	205 (38.2)
Bahasa Melayu (P)	551	538	330 (59.9)	345 (64.1)	221 (40.1)	193 (35.9)
Bahasa Inggeris	551	537	363 (65.9)	377 (70.2)	188 (34.1)	160 (29.8)
Matematik	552	538	458 (83.0)	450 (83.6)	94 (17.0)	88 (16.4)
Bahasa Tamil (K)	552	536	497 (90.0)	466 (86.9)	55 (10.0)	70 (13.1)
Bahasa Tamil (P)	552	537	437 (79.2)	437 (81.4)	115 (20.8)	100 (18.6)
Sains	551	537	476 (86.4)	455 (84.7)	75 (13.6)	82 (15.3)

Sumber. Unit Penilaian dan Peperiksaan, JPM. (2009)

Masalah murid tercicir khususnya murid India di sekolah menengah sering mendapat perhatian dari semua lapisan masyarakat kerana ramai murid India tercicir dari bangku sekolah melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti antisosial. Kajian Yayasan Strategik Sosial (2000) membuktikan sebanyak 73.5% atau 125,000 daripada 269,985 murid India dalam lingkungan umur 13 hingga 17 tahun yang melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah (Jadual 1.5 dan 1.6). Ini bermakna seramai 39,680 atau 26.5% tercicir dari

bangku sekolah. Menurut Rohana Yusuf (2001), kanak-kanak yang keciciran persekolahan selalu dikaitkan dengan masa depan yang gelap. Masalah pencapaian yang rendah turut berlaku di peringkat sekolah rendah dan berlanjutan ke sekolah menengah. Akibat kemerosotan pencapaian yang diperoleh sejak dari sekolah rendah menyebabkan mereka mempunyai konsep kendiri dan motivasi dalaman yang rendah dan terbawa-bawa persepsi negatif terhadap keupayaan diri apabila masuk ke sekolah menengah (Gunasekaran, 2003).

Jadual 1.5

Bilangan Murid Pemulihian Bumiputera dan Bukan Bumiputera Peringkat Kebangsaan di Sekolah Rendah.

Sekolah	Rendah	
	Bumiputera	Bukan Bumiputera
2007	191405	63871
2008	209912	74590
2009	199879	73400

Nota. Termasuk Murid KIA 2M

Sumber. EPRD (2009).

Jadual 1.6

Bilangan Murid Pemulihian Bumiputera dan Bukan Bumiputera Peringkat Negeri Melaka di Sekolah Rendah

Sekolah	Rendah	
	Bumiputera	Bukan Bumiputera
2007	4718	1801
2008	4619	2067
2009	4593	1885

Nota. Termasuk Murid KIA 2M

Sumber. EPRD (2009)

Kebanyakan masyarakat India di Malaysia telah mengalami gaya hidup yang ditentukan oleh dasar atau polisi sistem pekerjaan buruh di ladang. Justeru, kebanyakan anak-anak buruh memasuki Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dan menggunakan Bahasa Tamil semasa di sekolah rendah. Sejak kebelakangan ini perpindahan dari kawasan ladang ke lokasi atau penempatan baru giat berlaku dan menunjukkan peningkatan bilangan murid India di sekolah kebangsaan (Jadual 1.7). Seterusnya kebanyakan murid India ini akan memasuki sekolah menengah kebangsaan di kawasan yang berdekatan dengan tempat tinggal. Ada sekumpulan murid yang gagal dalam satu mata pelajaran sama ada Bahasa Melayu penulisan atau kefahaman dari SJKT terpaksa melalui kelas Peralihan selama setahun di sekolah menengah. Keadaan ini melemahkan semangat murid berkenaan kerana rakan-rakan yang lulus Bahasa Melayu terus melangkah ke Tingkatan 1 sedangkan mereka yang gagal Bahasa Melayu terpaksa ketinggalan setahun di kelas Peralihan.

Jadual 1.7

Bilangan Murid India Di Sekolah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan Peringkat Kebangsaan.

Tahun	Sek. Keb	SJKT
2007	87745	105019
2008	82294	107778
2009	77321	108517

Sumber. EPRD (2009)

Jadual 1.8

Bilangan Murid India Di Sekolah Rendah Peringkat Negeri Melaka.

Tahun	Sek. Keb	SJKT
2007	1848	3410
2008	1786	3435
2009	1666	3387

Sumber. EPRD (2009)

Seperkara lain, perpindahan dan penempatan baru masyarakat India dari kawasan ladang ke penempatan baru atau bandar mengundang perubahan dari segi struktur sosial kekeluargaan dan peranan yang dimainkan oleh ibu bapa. Bentuk keluarga juga berubah dari keluarga luas (*extended*) ke keluarga asas (*nuclear*) apabila berlaku perpindahan tersebut. Migrasi dari kawasan ladang ke kawasan penempatan baru telah mengundang pelbagai masalah sosial dan kejutan budaya dalam kalangan murid India. Tumpuan terhadap pelajaran berkurangan kerana gaya hidup di petempatan baru mempengaruhi tingkah laku murid. Di samping itu, perubahan keluarga iaitu dari keluarga luas kepada keluarga asas memberi ruang yang lebih selesa kepada anak-anak untuk bergerak bebas kerana berlaku kurang pengawasan ibu bapa yang bekerja.

Banyak kajian telah dijalankan oleh beberapa pengkaji tempatan namun kajian-kajian tersebut lebih menyentuh tentang pencapaian akademik murid Melayu, manakala bagi murid India kebanyakan kajian hanya menyentuh aspek seperti faktor sosioekonomi (Marimuthu, 1975) dan hubungan kekeluargaan serta persekitaran rumah tangga (Bibi Jan Mohammad Ayyub, 1992). Kebanyakan kajian lepas lebih memberi perhatian kepada kaum

Melayu seperti Taha Abdul Kadir (1977), Abdul Aziz Md Yusof (1990) dan Mohammad Azmi Yusof (2000). Dalam pada itu, sangat sedikit kajian yang dijalankan untuk melihat faktor keluarga yang mempengaruhi pencapaian akademik murid-murid India. Kajian-kajian lepas lebih berfokus kepada faktor kegagalan murid dan terus dikaitkan dengan SES keluarga secara umum tanpa melihat peranan keluarga India dari segi struktur keluarga dan stail keibubapaan, aliran sekolah, pembentukan konsep kendiri serta hal-hal yang berkait langsung secara spesifik kepada masyarakat India. Kekurangan kajian tentang struktur keluarga dan stail keibubapaan menyebabkan pengkaji memberikan tumpuan terhadap struktur keluarga, stail keibubapaan, pembentukan konsep kendiri, aliran sekolah serta aspek-aspek lain yang mempengaruhi pencapaian akademik murid India di sekolah menengah rendah.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan melihat secara lebih mendalam tentang struktur keluarga dan stail keibubapaan, pembentukan konsep kendiri, aliran sekolah di samping faktor latar belakang keluarga murid yang mempengaruhi pencapaian akademik murid India. Antara faktor latar belakang keluarga yang diambil kira ialah taraf SES seperti jenis pekerjaan, pendapatan ibu bapa, taraf pendidikan ibu bapa dan lokasi kediaman. Seterusnya pengkaji melihat sejauh mana struktur keluarga iaitu bentuk keluarga dan stail keibubapaan mempengaruhi pencapaian akademik murid India. Selain itu, pembentukan konsep kendiri serta aliran sekolah rendah turut diambil kira dalam mengkaji pencapaian akademik murid India di sekolah menengah rendah.

Melalui kajian ini, beberapa strategi dan langkah mungkin boleh dikenal pasti untuk mengurangkan dan menangani masalah pencapaian akademik dalam kalangan murid India di sekolah menengah rendah. Ini secara tidak langsung akan membantu mengurangkan masalah yang dihadapi oleh murid-murid India yang tercicir di bangku sekolah dan dapat mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan belia India yang berpencapaian akademik rendah pada masa akan datang. Menurut Rohana Yusuf (2001), tahap pendidikan yang dicapai akan menentukan jenis pekerjaan yang akan disandang dan pekerjaan pula akan menentukan jumlah pendapatan dan seterusnya menggambarkan keistimewaan serta prestij seseorang.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah

- a. Untuk mendalami punca atau faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik dalam kalangan murid India di sekolah menengah rendah.
- b. Untuk melihat sama ada terdapat perbezaan pencapaian akademik dari segi latar belakang keluarga, struktur keluarga, stail keibubapaan, pembentukan konsep kendiri dan aliran sekolah.
- c. Untuk melihat perkaitan antara latar belakang keluarga, struktur keluarga, stail keibubapaan, pembentukan konsep kendiri dan aliran sekolah dengan pencapaian akademik murid.

Soalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian di atas, maka kajian ini akan menjawab beberapa soalan yang berkaitan dengan pencapaian akademik dalam kalangan murid India di sekolah menengah rendah. Soalan-soalan kajian ialah:

1. Bagaimakah latar belakang keluarga dari segi taraf sosioekonomi iaitu pendapatan, pendidikan, tempat tinggal iaitu bandar atau luar bandar dan pekerjaan ibu bapa mempengaruhi pencapaian akademik murid India di sekolah menengah rendah?
2. Bagaimakah struktur keluarga mempengaruhi pencapaian akademik murid India di sekolah menengah rendah?
3. Bagaimakah stail keibubapaan mempengaruhi pencapaian akademik murid India di sekolah menengah rendah?
4. Bagaimakah pembentukan konsep kendiri murid mempengaruhi pencapaian akademik murid India di sekolah menengah rendah?
5. Bagaimakah aliran sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan mempengaruhi pencapaian akademik murid India di sekolah menengah rendah?

Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat mendalami faktor atau punca yang mempengaruhi pencapaian akademik murid India di sekolah menengah rendah. Hasil kajian ini akan dijadikan panduan untuk memahami dan seterusnya mencari kaedah yang bersesuaian untuk menangani masalah murid India yang berpencapaian rendah di sekolah menengah rendah. Dapatkan kajian ini akan membantu pelbagai pihak seperti ibu bapa, pihak sekolah dan Kementerian

Pendidikan menentukan strategi yang sewajarnya dan seterusnya menangani masalah murid India berpencapaian rendah daripada tercicir dari bangku sekolah.

Dapatan kajian ini juga akan memberi maklumat yang sah khususnya kepada pertubuhan-pertubuhan dan badan bukan kerajaan yang mewakili masyarakat India supaya dapat memahami masalah sebenar dan menyusun strategi yang lebih berkesan untuk menangani masalah pencapaian akademik murid India di negara kita. Ini secara tidak langsung akan mengurangkan bilangan murid yang berpencapaian rendah di sekolah menengah di samping meningkatkan lagi prestasi pencapaian akademik murid India di sekolah menengah.

Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada murid India dari Tingkatan 2, di daerah Jasin, Melaka. Sampel yang dipilih belum boleh mewakili semua murid India di negara ini kerana sampel diambil di satu daerah sahaja. Ini kerana masalah pencapaian akademik merupakan satu masalah di peringkat kebangsaan. Selain itu, faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik seseorang murid tidak sama pada setiap negeri yang terdapat di negara kita.

Pengkaji merupakan seorang guru di sekolah harian di negeri Melaka. Maka kajian ini dijalankan secara separuh masa di samping menjalankan tugas harian sebagai seorang pendidik di sekolah menengah. Justeru itu, pengkaji menghadapi kesukaran dalam penyediaan, pengawalan dan pentadbiran soalan profil murid peringkat awal, pengendalian temu bual dan pemerhatian keranakekangan masa dankekangan kewangan.

Definisi Operasional

a) Keluarga

Menurut Kamus Dewan (2007), keluarga didefinisikan sebagai seisi rumah tangga yang terdiri daripada suami dan isteri atau berserta anak-anak. Keluarga terdiri daripada ibu bapa, datuk nenek, adik beradik dan sanak saudara. Keluarga merupakan struktur yang paling asas dalam masyarakat yang memainkan peranan utama dalam proses reproduksi individu dan reproduksi masyarakat (Rozumah Baharudin & Rahimah Ibrahim, 2008). Menurut Rohana Yusuf (2001), keluarga secara amnya didefinisikan sebagai ibu dan bapa serta anak-anak sebagai satu kumpulan yang tinggal sebumbung melalui proses perkahwinan.

b) Pencapaian akademik

Pencapaian akademik dikaitkan dengan kelulusan seseorang murid dalam semua mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah, Geografi, Kemahiran Hidup Bersepadu, Bahasa Tamil dalam sesuatu peperiksaan. Pencapaian akademik ini diukur dengan mendapatkan purata markah untuk setiap mata pelajaran yang diambil pada peperiksaan dalaman atau peperiksaan awam. Murid yang memperoleh markah di antara 40-100 dalam semua mata pelajaran akan memperoleh gred ‘A, B, C dan D’ dan dikategorikan sebagai lulus dalam semua mata pelajaran di sekolah menengah rendah (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 1989).

c) Berpencapaian akademik rendah

Murid berpencapaian akademik rendah ialah murid yang memperoleh markah di antara 0-39 atau gred ‘E’ dalam peperiksaan dalaman dan peperiksaan awam bagi semua mata

pelajaran teras (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 1989). Murid-murid ini dikategorikan dalam kumpulan murid yang gagal dalam semua mata pelajaran. Keputusan yang diperoleh tidak memberi apa-apa pengertian kepada murid tersebut kerana gagal dalam semua mata pelajaran.

d) Menengah Rendah

Menengah rendah bermula dari Tingkatan Peralihan hingga ke Tingkatan Tiga. Murid-murid dalam kumpulan ini terdiri daripada golongan yang berumur dari 13 tahun hingga 15 atau 16 tahun bagi murid dari kelas Peralihan. Peperiksaan yang menjadi kayu pengukur bagi murid-murid ini ialah Penilaian Menengah Rendah (PMR) di akhir tahun persekolahan Tingkatan Tiga.

e) Murid India

Kaum India merupakan etnik yang ketiga terbesar di Malaysia setelah kaum Melayu dan kaum Cina. Ramai orang India dibawa masuk oleh British dari India Selatan dan dijadikan buruh di ladang getah di Tanah Melayu (Santhiram, 1999). Murid India merupakan kumpulan murid berbangsa India berdasarkan kad pengenalan dan menggunakan Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar atau bahasa perbualan mereka. Kumpulan murid dari keturunan India ini dinamakan sebagai murid India.

Rumusan

Pendidikan merupakan aktiviti yang mempunyai objektif, rancangan dan organisasi untuk mendidik murid-murid supaya menjadi insan yang berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia dan menguasai kemahiran tertentu serta berupaya menyesuaikan diri dalam masyarakat

pada masa akan datang. Selain daripada perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan seimbang, proses pendidikan juga akan dapat melahirkan rakyat yang bertanggungjawab dan progresif. Oleh itu, pendidikan amat penting kepada generasi muda kini kerana golongan ini akan menjadi pemimpin negara pada masa akan datang dan menjadi modal insan yang terbaik dalam membangunkan negara Malaysia.

Justeru, penyelidikan ini akan mengkaji secara mendalam tentang faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik dalam kalangan murid India. Di samping itu, pengkaji juga akan mencadangkan beberapa langkah untuk menangani masalah murid berpencapaian rendah di sekolah menengah khususnya di peringkat menengah rendah. Pengenalpastian masalah pembelajaran murid India di sekolah menengah dapat mengurangkan keciciran murid-murid India di sekolah menengah. Langkah yang drastik perlu diambil untuk mengatasi masalah pembelajaran dan keciciran murid India di sekolah menengah. Dengan berbuat demikian kadar buta huruf dalam kalangan masyarakat India di negara ini dapat dikurangkan.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk meninjau pelbagai faktor, seperti jantina dan tempat tinggal (di bandar dan luar bandar) yang mempengaruhi pencapaian akademik dalam kalangan murid India di sekolah menengah. Oleh kerana kajian ini berkaitan dengan pencapaian akademik murid, maka bab ini akan meninjau beberapa teori pembelajaran serta kajian lepas dalam dan luar negara yang berkaitan dengan pencapaian akademik murid. Mohd Majid Konting (1990) mengatakan beberapa sumber boleh digunakan untuk mengenal pasti masalah. Sumber-sumber tersebut adalah melalui pengalaman seseorang, deduksi daripada teori-teori tertentu dan juga daripada karya-karya yang telah dihasilkan dan berkaitan. Jadi gabungan sumber-sumber ini merupakan sumber yang paling penting dan digunakan oleh penyelidik untuk mengenal pasti sesuatu masalah.

Ulasan sorotan kajian ini adalah berkaitan dengan bahan bercetak yang berhubung dengan tajuk penyelidikan. Satu rumusan akan dibuat terhadap pandangan-pandangan serta dapatan-dapatan penyelidikan dan seterusnya satu analisis kritis dibuat terhadap kajian lepas yang dikumpulkan dalam bab ini. Selain itu, hasil kajian lepas itu digunakan sebagai panduan dalam membentuk soalan-soalan temu bual dan meneruskan penyelidikan ini.

Teori Sosiologi Yang Berkaitan Dengan Kajian Ini

Menurut Sabitha (2005), teori berperanan untuk mengorganisasikan pengetahuan dan menjelaskan hukum; teori boleh meramalkan hukum yang baru dan teori juga boleh menjadi panduan untuk penyelidikan. Teori ialah satu set pernyataan yang saling berkaitan mengenai sesuatu fenomena dan berupaya menerangkan dengan lebih jelas tentang sesuatu fenomena (Mohd Sharani Ahmad & Zainal Madon, 2006). Antara teori yang digunakan ialah teori fungsionalisme dan teori perubahan.

Teori Fungsionalisme

Teori fungsionalisme ini dikaitkan dengan aspek latar belakang keluarga, struktur keluarga, stail keibubapaan dan pembentukan konsep kendiri murid. Antara tokoh yang membincangkan pemikiran fungsionalisme ini ialah Malinowski, Radcliffe Brown, Talcott Parson dan Robert K. Merton. Ahli-ahli fungsionalisme menyatakan bahawa setiap bahagian masyarakat mempunyai tujuan dan keperluan-keperluan yang tersendiri. Menurut Rohana Yusof (2001), istilah fungsi dalam sosiologi bermakna tujuan atau tugas tertentu bagi setiap anggota masyarakat kepada sistem dalam masyarakat dan akibat yang dihasilkan terhadap orang lain. Teori ini juga memberi penekanan tentang bagaimana setiap institusi itu dapat memberi sumbangan dalam mengekalkan ikatan yang berpanjangan dalam masyarakat. Ini dapat dikaitkan dengan sesebuah institusi keluarga yang mana dapat melahirkan masyarakat yang berpendidikan secara berterusan.

Menurut Fatimah Daud (1992), fungsionalisme dikatakan sebagai teori atau kaedah yang menerangkan fenomena sosial dan institusi dengan memberi perhatian khusus kepada fungsi yang dibentuk. Amir Dawi (1999), pula menjelaskan teori ini mengkaji fungsi

perlakuan sosial atau institusi dalam kegiatan-kegiatan yang menyumbang kepada penerusan masyarakat di mana struktur sosial yang dibentuk akan menentukan kelancaran perjalanan atau keharmonian masyarakat.

Keluarga dikenal pasti sebagai satu bentuk struktur sosial kerana keluarga yang mempengaruhi peranan yang dimainkan oleh ahli-ahlinya. Oleh itu, teori ini boleh dikaitkan secara tidak langsung dengan aspek latar belakang keluarga kerana pencapaian akademik anak-anak dipengaruhi oleh faktor tempat tinggal, pendapatan, pendidikan dan pekerjaan ketua keluarga. Keluarga yang berpendapatan rendah akan menghadapi pelbagai kesukaran untuk menyekolahkan anak mereka. Contohnya pada tahun 2007, gaji harian seorang pekerja ladang ialah RM13.50 (Janaki Raman, 2009). Ini akan menyebabkan kemiskinan berlarutan dalam kalangan masyarakat India di negara ini dan menyebabkan mereka tidak dapat menyumbang sepenuhnya terhadap fungsi mereka. Seterusnya ketidaksamaan akan wujud dan menjelaskan peluang serta gaya hidup mereka dalam sesuatu masyarakat.

Fungsi sosial akan menyebabkan wujudnya perbezaan kedudukan dan pangkat pada diri seseorang individu dan masyarakat. Ini kerana masing-masing mempunyai peranan dan kepentingan yang berlainan untuk memperbaiki kehidupan harian. Oleh itu, kumpulan yang berada akan memberikan segala kemudahan kepada anak-anak mereka dan kumpulan yang berpendapatan rendah pula tidak dapat memenuhi segala keperluan anak-anak mereka. Ini secara tidak langsung akan mempengaruhi pencapaian akademik seseorang murid.

Seterusnya teori ini juga dikaitkan dengan struktur keluarga. Dalam sesuatu keluarga, ibu bapa mempunyai fungsi untuk memberi pendidikan kepada anak-anak mereka. Oleh itu, ibu bapa merupakan orang yang penting dalam memberikan pendidikan kepada anak-anak. Marimuthu (1996) mengatakan fungsi utama keluarga sebagai institusi sosial ialah pembiakan, sosialisasi, penjagaan dan memberi pendidikan kepada anak-anak. Oleh itu, teori ini sesuai diaplikasikan dalam kajian ini kerana struktur keluarga mempunyai fungsi untuk mendatangkan sesuatu faedah kepada ahli keluarga yang mempunyai hubungan erat dalam memberikan pendidikan kepada anak-anak mereka.

Dalam kajian ini teori fungsionalisme turut dikaitkan untuk mengkaji stil keibubapaan sesebuah keluarga. Fungsi yang dimainkan oleh ibu bapa menjadi proses terus-menerus dan merupakan hakikat kehidupan masyarakat yang tidak dapat dielakkan. Ini kerana fungsi yang berada pada satu kelompok akan diaplikasikan terhadap kelompok yang lain.

Teori ini dikaitkan dengan ibu bapa yang berkuasa dapat memaksa persetujuan daripada anak-anak. Tindakan dan cara asuhan ibu bapa menyebabkan wujud pelbagai jenis reaksi dalam kalangan anak-anak di rumah. Akibatnya anak-anak dapat mengalami perubahan dalam kehidupan harian mereka. Hubungan yang berlaku antara ibu bapa dan anak-anak ini akan membawa perubahan yang positif dan ada kalanya memberi perubahan yang negatif. Oleh itu, cara asuhan yang menggunakan kekerasan atau sebaliknya tetap akan mempengaruhi pencapaian akademik seseorang murid di sekolah.

Teori fungsionalisme turut diaplikasikan dengan pembentukan konsep kendiri murid oleh ibu bapa. Teori ini memang bersesuaian dengan kehidupan harian murid di sekolah. Ini kerana murid sentiasa berinteraksi dengan ahli keluarga, guru-guru dan rakan sebaya di sekolah. Marimuthu (1996), Noor Azizah Ahmad dan Teh Yik Koon (1998) menjelaskan bahawa teori ini menumpukan perhatian terhadap fungsi kumpulan manusia tertentu dan pergaulan mereka yang membawa kepada perubahan kelakuan dalam diri seseorang.

Teori ini dikaitkan dengan pencapaian akademik seseorang murid. Ini kerana murid-murid sentiasa berinteraksi dengan ahli keluarga, rakan sebaya dan guru-guru yang secara tidak langsung mempengaruhi konsep kendiri dan kebolehannya untuk menguasai sesuatu mata pelajaran. Dengan ini dapat dibuat satu kesimpulan bahawa fungsi setiap kumpulan manusia memainkan peranan penting dalam kehidupan setiap individu untuk mencapai sesuatu matlamat.

Teori Perubahan (*Exchange Theory*)

Salah satu cara untuk menganalisis interaksi sosial adalah melalui teori perubahan sosial yang berkaitan dengan hirarki. Menurut Turner (1998) bila seseorang mempunyai kuasa terhadap orang lain maka kuasa yang dimilikinya akan dieksloitasi untuk mencapai hasratnya. Dalam konteks kajian ini teori perubahan dikaitkan dengan pemilihan aliran sekolah. Contohnya, ibu bapa mempunyai kuasa terhadap anak kerana anak sentiasa bergantung kepada ibu bapa. Dalam keadaan ini ibu bapa menggunakan kelebihan kuasa yang dimiliki terhadap anaknya. Manakala anak-anak terpaksa akur dan tidak boleh menentang terhadap segala tindakan ibu bapa.


Turner, Beeghley dan Powers (1998) menyatakan manusia sentiasa memberi sumber yang ada pada mereka dan berkeinginan untuk mendapatkan sesuatu yang lebih baik dan lebih bernilai daripada orang lain. Sama ada ibu bapa memilih untuk menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan adalah bertujuan mendapatkan pendidikan yang lebih baik untuk anak-anak mereka. Di sini ibu bapa menggunakan kuasa yang dimiliki untuk menentukan aliran sekolah anak-anak. Para ibu bapa sentiasa mempunyai keinginan yang tinggi untuk mendapatkan pendidikan yang terbaik untuk anak-anak mereka tanpa mengira aliran sekolah pada peringkat rendah. Jangkaan ini ada kalanya memberi manfaat dan ada kalanya tidak memanfaatkan mana-mana pihak. Keadaan ini memberi kesan terhadap pencapaian akademik murid di sekolah rendah mahu pun di sekolah menengah.

Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual pengaruh keluarga terhadap pencapaian akademik murid India dibentuk berdasarkan kepada pemahaman pengkaji terhadap sorotan kajian lepas. Kerangka konseptual ini memudahkan pengkaji untuk melaksanakan kajian ini tanpa sebarang sekatan. Dengan berpandukan kepada kerangka konseptual pengkaji dapat mengkaji apa yang sepatutnya dikaji berdasarkan persoalan dan objektif kajian. Menurut Silverman (2000), Othman Lebar (2009) serta Wiersma dan Jurs (2009), kerangka konseptual membantu pengkaji supaya berada pada landasan yang betul sehingga menyempurnakan sesuatu kajian dan dapat menjana konsep atau teori.

Seterusnya akan dibincangkan tentang kerangka konseptual kajian ini. Kerangka konseptual (Rajah 2.1) akan digunakan sebagai garis panduan dalam proses melakukan

penyelidikan tentang pembinaan soalan-soalan temu bual, pemerhatian dan penganalisisan dokumen berkaitan peserta kajian. Antara faktor keluarga yang akan dibincangkan dalam kajian ini ialah latar belakang keluarga iaitu pendapatan ibu bapa, pekerjaan, lokasi kediaman dan pendidikan ibu bapa. Keibubapaan merangkumi stail keibubapaan seperti kepimpinan demokratik atau autoritatif, kepimpinan autokratik atau autoritarian, kepimpinan *laissez faire* atau permisif dan kepimpinan rekreatif atau tidak terlibat atau tidak hirau. Struktur keluarga pula menyentuh tentang jenis-jenis keluarga seperti keluarga luas dan keluarga nuklear serta didikan agama. Pembentukan konsep kendiri mengkaji tentang minat atau matlamat, penguasaan 3M, pencapaian sekolah rendah, masalah disiplin dan aliran sekolah merangkumi sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan.



Rajah 2.1. Model kerangka konseptual yang memperlihatkan perhubungan antara faktor latar belakang keluarga, struktur keluarga, stail keibubapaan, pembentukan konsep kendidri murid dan aliran sekolah terhadap pencapaian akademik.

Marimuthu (1996), Johnson (2000) dan Ismail (2001) mendefinisikan keluarga sebagai suatu kumpulan gabungan penghuni yang terdiri daripada dua orang yang berlainan jantina iaitu suami, isteri dan anak-anak yang menjalankan fungsi asas seperti

mensosialisasikan dan menetapkan nilai-nilai dan budaya masyarakat, menyediakan dan mengambil berat keselamatan emosi ahli yang muda dan tua serta memikul dan menunaikan tanggungjawab menyediakan pendidikan kepada anak-anak. Institusi keluarga dan stail keibubapaan merupakan dua aspek yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam melahirkan rakyat yang berguna kepada bangsa dan negara.

Rumaya Juhari dan Rojanah Kahar (2002) memetik kenyataan LPPKN menyatakan keluarga sebagai satu unit yang terdiri daripada sepasang suami isteri yang dihubungkan dengan ikatan perkahwinan yang sah dari segi agama, adat resam dan undang-undang yang mana anggotanya mempunyai hubungan darah atau diangkat menjadi anggota. Empat fungsi utama keluarga yang dikenal pasti merangkumi reproduksi iaitu proses melahirkan anak, mensosialisasikan anak, mewujudkan hubungan ekonomi antara keluarga dengan masyarakat serta membekalkan sumber sokongan emosi. Menurut Jayalechumi Mottan (2002), keluarga bermaksud mempunyai dua anggota atau lebih orang yang mungkin mempunyai pertalian darah atau tidak melalui perkahwinan. Mereka mungkin tinggal sebumbung atau tidak dan ini bergantung kepada perbezaan budaya.

Keluarga terdiri daripada ibu bapa, datuk nenek, adik beradik dan sanak saudara. Manakala keibubapaan pula dikaitkan dengan cara mereka meneruskan rumah tangga dan mendidik anak-anaknya (Nik Azis Nik Pa, 2002; Robert, 2006). Proses ini amat memerlukan usaha kerjasama dan komitmen yang sempurna dari pelbagai pihak dalam keluarga. Individu yang terpenting dalam sesbuah keluarga ialah ibu bapa, di mana mereka yang bertanggungjawab mendirikan rumah tangga dan membentuk keluarga serta menyediakan segala kemudahan asas sehingga menjadi *role model* kepada anak-anak.

Wan Hassan Wan Embong dan Siti Norlina Muhamad (2004) menyatakan bahawa institusi keluarga merupakan satu unit masyarakat yang terkecil yang berperanan sebagai lembaga yang menentukan corak dan bentuk masyarakat. Oleh itu, peranan ibu bapa adalah penting untuk membina akhlak yang mulia, bermoral dan beretika. Pembentukan keperibadian anak-anak banyak dipengaruhi oleh pendidikan yang diberikan oleh kedua-dua ibu bapa. Ini kerana anak-anak merupakan ahli keluarga yang sangat penting kerana mereka adalah penyambung zuriat keluarga (Jayaletchumi Mottan, 2002).

Seterusnya, Douglas (1964) berpendapat bahawa kecekapan dan pemahaman ibu bapa semasa perkembangan awal kanak-kanak dalam membentuk asas serta latar belakang yang sesuai amat bermakna bagi kanak-kanak untuk belajar. Hess (1984) pula menyatakan bahawa suasana keluarga yang harmoni dan galakan daripada ibu bapa mendorong perkembangan personaliti dan seterusnya membantu melakukan yang terbaik dalam apa jua bidang. Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak yang tidak terdedah kepada suasana keluarga di mana hubungan kekeluargaan tidak memainkan peranan penting, perkembangan personaliti mereka terganggu dan meninggalkan kesan negatif dalam pencapaian akademik mereka. Siti Nor Yaakob, Arifin Nopiah, Ahmad Hariza Hashim, Abdullah Al-Hadi Muhammad, dan Anuar Ahmad (1990) juga menjelaskan bahawa hubungan keluarga yang intim dan selesa mampu membentuk keyakinan diri dalam kanak-kanak dan seterusnya mendorong mereka mencapai kejayaan akademik.

Seterusnya Plowden (1967) berpendapat bahawa taraf sosioekonomi berkait rapat dengan pencapaian akademik kanak-kanak di sekolah. Tambahnya lagi, taraf sosioekonomi diukur dari segi jenis pekerjaan, taraf pendidikan dan pendapatan keluarga. Tempat tinggal

atau persekitaran keluarga juga mempengaruhi pencapaian akademik murid. Wolf (1977) pula berpendapat bahawa persekitaran keluarga di kawasan luar bandar dan bandar sangat berbeza sehingga pencapaian akademik kanak-kanak di bandar lebih maju berbanding kanak-kanak di luar bandar. Schiefelbein dan Simmons (1981) menyatakan bahawa persekitaran amat mempengaruhi pencapaian akademik kerana rumah yang sempit dan sesak menyebabkan kanak-kanak kurang keselesaan untuk mengulang kaji pelajaran mahupun membaca. Selain itu, menurut Santhiram (1999), keadaan sosial sesuatu keluarga juga mempengaruhi tahap pendidikan anak-anak. Dalam hal ini, keadaan bertambah buruk apabila kemiskinan membelenggu keluarga-keluarga luar bandar terutamanya keluarga setinggan.

Marimuthu (1996) serta Sharifah Md Nor dan Noraizah Shahruddin (2001) mendapati kebanyakan murid dalam aliran lemah merupakan murid miskin dan berketurunan India dan Melayu. Di sini dapat dijelaskan bahawa pendapatan keluarga yang mencukupi mampu membentuk suasana pembelajaran yang kondusif untuk kanak-kanak. Sekiranya pendapatan rendah, segala kemudahan yang diperlukan sukar dipenuhi oleh ibu bapa tersebut. Namun Shahril @ Charil Hj Marzuki (2004) menyatakan sesebuah keluarga yang bahagia seharusnya membelanjakan pendapatan bulanan mengikut keutamaan supaya ahli dalam keluarga dapat hidup sejahtera dan selesa.

Dalam pada itu, struktur keluarga dibahagikan kepada keluarga nuklear, keluarga luas (*extended family*), keluarga tiri dan keluarga induk tunggal. Menurut Marshall (1996), Rozumah Baharudin, Siti Nor Yaacob, Rojanah Kahar dan Abdullah Al-Hadi Hj Muhamed (2003), keluarga lengkap atau keluarga nuklear mempunyai ibu dan bapa biologikal dan

mempunyai anak yang tinggal bersama. Keluarga tiri merujuk kepada perkahwinan semula oleh salah seorang pasangan suami isteri akibat mengalami perceraian hidup atau meninggal dan mempunyai anak dari perkahwinan asal yang tinggal bersama. Manakala keluarga tunggal janda merupakan keluarga di mana ibu telah bercerai dan mempunyai anak tinggal bersama manakala keluarga induk tunggal balu merupakan ibu yang telah kematian suami dan mempunyai anak yang tinggal bersama. Ivan dan Felix (1973) dan Marshall (1996) mendefinisikan keluarga besar atau *extended family* sebagai gabungan keluarga nuklear dengan ibu bapa mereka (datuk dan nenek) mereka atau mengandungi dua atau lebih keluarga nuklear yang ada pertalian darah atau beberapa generasi tinggal dalam satu keluarga.

Setelah pasangan suami isteri mendapat anak pertama, maka mereka telah berubah status dan menjadi ibu bapa (Mohd Sharani Ahmad & Mansor Abu Talib, 2002). Dengan ini bermula tugas sebagai ibu dan bapa untuk mendidik anak-anak. Seterusnya keibubapaan pula dibahagikan kepada empat jenis stail kepimpinannya. Antara stail kepimpinan yang ada pada ibu bapa ialah kepimpinan demokratik atau autoritatif, kepimpinan autokratik atau authoritarian, kepimpinan *laissez faire* atau permisif dan kepimpinan rekreasi atau tidak terlibat atau tidak hirau. Menurut Nik Azis Nik Pa (2002), Ananda Kumar (2006) dalam Abdul Rahim Abdul Rashid, Sufean Hussin, dan Jamaludin Tubah (2006), Robert (2006) dan Norlizah Che Hassan (2008) kepimpinan demokratik atau autoritatif menggambarkan ibu bapa bukan sahaja perlu prihatin terhadap perasaan dan keperluan ahli keluarga, tetapi mereka juga perlu tegas dan adil dalam melaksanakan kawalan dan peraturan keluarga. Keibubapaan demokratik yang memberi peluang kepada remaja untuk turut terlibat dalam

membuat keputusan keluarga menggalakkan perkembangan identiti positif (Maznah Baba & Siti Nor Yaacob, 2002).

Nik Azis Nik Pa (2002), Ananda Kumar (2006) dalam Abdul Rahim Abdul Rashid et al. (2006), Robert (2006) dan Norlizah Che Hassan (2008) menyatakan kepimpinan autokratik atau autoritarian menggambarkan ibu bapa sangat ketat melaksanakan peraturan dan kawalan dalam keluarga dan kurang bertimbang rasa terhadap perasaan dan keperluan ahli keluarga. Kepimpinan autoritatif atau demokratik menggambarkan ibu bapa bukan sahaja perlu prihatin terhadap perasaan dan keperluan ahli keluarga tetapi mereka juga perlu tegas dan adil dalam melaksanakan kawalan dan peraturan keluarga.

Seterusnya kepimpinan *laissez faire* atau permisif pula menggambarkan ibu bapa yang memberi perhatian yang minimum kepada kawalan dan peraturan dalam keluarga serta kurang prihatin terhadap perasaan dan keperluan ahli keluarga. Stail keibubapaan permisif memberi kebebasan kepada remaja tanpa bimbingan yang sewajarnya. Tingkah laku keibubapaan seperti ini menyebabkan remaja keliru tentang identiti mereka (Maznah Baba & Siti Nor Yaacob, 2002). Manakala kepimpinan rekreasi atau tidak terlibat atau tidak hirau menggambarkan ibu bapa yang sangat bertimbang rasa terhadap perasaan dan keperluan ahli keluarga tetapi kurang berani untuk melaksanakan kawalan dan peraturan keluarga. Akibatnya suasana dalam keluarga menjadi kelam kabut, kurang berstruktur dan kurang berdisiplin.

Konsep kendiri ialah asas kepada keterampilan dan keupayaan individu untuk berdaya saing dengan pelbagai cabaran hidup. Oleh itu, konsep kendiri positif penting

untuk kesejahteraan psikologi dan sosial remaja (Maznah Baba & Siti Nor Yaacob, 2002). Pembentukan peribadi dan konsep kendiri bermula melalui proses sosialisasi dari rumah kerana anak-anak mempelajari budaya ibu bapa dan ahli keluarganya sejak dari kecil. Konsep kendiri kanak-kanak berhubung kait dengan gaya ibu bapa membimbing anak mereka.


Satu lagi perkara yang perlu diberi perhatian ialah pencapaian akademik murid tersebut di peringkat sekolah rendah. Murid yang tidak menunjukkan pencapaian yang baik akan mengulangi pencapaian yang sama di sekolah menengah. Sekiranya murid tersebut tidak memperoleh keputusan yang memuaskan maka ini akan mempengaruhi penempatan kelas di sekolah menengah. Murid yang berpencapaian rendah di peringkat sekolah rendah akan ditempatkan di kelas yang terakhir pada sesuatu tingkatan di sekolah menengah. Iaitu sekiranya terdapat lapan buah kelas di Tingkatan Dua maka murid tersebut akan ditempatkan di kelas yang terakhir. Apabila murid ini ditempatkan di kelas yang terakhir maka besar kemungkinan ini akan mempengaruhi psikologi dan minat murid tersebut supaya tidak akan berusaha untuk memperbaiki pencapaian akademik di sekolah menengah.

Murid yang datang dari sekolah kebangsaan dan sekolah rendah jenis kebangsaan juga menunjukkan pencapaian yang berlainan di sekolah menengah. Aliran yang berbeza juga menyebabkan kumpulan murid yang tidak tahu membaca, mengira dan menulis sejak dari sekolah rendah. Apabila kumpulan murid ini datang ke sekolah menengah maka mereka masih tidak dapat menguasai kemahiran asas di sekolah menengah. Mereka tidak

dapat mempelajari apa-apa di sekolah menengah dan sentiasa mengharapkan murid yang lain semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Pembelajaran

Teori pembelajaran mempunyai hubungan terhadap pembelajaran seseorang murid. Menurut Gagne (1970, dalam Mohd Sharani Ahmad & Zainal Madon, 2007), proses pembelajaran terdiri daripada beberapa fasa, iaitu motivasi atau perhatian, jangkaan, perolehan ingatan kembali, pemilihan persepsi, mengkod dan penyimpanan jangka panjang, gerak balas atau prestasi, maklum balas dan peneguhan, dan generalisasi atau pemindahan pembelajaran. (Lihat Rajah 2.2)



Rajah 2.2. Proses Pembelajaran
Sumber. Teori Gagne (1970)

Menurut Gagne (1970), proses pembelajaran ini berlaku dengan cepat dan kadang-kadang seseorang itu tidak menyedari proses itu berjalan dalam sistem sarafnya. Dalam kajian ini akan dinilai sejauh mana seseorang murid itu dapat mengalami proses pembelajaran semasa guru mengajar dalam bilik darjah.

Teori-Teori Pembelajaran


Dalam proses pengajaran dan pembelajaran seseorang guru boleh mengamalkan pelbagai teori pembelajaran supaya dapat merangsang murid untuk terus belajar. Teori-teori seperti ini diaplikasi dalam pelbagai aspek supaya murid dapat menguasai kemahiran asas (3M) dengan mudah. Keadaan ini akan mengurangkan masalah murid berpencapaian akademik rendah di sekolah menengah. Oleh kerana kajian ini berfokus kepada pencapaian akademik, maka faktor-faktor yang boleh mempengaruhi pembelajaran murid dilihat melalui dua teori pembelajaran. Antara teori pembelajaran yang dipilih untuk memahami pembelajaran murid ialah teori kognitif dan teori pembelajaran sosial.

Teori Pembelajaran Kognitif

Menurut Gagne (1970, dalam Mohd Sharani Ahmad & Zainal Madon, 2007), pembelajaran bergerak daripada yang paling mudah dan menuju kepada yang kompleks. Pembelajaran di aras yang tinggi bergantung kepada pembelajaran di aras yang rendah. Gagne telah mengenal pasti lapan jenis pembelajaran iaitu:

- i. Pembelajaran isyarat
- ii. Pembelajaran rangsangan gerak balas
- iii. Rangkaian
- iv. Pertalian berbahasa
- v. Pembelajaran diskriminasi
- vi. Pembelajaran konsep
- vii. Pembelajaran hukum
- viii. Penyelesaian masalah

Gagne (1970) menekankan pentingnya mengenal pasti matlamat pembelajaran diikuti dengan objektif pengajaran yang spesifik untuk mencapai matlamat berkenaan. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, beliau menekankan bahawa dorongan dan pertolongan harus diberikan kepada murid secara individu. Beliau mencadangkan bahawa murid harus diberikan pertolongan dan dorongan pada sesuatu masa sahaja untuk membolehkan mereka menggunakan seboleh yang mungkin. Ini membolehkan murid berada dalam kawalan pembelajaran. Menurut Gagne kepakaran adalah konsep pendidikan yang menghasilkan keputusan yang jauh berbeza dari cara tradisional. Ini dapat memotivasi dan menarik minat murid untuk mengikuti program berkenaan. Seterusnya beliau menekankan prinsip latih tubi dan latihan sebagai sebahagian dari teori pembelajaran kognitif yang dapat mempercepatkan proses pembelajaran. Seseorang murid yang inginkan kejayaan dalam pelajaran memerlukan motivasi daripada ibu bapa dan guru-guru di samping latih tubi dan latihan tambahan yang berterusan. Rajah 2.3 memberi gambaran teori pembelajaran kognitif.



Rajah 2.3. Model Teori Pembelajaran Kognitif
Sumber. Teori Gagne (1970)

Menurut Gagne (1970), rangsangan persekitaran luar akan diterima dalam sistem saraf melalui deria-deria manusia. Maklumat yang diterima akan disimpan dalam ingatan jangka pendek. Maklumat akan ditafsir dalam stor ingatan ini dan kemudian dihantar ke ingatan jangka panjang dan pergerakan tindak balas melalui sistem saraf. Pengalaman-pengalaman yang disimpan dalam ingatan jangka panjang penting bagi manusia untuk mengaitkannya dengan pengalaman-pengalaman baru demi memudahkan proses pembelajaran baru berlaku. Proses pembelajaran ini berlaku dalam bentuk kitaran terhadap diri seseorang murid semasa pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Teori kognitif Piaget juga telah memberi sumbangan yang amat penting dan berguna dalam psikologi pelajar untuk memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang. Mengikut Piaget (1950, dalam Mohd Sharani Ahmad & Zainal Madon, 2007), semenjak lahir lagi setiap bayi memiliki keperluan untuk belajar. Menurutnya perilaku kanak-kanak adalah disebabkan oleh dorongan mental yang diaturkan oleh otaknya. Justeru itu, teori ini banyak mementingkan kepentingan proses dalaman (*internal*) dan mental manusia. Teori ini menekankan bahawa tingkah laku manusia yang nampak tidak dapat diukur dan diterangkan tanpa melibatkan proses mental seperti motivasi, kesengajaan, keyakinan dan sebagainya. Piaget (1950) telah menumpukan kepada proses daripada hasil pembelajaran.

Menurut Piaget (1950) perkembangan kognitif manusia adalah disebabkan proses asimilasi dan akomodasi. Jika seseorang itu berhadapan dengan sesuatu pengalaman baru dan ianya tidak mengubah struktur asal pemikiran, maka proses ini dinamakan asimilasi. Jika perubahan ini menghasilkan struktur yang baru, maka ia dinamakan akomodasi. Piaget juga menyatakan ada empat peringkat kognitif iaitu motor deria, pra olahan, olahan konkrit dan olahan formal. Dalam keempat-empat peringkat ini pelbagai proses pembelajaran berlaku dalam diri seseorang murid. Proses pembelajaran ini akan membantu seseorang murid supaya dapat menguasai kemahiran asas dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademiknya.

Oleh itu, seseorang guru perlu memahami teori pembelajaran kognitif secara lebih mendalam kerana proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan melibatkan pemusatkan guru dan pemusatkan murid. Teori pembelajaran kognitif juga memperlihatkan

pembelajaran sebagai satu proses input dan output. Pelbagai ciri dimanipulasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi memperoleh pencapaian akademik yang memuaskan.

Teori Pembelajaran Sosial

Teori pembelajaran sosial menegaskan bahawa pembelajaran manusia berlaku dengan cara memerhatikan orang lain melakukan sesuatu. Ini dilakukan dengan cara memerhati gerak balas yang ditonjolkan. Peniruan boleh berlaku dalam tiga bentuk seperti berikut:

- i. Meniru secara langsung
- ii. Peniruan melalui sekat lakuan dan tak sekat lakuan.
- iii. Peniruan melalui elisitasi.

Menurut Bandura (1977, dalam Mohd Sharani Ahmad & Zainal Madon, 2007), peniruan hanya dapat berlaku jika terdapat perkara-perkara berikut:

- i. Perhatian yang teliti diberikan kepada gerak balas yang hendak dicontohi.
- ii. Hasil pemerhatian disimpan dalam ingatan.
- iii. Gerak balas yang ditimbulkan adalah berdasarkan apa yang dilihat, didengar atau dirasai.
- iv. Ganjaran diberi bagi meneguhkan gerak balas itu.

Bandura (1977) menekankan bahawa tingkah laku manusia berlaku hasil hubungan antara persekitaran dengan skema kognitif manusia itu sendiri. Murid mengubah tingkah laku sendiri melalui pemerhatian orang lain di sekelilingnya terutama ibu bapa, guru dan rakan sebaya. Bandura (1977) juga menegaskan pembelajaran bermula apabila seseorang itu bertindak sewaktu menerima sesuatu rangsangan. Tindakan ini mungkin secara

perbuatan atau pemikiran terhadap rangsangan yang diterima. Dalam pada itu, jika seseorang itu tidak berminat terhadap sesuatu pelajaran, kemungkinan besar proses pembelajarannya tidak berjalan dengan baik. Justeru itu, proses pembelajaran perlu dirancang dengan sebaik mungkin dan secara sistematik supaya memudahkan murid memperoleh pencapaian akademik yang lebih baik dan menguasai apa yang dipelajari. Di samping itu, motivasi dan peniruan gaya belajar dapat merangsang seseorang murid untuk belajar.

Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran ada hubung kait dengan pencapaian akademik seseorang murid di sekolah. Dalam hal ini guru memainkan peranan yang penting supaya dapat menggerakkan minda murid untuk menerima pengajarannya. Seterusnya murid juga perlu bertindak dengan cara yang betul untuk menerima pendidikan yang disampaikan oleh seseorang guru.

Faktor Yang Menyumbang Kepada Pencapaian Akademik Yang Rendah

Secara umumnya, terdapat pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik murid-murid di sekolah menengah. Antaranya ialah faktor latar belakang keluarga, struktur keluarga, stail keibubapaan, konsep kendiri murid dan aliran sekolah. Beberapa kajian telah dilakukan oleh pengkaji dalam dan luar negara tentang pencapaian akademik murid-murid.

Faktor Latar Belakang Keluarga

Dalam bahagian ini kita akan melihat beberapa kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji tentang pencapaian akademik murid. Satu kajian telah dilakukan oleh Marimuthu (1975) terhadap 369 pasangan ibu bapa dan anak lelaki mereka. Hasil kajian beliau telah menunjukkan keluarga yang mempunyai taraf sosioekonomi yang lebih tinggi mempunyai orientasi mobiliti yang positif dalam menyediakan persekitaran fizikal dan budaya pembelajaran yang memberangsangkan untuk kejayaan anak-anak mereka. Keadaan yang sebaliknya akan berlaku kepada anak yang datang dari keluarga yang mempunyai taraf sosioekonomi yang rendah. Selain itu, ibu bapa dan belia India pula menunjukkan tahap aspirasi dan cita-cita yang tinggi, mempunyai sikap positif terhadap persekolahan, berpendapat pendidikan penting untuk mobiliti sosial dan menunjukkan pencapaian yang tinggi dalam orientasi pendidikan.

Dalam satu lagi kajian, Marimuthu (1984) telah menjelaskan bahawa, sejak merdeka, anak-anak pekerja ladang telah menjadi golongan yang ketinggalan dalam pendidikan dengan kadar kecinciran yang tinggi, tahap pencapaian yang rendah dan hanya memasuki sekolah yang kecil dan serba kekurangan. Menurutnya kanak-kanak yang berpencapaian rendah adalah kerana faktor sosial dan persekitaran yang pelbagai menyebabkan mereka tidak dapat mengambil kesempatan terhadap peluang-peluang pendidikan. Beliau juga menegaskan pencapaian pelajaran seseorang murid ditentukan oleh pelbagai faktor dan yang paling penting ialah kebolehan murid, persekitaran rumah dan kualiti sekolah yang dihadirinya.

Marimuthu (1984) juga menjelaskan bahawa dalam kalangan ibu bapa yang bekerja majoriti ibu bapa tidak mempunyai pendidikan secara formal atau berpendidikan rendah. Satu pertiga sampel kajiannya menunjukkan selalu membaca surat khabar, 60% rumah tidak ada buku melainkan buku teks dan 22% rumah hanya mempunyai 1-9 buku. Ini jelas menunjukkan keadaan persekitaran rumah kurang membantu pencapaian anak-anak pekerja ladang.

Menurut Marimuthu (1984) kebanyakan murid yang datang dari kawasan perladangan ketinggalan dari segi rangsangan intelek di rumah. Minat ibu bapa dalam pendidikan adalah rendah, tiada tempat yang sesuai untuk belajar, keadaan rumah sesak, bising dan cahaya tidak terang, tidak terdapat sokongan pendidikan tambahan seperti kelas bimbingan atau bimbingan di rumah. Kebanyakan kanak-kanak dari persekitaran rumah seperti ini kekurangan kebudayaan atau pengetahuan membawa nilai, aspirasi dan motivasi ibu bapa mereka ke sekolah. Budaya miskin rumah digabung dengan kekurangan kemudahan fizikal di sekolah dan menghasilkan suasana pendidikan yang tidak dapat dicapai oleh mereka.

Seterusnya Marimuthu (1984) telah menyatakan golongan belia yang datang dari keluarga yang bertaraf sosioekonomi rendah akan memperoleh tahap pendidikan, aspirasi pendidikan dan pekerjaan yang rendah. Golongan ibu bapa ini tidak menunjukkan minat dan sokongan mereka terhadap anak-anak mereka. Segala kemudahan bagi tujuan pembelajaran anak-anak tidak dapat disediakan dengan sepenuhnya dan ini telah menyebabkan kemerosotan dalam pencapaian akademik, keciciran di bangku sekolah dan tahap aspirasi dan motivasi yang rendah dalam kalangan anak-anak mereka. Keadaan yang

sebaliknya akan berlaku kepada golongan belia yang datang dari keluarga yang mempunyai taraf sosioekonomi yang lebih baik.

Mohd Azmi Yusof (2000) dalam kajiannya telah mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) murid bumiputera. Pendapatan, pendidikan dan pekerjaan ibu bapa, kelas tuisyen, sikap murid, rakan sebaya serta minat untuk belajar telah mempengaruhi pencapaian akademik murid di dalam sesebuah tingkatan. Kesemua faktor yang dibincangkan oleh Mohd Azmi mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian murid di sekolah menengah khususnya murid bumiputera di Tingkatan Tiga.

Heng Gi Wa (2000) dalam kajiannya terhadap 250 orang murid Tingkatan Empat di empat buah sekolah di Melaka telah memberikan gambaran yang agak jelas tentang faktor-faktor status sosioekonomi dan sikap mempengaruhi pencapaian akademik murid di sekolah menengah. Seterusnya beliau telah menyimpulkan bahawa kebanyakan murid yang berpencapaian rendah mempunyai ibu bapa yang berpendidikan dan berpendapatan rendah serta tidak banyak mempunyai peralatan dan kemudahan yang disediakan di rumah yang dapat membantu pembelajaran anak-anak mereka. Ini menyebabkan sikap murid-murid ini negatif dan mereka tidak mahu memberi perhatian terhadap pelajaran. Heng Gi Wa (2000) juga berpendapat bahawa golongan ibu bapa ini tidak mampu membimbing dan membantu anak-anak menyelesaikan masalah pembelajaran, bersikap dingin terhadap pelajaran anak-anak dan kesuntukan masa untuk mengambil berat tentang perkembangan pelajaran anak-anak sama ada di rumah mahupun di sekolah. Kebanyakan masa ibu bapa tertumpu kepada mencari pendapatan tambahan bagi menyara keluarga.

Gunasekaran (2003) yang menjalankan kajian terhadap 83 orang murid India Tingkatan Empat di dua buah sekolah menengah daerah Tampin, Negeri Sembilan telah melihat pengaruh keluarga ke atas pencapaian akademik murid iaitu dari segi perhubungan keluarga, persekitaran, status sosioekonomi dan saiz keluarga. Hasil kajian beliau menunjukkan ibu bapa cuma menaruh harapan tinggi tetapi tidak tahu cara untuk merealisasikan harapan mereka. Ramai ibu bapa sering memberikan nasihat kepada anak-anak, namun ini tidak mencukupi kerana mereka tidak tahu perkembangan anak-anak di sekolah.

Selain itu, disebabkan masalah kewangan ramai ibu bapa terpaksa kerja siang malam untuk menyara keluarga mereka dan ini akan menyebabkan mereka jarang ke sekolah untuk membincang perkembangan pelajaran anak-anak mereka dengan pihak sekolah. Gunasekaran (2003) berpendapat faktor sosioekonomi juga mempengaruhi pencapaian akademik murid-murid India kerana ramai ibu bapa tidak dapat membekalkan kemudahan asas yang mencukupi untuk mewujudkan suasana pembelajaran kondusif di rumah. Tambahan pula, keadaan rumah yang sempit dan tidak selesa telah menyebabkan murid sukar untuk membuat ulangkaji pelajaran.

Satu lagi kajian yang dilakukan oleh Nor Eazrin Zaini (2004), terhadap 105 orang murid di sekolah menengah telah menyimpulkan bahawa taraf sosioekonomi keluarga mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pencapaian akademik. Hasil kajian beliau telah membuktikan bahawa taraf status sosioekonomi, pendapatan ibu bapa, pekerjaan ibu bapa, tempat tinggal, kemudahan fizikal di rumah, cara asuhan dan sikap ibu bapa telah mempengaruhi pencapaian akademik murid di sesebuah sekolah.

Seterusnya Chih Lun Hung (2007) telah membuat kajian terhadap 261 orang murid Taiwan Gred 6, iaitu 128 lelaki dan 133 perempuan yang purata umurnya sebelas tahun dari empat buah sekolah rendah di Daerah Taichung City. Tujuan kajian beliau ialah untuk memeriksa setakat mana penglibatan ibu bapa di sekolah dan tanggapan kanak-kanak tentang persekitaran pembelajaran sekolah. Dapatan kajian beliau membuktikan bahawa pencapaian akademik murid ada kaitan dengan status sosial keluarga dan persekitaran sekolah seseorang murid.

Satu lagi kajian telah dilakukan oleh Demie dan McLean (2007) bertujuan untuk menyiasat bagaimana murid kulit hitam dari latar belakang Afrika dibantu untuk mencapai tahap yang tinggi di sekolah dan mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang ke arah kejayaan dalam peningkatan pencapaian akademik. Ibu bapa murid kulit hitam menilai pendidikan di tahap yang tinggi. Ada di antara mereka menerima pendidikan yang baik dan mempunyai kelayakan profesional walaupun tidak bekerja di United Kingdom. Golongan ibu bapa ini sanggup memberikan pendidikan kepada anak-anak dan menganggap pendidikan adalah satu-satunya kunci kejayaan dalam hidup.

Justeru itu, ibu bapa menjangkakan anak-anak mereka akan menjadi rajin, hormat, berdisiplin, dengar cakap guru dan bekerjasama dengan guru-guru. Mereka beranggapan apa yang disuap di rumah itulah yang akan dibawa ke sekolah. Di peringkat menengah, ibu bapa sentiasa memeriksa kerja rumah, catatan harian dan komen susulan oleh guru untuk memastikan tugas-tugas sekolah anaknya selesai. Selain itu, ibu bapa selalu menghadirkan diri ke sekolah pada hari terbuka dan waktu petang untuk berbincang mengenai kemajuan anak-anak mereka. Kadar kehadiran menjadi tinggi kerana secara umumnya ibu bapa

menghargai peluang untuk berbincang dengan guru-guru mengenai kemajuan anak-anak mereka (Demie & McLean, 2007).

Demie dan McLean (2007) berpendapat di sekolah menengah, guru-guru berkongsi data pencapaian dengan ibu bapa untuk dimasukkan dalam perbincangan mengenai penentuan sasaran murid. Ibu bapa berasa dapat penerangan yang secukupnya tentang kemajuan anak-anak dan anak-anak juga berasa ibu bapa tahu tentang kejayaan mereka.

Bakker, Denessen dan Brus-Laeven (2007) telah membuat kajian terhadap 60 orang guru dan 218 orang ibu bapa. Tujuan kajian ini ialah untuk mendapatkan satu pandangan dalaman tentang sejauh mana persepsi guru memainkan peranan dalam gabungan di antara latar belakang sosioekonomi murid, penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak dan pencapaian akademiknya.

Hasil kajian menunjukkan guru menerima ibu bapa sebagai standard atau jenis yang sesuai yang membantu dari segi aspek pendidikan anak-anak. Persepsi guru tentang penglibatan ibu bapa secara jelasnya berbeza dari laporan ibu bapa tentang penglibatannya. Persepsi guru dan penglibatan ibu bapa sama-sama mempengaruhi pencapaian murid. Secara khususnya, persepsi guru tentang penglibatan ibu bapa di rumah berkait rapat dengan skor pemahaman murid. Persepsi guru terhadap penglibatan ibu bapa memang ada kaitan secara tidak langsung di antara faktor sosioekonomi dan pencapaian akademik murid. Menurut Taha Abdul Kadir (1977), faktor latar belakang keluarga yang paling mempengaruhi pencapaian akademik murid merangkumi taraf pendidikan dan pekerjaan ibu bapa.

Di sini dapat dibuat satu kesimpulan bahawa kajian-kajian sebelum ini kurang menyentuh tentang pencapaian akademik yang memfokus kepada satu suku kaum atau dalam kalangan murid India. Walaupun terdapat beberapa kajian terhadap murid India namun ianya hanya melihat mana-mana satu faktor seperti aspek sosioekonomi sahaja. Selain itu, kajian-kajian tersebut juga sudah lama dilakukan oleh pengkaji tempatan seperti Marimuthu (1975, 1984) Santhiram (1999) dan Gunasekaran (2003). Tambahan pula, oleh kerana banyak kajian tempatan telah dijalankan terhadap golongan murid India daripada kawasan luar bandar seperti Marimuthu (1975, 1984) dan Santhiram (1999) maka kajian ini memberi tumpuan terhadap murid dari kawasan bandar dan luar bandar, pendidikan ibu bapa dan motivasi atau dorongan ibu bapa.

Struktur Keluarga

Menurut Marshall (1996), Johnson (2000) dan Abdul Rahman Abdul Aziz (2002) keluarga dibahagikan kepada dua bentuk iaitu dikenali sebagai keluarga asas (*nuclear*) dan keluarga luas (*extended*). Keluarga asas terdiri daripada suami, isteri dan anak-anak manakala keluarga luas mempunyai ahli-ahli keluarga lain tinggal bersama serumah. Manakala Rumayah Juhari dan Rojanah Kahar (2002) menyatakan keluarga asal merupakan keluarga seseorang dilahirkan dan dibesarkan, keluarga nuklear terdiri daripada seorang ibu, bapa serta anak-anak mereka dan keluarga luas merangkumi keluarga nuklear dan anggota keluarga yang luas.

Abdul Rahim Abdul Rashid (2006) dan Morch dan Andersen (2006) mengatakan tekanan dan pelbagai cabaran ekonomi, sosial, perumahan, pembiayaan pendidikan dan pengurusan rumah tangga menyebabkan berlakunya perubahan struktur keluarga daripada

keluarga besar kepada keluarga teras. Perubahan struktur keluarga sedemikian memberi kesan yang amat kritikal terhadap proses sosialisasi anak-anak yang dibesarkan dalam keluarga tersebut.

Selain keluarga asas dan keluarga luas, satu lagi jenis keluarga yang terdapat dalam negara kita ialah keluarga ibu tunggal. Menurut Abdul Rahim Abdul Rashid, Sufean Hussin, dan Jamaluddin Tubah (2006), keluarga ibu tunggal dipimpin, disara dan dikendalikan oleh seorang wanita yang ditinggalkan oleh pasangannya atau isteri yang telah diceraikan oleh suaminya atau balu yang kematian suaminya. Keluarga seperti ini mempunyai anak yang perlu ditanggung dan diuruskan oleh seorang wanita.

Seterusnya Abdul Rahman Abdul Aziz (2006, dalam Abdul Rahim Abdul Rashid, 2006), menyatakan bahawa pencapaian anak di sekolah dipengaruhi oleh kedudukan ibu bapa seperti tingkat pendapatan, tahap pelajaran yang dicapai, keadaan dan iklim rumah tangga, dan bilangan anak dalam isi rumah tersebut. Menurut Saodah Ahmad (2002), pendapatan dan status pekerjaan menentukan kedudukan kewangan dan kesejahteraan keluarga. Struktur sosial di tempat kerja juga mempengaruhi cara gaya keibubapaan yang digunakan oleh ibu bapa.

Stail Keibubapaan

Kajian Czikszentmihalji (1987) mendapati remaja senang mendampingi rakan sebaya daripada keluarga sendiri kerana ibu bapa tidak ada masa untuk menasihati anak-anak supaya mengulang kaji pelajaran, jarang melihat prestasi anak-anak atau meneliti siapakah teman-teman mereka. Oleh itu, kumpulan rakan sebaya mempunyai pengaruh yang kuat ke

atas perlakuan, nilai dan sikap remaja. Hasil kajian Saodah Ahmad (2002) menyatakan kerjaya ibu bapa memberi kesan kepada proses keibubapaan.

Yap Yoke Fong (2000) menjelaskan bahawa kumpulan pelajar yang tinggi pencapaian akademik mempunyai ibu bapa yang lebih melibatkan diri berbanding dengan pelajar yang kurang pencapaian akademik. Hasil kajiannya juga menunjukkan ibu bapa dari tahap sosioekonomi tinggi lebih kerap melibatkan diri dalam pelajaran anak di rumah dan di sekolah berbanding dengan ibu bapa dari tahap sosioekonomi yang rendah. Tambahnya lagi, faktor penglibatan ibu bapa lebih signifikan jika dibandingkan dengan faktor status sosioekonomi dalam menentukan kejayaan akademik anak-anak.

Mohd Sharani Ahmad dan Mansor Abu Talib (2002) menjelaskan keadaan ibu bapa untuk mempelbagaikan ilmu dan melengkapkan diri dengan kemahiran keibubapaan amatlah penting. Ilmu dan kemahiran keibubapaan boleh digunakan untuk membentuk program asuhan dan pendidikan anak-anak. Hasil kajian mereka menunjukkan tugas ibu bapa adalah sepanjang hayat. Ibu bapa yang berjaya mewujudkan suasana yang mesra dan rumah tangga yang harmoni manakala kegagalan dan kelemahan ibu bapa dalam membentuk hubungan baik dengan anak-anak boleh mencetuskan salah faham yang merugikan sehingga menjaskan keharmonian keluarga.

Menurut Marina Mohd Yussof (2004) aspirasi ibu bapa terhadap pelajaran merupakan jenis penglibatan ibu bapa yang dapat meningkatkan pencapaian akademik murid. Hasil kajiannya juga memperlihatkan bahawa bagi murid yang lemah walaupun ibu bapa melibatkan diri, ianya tidak begitu membantu murid tersebut untuk mendapatkan

pencapaian akademik yang baik. Selain itu, bagi ibu bapa yang berpendidikan rendah, mereka beranggapan bahawa penglibatan mereka dalam pendidikan anak dapat mengubah corak kehidupan anak dan keluarga pada masa hadapan. Oleh itu, memang tidak dapat dinafikan bahawa penglibatan ibu bapa adalah penting bagi pencapaian akademik anak-anak tanpa mengira tahap kecerdasan.

Seterusnya Wan Mardziyah Wan Hasbullah (2005) menjelaskan bahawa hubungan antara ibu bapa dengan anak-anak yang positif akan memberi kesan positif kepada pencapaian akademik anak-anak. Murid mengharapkan ibu bapa memahami keperluan mereka semasa remaja. Sikap positif ibu bapa terhadap penglibatan di sekolah akan mempengaruhi sikap murid terhadap pelajaran, konsep kendiri dan pencapaian akademik anak-anak. Oleh itu, murid mengharapkan penglibatan ibu bapa dalam bentuk tertentu yang berfokus kepada pelajaran mereka. Ini kerana pembentukan anak yang baik terletak di tangan ibu dan bapa (Mohd Sharani Ahmad & Mansor Abu Talib, 2002).

Kajian Ruzina Jusoh (2005) memperlihatkan murid daripada ibu bapa yang menerapkan stail keibubapaan autoritatif mencapai tahap pencapaian cemerlang dan lebih tinggi berbanding dengan stail keibubapaan yang lain. Manakala Norlizah Che Hassan (2008) menyatakan remaja yang mendapat didikan atau cara gaya keibubapaan autoritatif menunjukkan konsep kendiri yang tinggi dan tingkah laku yang baik. Manakala kanak-kanak dari keluarga permisif pula didapati cenderung untuk terlibat dengan tingkah laku delinkuen dan mempunyai pencapaian yang kurang baik di sekolah. Norlizah Che Hassan merumuskan bahawa gaya keibubapaan yang berkesan adalah penting bagi melahirkan remaja yang cemerlang.

Pembentukan Konsep Kendiri

Seterusnya Othman Md Johan (1995) dan Norlizah Che Hasan (2008) dalam kajian mereka telah menyatakan kumpulan murid yang berpencapaian rendah perlu meningkatkan suasana keluarga, berkemungkinan akan meningkatkan konsep kendiri bukan akademik dan konsep kendiri akademik yang seterusnya meningkatkan pencapaian akademik mereka. Konsep kendiri bukan akademik merangkumi beberapa aspek kendiri seperti kendiri sosial, emosi, fizikal dan lain-lain. Konsep kendiri akademik pula hanya menumpukan kepada kendiri seseorang dalam bidang akademik sahaja. Menurut Othman Md Johan (1995) dan Strom dan Strom (2010), kecerdasan murid-murid pula harus dipupuk oleh ibu bapa kerana kecerdasan didapati memberi kesan secara langsung kepada pencapaian akademik terutamanya dalam kalangan murid-murid yang berpencapaian rendah.

Menurut Jamaludin Badusah, Muhammad Hussin, dan Abd. Rasid Johar (2000), satu kajian awal pernah dijalankan untuk menunjukkan pola hubungan aktiviti dengan ingatan. Kajian mendapati bahawa jika murid menyebut, melakukan dan melihat sekali gus akan menambahkan peratus ingatan murid hingga 90 peratus. Jika murid mendengar sahaja didapati peratus ingatan mereka akan menurun kepada 20 peratus sahaja. Keputusan kajian tersebut adalah seperti berikut (Jadual 2.1):

Jadual 2.1

Aktiviti Pembelajaran dan Daya Ingatan

Aktiviti	% Ingatan
Apa yang dibaca	10%
Apa yang didengar	20%
Apa yang dilihat	30%
Apa yang didengar + dilihat	50%
Apa yang didengar + dilihat dan disebut	70%
Apa yang disebut + dilakukan	100%

Sumber. Jamaludin, Muhammad & Abd. Rasid (2000)

Sekiranya pelbagai deria digunakan secara serentak dalam sesuatu aktiviti pembelajaran murid, ini akan meningkatkan peratus ingatan mereka. Kesimpulannya, boleh dikatakan bahawa kajian ini mendapati pengajaran dan pembelajaran dengan kaedah dan teknik yang bersesuaian dapat merangsang pelbagai deria murid dan meningkatkan ingatan mereka serta kemampuan penguasaan isi pelajaran. Oleh itu, guru-guru dan ibu bapa menjadi perangsang utama pelbagai deria dalam kalangan murid-murid.

Hasil kajian Rosshetta Hj. Abd Rahman (2002) memperlihatkan murid yang berkebolehan sederhana masih boleh meningkatkan pencapaian akademik menerusi usaha dan stail belajar yang lebih berkesan. Ini adalah kerana murid yang sederhana mempunyai sifat didorong dengan keinginan untuk berjaya dalam pelajaran supaya dapat menghidupkan potensi dan kebolehan dalam dirinya. Manakala Taha Abdul Kadir (1977) menyatakan ibu bapa yang memuji anak akan memupuk konsep kendiri yang positif dalam diri anak-anak.

Aliran Sekolah

Van Houtte (2004) pula telah membuat kajian terhadap perbezaan pencapaian akademik murid lelaki dan perempuan di sekolah menengah. Beliau juga telah mengkaji adakah kehadiran murid perempuan di sekolah memberi kesan kepada kebudayaan pembelajaran murid lelaki dan pencapaian akademik mereka. Kajian beliau dilakukan ke atas 877 orang murid lelaki dan 714 murid perempuan yang mengikuti tahun lima dari 15 buah sekolah menengah.

Hasil kajian Van Houtte (2004) menunjukkan konteks jantina di sekolah tidak memberi kesan kepada budaya pembelajaran murid lelaki tetapi kehadiran murid perempuan secara positifnya mempengaruhi budaya pembelajaran murid lelaki. Dalam pada itu, murid lelaki menunjukkan pencapaian yang baik dalam sekolah jantina campuran. Kehadiran murid perempuan tidak memberi kesan pada budaya pembelajaran tetapi mempengaruhi pencapaian individu sahaja. Walau bagaimanapun pencapaian murid perempuan adalah lebih baik di sekolah satu jantina berbanding dengan sekolah jantina campuran. Justeru, ini merupakan satu aspek yang akan dikaji dalam penyelidikan ini.

Dalam pada itu, Demie (2005) telah melakukan satu kajian kes tentang pencapaian murid kulit hitam Caribbean dan faktor yang menyumbang ke arah pencapaian murid-murid berkulit hitam di 10 buah sekolah rendah dan 3 buah sekolah menengah. Hasil kajiannya membuktikan bahawa pentadbiran sekolah yang cekap, jangkaan yang tinggi terhadap semua murid dan guru, penggunaan data yang berkesan, pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, satu kurikulum yang memenuhi keperluan kanak-kanak berkulit hitam Caribbean dan murid-murid London, satu hubungan kuat dengan komuniti, komitmen ibu bapa,

bantuan yang baik dan berkoordinasi untuk murid berkulit hitam Caribbean melalui penglibatan mentor dan *role model* dan peranan guru-guru berkulit hitam dan putih mempengaruhi pencapaian murid-murid kulit hitam ini.

Selain itu, ibu bapa lebih suka menghantar anak mereka bersekolah di sekolah yang memperoleh prestasi pencapaian tinggi kerana pendidikan keagamaan atau kebudayaan diutamakan, fokus pendidikan yang serius, saiz kelas yang kecil dan guru yang baik disediakan oleh pihak sekolah. Manakala ibu bapa yang menghantar anak ke sekolah yang memperoleh prestasi pencapaian sederhana dan rendah berasa lebih gembira kerana anak-anak lebih selesa belajar dan sekolah dapat mencapai matlamat berdasarkan kebolehan murid-murid tersebut.

Seterusnya Jacobs dan Harvey (2005) telah membuat kajian terhadap perbezaan faktor keluarga dalam menentukan pencapaian akademik. Beliau telah membuat kajian terhadap 432 orang ibu bapa di Melbourne yang menghantar anak mereka ke sekolah yang dikategorikan sebagai berprestasi pencapaian tinggi, sederhana dan rendah berdasarkan pada skor pencapaian murid. Hasil kajian menunjukkan ibu bapa yang menghantar anaknya ke sekolah prestasi pencapaian rendah lebih berpuas hati dengan pendidikan anak-anak mereka berbanding ibu bapa dari kumpulan berpencapaian sekolah yang sederhana dan tinggi. Ibu bapa yang mempunyai anak-anak di sekolah yang berpencapaian tinggi menganggap tekanan yang amat banyak diberikan ke atas murid untuk berjaya dalam akademik. Ibu bapa yang mempunyai anak-anak di sekolah biasa percaya yang sekolah-sekolah ini kurang membantu murid untuk berjaya.

Menurut Sharifah Md Nor dan Siti Suria Salim (2005), murid berisiko secara umumnya dikenal pasti sebagai mereka yang berisiko gagal di sekolah disebabkan oleh pelbagai faktor yang mengakibatkan mereka tidak mampu menghadapi tuntutan sekolah. Mengenal pasti murid berisiko dengan tepat amatlah penting untuk membantu mereka keluar daripada keadaan berisiko ini. Kategori dan kriteria untuk mengenal pasti murid berisiko yang diajukan oleh *The Solon Community At-Risk Plan of Service 2003* membantu kita mengenal pasti murid berisiko di sekolah (Lihat Jadual 2.2).

Jadual 2.2

Kategori Berisiko dan Kriteria untuk Dikenal Pasti

Tidak mencapai matlamat dalam program pendidikan	Tidak melibatkan diri disebabkan masalah sosial atau emosional	Tidak menjadi pekerja yang produktif
<ul style="list-style-type: none"> -Pencapaian rendah - Tidak berupaya menerima pelajaran -Ponteng - Kurang kawan - Tidak suka sekolah - Tiada kemahiran belajar -Masalah kewangan -Penguasaan bahasa terhad -Motivasi rendah -Masalah disiplin 	<ul style="list-style-type: none"> -Cicir -Mengandung -Kanak-kanak mangsa penceraian atau yatim -Luar Bandar -Tidak menyertai aktiviti kokurikulum -Penderaan -Tidak sihat fizikal -Miskin -Pengaruh negatif rakan sebaya 	<ul style="list-style-type: none"> - Tidak dapat mengenal pasti kerjaya yang diminati - Tiada arah masa depan - Tiada rancangan selepas sekolah - Motivasi rendah skil kerja rendah

Sumber. The Solon Community At-Risk Plan of Service (2003)

Antara risiko yang dikenal pasti oleh Sharifah Md Nor dan Siti Suria Salim (2005) ialah murid tidak mencapai matlamat dalam program pendidikan, murid tidak melibatkan

diri disebabkan oleh masalah sosial atau emosi dan murid-murid ini tidak menjadi pekerja yang produktif. Ini akan mengundang kegagalan mencapai matlamat utama pendidikan negara untuk melahirkan modal insan terpelajar.

Faktor-faktor Lain Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik

Selain itu, Marimuthu (1996) juga mengutarakan satu lagi faktor iaitu makanan yang kurang berzat bukan sahaja menjelaskan pertumbuhan jasmani kanak-kanak, malah juga menjelaskan perkembangan intelektual mereka. Kanak-kanak ini kurang aktif dan tidak dapat menumpukan perhatian dengan lama terhadap pelajaran dan guru menganggap mereka ini bermasalah. Kumpulan ini selalu ponteng sekolah dan pencapaian akademik mereka adalah rendah. Murid yang kekurangan zat makanan tidak berkeupayaan dalam menumpukan perhatian terhadap pelajaran di dalam bilik darjah.

Menurut Profesor Diraja Ungku Aziz (Berita Harian, 2002), murid Melayu di luar bandar masih mengalami masalah kekurangan zat seperti protein, mineral dan lemak yang akhirnya menjadikan badan mereka kurang sihat dan seterusnya membuat mereka ketinggalan dalam pelajaran. Keadaan yang sama turut dialami oleh murid India di sekolah rendah dan menengah.

Seterusnya media massa serta rakan sekolah juga mempengaruhi pencapaian akademik seseorang murid di sekolah menengah. Kajian yang telah dilakukan oleh Sarala Manikam (2003) terhadap seratus orang murid Tingkatan Empat aliran Sains dan Sastera tentang pengaruh kumpulan sebaya terhadap pencapaian akademik murid-murid di sekolah menengah mendapati bahawa sikap positif kumpulan rakan sebaya terhadap pelajaran dan

sekolah serta pengaruh positif mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik.

Apabila sikap berada pada tahap yang tinggi maka ia akan mempengaruhi keinginan untuk berjaya serta mendorong kepada tingkah laku yang baik. Sarala Manikam (2003) juga mengenal pasti bahawa murid-murid yang mempunyai kumpulan rakan sebaya yang bersikap positif akan menunjukkan pencapaian akademik dan tingkah laku yang baik. Kesimpulannya, kumpulan rakan sebaya mempunyai pengaruh yang tinggi dalam memperoleh pencapaian akademik yang baik.

Mohamad Isa Aziz (2003) juga menjelaskan bahawa corak persahabatan yang positif antara murid dengan rakan iaitu berlainan atau sama jantina, bangsa atau sosioekonomi memberi kesan yang positif, maka guru atau ibu bapa perlu memberi keyakinan dan dorongan kepada anak-anak agar terus membina persahabatan yang bermakna. Jika persahabatan merupakan faktor yang mendorong murid untuk rajin belajar dan memupuk pekerti dan sahsiah yang baik, ibu bapa dan guru sepatutnya merestui dan menggalakkan mereka agar terus mengekalkan persahabatan itu. Sebaliknya jika sahabat menggalakkan atau mendorong murid untuk melanggar disiplin atau menunjukkan tingkah laku yang negatif, guru atau ibu bapa harus bertindak menyekat persahabatan itu agar tidak terus menuju kepada perkembangan individu yang tidak sihat.

Asmah Ali dan Zulekha Yusof (2004) menyatakan bahawa antara faktor lain yang menyumbang ke arah berlakunya gejala ponteng sekolah ialah keruntuhan institusi keluarga. Keluarga yang bersikap materialistik tidak mengambil berat terhadap keperluan dan

kebijakan anak-anak; oleh itu, anak-anak tidak mendapat kasih sayang yang sepatutnya. Manakala Wan Hassan Wan Embong dan Siti Norlina (2004) menjelaskan bahawa gejala keruntuhan akhlak berpunca daripada kejahilan sebahagian besar ibu bapa terhadap peranan dan tanggungjawab mereka terhadap keluarga. Oleh itu, boleh dibuat satu kesimpulan bahawa pembentukan akhlak seseorang itu memang bermula di rumah.

Ulasan Kajian Lepas

Pada keseluruhannya, walaupun pelbagai teori dan kajian-kajian yang dijalankan mencerminkan perbezaan dalam beberapa aspek tetapi persoalan atau pun isu yang dibincangkan menampakkan persamaan, iaitu ciri-ciri yang berkaitan dengan pencapaian akademik murid.

Teori-teori pendidikan yang dikaji telah mendorong pengkaji supaya dapat menyelitkan aspek yang dibincangkan dalam pencapaian akademik murid. Teori pembelajaran Gagne (1970) menyatakan pembelajaran bergerak daripada yang paling mudah dan menuju kepada yang paling kompleks. Pembelajaran di aras yang tinggi bergantung pada pembelajaran di aras yang rendah. Teori kognitif ini menekankan objektif pembelajaran yang spesifik. Seterusnya tahap kemahiran murid harus dinilai dan program harus dibentuk untuk mengajar kemahiran berkenaan. Beliau juga menyentuh tentang pembelajaran yang teratur dari tahap yang rendah ke tahap yang tinggi perlu disediakan supaya murid dapat memahami apa yang disampaikan oleh guru. Penekanan positif, bantuan dan pertolongan, motivasi serta latih tubi juga dibincangkan oleh Gagne (1970).

Bandura (1977) pula membincangkan tentang pembelajaran secara simulasi. Teori beliau boleh dikaitkan dengan situasi yang realiti bagi membolehkan murid belajar melalui interaksi dengan bahan yang dihasilkan. Interaksi antara murid dan guru memberi peneguhan dan motivasi. Motivasi yang dinyatakan oleh guru boleh dikaitkan dengan kata-kata pujian di akhir sesuatu penilaian. Menurut Bandura lagi, apabila seseorang individu itu memiliki keyakinan untuk menyelesaikan sesuatu tugas, maka keyakinan itu akan menghasilkan kejayaan.

Dalam pada itu, hasil-hasil kajian lepas juga telah banyak membincangkan tentang ciri-ciri yang mempengaruhi pencapaian akademik murid. Hasil kajian lepas telah memperlihatkan pelbagai faktor seperti taraf sosioekonomi keluarga, persekitaran rumah, saiz keluarga, aspirasi dan motivasi ibu bapa, pendidikan ibu bapa, cara asuhan, keupayaan murid dan sebagainya merupakan antara faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik murid di sekolah menengah.

Rumusan

Pelbagai masalah telah menyekat penumpuan murid terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Sekiranya masalah-masalah ini dapat diatasi maka tidak akan wujud murid yang berpencapaian akademik rendah di sekolah menengah. Murid yang berpencapaian akademik rendah sentiasa menimbulkan pelbagai masalah dan mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Oleh itu, mengetahui punca masalah dan menanganinya merupakan cara yang paling berkesan untuk mengatasi masalah ini. Seterusnya, kurangnya kajian tentang pengaruh keluarga terhadap pencapaian akademik murid India menyebabkan pengkaji cuba menjadikan kajian ini sebagai kesinambungan kepada dapatan kajian lepas.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

Pendahuluan

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik murid India di sekolah menengah. Bab ini membincangkan kaedah kajian yang digunakan untuk mengendalikan penyelidikan ini. Menurut Ahmad Mahdzan (1998), penyelidikan ialah tatacara yang teratur digunakan oleh manusia untuk menambah ilmu pengetahuan baru dan dilakukan mengikut langkah-langkah tertentu yang diatur khas untuk mengeluarkan maklumat baru. Menurut Majid Konting (1998) pula, penyelidikan pendidikan merupakan satu aktiviti berhubung dengan usaha memperoleh dan menganalisis maklumat untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah pendidikan.

Kaedah ialah teknik penyelidikan atau pun alat yang digunakan untuk mengumpul data (Bailey, 1992). Walaupun pelbagai kaedah boleh digunakan untuk mengumpul maklumat dan data, namun keterampilan pengkaji dalam memilih kaedah-kaedah yang sesuai akan menentukan kualiti sesuatu kajian. Sesungguhnya, memang tidak dapat dinafikan bahawa gabungan pelbagai kaedah dapat menghasilkan satu kajian yang lebih sempurna sifatnya berbanding kaedah tunggal. Creswell (1994) serta Bogdan dan Biklen (2007) menyatakan bahawa pelbagai prosedur digunakan dalam kajian kualitatif untuk mengumpul data.

Penyelidikan sains sosial mempunyai dua pendekatan yang umum dalam menjalankan penyelidikan berbentuk kualitatif dan kuantitatif. Kajian ini melibatkan pendekatan kualitatif untuk mengumpul data daripada peserta kajian. Perbincangan seterusnya akan merangkumi beberapa aspek penting seperti prosedur kajian, reka bentuk kajian, instrumen kajian, sampel kajian, kaedah pengumpulan data dan cara penganalisisan data kajian.

Pendekatan Kualitatif


Kajian tentang pencapaian akademik murid India di sekolah menengah rendah ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggabungjalinkan triangulasi di antara kaedah temu bual, pemerhatian dan dokumentasi. Menurut Creswell (2005), Sabitha (2005), Bogdan dan Biklen (2007) dan Mohammad Ali (2010), kajian kualitatif memfokuskan pada konteks di mana sesuatu itu berlaku. Kajian ini merupakan satu proses atau bagaimana sesuatu perkara itu berlaku dalam satu-satu suasana yang hendak dikaji. Dalam kajian kualitatif fenomena pusat tertumpu kepada konsep dan prosesnya atau boleh dikatakan sebagai berfokus kepada proses dan hasil. Hasil kajian pula selalunya dipersembahkan dalam bahasa harian.

Seterusnya Sabitha (2005) serta Bogdan dan Biklen (2007) juga menyatakan penyelidikan kualitatif sering kali menggunakan pendekatan induktif untuk mencari jawapan dengan mengkaji pelbagai suasana sosial dan individu yang berada dalam sesuatu situasi. Penyelidikan kualitatif ini dirujuk sebagai kajian lapangan kerana dilakukan dalam suasana semula jadi apabila mengkaji peserta kajian. Penyelidik banyak bergantung kepada temu bual secara mendalam dan pemerhatian.

Menurut Mohammad Ali (2010), kajian kualitatif bersifat dari bawah ke atas (*bottom-up*), tidak seperti kajian kuantitatif yang bersifat dari atas ke bawah (*top-down*). Dalam kajian kualitatif teori yang dirumuskan disebut dengan teori yang diperoleh dari dasar atau '*grounded theory*'. Menurut Creswell (2005), Sabitha (2005), Bogdan dan Biklen (2007), kebiasaannya dalam kajian kualitatif saiz sampel yang kecil digunakan iaitu di antara 2 hingga 40 orang sahaja kerana pengkaji memerlukan laporan yang lebih terperinci daripada setiap peserta kajian. Peserta kajian yang ramai boleh menyebabkan birokrasi yang besar dan tidak dapat dikawal serta perspektif keputusannya adalah luar biasa. Selain itu, pengumpulan dan penganalisisan data memerlukan masa yang banyak dan pertambahan individu akan memanjangkan masa kajian (Creswell, 2005). Analisis kajian pula diuraikan dalam bentuk naratif dan berdasarkan pada perkataan yang digunakan oleh peserta kajian untuk menjelaskan pengalaman mereka. Rajah 3.1 menunjukkan proses yang terlibat dalam pendekatan kualitatif.

Data

Keputusan



Rajah 3.1. Lingkaran perhubungan (Integrasi) analisis dalam pendekatan kajian kualitatif.
(Boeije, 2010)

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya bagi mengumpul data. Menurut Mohd Majid Konting (1998), kajian kes adalah penyelidikan yang dilakukan secara intensif oleh penyelidik ke atas satu unit kecil sosial seperti individu, satu keluarga, satu kampung, satu kelab, satu sekolah atau satu masyarakat secara terperinci. Kajian ini bertujuan untuk melihat pengaruh keluarga terhadap pencapaian akademik murid India di sekolah menengah rendah. Reka bentuk ini dipilih kerana peserta kajian yang terlibat ialah sembilan orang murid dan sembilan orang ibu bapa serta sembilan orang guru tingkatan kepada murid berkenaan. Ini kerana pendekatan kualitatif hanya memerlukan sampel yang kecil untuk mendapatkan data yang terperinci. Seterusnya pengkaji menggunakan waktu yang cukup lama bagi tujuan pengumpulan data. Kajian ini bersifat deskriptif kerana dapat mendeskripsikan makna atau fenomena yang diperoleh oleh pengkaji dari kerja lapangan.

Prosedur Kajian

Dalam mengendalikan kajian ini, pengkaji telah mendapatkan persetujuan daripada pelbagai pihak. Sebelum ke kerja lapangan pengkaji mendapatkan surat kebenaran untuk melakukan kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (EPRD), Kementerian Pelajaran Malaysia (sekarang dikenali sebagai Kementerian Pendidikan Malaysia). Setelah itu, pengkaji telah mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Pelajaran Negeri Melaka untuk memulakan penyelidikan di sekolah-sekolah menengah negeri Melaka. Selepas memperoleh kebenaran daripada Jabatan Pelajaran Negeri Melaka, maka pengkaji ke sekolah untuk mendapatkan kebenaran daripada pihak pentadbir sekolah untuk

memulakan pemerhatian dan temu bual serta mengumpul data dokumentasi daripada peserta kajian iaitu murid India dan guru tingkatan murid tersebut.

Pengkaji mendapatkan persetujuan melalui surat formal daripada setiap peserta untuk melibatkan diri dalam kajian ini. Sekiranya ada murid yang tidak berminat atau tidak mahu melibatkan diri dalam kajian ini maka pengkaji terpaksa mencari peserta kajian yang lain bagi tujuan pengumpulan data. Selain itu, pengkaji juga perlu mendapatkan persetujuan daripada guru-guru tingkatan peserta kajian yang dipilih untuk mengumpul data yang dikehendaki. Di samping itu, ibu bapa atau penjaga peserta kajian juga perlu memberi persetujuan untuk turut serta dalam kajian ini. Pengkaji telah mengeluarkan surat persetujuan secara rasmi kepada semua yang menjadi peserta kajian ini. Data-data tidak akan dikumpul tanpa persetujuan dari mana-mana pihak yang terlibat dalam kajian ini seperti mana yang ditetapkan dalam etika sesuatu kajian kualitatif (Norani Mohd Salleh, 2001). Kenyataan di atas disokong lagi oleh Creswell (2005), *'we need permissions to begin our study, but in qualitative research, we need greater access to site because we will typically go to the site and interview people or observe them. This process requires a greater level of participation from the site'*.

Pemilihan Sekolah

Di negeri Melaka terdapat 69 buah sekolah menengah harian. Bagi tujuan kajian ini, hanya 9 buah sekolah menengah harian biasa di daerah Jasin telah dipilih oleh pengkaji. Seterusnya sekolah-sekolah tersebut disenarai pendek kepada dua kumpulan iaitu sekolah bandar dan sekolah luar bandar. Ianya dikategorikan sebagai empat buah sekolah bandar dan lima buah sekolah luar bandar dari segi logistiknya. Menurut Yazid Saleh (2010),

bandar didefinisikan sebagai satu kawasan yang mempunyai saiz penduduk yang lazimnya melebihi 10 000 orang, intensiti pembangunan yang tinggi, infrastruktur yang lengkap dan kebanyakannya ditadbir oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Tujuan pemilihan murid bandar dan luar bandar adalah untuk mendapatkan satu keseimbangan peserta kajian secara menyeluruh.

Pengumpulan Data Profil Murid

Creswell (1994, 2005) serta Bogdan dan Biklen (2007) menyatakan bahawa terdapat beberapa langkah yang perlu diberi perhatian untuk mengumpul data. Antaranya ialah menentukan satu sempadan bagi kajian, mengumpul maklumat melalui soal-selidik, pemerhatian, temu bual, dokumen dan daripada bahan visual serta menentukan protokol rakaman maklumat tersebut. Pengumpulan data merupakan salah satu aspek yang terpenting dalam sesuatu kajian lapangan. Creswell (2005) serta Bogdan dan Biklen (2007) menyatakan kajian kualitatif melibatkan teknik pemerhatian, temu bual dan dokumentasi secara mendalam. Peserta kajian dijadikan sumber primer dalam mendapatkan data mentah oleh pengkaji. Sumber data bersifat langsung dan pengkaji sendiri menjadi instrumen kunci (Mohammad Ali, 2010).

Dalam kajian ini, pada mulanya soalan tentang profil murid digunakan untuk memperoleh beberapa butiran penting dari murid-murid Tingkatan 2 yang tidak menduduki peperiksaan awam di sekolah menengah daerah Jasin. Butir-butir yang dikumpulkan dijadikan sumber maklumat awal untuk memilih peserta kajian ke peringkat seterusnya. Creswell (2005) menyatakan “*a questionnaire is a form used in a survey*

design that participants in a study complete and return to the researcher. The participant chooses answers to questions and supplies basic personal or demographic information”.

Soalan profil murid yang telah digunakan dalam kajian ini telah dibahagikan kepada 4 bahagian (Lampiran A). Bahagian A adalah untuk melihat ciri-ciri latar belakang keluarga, Bahagian B adalah lebih kepada menguji sejauh mana perasaan murid dan faktor yang menyebabkan murid berpencapaian rendah, Bahagian C berkaitan dengan pendapat murid terhadap ibu bapa mereka dan Bahagian D berkaitan dengan perasaan murid terhadap diri sendiri. Alat kajian ini telah diubah suai dan diterjemahkan dalam Bahasa Melayu dari hasil penyelidikan Moses, Wong Chiat Chong (1992).


Soalan yang disediakan memerlukan jawapan “ya” atau “tidak” kerana kaedah ini memudahkan murid memahami dan menjawab setiap soalan. Murid-murid hanya perlu memilih salah satu jawapan sahaja. Soalan-soalan dibentuk dalam dwibahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Tamil. Ini juga memudahkan murid memilih bahasa yang difahami untuk menjawab setiap soalan. Penterjemahan soalan-soalan tersebut dapat dilakukan dengan khidmat bantuan guru Bahasa Melayu dan Bahasa Tamil di sekolah pengkaji.

Soalan profil murid tersebut dianalisis bagi memilih 10 orang murid masing-masing daripada setiap kumpulan murid cemerlang, sederhana dan lemah untuk meneruskan kajian yang mendalam yang menggunakan pendekatan kualitatif. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan teknik pemerhatian serta sesi temu bual dengan murid, ibu bapa atau penjaga dan guru tingkatan murid secara mendalam di samping menganalisis dokumen-dokumen yang berkaitan dengan pencapaian akademik dan persekolahan murid.

Data dan maklumat dapat diperoleh melalui pelbagai kaedah seperti soal selidik, temu bual, perbincangan, penyemakan bahan rujukan dan dokumen tertentu (Rohana Yusof, 2001). Kajian kualitatif memperlihatkan kaedah deskriptif dan data dikumpulkan dari perkataan atau gambar dan bukan daripada angka (Bogdan & Biklen, 2007). Data yang diperlukan untuk melengkapkan sesuatu kajian ialah data primer dan data sekunder. Pengumpulan data primer melibatkan temu bual dan pemerhatian secara langsung dengan peserta kajian. Menurut Merriam (1988), Bogdan dan Biklen (1998) dan Creswell (2005) terdapat tiga teknik utama yang digunakan dalam kajian kualitatif iaitu pemerhatian, temu bual dan bukti dokumentasi. Pengkaji turut mengaplikasi ketiga-tiga kaedah iaitu temu bual, pemerhatian dan dokumentasi bagi tujuan pengumpulan data daripada peserta kajian. Semua maklumat yang penting dan relevan dengan kajian ini dapat diperoleh dengan triangulasi ketiga-tiga kaedah tersebut pada tahap yang optimum.

Pengumpulan data sekunder pula melibatkan penggunaan sumber-sumber dokumentasi. Kaedah ini lebih mengutamakan analisis dokumen-dokumen tentang murid di sekolah. Sumber-sumber ini dapat menyumbang maklumat berbentuk am dan empirikal. Antara bentuk sumber dokumentasi yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah buku nota, buku latihan, keputusan ujian bulanan dan peperiksaan pertengahan tahun, peperiksaan akhir tahun, keputusan UPSR, jadual kedatangan sekolah dan jadual kedatangan aktiviti ko-kurikulum. Data-data yang diperoleh hasil daripada penelitian ke atas pelbagai dokumen bertulis dianalisis untuk mendapatkan maklumat berkaitan penglibatan murid di sekolah dan pencapaian akademik murid tersebut.

Satu kelebihan yang ketara adalah penggunaan pelbagai teknik pengutipan data untuk tujuan “triangulasi” atau pengukuhan data. Menurut Mohammad Ali (2010), dalam kajian kualitatif triangulasi menjadi sesuatu yang sangat penting untuk membantu pengamatan menjadi lebih jelas dan lebih terang sehingga informasi yang diperlukan menjadi lebih jernih. Penggunaan pelbagai teknik pengutipan data memastikan pengkaji tidak hanya bergantung kepada satu teknik. Hal ini mengukuhkan kesahan dalam reka bentuk kajian yang dijalankan (Marohaini Yusoff, 2001). Penggunaan pelbagai teknik pengumpulan data dalam kajian ini memudahkan pengkaji untuk memperoleh data yang dikehendaki supaya dapat menjawab setiap persoalan kajian.



Rajah 3.2. Kerangka Penyelidikan Pendekatan Kualitatif.

Pengkaji memilih semua murid India dari Tingkatan 2 daripada sembilan buah sekolah di daerah Jasin, Melaka. Maklumat peserta kajian adalah seperti berikut:

Jadual 3.1

Peserta Untuk Soalan Profil Murid

Kaum	India	
Jantina	Lelaki	Perempuan
Bil	Semua murid India Tingkatan 2 sekolah menengah di daerah Jasin yang tidak menduduki] peperiksaan awam.	

Pemilihan peserta kajian dari kaum India, jantina dan tempat tinggal ini adalah disebabkan kebanyakan sekolah di negara kita terdiri daripada murid yang berlainan jantina dan dari keadaan sosioekonomi yang berbeza. Disebabkan peserta kajian ini bukan terdiri daripada satu jantina maka pengkaji memilih murid dari kedua-dua jantina dan sekolah yang berlainan.

Pengkaji juga mengambil kira kedudukan sosioekonomi murid yang memainkan peranan dalam menentukan pencapaian akademik murid. Ini secara tidak langsung dapat mendedahkan apakah punca murid gagal dalam memperoleh keputusan yang diharapkan. Oleh itu, kajian yang menyeluruh ke atas murid India, jantina dan tempat tinggal akan memberi hasil yang lebih realistik, tepat dan sempurna.

Kaedah Menganalisis Data Profil Murid

Data merupakan bahan mentah. Sebagai bahan mentah, data tidak memberi sebarang maklumat yang berguna mengenai sesuatu masalah yang dikaji kecuali ia dianalisis dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu (Mohd Majid Konting,1994). Data hanya berguna sekiranya data tersebut memberi maklumat berkaitan dengan persoalan yang dikemukakan

oleh pengkaji. Penganalisisan data dilakukan untuk membolehkan penyelidik mendapatkan keputusan bagi masalah yang dikaji (Mohd. Sheffie Abu Bakar, 1987).

Setiap set soalan profil murid yang mengandungi jawapan dikumpul dan disemak dengan teliti. Penyemakan soalan profil murid secara manual dilakukan bagi memastikan murid menjawab dengan betul mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan. Proses penyaringan peserta kajian dilakukan dengan memberi markah kepada hasil jawapan, pencapaian UPSR dan keputusan peperiksaan akhir tahun Tingkatan 1. Murid yang memperoleh markah keseluruhan melebihi 80% dikategorikan dalam kumpulan murid cemerlang, murid yang memperoleh markah di antara 51-79% dikategorikan dalam kumpulan sederhana dan murid yang memperoleh markah kurang daripada 50% dikategorikan sebagai kumpulan lemah.

Setelah soalan profil murid dianalisis, sampel yang terdiri daripada 10 orang murid dikecilkkan kepada tiga orang murid masing-masing dari setiap kumpulan cemerlang, sederhana dan lemah untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam bagi pendekatan kualitatif. Seramai tujuh orang murid yang lain dijadikan peserta kajian simpanan. Ini kerana bukan semua murid, ibu bapa atau guru tingkatan berminat atau memberi kerjasama untuk menyertai kajian ini. Sekiranya ada murid, ibu bapa atau guru tingkatan menarik diri atau tidak mahu menyertai kajian ini maka pengkaji akan menggunakan peserta kajian simpanan. Menurut Creswell (2005), pengkaji akan menghadapi pelbagai cabaran semasa menjalankan kajian lapangan dalam sesuatu kajian berbentuk kualitatif.

Persampelan Bertujuan (*Purposive Sampling*)

Penggunaan teknik persampelan bertujuan adalah semata-mata berdasarkan atas pertimbangan pengkaji yang sesuai dengan maksud kajian dilakukan. Teknik ini banyak digunakan dalam kajian kualitatif. Menurut Berg (1989), Patton (2002), Creswell (2005) dan Mohammad Ali (2010), teknik ini bertujuan pengumpulan data terhadap sampel yang telah ditentukan berdasarkan pertimbangan pengkaji yang bersesuaian dengan fokus masalah atau fenomena dan berdasarkan rasional sesuatu kajian. Menurut Patton (2002) dan Creswell (2005) teknik ini digunakan terhadap individu dan lapangan kajian (*sites*). '*The researcher chooses the sample based on who they think would be appropriate for the study. This is used primarily when there is a limited number of people that have expertise in the area being researched*' ([en.wikipedia.org/wiki.purposive sampling](https://en.wikipedia.org/wiki/purposive sampling)). Dalam kajian ini pengkaji menggunakan sampel bertujuan bagi pengumpulan data kajian menerusi pendekatan kualitatif. Ini secara langsung telah melibatkan murid, ibu bapa dan guru tingkatan murid ke peringkat seterusnya kecuali ada yang menarik diri.

Peserta Kajian Pendekatan Kualitatif

Kajian seterusnya melibatkan murid-murid India yang terpilih melalui sampel bertujuan sahaja. Nama murid, ibu bapa dan guru tingkatan akan disenaraikan bersama jadual pertemuan dengan kesemua peserta kajian bagi proses berikutnya. Dalam kajian ini, maklumat diri murid, ibu bapa dan guru tingkatan dan data yang dikutip akan dirahsiakan. Selain itu, nama samaran seperti M1, IB1 dan GT1 digunakan bagi tujuan keselamatan peserta kajian. Norani Mohd Salleh (2001) menjelaskan nama samaran bagi nama peserta kajian, tempat kajian atau apa-apa sahaja yang boleh dikaitkan dengan subjek atau

informan merupakan satu cara yang dapat menjamin keselamatan pengenalan diri seseorang daripada dikenali.

Seterusnya peserta kajian yang terlibat merupakan murid-murid dalam lingkungan umur 14 atau 15 tahun (murid dari kelas Peralihan) maka mereka juga perlu mendapatkan persetujuan untuk melibatkan diri dalam kajian ini. Murid-murid yang berumur 18 tahun ke bawah diletakkan di bawah penjagaan ibu bapa atau penjaga. Oleh itu, subjek atau informan berkenaan perlu disahkan penglibatan mereka melalui persetujuan termaklum yang ditandatangani oleh ibu bapa atau penjaga mereka (Lampiran H). Dalam masa yang sama murid tersebut juga perlu diberikan hak untuk memilih sama ada mahu terlibat atau sebaliknya (Norani Mohd Salleh, 2001). Pengkaji turut mendapatkan kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga dan guru-guru tingkatan melalui surat secara formal. Seterusnya, bagi tujuan pengumpulan data, peserta kajian perlu bersetuju dan sanggup untuk diperhatikan, ditemu bual dan dirakamkan temu bual secara audio. Hasil kerja peserta kajian seperti buku nota, buku latihan, markah ujian dan peperiksaan turut dinilai oleh pengkaji.

Proses persampelan pendekatan kualitatif telah melalui 4 peringkat:

a. Peringkat Pertama

Sembilan orang murid iaitu 3 orang murid berpencapaian cemerlang, 3 orang murid berpencapaian sederhana dan 3 orang murid berpencapaian rendah telah dipilih sebagai peserta kajian daripada kumpulan asal yang terdiri daripada 10 orang. Kesemua murid ini boleh dibahagikan lagi kepada murid dari sekolah bandar dan luar bandar. Tujuannya adalah untuk melihat sejauh mana tempat tinggal atau

kawasan kediaman mempengaruhi pencapaian akademik murid. Sampel murid setiap sekolah dibahagikan kepada lelaki dan perempuan dari Tingkatan 2. Keadaan ini adalah untuk melihat sejauh mana jantina mempengaruhi pencapaian akademik murid India di sekolah menengah.

Jadual 3.2

Peserta Kajian Mengikut Kawasan dan Jantina

Jenis Sekolah			
Di Daerah Jasin, Melaka.			
Bandar		Luar Bandar	
Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
2	2	2	3

b. Peringkat Kedua

Sampel murid yang telah dipilih dari setiap sekolah ini dijumlahkan dan dijadikan sampel keseluruhan kajian ini. Pemilihan murid dan sekolah adalah berdasarkan maklumat yang diberi dalam soalan profil murid. Sembilan orang murid India yang berpencapaian cemerlang, sederhana dan rendah dipilih sebagai peserta kajian kualitatif ini. Pemilihan 9 orang peserta kajian adalah memadai kerana pengkaji perlu mengambil kira faktorkekangan masa dan sumber kewangan. Selain itu, pemilihan peserta yang sedikit memudahkan pengkaji untuk mengikuti mereka, mudah untuk mengumpul data dan dapat mewujudkan hubungan yang lebih erat dan mesra dengan peserta kajian berbanding dengan peserta yang ramai.

Menurut Patton (2002), tidak ada sebarang peraturan untuk menentukan saiz sampel dalam kajian kualitatif. Sampel kajian bergantung kepada apa yang ingin diketahui dan tujuannya, apakah risikonya, apa yang akan berguna, apa yang mempunyai kebolehpercayaan dan apa yang boleh dibuat dengan masa dan sumber yang ada. Seterusnya murid-murid tersebut diberi surat secara rasmi untuk menjadi peserta kajian ini (Lampiran I). Murid-murid ini dilabelkan sebagai M1-M9. Tiga orang murid cemerlang terdiri daripada M1 hingga M3, tiga orang murid yang sederhana pencapaian akademik terdiri daripada M4 hingga M6 dan tiga orang murid yang berpencapaian akademik rendah dilabelkan sebagai M7 hingga M9.

c. Peringkat Ketiga

Seramai sembilan orang ibu bapa atau penjaga murid India yang dipilih sebagai peserta kajian ini turut dijadikan peserta kajian yang seterusnya untuk mendapatkan maklumat mengenai murid tersebut. Pengkaji akan mendapat persetujuan daripada ibu bapa atau penjaga untuk menjadikan anak mereka sebagai peserta kajian ini di samping ibu bapa dan penjaga murid itu sendiri. Pengkaji tidak dapat melakukan temu bual atau pemerhatian tanpa memperoleh surat persetujuan daripada murid dan ibu bapa (Lampiran J). Persetujuan perlu diperoleh daripada kedua-dua individu iaitu murid dan ibu bapa. Sekiranya ada murid atau ibu bapa tidak berminat untuk menyertai atau tidak mahu melibatkan diri dalam kajian ini maka pengkaji terpaksa menggunakan peserta kajian simpanan. Ibu bapa dilabelkan sebagai IB1-IB9. IB1 hingga IB3 merupakan ibu

bapa kepada M1 hingga M3, IB4 hingga IB6 merupakan ibu bapa kepada M4 hingga M6 dan IB7 hingga IB9 merupakan ibu bapa kepada M7 hingga M9.

d. Peringkat Keempat

Seramai sembilan orang guru tingkatan bagi setiap murid yang dipilih sebagai peserta kajian dari sekolah tersebut mewakili pihak sekolah juga dijadikan sebagai peserta kajian untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan pencapaian akademik murid yang dipilih. Pengkaji juga memberikan surat secara rasmi kepada guru tingkatan dan mendapatkan persetujuan daripada guru berkenaan sebelum memulakan temu bual tersebut (Lampiran K). Guru tingkatan dilabelkan sebagai GT1 hingga GT9 yang mewakili M1 hingga M9, manakala guru disiplin pula dilabelkan sebagai GD1 hingga GD9.

Kajian Rintis

Tujuan utama kajian rintis adalah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen (Mohd Najib Abdul Ghafar, 2003). Setelah pengkaji menyiapkan sorotan kajian dalam Bab 2, maka pengkaji mula membentuk instrumen untuk menanya soalan temu bual dengan murid, ibu bapa dan guru tingkatan. Pengkaji juga berbincang dengan penyelia serta mendapatkan maklum balas pakar dalam bidang berkenaan. Instrumen tersebut diuji dalam '*focus group*' yang mempunyai ciri yang sama dengan populasi sebenar. Wiersma (1969), Mohd Najib Abdul Ghafar (2003) dan Creswell (2005) menjelaskan sebelum soal selidik dibawa kepada peserta kajian, ianya perlu diuji dalam satu kumpulan yang kecil supaya dapat maklum balas setiap item dan dapat menentukan kefahaman peserta tentang perkataan dan ayat yang digunakan. Sekiranya terdapat item yang samar, tidak difahami

dan diberi jawapan yang berbeza dengan objektif kajian maka item tersebut diubah suai dengan menggunakan ayat atau struktur yang difahami peserta kajian. Dalam kajian ini, pengkaji telah melakukan temu bual terhadap sekumpulan murid, guru dan ibu bapa untuk mengetahui kesahan dan kebolehpercayaan item yang dibentuk untuk meneruskan temu bual sebenar dengan peserta kajian. Seterusnya pengkaji telah memulakan kajian lapangan. Antara teknik yang digunakan oleh pengkaji ialah temu bual, pemerhatian dan dokumentasi. Menurut Tuckman (1999), dalam kajian kes pengkaji menggunakan 3 teknik iaitu temu bual, pemerhatian dan dokumentasi bagi tujuan pengumpulan data kajian kualitatif.

Temu Bual

Dalam kajian ini, kaedah temu bual merupakan satu teknik yang kerap digunakan oleh pengkaji. Temu bual akan dijalankan terhadap murid, ibu bapa atau penjaga serta guru tingkatan yang terpilih. Seperti mana yang dinyatakan oleh Merriam (1988), Bogdan dan Biklen (1998) dan Creswell (2005), temu bual akan dijalankan secara lebih mendalam dan terperinci terhadap semua orang yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan peserta kajian. Dalam kajian ini, temu bual dengan murid dan guru dilakukan di sekolah manakala temu bual dengan ibu bapa dijalankan di rumah. Kaedah temu bual ini akan dijalankan beberapa kali sehingga ke peringkat tepu di mana respons yang diberikan oleh peserta kajian adalah sama selepas ditemu bual beberapa kali.

Temu bual ini tidak terhad kepada soalan-soalan yang disediakan dalam protokol temu bual. Soalan akan ditambah berdasarkan respons yang diberikan oleh peserta kajian. Mohd Najib Abdul Ghfar (2003) menyatakan kekuatan yang terletak pada kaedah ini ialah

fleksibel menggunakan soalan terbuka atau tertutup. Menurut Creswell (2005), soalan temu bual sentiasa boleh ditambah dan diteruskan dengan istilah ‘bila’, ‘bagaimana’, ‘kenapa’, ‘di mana’, ‘mengapa’ dan sebagainya. Dalam kajian ini pengkaji turut menggunakan teknik yang sama untuk memperoleh maklumat yang lebih terperinci daripada kesemua peserta kajian semasa melakukan kajian lapangan.

Marohaini Yusoff (2001), serta Bogdan dan Biklen (2007) mengatakan kaedah temu bual digunakan bersama-sama dengan pemerhatian. Penggunaan teknik ini boleh dikatakan sama penting dengan teknik pemerhatian. Tanpa temu bual, data yang diperoleh daripada pemerhatian tidak dapat memberi gambaran yang lengkap tentang apa yang diperhatikan. Teknik temu bual yang digunakan dalam kajian ini merupakan satu cara yang cepat untuk mendapat maklumat yang banyak dalam satu masa yang singkat. Pada dasarnya murid yang ditemu bual mempunyai kecenderungan untuk menunjukkan tingkah laku yang berbeza di hadapan khalayak ramai dan bersama keluarga. Pengkaji sebagai instrumen kunci (*key instrument*) perlu memupuk hubungan atau kepercayaan pada tahap yang tinggi antara pengkaji dan peserta kajian. Pengkaji cuba meyakinkan dan mendapatkan kepercayaan daripada peserta kajian sebelum memulakan temu bual. Ini memudahkan pengkaji untuk menanya soalan yang sama dengan pelbagai cara hingga peserta kajian benar-benar faham akan masalah yang dikaji dan memberi kerjasama dengan pengkaji.

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah temu bual kerana peserta kajian terdiri daripada tiga kumpulan yang berbeza iaitu murid berpencapaian cemerlang, sederhana dan lemah, ibu bapa dan guru tingkatan. Ada murid yang tidak tahu atau kurang berkemahiran membaca dan memahami soalan bertulis. Selaras dengan itu, pengkaji telah

menggunakan soalan-soalan berbentuk lisan untuk mendapatkan maklumat daripada kesemua peserta kajian ini. Kenneth (1992) menyatakan mereka yang tidak boleh membaca dan menulis masih boleh menjawab soalan-soalan dalam temu bual dan mereka yang tidak tahu menulis jawapan mungkin lebih selesa untuk bercakap. Ramai orang yakin keupayaan mereka bercakap daripada keupayaan menulis.


Proses temu bual dalam kajian ini dijalankan terhadap murid, guru tingkatan dan ibu bapa atau penjaga murid tersebut. Protokol temu bual murid (Lampiran B), protokol temu bual ibu bapa (Lampiran C) dan protokol temu bual guru tingkatan (Lampiran D) digunakan. Pengkaji ke sekolah murid tersebut bagi mengumpulkan data dari murid dan guru tingkatan murid tersebut. Seterusnya pengkaji ke rumah murid tersebut untuk menemu bual dengan ibu bapa. Walaupun peserta kajian ini merupakan murid-murid dan ibu bapa berketurunan India maka temu bual memang dijalankan dalam Bahasa Melayu. Ini adalah untuk melihat sejauh mana murid dan ibu bapa fasih bertutur dalam Bahasa Melayu. Sekiranya peserta kajian kurang memahami Bahasa Melayu maka pengkaji cuba permudahkan soalan dengan penggunaan bahasa ibunda iaitu Bahasa Tamil. Corbin dan Strauss (2008) menyatakan bahawa “.... *how respondents use language can tell us a lot about a situation*”. Perbualan dengan guru tingkatan pula diteruskan dengan Bahasa Melayu kerana kebanyakan mereka adalah berbangsa Melayu dan Cina.

Kaedah temu bual ini dilakukan beberapa kali sehingga pengkaji memperoleh data yang secukupnya dari kesemua peserta kajian. Pengkaji akan memulakan temu bual dengan soalan yang mudah dan diikuti dengan soalan yang lebih mencabar (Creswell, 2005). Semua aspek yang dibincang semasa temu bual akan dirakamkan melalui pita rakaman.

Selepas temu bual dan setelah menamatkan kerja lapangan pengkaji balik ke rumah dan memindahkan rakaman tersebut kepada *transcript verbatim* supaya tidak ada mana-mana hasil temu bual tersebut tertinggal. *Transcript verbatim* ini digunakan untuk membentuk matriks dan mencari *focus point* atau tema supaya dapat menghasilkan teori yang baru yang menjadi faktor penyebab yang mempengaruhi pencapaian akademik murid India di sekolah menengah rendah.

Jenis Temu Bual (*Interview*)

Menurut Creswell (2005), temu bual melibatkan proses menanya soalan terhadap satu atau lebih peserta kajian secara umum dengan menggunakan soalan terbuka dan merekodkan jawapannya. Kaedah ini sama penting seperti pemerhatian dalam kajian kualitatif. Temu bual terdiri daripada dua jenis cara menyoal peserta kajian, iaitu temu bual separa struktur atau tertutup dan temu bual tidak berstruktur atau terbuka. Dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan temu bual separa struktur dan temu bual tidak berstruktur untuk mengumpul data dari peserta kajian. Protokol temu bual separa struktur yang dihasilkan digunakan untuk mendapatkan data daripada peserta kajian dan sekiranya pengkaji memerlukan jawapan yang lebih terperinci maka pendekatan tidak berstruktur mula digunakan bagi memperoleh maklumat yang selanjutnya.



Rajah 3.3. Jenis-jenis temu bual

Temu Bual Separa Struktur

Dalam temu bual separa struktur, pengkaji menyoal sebilangan soalan formal yang dibina sebelum temu bual dijalankan tetapi penemubual juga diberi kebebasan untuk menyoal dan menjelajah lebih mendalam tentang jawapan peserta kajian kepada satu soalan formal yang telah ditanya. Dalam kaedah ini setiap soalan boleh diberi dalam aras bahasa yang berbeza, soalan boleh diubah suai dan disusun mengikut urutan tertentu dan aras bahasa dalam soalan boleh diubah suai mengikut keperluan dalam proses temu bual (Bogdan & Biklen, 2003; Chua Yan Piaw, 2006; Creswell, 2005; Tuckman, 1999). Soalan-soalan temu bual dalam kajian ini merupakan soalan separa struktur kerana menggunakan bahasa yang mudah difahami, mengikut urutan dan pelbagai soalan tambahan akan ditanya bagi memperoleh jawapan yang lebih tepat. Pengkaji akan menanya soalan secara berterusan sehingga mendapat jawapan yang terbaik daripada peserta kajian. Pengkaji akan mengubah-ubah bentuk soalan yang ditanya supaya mudah difahami oleh peserta kajian sehingga memperoleh maklumat yang dikehendakinya.

Temu Bual Tidak Berstruktur

Temu bual tidak berstruktur adalah bertentangan dengan temu bual berstruktur. Dalam temu bual tidak berstruktur, penemubual tidak menggunakan senarai soalan yang telah dibina sebelum sesi temu bual dijalankan (Bogdan & Biklen, 2003; Chua Yan Piaw, 2006; Creswell, 2005; Tuckman, 1999). Manakala dalam kajian ini soalan-soalan umum disediakan terlebih dahulu. Soalan-soalan khusus hanya akan ditentukan apabila pengkaji membuat temu bual dengan peserta kajian mengikut tujuan kajian. Cara ini memberi peluang kepada pengkaji untuk membuat temu bual dalam situasi yang biasa dan bebas

untuk bertanya soalan kepada peserta kajian. Suasana seperti ini akan mengurangkan jurang antara pengkaji dan peserta.

Kajian ini akan memperlihatkan penggunaan kaedah temu bual separa struktur dan temu bual tidak berstruktur untuk mendapatkan maklumat daripada peserta kajian. Ini dapat dilihat dengan menanya beberapa soalan utama dan akan diikuti dengan pelbagai soalan tambahan secara spontan untuk mendapatkan maklumat daripada peserta kajian. Ini kerana pengkaji tidak terikat dengan soalan yang dibentuknya sebelum memulakan sesuatu temu bual.

Menurut Creswell (2005), dalam kajian kuantitatif pengkaji menggunakan soal selidik pengkaji lain bagi tujuan pengumpulan data tetapi dalam kajian kualitatif pengkaji hanya dikehendaki menggunakan beberapa soalan terbuka bagi tujuan pengumpulan data. Sekiranya pengkaji memerlukan jawapan-jawapan yang lebih terperinci atau jawapan yang diberikan oleh peserta kajian begitu kabur, maka soalan-soalan lain yang berkaitan dengan aspek yang dikaji akan ditanya secara spontan bagi memperoleh maklumat yang dikehendaki. Aspek yang telah digunakan dalam temu bual ini adalah seperti mana yang terdapat dalam Jadual 3.3.

Jadual 3.3

Aspek Soalan Temu Bual Dengan Murid, Ibu bapa dan Guru Tingkatan

Aspek Temu Bual Dengan Murid	Aspek Temu Bual Dengan Ibu Bapa	Aspek Temu Bual Dengan Guru Tingkatan
<ul style="list-style-type: none"> a. Minat b. Pencapaian sekolah Rendah c. Penguasaan 3M d. Komunikasi e. Persepsi murid terhadap sekolah f. Hubungan dengan bapa, guru dan rakan. 	<ul style="list-style-type: none"> a. Taraf sosioekonomi b. Struktur keluarga c. Pendidikan ibu bapa d. Stail keibubapaan 	<ul style="list-style-type: none"> a. Penglibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran b. Peraturan sekolah c. Pandangan guru tingkatan terhadap tingkah laku murid.

Aspek yang ditemu bual dengan murid merangkumi minat, pencapaian akademik di sekolah rendah dan sekolah menengah, penguasaan 3M iaitu kebolehan membaca, menulis dan mengira, kemahiran berkomunikasi dengan guru dan rakan sebaya, persepsi murid terhadap sekolah dan hubungan dengan ibu bapa, guru dan rakan-rakan. Seterusnya temu bual dengan ibu bapa pula akan meliputi aspek sosioekonomi keluarga, bentuk keluarga, pelajaran ibu bapa dan stail keibubapaan. Manakala temu bual dengan guru tingkatan akan membincangkan penglibatan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran, sejauh mana murid tersebut mematuhi peraturan sekolah dan pandangan guru tingkatan terhadap murid tersebut.

Pemerhatian (*Observation*)

Creswell (2003, 2005) menyatakan bahawa pemerhatian merupakan proses pengumpulan data primer melalui pemerhatian terhadap individu dan kawasan kajian. Pemerhatian melibatkan pengkaji untuk mendapatkan nota lapangan terhadap kelakuan atau tingkah laku dan aktiviti seseorang individu dalam kajian lapangan. Pengkaji telah merakam informasi seperti mana diperhatikan bersama aspek atau tingkah laku luar biasa. Secara tidak langsung, pemerhatian memudahkan pengkaji untuk mengetahui secara lebih mendalam tentang topik atau aspek yang tidak disukai oleh peserta kajian.

Kaedah pemerhatian memainkan peranan yang penting dalam mengumpul maklumat sesuatu kajian kualitatif (Tuckman, 1999). Rohana Yusof (2001) mengatakan kaedah pemerhatian merupakan teknik asas bagi pengumpulan data. Manakala Sabitha (2005) pula menyatakan kaedah pemerhatian ialah satu cara pengumpulan data tanpa melibatkan komunikasi secara langsung dengan peserta kajian. Pengumpulan data pemerhatian dilakukan tanpa bertanya soalan secara langsung kepada peserta kajian. Peserta kajian akan diperhatikan dalam persekitaran yang sedia ada atau semula jadi iaitu dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah iaitu di kantin.

Kajian ini akan menggunakan kaedah pemerhatian untuk mengumpul data dari peserta kajian dan ibu bapa mereka. Pengkaji akan masuk ke kelas murid yang menjadi peserta kajian dengan izin pihak pentadbir sekolah berkenaan. Seterusnya setiap gerak-geri peserta kajian sebelum, semasa dan selepas berlangsungnya proses pengajaran dan pembelajaran diperhatikan dan direkodkan. Antara aspek yang akan diperhatikan oleh pengkaji adalah seperti dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.4

Aspek Pemerhatian di Sekolah dan di Rumah

Aspek Pemerhatian di Sekolah	Aspek Pemerhatian di Rumah
a. Dalam bilik darjah <ul style="list-style-type: none">• Sebelum waktu pengajaran pembelajaran• Semasa waktu pengajaran pembelajaran• Selepas waktu pengajaran pembelajaran	<ul style="list-style-type: none">• Lokasi rumah kediaman• Keadaan dalam rumah• Kemudahan lain di dalam rumah• Persekutuan rumah
b. Luar bilik darjah <ul style="list-style-type: none">• Di kantin sekolah	

Dalam kajian ini, aspek pemerhatian dilakukan dalam dua kategori iaitu pemerhatian di sekolah dan pemerhatian di rumah. Antara aspek yang diperhatikan dalam bilik darjah ialah penglibatan murid sebelum, semasa dan selepas waktu pengajaran dan pembelajaran iaitu tempat duduk, rakan di sebelah, penggunaan buku teks dan buku latihan, keaktifan mengambil bahagian dalam menjawab soalan, tumpuan semasa cikgu mengajar dan membuat latihan yang diberikan oleh guru (Lampiran E). Pengkaji juga akan melihat pergerakan murid di luar bilik darjah khususnya pada waktu rehat di kantin sekolah. Semasa rehat pengkaji akan memerhatikan jumlah wang yang dibelanjakan, jenis makanan yang dimakan dan pergaulan dengan murid lain.

Seterusnya pemerhatian di rumah akan dilakukan terhadap lokasi rumah kediaman iaitu bandar atau luar bandar dan kawasan ladang, serta jenis rumah iaitu rumah teres, rumah banglo atau rumah ladang. Keadaan di dalam rumah yang diperhatikan ialah jumlah bilik, tempat belajar, peralatan dan perabot yang terdapat dalam rumah, serta bilangan ahli

keluarga yang tinggal di dalam rumah tersebut. Kemudahan-kemudahan lain yang diperhatikan adalah seperti komputer, penggunaan internet, televisyen, Astro dan bahan-bahan bacaan seperti surat khabar dan majalah serta persekitaran rumah murid tersebut (Lampiran F).

Menurut Creswell (2005) antara kelebihan yang terdapat dalam pemerhatian semasa mengumpul data ialah pengkaji akan memperoleh data primer atau asli dari peserta kajian. Pengkaji melihat segala aspek luar biasa di dalam dan luar rumah serta mencatat maklumat yang diperoleh semasa pemerhatian supaya dapat digabungkan bersama dengan hasil temu bual dan dokumen semasa penulisan dapatan kajian. Hasil pemerhatian juga dirakamkan dalam bentuk gambar foto dan catatan lapangan. Kaedah pemerhatian juga berguna dalam meninjau beberapa aspek kurang selesa semasa menjawab soalan-soalan temu bual, kefasihan bahasa dan keyakinan semasa menjawab soalan oleh peserta kajian dan ibu bapanya.

Kaedah pemerhatian yang dilakukan di rumah peserta kajian adalah untuk melihat sejauh mana kemudahan asas dalam rumah membantu meningkatkan pencapaian akademik atau menjadi penghalang kepada pencapaian akademik murid tersebut. Di samping itu, pengkaji juga menilai sejauh mana ibu bapa mengambil berat dalam menyediakan pelbagai kemudahan asas di rumah masing-masing. Pemerhatian membolehkan pengkaji dapat mengukur situasi sebenar kehidupan murid di rumah bersama dengan ibu bapa dan di sekolah bersama dengan guru-guru dan rakan-rakannya. Pemantauan terhadap persekitaran dan kawasan kediaman juga diberi perhatian semasa mengumpul data daripada ibu bapa

peserta kajian. Segala hasil pemerhatian yang diperoleh turut memperkuuhkan penulisan dapatan kajian ini.

Dokumentasi (*Documents*)

Dokumentasi merupakan satu lagi kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul maklumat dari peserta kajian. Menurut Creswell (2005) dokumen merupakan sumber yang bernilai dalam sesuatu kajian kualitatif. Ini kerana dokumen merupakan rekod umum atau sulit yang diperoleh oleh pengkaji dari kawasan kajian atau peserta kajian melalui pelbagai sumber. Sumber yang pelbagai ini membantu pengkaji mendapatkan informasi penting terhadap sesuatu fenomena yang dikaji. Selain teknik pemerhatian dan temu bual, data juga boleh diperoleh daripada dokumentasi (Marohaini Yusoff, 2001).

Merriam (1998) menganggap dokumentasi sebagai sumber data yang ketiga pentingnya dalam penyelidikan kajian kes. Dokumentasi berupaya memberi maklumat deskriptif dan pemahaman sejarah latar belakang peserta kajian dan tempat yang dikaji. Antara bukti dokumen yang digunakan dalam kajian ini seperti latar belakang sekolah dan latar belakang murid. Latar belakang sekolah seperti pelan sekolah, jumlah guru dan murid, keputusan ujian bulanan, peperiksaan sekolah dan awam, jadual kedatangan sekolah dan aktiviti kokurikulum. Latar belakang murid yang digunakan dalam kajian ini ialah seperti statistik rekod pencapaian dan kemajuan murid, buku nota, buku latihan dan hasil-hasil kerja murid.

Mouly (1968) berpendapat bahawa semua yang harus diketahui telah disimpan dalam bentuk tulisan dan boleh didapati dalam salah satu daripada buku-buku yang terdapat

dalam perpustakaan. Berdasarkan kepada pandangan-pandangan di atas, boleh dirumuskan bahawa dokumentasi sebenarnya menjadi tunjang kepada seseorang pengkaji untuk mengumpul maklumat dan data bagi mencapai matlamat sesuatu kajian. Tuckman (1999) dan Marohaini Yusoff (2001) menjelaskan pengutipan dan pengumpulan maklumat daripada dokumentasi membolehkan penyelidik menambah, membanding dan memperkuuh lagi data-data yang diperoleh.

Dalam pada itu, Creswell (2005) menyatakan terdapat beberapa kelebihan dalam kaedah dokumentasi. Antara kelebihan yang dinyatakan oleh beliau iaitu dokumentasi membolehkan pengkaji mendapatkan bahasa dan perkataan berkaitan peserta kajian. Dokumentasi juga membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat mengikut kesesuaian masanya dan merupakan bukti penulisan yang menjimatkan masa dan perbelanjaan pengkaji.

Dalam usaha mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian ini, pengkaji telah melakukan penyelidikan dokumentasi yang melibatkan hasil kerja murid di sekolah seperti buku nota, buku latihan, buku amali, keputusan ujian bulanan dan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun, keputusan UPSR dan sebagainya (Lampiran G). Data berbentuk dokumentasi ini amat berguna untuk mengetahui kebolehan murid untuk belajar di sekolah. Ini kerana markah yang diperoleh dalam sesuatu ujian atau peperiksaan menjadi pengukuran kejayaan dan kesungguhan peserta kajian tersebut untuk belajar di sekolah. Oleh itu, statistik berbentuk angka amat penting dalam kajian ini kerana ia memudahkan pengkaji untuk mengukur pencapaian akademik peserta kajian.

Jadual 3.5

Jenis Dokumentasi Peserta Kajian

Ciri	Jenis Dokumen
• Markah Ujian	Ujian dan peperiksaan sekolah
• Kegigihan	Kerja atau latihan murid
• Pencapaian	Kad kemajuan murid
• Kedatangan harian	Jadual kedatangan kelas

Jadual 3.5 menggambarkan dokumen-dokumen yang dianalisis dalam kajian ini seperti markah ujian dan peperiksaan murid di sekolah, buku nota, buku kerja atau latihan murid dalam kelas, kad kemajuan dan jadual kedatangan murid ke sekolah. Dokumen-dokumen ini memberi gambaran terhadap pencapaian akademik dan penglibatan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah tersebut. Secara keseluruhannya pengumpulan data dilakukan seperti mana terdapat dalam Jadual 3.6.

Jadual 3.6

Cara Pengumpulan Data

Kaedah Penyelidikan	Cara Mengumpul Data
• Temu bual	Rakaman audio dan penulisan transkrip
• Analisis dokumen	Salinan keputusan UPSR, Ujian dan peperiksaan, buku kerja murid.
• Pemerhatian	Rakaman gambar foto. Nota lapangan

Penulisan Nota Lapangan

Sesuatu kajian kualitatif yang melibatkan kajian lapangan akan mewajibkan pengkaji untuk menulis nota lapangan. Bogdan dan Biklen (2003) menyatakan nota lapangan merupakan penulisan pengkaji tentang apa yang didengar, dilihat, pengalaman dan pemikiran dalam pengumpulan dan refleksi tentang data dalam sesuatu kajian kualitatif. Nota lapangan adalah nota yang dihasilkan semasa melakukan sesuatu kajian lapangan. Nota lapangan ini kebanyakannya dibuat setelah pengkaji melakukan pemerhatian supaya apa yang diperhatikan itu tidak lupa dari ingatannya. Semua maklumat yang dikumpul semasa pemerhatian dicatatkan dalam bentuk nota lapangan supaya dapat dianalisis setelah pengkaji pulang dari kawasan kajian.

Menurut Bailey (2007) kalau seseorang pengkaji tidak menulis nota lapangan maka pengkaji itu dianggap tidak melakukan kajian lapangan kerana nota lapangan merupakan tulang belakang dalam pengumpulan data dan menganalisis data. Penulisan nota lapangan dalam kajian ini akan bermula sebaik sahaja pengkaji telah memasuki kawasan kajian. Segala apa yang diperhatikan dalam bilik darjah, di luar bilik darjah, di dalam rumah dan di persekitaran rumah serta segala gerak-geri peserta kajian dicatatkan oleh pengkaji setelah selesai melakukan kerja lapangan pada setiap hari. Hasil penulisan nota lapangan membantu pengkaji untuk mengupas semula data-data yang dikumpul serta digabungjalinkan dalam penulisan hasil penemuan kajian ini.


Kaedah Menganalisis Data Kualitatif

Data yang dikumpul akan menjawab kesemua persoalan kajian yang dibincangkan dalam bab satu. Data yang dikumpul hanya berguna sekiranya ia memberi maklumat berkaitan

dengan persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Selain itu, data yang terkumpul akan dianalisis bagi mencapai matlamat dan objektif kajian. Penganalisisan data dilakukan untuk membolehkan penyelidik mendapatkan keputusan bagi masalah yang dikaji (Creswell, 2005; Mohd. Sheffie, 1987; Tuckman, 1999).

Analisis data merupakan satu proses yang terpenting dalam sesuatu penyelidikan. Bogdan dan Biklen (2007) menyatakan pengkaji kualitatif suka menganalisis data secara logik matematik (induktif). Segala data primer dan sekunder yang diperoleh dari kajian ini ditafsir secara teratur dan terperinci supaya dapat menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik murid India di sekolah menengah rendah.

Pengkaji kualitatif lebih mementingkan atau mengutamakan proses dan bukan hasil atau produk (Bogdan & Biklen, 2007). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan cara manual untuk menganalisis data yang dikutip. Segala data yang diberikan oleh murid, ibu bapa dan guru-guru tingkatan dicatatkan untuk dianalisis oleh pengkaji. Temu bual antara pengkaji dengan peserta, ibu bapa atau penjaga dan guru-guru tingkatan dirakamkan dalam bentuk audio dengan menggunakan pita rakaman. Data bentuk transkrip dan nota lapangan dipindahkan dalam bentuk koding (*coding*) dan matriks digunakan untuk menyusun semua bahan kajian. Menurut Creswell (2005), “*developing a matrix or table of sources that can be used to help organize the material.*” Creswell (1994) menyatakan penganalisisan data memerlukan pengkaji membangunkan kategori dengan membuat perbandingan dan perbezaan. Ia juga memerlukan pengkaji bersifat terbuka dalam menghadapi pelbagai kemungkinan untuk melihat hasil keputusan yang berlawanan. Rajah 3.3 menunjukkan cara penganalisisan data dalam pendekatan kualitatif.



Rajah 3.4. Penganalisisan data dalam pendekatan kualitatif (Creswell, 2005).

Kajian kualitatif boleh dianalisis melalui dua cara iaitu secara manual (*hand-analyze*) dan menggunakan komputer. Menurut Creswell (2005) penganalisisan manual data kualitatif melibatkan pengkaji supaya membaca semua data, meletakkan tanda-tanda yang sesuai dan memecahkan kepada bahagian-bahagian kecil. Manakala penggunaan komputer melibatkan penggunaan program dan perisian tertentu untuk menyimpan,

menyusun dan penghasilan *codes* bagi tujuan penganalisisan data. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah manual untuk menganalisis data supaya dapat memahami segala maklumat peserta kajian dengan lebih spesifik. Menurut Creswell (2005) penganalisisan secara manual boleh dilakukan terhadap pangkalan data yang kecil iaitu kurang daripada 500 muka surat transkrip dan nota lapangan. Kaedah ini juga menyebabkan pengkaji lebih rapat terhadap data yang dikumpul tanpa gangguan mesin (komputer).

Koding (*Coding*)

Seterusnya pengkaji memulakan proses koding bagi menganalisis data kajian kualitatif. Koding dimulakan sejurus selepas temu bual atau pemerhatian atau rakaman audio telah sempurna kerana data yang pertama menjadi penyumbang kepada asas pengumpulan data yang seterusnya (Corbin & Strauss, 2008). Menurut Creswell (2005), Corbin dan Strauss (2008) serta Boeije (2010), koding merupakan alat untuk menyusun data-data mengikut urutan berdasarkan pecahan data kepada kategori tertentu. Koding juga merupakan satu langkah penterjemahan dan menjadi label yang menceritakan topik utama sesuatu segmen. Koding dalam kajian kualitatif merupakan satu proses di mana segmen atau data dikenal pasti yang berhubung kait atau menjadi satu idea, tema atau kategori (Boeije, 2010). Koding dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu *open coding*, *axial coding* dan *selective coding*. Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan ketiga-tiga bentuk koding untuk mendapatkan kategori dan tema bagi penulisan laporan kajian.

Open Coding

Menurut Corbin dan Strauss (2008) serta Boeije (2010) *open coding* merupakan proses memecah, memeriksa, membanding, menghasilkan serta menggabungkan konsep dan mengkategorikan data dari data mentah. Data yang dikumpul dibaca dengan teliti dan dibahagikan kepada bahagian yang kecil. Pecahan-pecahan itu dibandingkan antara satu sama lain dan dikumpulkan dalam kategori yang mempunyai subjek yang sama dan dilabelkan menggunakan kod. Penemuan data melalui *open coding* terdiri daripada permulaan konsep kajian lapangan yang menyumbang kearah penyusunan yang lebih jelas dan spesifik.

Pengkaji telah mengaplikasikan langkah-langkah *open coding* seperti mana yang dibincangkan oleh Boeije (2010). Pada mulanya pengkaji membaca keseluruhan transkrip yang ditulis. Seterusnya membaca semula baris demi baris untuk menentukan permulaan dan akhir sesuatu pecahan. Kemudian menentukan mengapa pecahan tersebut bermakna dan menilai sama ada pecahan itu bersesuaian atau tidak bersesuaian dengan kajian. Pecahan tersebut dilabelkan serta diberi kodnya. Kemudian pengkaji membandingkan pecahan yang berbeza-beza kerana pelbagai pecahan dalam satu teks merujuk kepada topik yang sama supaya dapat diberikan kod yang sama.

Axial Coding

Corbin dan Strauss (2008) dan Boeije (2010) menyatakan bahawa *axial coding* merupakan satu set prosedur di mana data dikumpulkan dalam cara yang baru selepas *open coding* dengan mengaitkan di antara kategori. *Axial coding* merupakan proses yang lebih rumit dan mengandungi setiap satu kategori. *Axial coding* juga mengaitkan kategori dengan sub

kategori yang mengkhususkan kepada bidang dan dimensi kategori serta menyusun semula data yang telah dipecahkan kepada bahagian yang lebih kecil semasa mewujudkan perkaitan kepada analisis yang timbul. Idea yang baru akan dibentuk dengan menjalankan pengumpulan semula data.

Antara langkah-langkah yang diamalkan oleh pengkaji dalam menentukan *axial coding* ialah menentukan sama ada kod yang dibentuk meliputi data secukupnya dan mewujudkan kod yang baru apabila data memberikan insentif untuk berbuat demikian. Seterusnya memeriksa sama ada setiap pecahan dikodkan dengan baik atau memberikan kod yang berbeza (satu segmen satu koding). Pengkaji memutuskan kod yang lebih sesuai serta melihat secara keseluruhan pecahan yang memiliki kod tertentu dan mengambil kira perbezaan dan persamaannya. Kod yang dibentuk dipecahkan kepada kategori jika perlu dan pengkaji mencari bukti untuk membezakan kod yang utama dan sub kod. Akhirnya pengkaji lihat sama ada penjelasan yang terperinci dapat diambil untuk satu-satu kategori daripada sesuatu pecahan yang dibentuk dan jika tidak pengkaji kumpulkan data yang baru.

Selective Coding

Menurut Corbin dan Strauss (2008) serta Boeije (2010), *selective coding* melihat perhubungan di antara kategori untuk menjadikannya bermakna pada apa yang sedang berlaku dalam kajian lapangan. *Selective coding* merupakan peringkat yang terakhir dalam sesuatu analisis kajian. Tujuan koding ini ialah untuk menentukan kepentingan kategori dan kategori yang utama. Pada peringkat ini pengkaji menyusun balik data untuk menjawab soalan kajian dan mengetahui tujuan kajian. Bagi menjawab soalan kajian pengkaji menentukan konsep utama dan perhubungannya di antara konsep serta mengesahkannya.

Seterunya konsep tersebut diterjemahkan dan pengkaji meletakkan dapatan dalam sorotan kajian yang sedia ada. Akhirnya pengkaji juga memikirkan jawapan untuk soalan kajian dan membuat kesimpulan.

Rumusan

Keseluruhan bab ini telah menerangkan kaedah dan prosedur yang digunakan dalam kajian ini. Kaedah penyelidikan yang digunakan memberi maklumat dan membantu mendapatkan faktor-faktor yang menyebabkan seseorang murid mencapai pencapaian akademik yang cemerlang, sederhana dan rendah semasa waktu persekolahannya. Pendekatan yang tepat dapat membantu pengkaji untuk memperoleh data yang diharapkan melalui penglibatan peserta kajian secara teratur. Penggunaan kaedah yang tepat dan penganalisisan data yang teratur dapat memberikan keputusan yang lebih jitu. Penggunaan teknik yang tepat sentiasa membantu pengkaji supaya berada pada landasan yang betul dalam mengumpul data daripada peserta kajian atau dari kawasan kajian. Ini memudahkan pengkaji untuk memperoleh informasi terkini tentang dunia pendidikan di sekolah menengah dan dapat memerihalkan faktor-faktor yang menjadi penghalang khususnya kepada murid India untuk memperoleh pencapaian akademik yang lebih baik. Pendekatan yang terbaik untuk mendampingi masalah kajian akan memberi keputusan yang lebih realistik dengan keadaan dunia pendidikan sekarang.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

Pendahuluan

Kajian ini dijalankan untuk melihat pengaruh keluarga terhadap pencapaian akademik murid India di sekolah menengah rendah. Dalam bab ini pengkaji membincangkan dapanan kajian yang diperoleh daripada hasil pengumpulan data yang dilakukan dengan pelbagai cara seperti temu bual, pemerhatian dan dokumentasi. Kaedah “triangulasi” telah digunakan untuk mendapatkan data yang lebih tepat.

Menurut Mohammad Ali (2010), triangulasi adalah proses validasi yang harus dilakukan dalam kajian kualitatif untuk menguji kesahihan antara sumber data yang satu dengan sumber data yang lain atau kaedah yang satu dengan kaedah yang lain seperti temu bual dan pemerhatian. Sampel data ini telah dilakukan secara perbandingan berdasarkan kumpulan murid berpencapaian cemerlang, sederhana dan lemah atau secara keseluruhannya dikenali sebagai *sample group*. Ini adalah bertujuan untuk melihat persamaan dan perbezaan yang terdapat di antara kumpulan murid yang berlainan pencapaian akademik. Dapatan kajian juga akan menjawab lima persoalan kajian tentang faktor latar belakang keluarga, struktur keluarga, stail keibubapaan, pembentukan konsep kendiri dan aliran sekolah.

Latar Belakang Keluarga

Dalam kajian ini, antara aspek yang dikaji dalam faktor latar belakang keluarga ialah latar belakang pendidikan ibu bapa, pekerjaan dan pendapatan ibu bapa serta tempat tinggal

peserta kajian dan ibu bapanya. Latar belakang keluarga mempengaruhi pencapaian akademik seseorang murid di sekolah menengah. Murid yang berasal dari latar belakang keluarga yang berlainan memperlihatkan pencapaian prestasi akademik yang berbeza.

Latar Belakang Pendidikan Ibu Bapa

Dapatan kajian telah menunjukkan tahap pendidikan yang dimiliki oleh ibu bapa ada kaitan secara tidak langsung terhadap pencapaian akademik murid di sekolah menengah. Ibu bapa yang berpendidikan tinggi iaitu sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan SPM atau diploma menunjukkan anak-anak mereka memperoleh pencapaian tinggi. Manakala ibu bapa yang berpendidikan rendah iaitu Tahun 6, Tingkatan 1 atau 2 menunjukkan anak-anak mereka berpencapaian sederhana dan rendah. Kajian menunjukkan tahap pendidikan ibu bapa yang berbeza mempunyai implikasi terhadap persepsi dan cara ibu bapa berkenaan mengurus pelajaran sekolah anak-anak. Berikut adalah kenyataan ibu bapa tentang cara mana mengurus persekolahan anak-anak yang menunjukkan sikap ambil berat yang tinggi.

Petikan 1:

P : Apakah taraf pendidikan encik dan isteri ?

IB : Saya belajar sampai SPM dan isteri pun sampai SPM juga. Saya ada diploma dalam *electrical*.

P : Bagaimana encik membantu anak menyiapkan kerja sekolahnya?

IB : Saya ada membantu. Ada tengok anak siap atau tak siap kerja rumah. Kalau tak siap suruh mereka siapkan.

P : Bagaimana encik menyemak kerja sekolah anak ?

IB : Seminggu tiga kali saya menyemak buku sekolah anak-anak. Biasanya isteri saya yang tengok.

(IB1: Julai 26, 2010)

Berikut adalah kenyataan yang diberikan oleh ibu bapa murid iaitu M2, M5 dan M6.

Petikan 2:

IB : Saya setakat diploma dalam jurusan elektronik dan isteri saya diploma kejururawatan. Kerja sekolah ada bantu, contohnya Bahasa dan Matematik tapi nak buatkan untuk mereka tak ada. Macam folio itu kita akan bantu seperti tolong gunting gambar, mencari fakta untuk mereka dan mereka akan buat. Sekolah rendah kita akan ajar tetapi sekolah menengah kita tidak dapat mengajar kerana levelnya berlainan. Jadi susah untuk mengajar mereka. Kita akan tanya boleh tak mereka buat, kalau tak boleh kita akan cari sumber lain. Contohnya Sains anak kata susah maka kami hantar dia ke kelas tuisyen.

P : Bagaimana encik menyemak kerja sekolah anak ?

IB : Anak di sekolah rendah kami selalu akan menyemak buku latihan, yang sekolah menengah mereka akan uruskan sendiri. Bagi saya, saya akan menyemak buku anak-anak semasa menandatangani buku-buku mereka. Cikgu dia akan cop dan masa itu saya akan tengok. Kalau ada kesalahan saya akan tanya kenapa salah, tulisan tak cantik pun saya akan tanya kenapa tulisan awak tak cantik.

(IB2: Julai 18, 2010)

Petikan 3:

IB: Isteri saya belajar sampai Tingkatan 2. Saya sampai Tingkatan 5.

P : Bagaimana encik menyemak kerja sekolah anak ?

IB: Saya akan menyemak setiap hari dan bertanya soalan-soalan yang tertentu serta memastikan anak-anak membuat kerja rumah. Pada waktu malam dia akan belajar. Sampai sekarang tiada *complain* dari sekolah. Kalau tidak tahu dia tanya kakak atau tanya ibu. Kalau ada masa saya akan ajar. Biasanya ajar Matematik.

(IB5: Julai 25, 2010)

Petikan 4:

IB: Saya jurusan STPM. Isteri saya SPM.

P : Bagaimana encik membantu anak menyiapkan kerja sekolahnya?

IB: Maths saya boleh bantu. Bahasa Melayu dibantu mak dia. Yang lain-lain itu, dia jarang tanya. Saya membelikan buku kerja tetapi dia jarang gunakan.

P : Bagaimana encik menyemak kerja sekolah anak ?

IB: Sekali sekala saya semak. Saya juga pernah menyemak kerja sekolah dia tanpa pengetahuan dia.

(IB6: Julai 27, 2010)

Bagi ibu bapa M1, M2, M5 dan M6 yang berpendidikan, sekurang-kurangnya salah seorang daripada mereka berkelulusan SPM maka mereka positif terlibat dengan kerja sekolah anak-anak mereka walaupun berbeza sedikit dari segi penglibatan. Apabila ditanya bagaimana mereka menyemak kerja sekolah anak-anak, ada yang setakat “tengok” siap atau

tidak siap kerja sekolah seperti yang dinyatakan oleh ibu bapa M1 dan M2. Ada yang membuat semakan betul atau salah kerja sekolah seperti ibu bapa M2 dan M5 di mana mereka akan bertanya soalan-soalan agar anak-anak membuatnya dengan baik. Malahan ada ibu bapa yang mengaku turut membantu secara “*instructional*” atau mengajar bagi subjek-subjek yang mereka tahu seperti ibu bapa M5. Bagi mata pelajaran yang mereka sendiri tidak tahu mereka akan berusaha mendapatkan bantuan melalui tuisyen seperti yang dilakukan oleh ibu bapa M2.

Selain daripada membantu secara langsung ataupun tidak langsung, ibu bapa yang berpendidikan sekurang-kurangnya SPM mengambil inisiatif menyemak kerja sekolah anak-anak mereka. Ada yang menyemak setiap hari seperti ibu bapa M5, seminggu tiga kali iaitu ibu bapa M1, sekali sekala seperti ibu bapa M6, atau apabila mereka diperlukan menurunkan tandatangan seperti ibu bapa M2. Ada juga ibu bapa yang membuat semakan kerja sekolah secara senyap iaitu tanpa pengetahuan anak tersebut.

Sebaliknya ibu bapa yang tahap pelajaran sekadar sekolah rendah kurang tegas dan kurang konsisten dalam membantu kerja sekolah anak-anak mereka. Apabila ditanya bagaimana mereka membantu anak-anak menyiapkan kerja sekolah, ada yang menjawab, “kadang-kadang ada buat, kadang-kadang tak buat,” seperti M9. Malahan dari segi semakan kerja sekolah ada yang langsung tidak pernah lakukan dengan alasan “anak saya tidak pernah beri buku-buku itu kepada saya untuk menyemak” seperti M8. Ada kalanya tugas menyemak diserahkan kepada isteri seperti mana M9. Ibu yang selalu menyemak dan menyuruh anaknya menyiapkan kerja rumah di samping mengajar mana-mana subjek yang dia tahu. Berikut kenyataan beliau:

Petikan 5:

IB: Saya belajar sampai Tahun 6 sahaja. Isteri saya pun sampai Tahun 6 juga.

P : Bagaimana encik menyemak kerja sekolah anak?

IB: Dia tak pernah beri buku-buku itu kepada saya untuk menyemak. Tak ada serius langsung. Saya tak paksa dia.

(IB8: Julai 25, 2010)

Petikan 6:

IB: Saya belajar sampai Tingkatan 3. Isteri saya pun sampai Tingkatan 3.

P : Bagaimana encik membantu anak menyiapkan kerja sekolahnya?

IB: Saya akan semak. Kadang-kadang ada buat kerja rumah dan kadang-kadang tak buat. Kalau tak buat kerja rumah saya marah dia.

P : Bagaimana encik menyemak kerja sekolah anak?

IB: Isteri saya akan melihat. Saya tak ada masa. Dia akan menyuruh anak membuat kerja rumah dan mengajar apa yang dia tahu.

(IB9: Julai 17, 2010)

Pekerjaan dan Pendapatan Ibu Bapa untuk Pendidikan Anak-Anak

Tahap pendidikan ada hubungan dengan jumlah pendapatan ketua isi rumah sesebuah keluarga. Ini kerana ibu bapa yang berpendidikan berkemungkinan besar mendapat pekerjaan berpendapatan tinggi dan sehubungan itu gaya hidup mereka memberi kesan terhadap pencapaian akademik kanak. Ibu bapa yang berpendapatan tinggi dapat memenuhi segala kehendak dan permintaan anak-anak dalam usaha meningkatkan pencapaian akademik mereka. Apabila ditanya, bagaimana perbelanjaan sebulan, mereka mengaku memperuntukkan sejumlah wang gaji bulanan untuk anak-anak mereka seperti yang dinyatakan oleh ibu bapa M1 dan M2.

Petikan 7:

IB: Pekerjaan saya penjaga jentera di kilang kelapa sawit di Ladang Nam Bee, Air Kuning. Dari rumah saya jarak tempat kerja ialah 30 KM. Setiap hari berulang-alik. Isteri saya suri rumah.

P : Berapa pendapatan keluarga dalam sebulan?

IB: Lebih kurang RM 2500.00.

P : Bagaimana perbelanjaan encik untuk sebulan?

IB: Agih-agihkan perbelanjaan. Bayaran rumah lebih kurang RM500, membeli bahan makanan sebulan sekurang-kurangnya RM500, untuk anak-anak sahaja kami belanja lebih kurang RM100. Kami menghantar anak-anak ke sekolah dengan kereta.

(IB1: Julai 27, 2010)

Bapa M1, walaupun merupakan pencari nafkah tunggal dengan pendapatan bulanan sebanyak RM2500.00, namun pendapatan tersebut mencukupi dan masih dapat memperuntukkan sebanyak RM100.00 untuk belanja persekolahan anak-anak. Sementara itu, ibu bapa M2 yang berpendapatan sekurang-kurangnya RM5000.00 sebulan, membelanjakan sebanyak RM250.00 untuk persekolahan anak-anak. Malahan ibu bapa M2 juga menyediakan wang tuisyen dan insurans pendidikan untuk masa depan anak-anak beliau seperti mana yang dinyatakan dalam petikan berikut.

Petikan 8:

IB: Saya buat perniagaan sendiri. Isteri saya seorang jururawat.

P : Berapa pendapatan keluarga dalam sebulan?

IB: Sekurang-kurangnya RM5000.00.

P : Bagaimana perbelanjaan encik untuk sebulan?

IB: Perbelanjaan pendidikan sebanyak RM250.00, beli buku latihan, termasuk tuisyen semua sekurang-kurangnya RM1000.00. Bayar insurans pendidikan.

P : Apakah tujuan encik membeli insurans pendidikan?

IB: Saya nak guna insurans ini untuk pendidikan tinggi anak. Untuk melanjutkan pelajaran, saya nak guna duit ini. Semua anak saya ambil insurans selama 18 tahun saja.

(IB2: Ogos 1, 2010)

Apabila ditanya tentang pendapatan isi rumah bagi ibu bapa M6, beliau menyatakan bahawa pendapatan bulanan isi rumahnya ialah di antara RM5000 - RM6000 sebulan. Ini kerana kedua-dua orang ibu dan bapa bekerja sebagai guru di sekolah rendah dan menengah. Manakala ibu bapa murid ke sembilan (M9) memperoleh pendapatan bulanan

lebih kurang RM2000 atau lebih sedikit dan hanya bapa seorang sahaja yang bekerja. Apabila ditanya bagaimana perbelanjaan keluarga maka beliau berkata ‘kalau kita belanja dengan baik memang cukup.’

Keadaan ini agak berbeza dengan ketua isi rumah yang berpendapatan rendah dan memperoleh pendapatan kurang daripada RM1500.00 seperti ibu bapa M3, M4, M5, M7 dan M8. Apabila diajukan soalan, bagaimana perbelanjaan encik untuk sebulan, mereka mengakui pendapatan mereka tidak mencukupi dan tidak dapat menyediakan secara khusus wang untuk kegunaan anak-anak mereka selain membayar yuran tahunan dan tambang pengangkutan ke sekolah.

Petikan 9:

IB: Suami saya operator kilang. Saya suri rumah.

P : Berapa pendapatan keluarga puan dalam sebulan?

IB: Basic RM600 lebih sahaja. Kalau campur OT RM800 atau RM900. Saya mendapat bantuan kerajaan (kebajikan) mulai tahun ini. Saya ada sakit sebab itu saya minta bantuan. Saya mendapat bantuan RM300.00 ini melalui MIC, dulu saya dapat *stroke*. Gaji suami saya tak cukup untuk pelajaran anak saya so saya minta bantuan dari kerajaan.

P : Bagaimana perbelanjaan puan untuk sebulan?

IB: Pendapatan suami saya tak cukup untuk sebulan. Tinggal di sini sebagai menumpang dan ini bukan rumah saya. Ini rumah saudara saya. Tak cukup adik ipar saya bantulah. Macam itulah tiap-tiap bulan.

P : Bagaimana perbelanjaan persekolahan anak-anak?

IB: Duit-duit kebajikan itu saya gunakan untuk perbelanjaan seperti membeli buku, fotostat. Tiap-tiap bulan jimat sikit hujung tahun bayar yuran.

(IB3: Julai 25, 2010)

Ibu bapa murid yang ketiga (M3) ini hanya memperoleh pendapatan bulanan sebanyak RM900.00, di samping itu menerima bantuan sumbangan RM 300.00 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat setiap bulan. Hanya seorang sahaja yang bekerja dan isterinya menjadi suri rumah. Walaupun mereka menghadapi masalah kewangan tetapi

masalah tersebut dapat diatasi dengan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan ahli keluarga yang lain.

Petikan 10

IB: Suami saya bekerja sebagai pemandu lori. Saya seorang suri rumah. Saya tidak bekerja kerana perlu menjaga anak-anak. Dulu, semasa mak mentua saya tinggal bersama, saya bekerja. Sekarang, mak mentua saya tinggal di rumah anak perempuannya, jadi tiada orang di rumah untuk menjaga anak-anak saya. Jadi, saya berhenti bekerja. Saya juga akan bekerja di kedai-kedai sebagai kerja sampingan sekiranya diperlukan. Saya juga menjaga seorang anak dan dibayar RM100.

P : Berapa pendapatan keluarga dalam sebulan?

IB: RM900-RM1000 sebulan. Pendapatan ini memang tidak cukup kerana anak-anak saya perlu pergi ke tuisyen dan ini memakan perbelanjaan yang banyak. Tambang van juga kena bayar. Ini semua menyusahkan kita. Kalau diperlukan suami saya juga membuat kerja sampingan. Anak-anak saya pergi ke tuisyen Sains, BM dan BI. Saudara mara saya juga banyak membantu kami. Salah seorang daripada mereka membantu kami dengan mengajar tuisyen BM kepada anak kami.

P : Bagaimana perbelanjaan puan untuk sebulan?

IB: Saya kena membayar duit tuisyen sebanyak RM137.00. Selain itu, saya juga kena membayar tambang van dan duit perbelanjaan sekolah. Semua ini memakan belanja sebanyak RM300.00. Keperluan wang untuk anak-anak berubah dari masa ke semasa kerana mereka perlu membayar wang yang cikgu minta untuk membeli buku-buku latihan.

(IB4: Julai 26, 2010)

Pendapatan bulanan keluarga M4 di atas adalah di antara RM900.00 hingga RM1000.00. Namun ibu bapa mereka sanggup mencari kerja-kerja sampingan seperti bekerja di kedai, menjaga anak dan kerja-kerja lain seperti mengopek ikan bilis dan bawang bagi tujuan mencari pendapatan sampingan supaya dapat meringankan masalah kewangan keluarga. Anak-anak juga turut membantu melakukan kerja-kerja sampingan di rumah. Berikut adalah satu kenyataan yang diberikan oleh M4:

Petikan 11:

P : Apakah jenis pertolongan yang anda selalu buat untuk emak?

M : Mop. Saya cuci baju sekolah, cuci pinggan mangkuk, bersihkan ikan bilis dan kopek bawang. Satu minggu hari-hari buat. Kalau tak ada kerja rumah, saya duduk buat kerja lain. Bawang itu... ia ambil masa 4 hingga 6 jam. Satu hari satu bungkus boleh habis. Satu bungkus itu 10 kilo. Kadang-kadang dua bungkus, 20 kilo boleh habislah. Enam orang duduk, kalau bapa cuti, semua duduk buat kerja itu. Ikan bilis, satu hari tak ada kilolah..... Besen biru itu 4 kali hingga 5 kali.... Semua orang duduk, 2 hari atau 3 hari boleh habis 10 kilo. Kalau emak saja duduk 1 minggu lebih. Kakak sekarang tak ada tolong, ada PMR

(M4: Ogos 1, 2010)

Di halaman rumah terdapat beberapa guni bawang yang telah dihantar oleh pekedai Cina pada pagi tersebut untuk dikopek. Ibu M4 mengaku itu kerja sampingan yang dilakukan oleh keluarganya.

(OB: M4: Ogos 2, 2010)

Kenyataan tersebut menjelaskan bahawa ibu bapa sentiasa berusaha untuk meningkatkan pendapatan keluarganya supaya tidak mahu menghadapi masalah kewangan untuk menyekolahkan anak-anak. Dalam pada itu, anak-anak juga turut melibatkan diri dengan membantu ibu bapa melakukan kerja-kerja sampingan di rumah. Ini telah memberi kesedaran kepada anak-anak untuk belajar bersungguh-sungguh kerana mereka tahu dan mengalami kesusahan yang dihadapi oleh ibu bapa mereka. Anak yang akan menduduki peperiksaan pada tahun itu dikecualikan untuk melakukan kerja sampingan kerana perlu mengulang kaji pelajaran mereka. Ini membuktikan ibu bapa memang mengambil berat dan lebih prihatin terhadap pelajaran anak-anak.

Petikan 12:

P : Apakah pekerjaan encik dan isteri?

IB: Suami saya pemandu bas. Isteri saya tukang kebun di sekolah Cina.

P : Berapa pendapatan keluarga dalam sebulan?

IB: Saya mendapat RM36 sehari dan juga komisen iaitu RM700 dan campur komisen. Isteri mendapat RM560 sebulan.

P : Bagaimana perbelanjaan encik untuk sebulan?

IB: Susah juga. Tak dapat menampung perbelanjaan sekolah. Kena bayar duit rumah lagi. Kena hantar mereka ke sekolah dan tuisyen, tambang bas, tambang van setiap bulan. Masa balik naik bas dan bayar sendiri. Tak ada banyak simpanan. Kami pun susah juga. Kita bayar ansuran. Kita akan bayar habis.

(IB5: Julai 25, 2010)

Ibu bapa murid yang kelima (M5) ini bekerja sebagai pemandu bas dan tukang kebun di sekolah Cina yang berhampiran. Pendapatan bulanan adalah sebanyak RM1260.00 tanpa komisen bulanan. Keluarga ini menghadapi masalah kewangan untuk menyekolahkan anak-anak mereka tetapi masalah itu tidak mengganggu pelajaran anak-anak. Walaupun membayar secara ansuran tetapi akhirnya mereka dapat membayar apa jua perbelanjaan sekolah anak-anaknya.

Petikan 13:

IB: Saya bekerja di kilang kelapa sawit. Bekerja di sana selama 10 tahun. Isteri saya bekerja masa saya berkahwin selepas kelahiran anak OKU dia selalu minta kebenaran daripada majikan untuk bawa dia ke hospital. Pihak majikan kadang-kadang tak membenarkan isteri saya keluar semasa waktu bekerja. Oleh sebab itu, dia kena berhenti kerja. Selepas itu duduk rumah, berlaku satu kemalangan jalan raya. Tahun lepas sebelum Deepavali. Kami yang menaiki sebuah motosikal telah dilanggar oleh sebuah kereta. Saya tak cedera teruk tetapi isteri saya cedera teruk. Dia tidak dapat jalan dan duduk dan dia gunakan kerusi roda. Pada masa itu saya kena jaga keluarga. Emak saya yang selalu membantu saya. Sekarang sudah *ok*. Sekarang isteri saya tak bekerja dan dia menjaga anak OKU. Saya seorang yang bekerja.

P : Berapa pendapatan keluarga dalam sebulan?

IB: RM 1200 sebulan. Jabatan kebajikan ada membantu kita. Mereka memberi RM300.

P : Bagaimana perbelanjaan encik untuk sebulan?

IB: Sekarang saya dapat menanggung perbelanjaan bulanan. Dulu susah sikit. Pinjam duit daripada adik. Pinjam daripada kawan-kawan untuk masalah kewangan. Barang runcit sebanyak RM400-RM500, untuk anak-anak sekolah saya bagi RM1 sehari dan kalau sekolah petang beri RM2.

(IB7: Julai 27, 2010)

Menurut bapa M7, beliau bekerja di kilang kelapa sawit. Isterinya tidak bekerja akibat kemalangan dan terpaksa menjaga seorang anak OKU di rumah. Pendapatan bulanan beliau adalah sebanyak RM1200.00 sebulan dan mereka juga menerima bantuan kewangan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk perbelanjaan penjagaan anak OKU sebanyak RM300.00. Beliau mengaku suatu ketika dahulu beliau menghadapi masalah kewangan dan terpaksa meminjam daripada adik dan kawan-kawannya. Namun buat masa sekarang beliau dapat menanggung segala perbelanjaan bulanan dengan sendiri. Walaupun isterinya tidak bekerja tetapi masih mampu menanggung segala perbelanjaan isi rumahnya. Di samping itu, murid ini (M7) juga membantu nenek menghiris penyapu lidi sebagai kerja sampingan.

Petikan 14:

P : Adakah anda pergi kerja pada waktu petang di ladang?

M : Tidak, saya tak pernah. Saya hanya buat kerja di rumah sahaja. Kalau pergi ke rumah nenek, kita akan menghiris daun kelapa sawit untuk dijadikan penyapu lidi, menanam pokok bunga di rumah nenek. Bila nenek telefon Sabtu dan Ahad, saya akan ke rumah nenek untuk membuat kerja itu. Satu hari kami akan menyiapkan 30 hingga 40 ikat penyapu. Selepas itu, jual ke kedai yang berhampiran dan di taman. Kadang-kadang ada juga hantar ke kedai-kedai di pekan Jasin. Untuk kedai kami jual RM1.50. Kalau orang minta kami jual RM1.70. Satu bulan 4 kali (Sabtu dan Ahad). Nenek beri kita sedikit wang.

(M7: Julai 27, 2010)

Penglibatan murid (M7), dalam kerja seperti ini dapat mengurangkan beban ibu bapa di rumah. Murid tersebut mendapat sedikit wang daripada nenek untuk perbelanjaan sekolahnya.

Petikan 15:

P : Apakah pekerjaan encik dan isteri?

IB: Saya bekerja sebagai penoreh getah. Isteri saya pun bekerja sebagai penoreh getah.

P : Berapa pendapatan keluarga dalam sebulan?

IB: Pendapatan keluarga lebih kurang RM800.

P : Bagaimana perbelanjaan Encik untuk sebulan?

IB: Tak cukup untuk keluarga. Tiada orang membantu kita. So, kita sendiri kena jaga. Sehari untuk sekolah sahaja saya kena belanja sebanyak RM30. Kena bagi tambang bas untuk anak bongsu. Yang lain-lain itu kena bagi RM2. Isteri pula kena bagi RM5.

(IB8: Julai 2, 2010)

Ibu bapa murid yang kelapan (M8) ini bekerja sebagai penoreh getah. Jumlah pendapatan mereka adalah sebanyak RM800.00. Menurut mereka pendapatan yang diperoleh setiap bulan tidak cukup untuk perbelanjaan bulanan. Ini menyebabkan anaknya terpaksa bekerja selepas balik dari sekolah dan pada hari cuti sekolah untuk membantu menambah pendapatan dan meringankan tanggungan ibu bapa. Ini dapat dibuktikan dengan pengakuan murid itu sendiri.

Petikan 16:

P : Cuti Sabtu, Ahad buat apa?

M : Pergi bekerja dengan jiran. Menoreh getah. Satu hari RM15.00. Bila hari cuti sahaja saya pergi. Duit itu saya berikan kepada emak. Kalau tidak saya beli apa-apa dan makan.

(M8: Julai 30, 2010)

Selain itu, guru tingkatan murid kelapan ini juga mengakui bahawa murid ini (M8) membayar semua yuran sekolah. Menurut guru tingkatan, pembayaran lambat hanya berlaku dalam kalangan murid dari keluarga berpendapatan rendah.

Petikan 17:

P : Adakah murid menjelaskan semua yuran tambahan sekolah seperti mana yang ditetapkan oleh pihak sekolah?

G : Lambat bayar tetapi bayar juga. Tahun ini semua yuran sudah dijelaskan.

(GT8: Julai 21, 2010)

Berikut adalah kenyataan bapa M8 yang berpendapatan rendah tentang pembayaran yuran sekolah.

Petikan 18:

P : Sejauh mana anda melibatkan diri dalam mendidik anak di rumah?

IB : Saya beli buku-buku latihan. Susah macam mana pun saya akan bayar yuran sekolah.

(IB8: Ogos 2, 2010)

Walaupun keluarga ini menghadapi masalah kewangan namun mereka dapat membayar segala yuran yang ditetapkan oleh pihak sekolah kerana mereka tahu akan tanggungjawab mereka. Persekolahan anak-anak masih diutamakan oleh ibu bapa walaupun berpendapatan rendah. Ibu bapa berpendapatan rendah tidak menjadikan masalah pendapatan sebagai satu alasan yang mana mereka tidak dapat memberikan pendidikan yang sewajarnya kepada anak-anak.

Penyediaan Prasarana atau Kemudahan

Apabila sesebuah keluarga itu mempunyai masalah sosioekonomi maka masalah itu akan menimbulkan pula pelbagai masalah lain atau pun berlanjutan kepada masalah yang berkaitan dengan pembelajaran anak-anak. Ibu bapa yang berpendapatan rendah tidak dapat menyediakan kemudahan kepada anak-anak untuk belajar di rumah dengan selesa. Manakala ibu bapa berpendapatan tinggi sanggup dan dapat menyediakan pelbagai kemudahan untuk anak-anak belajar dengan selesa. Ibu bapa M1, M2, M3, M6 dan M9 mengakui bahawa mereka menyediakan bilik khas untuk belajar, perpustakaan mini, komputer, internet, membelikan buku-buku ulang kaji, surat khabar dan bahan bacaan tambahan. Menurut seorang ibu:

Rumah yang diduduki ialah rumah teres, mempunyai 3 buah bilik, ada ruang tamu yang besar. Salah sebuah bilik dijadikan sebagai bilik bacaan (*study room*). Bilik bacaan dilengkapi dengan meja dan kerusi untuk setiap orang anak, ada komputer dan sambungan internet. Dalam bilik tersebut juga terdapat rak buku dan perpustakaan mini.

(OB: M2: Julai 23, 2010)

Petikan 19:

P : Nyatakan kemudahan yang disediakan oleh encik kepada anak-anak untuk belajar di rumah?

IB : Kemudahan yang ada *study room*, belikan buku nota, buku ulang kaji. Ada internet untuk buat folio atau buat research. *Sunday mostly* beli surat khabar, *Sunday Star* dengan Berita Harian.

(IB3: Julai 25, 2010)

Keadaan yang sebaliknya berlaku di rumah murid M4, M5, M7 dan M8 yang mempunyai ibu bapa atau keluarga berpendapatan rendah. Antara alasan yang diberikan ialah tidak mempunyai wang yang secukupnya untuk menyediakan pelbagai kemudahan pembelajaran anak-anak di rumah seperti mana yang dinyatakan oleh bapa M4.

Petikan 20:

P : Nyatakan kemudahan yang disediakan oleh encik kepada anak-anak untuk belajar di rumah?

IB : Kami tidak mempunyai wang yang secukupnya untuk menyediakan kemudahan-kemudahan untuk anak belajar. Mereka akan belajar di luar, bukan dalam bilik.

Ada meja dan kerusi serta kipas di tempat letak kereta untuk anak-anak duduk dan membuat kerja rumah serta mengulang kaji pelajaran. Berhampiran dengan rumah terdapat jalan tar yang sentiasa dipenuhi dengan kereta dan motosikal berserta dengan bunyi kenderaan.

(OB: M4: Julai 27, 2010)

Seorang lagi bapa M8 juga mengakui bahawa disebabkan masalah kewangan maka beliau tidak dapat menyediakan pelbagai kemudahan di dalam rumahnya.

Petikan 21:

P : Nyatakan kemudahan yang disediakan oleh encik kepada anak-anak untuk belajar di rumah?

IB: Tak ada banyak kemudahan. Ada bilik kosong. Mereka akan duduk sana dan belajar.

(IB8: Ogos 2, 2010)

Rumah yang diduduki ialah kos rendah, mempunyai 3 buah bilik, 4 buah kipas dan lampu. Rumah tidak mempunyai meja dan kerusi untuk anak-anak duduk dan belajar tetapi hanya mempunyai meja makan dan kerusinya. Namun rumahnya dilengkapi sambungan televisyen sahaja. Anak-anak bermain di dalam rumah dan keadaan rumah terlalu bising. Tiada sambungan Astro.

(OB: M8: Ogos 2, 2010)

Cabaran Ibu Bapa SES Rendah

Faktor sosioekonomi juga telah menyebabkan ibu bapa menghadapi kesukaran untuk menghantar anak mereka ke kelas-kelas tuisyen. Ibu bapa yang mempunyai pendapatan bulanan yang mencukupi seperti M1, M2 dan M3 dapat menghantar anak-anak ke kelas-kelas tuisyen bagi tujuan memahirkan anak-anak dengan pelbagai latihan tambahan supaya dapat memperoleh pencapaian akademik yang lebih baik.

Petikan 22:

P : Adakah anak-anak dihantar ke kelas-kelas tuisyen?

IB : Ada, di CHILD tuisyen pada hari Sabtu dan Ahad.

(IB1: Ogos 14, 2010)

Manakala ibu bapa yang memperoleh pendapatan yang rendah atau menghadapi masalah kewangan tidak dapat menghantar anak ke kelas-kelas tuisyen. Anak-anak tidak dapat

memperkayakan diri dengan pelbagai latihan dan menghabiskan masa tanpa membuat kerja-kerja yang berfaedah. Akibatnya ini telah menjejaskan pencapaian akademik mereka di sekolah. Berikut adalah keluhan dua orang bapa:

Petikan 23

P : Adakah anda mempunyai apa-apa masalah berkaitan dengan pembelajaran anak-anak?

IB : Anak hendak pergi tuisyen tetapi oleh sebab masalah kewangan tak dapat hantar.

(IB4: Ogos 21, 2010)

Petikan 24:

P : Adakah mengalami masalah pembelajaran?

IB: Menghantar tuisyen ke rumah orang yang dikenali. Subjek bahasa Tamil. Sekarang anak tidak pergi tuisyen. Kalau hendak pergi ke tuisyen kena pergi terlalu jauh sehingga Jasin. Kalau ada masalah dalam pelajaran tanya pada orang yang duduk dekat situ

(IB7: Julai 27, 2010)

Anak-anak mereka tidak dapat dihantar ke kelas tuisyen tetapi hanya setakat tanya-tanya sahaja kepada jiran yang berhampiran dalam ladang tersebut. Selain itu, pusat tuisyen yang terletak jauh juga menyebabkan beliau tidak dapat menghantar anak ke bandar yang berhampiran. Jiran hanya dapat membantu dalam mata pelajaran Bahasa Tamil sahaja manakala mata pelajaran utama tidak dibantu oleh jiran tersebut. Ini kerana jiran mereka kurang arif dalam mengajar mata pelajaran utama.

Selain itu, tiga daripada sembilan orang murid terpaksa membantu ibu bapa untuk mencari pendapatan tambahan di rumah. M4 membantu ibu bapa kopek bawang dan bersihkan ikan bilis (M4: 2.8.10), M7 menghiris daun kelapa sawit untuk dijadikan penyapu lidi (M7: 27.7.10) dan M8 bekerja bersama jiran dengan menoreh getah (M8:

30.7.10). Masa lapang murid-murid ini digunakan untuk melakukan kerja-kerja sampingan dalam usaha mencari pendapatan tambahan untuk membantu ibu bapa mereka.

Ibu bapa yang mempunyai pendapatan yang lumayan telah menjanjikan pelbagai hadiah atau wang kepada anak-anak sekiranya memperoleh keputusan yang lebih baik dalam sesuatu peperiksaan. Ini telah menjadi satu faktor dorongan dan motivasi kepada anak-anak untuk memperbaiki pencapaian dan meningkatkan lagi keputusan peperiksaan. Berikut adalah janji-janji yang diberikan oleh ibu bapa kepada anak-anak:

Petikan 25:

P : Apakah bentuk motivasi encik sekiranya anak mendapat keputusan yang baik
IB : Saya akan membelikan banyak buku-buku kepada mereka. Disebabkan anak saya mendapat 7A, saya membeli jam tangan untuknya.

(IB1: Julai 26, 2010)

Petikan 26:

IB : Kalau dapat A, kita akan bagi RM10 bagi setiap A. Duit itu mereka masukkan dalam tabung. Mereka juga ada insurans pendidikan. ... Ada anak seorang cakap kalau saya dapat A saya nak duit, yang bongsu itu nak alat muzik. *Ok* lah, saya akan belikan. Macam itu galakan saya. Selain daripada itu, setahun sekali masa cuti pergi tempat melancong. Kalau dia orang buat baik kita bagi pilihan.

(IB2: Julai 18, 2010)

Berikut adalah janji yang diberikan oleh ibu bapa kepada anaknya:

Petikan 27:

P : Kalau dia mendapat keputusan yang baik, adakah anda bagi apa-apa hadiah untuknya?
IB : Kalau keputusan baik, dia dapat basikal, guitar....

(IB3: Ogos 1, 2010)

Ibu bapa M1, M2, M3 dan M6 sentiasa menjanjikan pelbagai bentuk hadiah kepada anak-anak mereka yang memperoleh keputusan yang lebih baik tanpa mengambil kira pendapatan yang diperoleh. Pujian, dorongan, motivasi, hadiah, wang dan pelbagai jenis janji telah menjadi faktor dorongan kepada anak-anak supaya memberi perhatian yang lebih serius untuk mendapatkan keputusan yang lebih baik pada masa akan datang. Ini telah mewujudkan persaingan dalam kalangan murid-murid untuk membaiki keputusan akademik dan seterusnya memperoleh pencapaian akademik yang lebih baik.

Kesimpulannya, pendapatan isi rumah membantu ibu bapa dalam menguruskan perbelanjaan aktiviti sekolah anak-anak. Walaupun tidak semua ibu bapa yang dapat memenuhi segala kehendak dan menyediakan pelbagai kemudahan kepada anak-anak, namun kekurangan ini dapat diatasi oleh pihak sekolah dengan membenarkan murid-murid ini menggunakan makmal komputer untuk menambahkan ilmu pengetahuan, menyediakan pelbagai bahan bacaan seperti surat khabar, majalah dan buku-buku di perpustakaan sekolah.

Tempat Tinggal

Tempat tinggal turut memainkan peranan yang penting terhadap pencapaian akademik seseorang murid untuk mendapatkan keputusan yang lebih baik. Dapatan kajian menunjukkan lapan orang daripada sembilan peserta kajian tinggal di rumah sendiri. Hanya sebuah keluarga sahaja yang tinggal di rumah ladang (majikan).

Rumah yang diduduki merupakan rumah ladang (majikan). Tetapi rumah tersebut berbentuk Semi-D. Mempunyai tiga buah bilik, sebuah stor, satu ruang tamu yang kecil, bahagian dapur dan tandas serta bilik mandi. Jiran sebelahnya adalah orang India dan Melayu. Rumah dilengkapi

dengan kipas, lampu dan bekalan air. Ada kusyen dan sebuah kereta Datsun. Kedua-dua ibu bapa mempunyai telefon bimbit. Persekutuan rumah agak sunyi pada waktu petang.

(OB: M7: Julai 27, 2010)

Hasil pemerhatian di rumah M7, membuktikan bahawa dua daripada tiga peserta kajian ini merupakan murid yang berpencapaian rendah dan seorang berpencapaian sederhana. Manakala rumah-rumah yang lain mempunyai tiga atau lebih daripada tiga buah bilik, ruang tamu, bahagian dapur, tandas dan bilik mandi. Kesemua tempat kediaman murid ini terletak dalam lingkungan kurang daripada 8 km dari sekolah masing-masing. Berikut adalah kenyataan-kenyataan yang diberikan oleh ibu bapa:

Petikan 28:

P : Adakah ini rumah sendiri atau rumah sewa?

IB: Ini rumah sendiri.

P : Berapakah jauh rumah ke sekolah?

IB: 4 km, isteri hantar dengan kereta. Kadang kala mereka akan menaiki bas ke sekolah dan dari sekolah.

P : Adakah keadaan persekitaran di luar rumah mengganggu tumpuan dia untuk belajar?

IB: Tak ada gangguan masa belajar kerana belajar waktu malam. Lagipun mereka ada bilik khas untuk belajar.

(IB1: Julai 27, 2010)

Rumah peserta kajian IB1 merupakan rumah sendiri. Jauh rumah ke sekolah ialah 4km. Isteri beliau menghantar anak ke sekolah dengan menaiki kereta dan kadang-kala mereka menaiki bas ke sekolah. Menurut beliau lagi, persekitaran rumah tersebut sunyi dan tidak ada gangguan pada waktu malam kerana merupakan hanya sebuah rumah sahaja dalam tanah sendiri. Di samping itu, anaknya belajar dan buat kerja rumah di bilik khas.

Petikan 29:

IB: Ini rumah saudara. Saya hanya menumpang.

P : Berapakah jauh rumah ke sekolah?

IB: 3 km.

P : Pagi-pagi anak puan bangun pukul berapa?

IB: Pukul empat pagi.

P : Mengapa dia bangun 4 pagi?

IB: Ada belajar sikit. Lepas itu mandi, sembahyang dan membaca 108 mantras. Sri Ramajayam tulis dekat buku dan lepas itu dia ambil buku dan baca sikit-sikit.

Lepas itu ayah dia hantar dia ke sekolah. Setiap hari dia bangun macam itu.

Cuti sekolah dia bangun pukul 7 pagi. Malam tidur pukul 10 atau 10.30. Kalau Saturday dia lambat sikit dia tengok *English movie* dengan ayah dia. Ayah dia pun beri kelonggaran.

P : Adakah dia rasa letih?

IB: Ya. Saya kata susah-susah sekarang nanti senang. Itulah nasihat saya, beri sedikit galakan supaya dia tidak merungut.

P : Adakah keadaan persekitaran di luar rumah mengganggu tumpuan dia untuk belajar?

IB: Tiada yang mengganggu pelajaran dia. Di sini sunyi dan di bilik atas tak ada orang mengganggu dia.

(IB3: Julai 25, 2010)

Keluarga murid yang ketiga ini tinggal bersama dengan sanak saudara. Mereka tinggal dalam satu keluarga yang besar. Jarak rumah ke sekolah adalah 3 km. Setiap hari murid tersebut akan bangun pada pukul 4 pagi dan belajar. Selepas itu, kesemua ahli keluarga duduk bersama melakukan upacara sembahyang dan membaca 108 mantras dan menulis Sri Ramajayam (ayat-ayat suci). Budaya ini telah menjadi tradisi dalam keluarga tersebut dan membentuk peribadi yang mulia dalam kalangan ahli keluarga.

Rumah banglo (sebuah) sendiri. Dibina dalam tanah sendiri dengan 9 buah bilik. Bilik di tingkat atas mempunyai beberapa buah kerusi dan meja untuk anak-anak duduk dan belajar. Bilik tersebut juga dilengkapi dengan komputer dan sambungan internet. Selain itu, di dalam bilik tersebut diwujudkan perpustakaan mini yang dilengkapi buku-buku cerita, buku-buku rujukan, kamus, ensiklopedia dan sebagainya. Mempunyai bilik sembahyang khas untuk digunakan oleh seisi keluarga. Bilik sembahyang dilengkapi dengan patung dan gambar-gambar Tuhan Hindu.

(OB: M3: Ogos 1, 2010)

Setiap hari bapanya menghantar anak-anak ke sekolah. Murid tersebut mempunyai jadual untuk melakukan pelbagai aktiviti di rumah seperti masa belajar, masa sembahyang dan masa menonton. Selain itu, rumah yang mereka menduduki adalah rumah keluarga di tanah sendiri maka tidak ada gangguan dari mana-mana pihak. Anak-anak sentiasa belajar di bilik khas di tingkat satu. Walaupun ahli keluarga terlalu ramai tetapi keadaan sunyi dan bilik khas di tingkat atas memudahkan anak-anak untuk mengulang kaji pelajaran.

Petikan 30:

IB: Ini rumah sendiri. Sudah 17 tahun duduk di sini.

P : Berapakah jauh rumah ke sekolah?

IB: Jarak sekolah ke rumah lebih kurang 2km.

P : Adakah keadaan persekitaran di luar rumah mengganggu tumpuan dia untuk belajar?

IB: Tiada gangguan semasa mereka belajar.

(IB5: Julai 25, 2010)

Keluarga murid yang kelima (M5) juga tinggal di rumah sendiri di sebuah taman perumahan. Jarak rumah ke sekolah hanya 2 km sahaja. Masa perjalanan ke sekolah tidak lama. Persekitaran rumah mereka juga tidak mempunyai apa-apa gangguan semasa anak-anak belajar di rumah.

Petikan 31:

IB: Ini rumah majikan, tak payah bayar sewa. Tiada bil air dan bil elektrik.

P : Berapakah jauh rumah ke sekolah?

IB: Lebih kurang 4 km. Saya hantar anak ke sekolah dengan kereta.

P : Adakah keadaan persekitaran di luar rumah mengganggu tumpuan dia untuk belajar?

IB: Tidak. Tempat yang selesa untuk belajar kerana aman.

(IB7: Julai 27, 2010)

Peserta kajian yang ketujuh ini pula tinggal di rumah majikan di sebuah ladang. Rumah mereka merupakan rumah berkembar setingkat. Walaupun mereka tinggal di rumah

majikan tetapi satu kelebihan yang mereka nikmati adalah tidak perlu bayar sewa rumah, tiada bil air dan elektrik. Ini merupakan satu keistimewaan kepada pekerja ladang dan dapat mengurangkan masalah kewangan pada setiap bulan. Jarak rumah ke sekolah ialah hanya 4 km sahaja. Menurut beliau lagi rumah yang mereka diami merupakan tempat yang sesuai untuk belajar kerana tidak mempunyai apa-apa gangguan di persekitaran.

Hasil kajian menunjukkan bahawa tempat kediaman murid tidak menyukarkan mereka untuk ke sekolah atau belajar. Namun, lapan daripada sembilan peserta kajian tinggal di rumah sendiri dan seorang tinggal di rumah majikan (ladang) tetapi kesemua mereka tidak menghadapi sebarang masalah persekitaran yang menjelaskan proses pembelajaran anak-anak di rumah. Walaupun tiga daripada sembilan orang peserta kajian tinggal di rumah yang mempunyai dua buah bilik sahaja tetapi mereka masih mempunyai ruang untuk belajar di dalam bilik dan di ruang tamu. Kalau ada keinginan untuk belajar maka murid tersebut boleh menggunakan mana-mana ruang di dalam rumah untuk belajar, membuat latihan dan mengulang kaji pelajaran. Kesimpulannya tempat kediaman tidak begitu mempengaruhi pembelajaran murid sehingga menjelaskan pencapaian akademik.

Ketiadaan Bapa (*Father Absence*)

Salah satu perkara yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik murid ialah ketiadaan bapa di rumah. Segala tanggungjawab untuk menjaga anak lazimnya diletakkan di bahu ibu. Bapa keluar bekerja sehari suntuk untuk mencari pendapatan bagi menyara kehidupan keluarga dan hanya akan balik lewat setiap hari. Ini menyebabkan isteri terpaksa melakukan semua kerja di rumah termasuk menjaga keperluan persekolahan anak-anak semasa ketiadaan bapa.

Masalah ini nampak ketara dalam kalangan ibu bapa yang anaknya berpencapaian sederhana dan rendah iaitu lima daripada sembilan orang bapa keluar rumah awal pagi dan hanya balik lewat petang atau malam. Ini dapat dilihat melalui kenyataan yang diberi oleh seorang suri rumah terhadap suami yang selalu tidak ada di rumah.

Petikan 32:

P : Apakah masalah yang dihadapi oleh puan berhubung dengan pelajaran anak Puan?

IB: Suami saya pemandu bas. Suami saya pergi kerja pada waktu pagi dan balik waktu malam sahaja.

(IB5: Julai 25, 2010)

Berikut adalah pengakuan suami-suami yang selalu tidak berada di rumah atas urusan kerja. Mereka mengaku kebanyakannya urusan rumah dan anak dijaga oleh isteri seperti kenyataan di bawah.

Petikan 33:

P : Bagaimana encik memberi perhatian terhadap tingkah laku anak-anak di dalam dan di luar rumah?

IB : Isteri saya akan menjaga segala urusan pelajaran, buku-buku, adakah mereka belajar atau tidak, kerja rumah semuanya diuruskan oleh isteri saya. Ada masalah baru dia beritahu saya.

(IB7: Julai 27, 2010)

Petikan 34:

P : Apakah pekerjaan encik?

IB: Saya pemandu lori. Saya pergi kerja pukul 2 atau 3 pagi dan balik 7 atau 8 malam. Isteri saya menjaga keluarga.

(IB9: Julai 17, 2010)

Kesimpulan

Pencapaian akademik mempunyai hubungan langsung dengan aspek aspek belakang keluarga. Jadual 4.1 memberi rumusan berkaitan latar belakang keluarga yang merangkumi

pendapatan keluarga, pendidikan serta pekerjaan ibu bapa dan jenis rumah yang diduduki oleh kesemua keluarga peserta kajian.

Jadual 4.1

Rumusan Latar Belakang Keluarga

Murid	Latar belakang keluarga			
	Pendapatan	Pendidikan	Pekerjaan	Jenis rumah
M1	RM2500	Bapa- SPM Ibu - SPM	Mesin Operator Suri rumah	Sendiri
M2	RM5000	Bapa- Diploma Ibu - Diploma	Perniagaan sendiri Jururawat	Sendiri
M3	RM900 + Bantuan JKM	Bapa - PMR Ibu - SPM	Operator kilang Suri rumah	Rumah saudara
M4	RM 1000	Bapa - Tahun 6 Ibu - Tahun 6	Pemandu lori Suri rumah (Jaga anak)	Sendiri
M5	RM1640	Bapa - SPM Ibu - Ting 2	Pemandu bas Tukang kebun	Sendiri
M6	RM6000	Bapa - Diploma Ibu - Diploma	Guru Guru	Sendiri
M7	RM1200 + Bantuan JKM	Bapa - Ting 2 Ibu - Ting 3	Pekerja kilang k/s Suri rumah	Majikan
M8	RM800 + Bantuan JKM	Bapa - Tahun 6 Ibu - Tahun 6	Penoreh getah Penoreh getah	Sendiri
M9	RM2000	Bapa - PMR Ibu - PMR	Pemandu lori Suri rumah	Sendiri

Kesemua ibu bapa memperoleh pendidikan rendah dan menengah. Hanya terdapat dua orang ibu bapa yang menamatkan pelajaran sehingga Tahun 6. Manakala tujuh yang lain mempunyai tahap pendidikan menengah dan ada yang mempunyai diploma. Kesemua ibu bapa memang mempunyai keinginan yang tinggi untuk menyekolahkan anak dan menjadikan anak cerdik-pandai sehingga berjaya memegang sesuatu jawatan yang lebih tinggi. Golongan ibu bapa yang berpendidikan tinggi sentiasa memastikan anak-anak dapat belajar dalam suasana yang kondusif di samping menyediakan pelbagai kemudahan tambahan di dalam rumah di samping memberi tunjuk ajar yang sewajarnya.

Struktur Keluarga

Peserta kajian dalam kajian ini membesar dalam dua jenis keluarga iaitu keluarga asas atau keluarga nuklear (*nuclear family*) dan keluarga luas (*extended family*). Keluarga asas atau nuklear terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak sahaja. Manakala keluarga luas terdiri daripada ibu bapa, anak-anak, datuk nenek dan pakcik serta makcik yang tinggal bersama dalam satu keluarga. Dalam kajian ini terdapat 7 buah isi rumah merupakan keluarga nuklear dan 2 buah isi rumah merupakan keluarga luas.

Keluarga Nuklear

Keluarga nuklear dalam kajian ini terdiri daripada kedua-dua ibu bapa bekerja atau seorang sahaja bekerja untuk menyara isi keluarga. Namun, analisis data kajian menunjukkan latar belakang jenis keluarga nuklear memainkan peranan secara langsung dan tidak langsung terhadap pembelajaran anak dengan membantu anak menyiapkan kerja rumah dan memantau pelajaran anak-anak. Walaupun kedua-dua ibu bapa bekerja tetapi mereka masih dapat mengawasi segala pergerakan anak-anak di rumah dengan mendapatkan khidmat

penjagaan orang tua iaitu datuk nenek atau nenek kepada peserta kajian yang tinggal berhampiran dengan rumah keluarga M2. Ibu bapa keluarga M2 bekerja dan beliau mempunyai 4 orang anak yang mana keempat-empatnya masih bersekolah.

Petikan 35:

P : Berapakah bilangan anak atau ahli keluarga dalam keluarga ini?

IB: 6 orang semuanya.

P : Berapa orang yang bekerja dan bersekolah?

IB: 4 orang pun bersekolah, 2 orang sekolah menengah dan 2 orang sekolah rendah.
Mereka semua dari sekolah kebangsaan. 2 orang bekerja.

P : Bagaimana Encik memberi perhatian terhadap tingkah laku anak-anak di dalam dan di luar rumah?

IB: 5 hari mak yang ambil tahu. Tak ada keluar mana-mana. Mereka tak keluar sendiri. Mereka ikut mak. Macam Sabtu dan Ahad mereka keluar dengan kitalah.

P : Adakah mana-mana orang tua (datuk atau nenek) tinggal bersama?

IB: Ada. Nenek dia. (Taman berhampiran)

P : Apakah sumbangan mereka terhadap keluarga ini?

IB: Memang ada. Masa sekolah rendah beliau pernah mengajar sikit-sikit macam Bahasa Tamil. Uruskan makanan, menjaga anak-anak dan beliau memberi nasihat kepada mereka.

(IB2: Ogos 1, 2010)

Jelas segala pergerakan dan tingkah laku anak-anak dalam keluarga ini diawasi oleh nenek mereka yang merupakan emak kepada ayah kanak-kanak tersebut dan beliau tinggal di taman yang berhampiran. Oleh itu, peranan yang dimainkan oleh nenek ini secara tidak langsung dengan memantau pergerakan anak-anak ketika ibu bapa tidak ada di rumah iaitu dengan memastikan anak-anak “tak ada keluar mana. Mereka tidak keluar sendiri” (IB2), memberi nasihat, mengurus keperluan asas seperti makan dan minum selain secara langsung terlibat dengan kerja sekolah anak-anak tersebut dengan mengajar “sikit-sikit” (Bahasa Tamil).

Ada juga keluarga nuklear yang dikunjungi oleh orang tuanya seperti emak dan ayah kepada ibu bapa (datuk atau nenek) peserta kajian seperti IB7 yang mengaku emak dan bapa yang datang akan tinggal bersama dan bila ditanya, “apakah sumbangan mereka terhadap keluarga ini?” jawapannya, “mereka banyak memberi nasihat kepada anak-anak (cucu). Mereka juga akan menjaga cucu dengan baik”.

Petikan 36:

- P : Adakah mana-mana orang tua (datuk atau nenek) tinggal bersama?
IB: Tidak. Kalau mak atau bapa saya datang mereka akan tinggal sini beberapa hari.
P : Apakah sumbangan mereka terhadap keluarga ini?
IB: Mereka banyak memberi nasihat kepada anak-anak kita. Mereka juga akan menjaga cucu-cucu dengan baik.

(IB7: Ogos 2, 2010)

Bagi keluarga nuklear yang bapa sahaja bekerja menyebabkan isteri tinggal di rumah sebagai suri rumah sepenuh masa. Tugas beliau ialah menguruskan rumah tangga dalam pelbagai aspek termasuk penyediaan makan dan minum serta hal-hal tentang persekolahan anak-anak. Malahan bapa hanya akan balik lewat setiap hari.

Dapatan kajian menunjukkan lima daripada sembilan orang bapa dalam keluarga nuklear keluar rumah awal pagi dan hanya balik lewat petang atau malam. Ini dapat dilihat melalui kenyataan yang diberikan oleh seorang suri rumah terhadap suami yang selalu tidak ada di rumah. Oleh itu, tugas dan tanggungjawab isteri dalam menguruskan rumah tangga bertambah berat ketika ketiadaan suami di rumah.

Petikan 37:

P : Apakah masalah yang dihadapi oleh puan berhubung dengan pelajaran anak puan?

IB: Suami saya pemandu bas. Suami saya pun pergi pagi dan balik malam.

Saya yang kena jaga semua urusan rumah tangga dan pelajaran anak-anak.

(IB5: Julai 25, 2010)

Berikut adalah pengakuan suami-suami yang selalu tidak berada di rumah atas sebab urusan kerja. Mereka mengaku kebanyakan urusan rumah dan pelajaran anak dijaga oleh isteri seperti dalam kenyataan berikut.

Petikan 38:

P : Bagaimana encik memberi perhatian terhadap tingkah laku anak-anak di dalam dan di luar rumah?

IB : Isteri saya akan menjaga segala urusan pelajaran, buku-buku, adakah mereka belajar atau tidak, kerja rumah semuanya diuruskan oleh isteri saya. Ada masalah baru dia beritahu saya.

(IB7: Julai 27, 2010)

Petikan 39:

P : Apakah pekerjaan encik?

IB: Saya pemandu lori. Saya pergi kerja pukul 2 atau 3 pagi dan balik 7 atau 8 malam. Isteri saya menjaga keluarga.

(IB9: Julai 17, 2010)

Perbualan dengan IB9 membuktikan gambaran tanggungjawab yang dimainkan oleh suri rumah sepenuh masa dalam keluarga nuklear agak berat di mana perhatian terhadap tingkah laku dan pelajaran anak-anak diserahkan secara total kepada isteri. Analisis data kajian menunjukkan kesemua murid berpencapaian rendah dan sederhana datang dari keluarga nuklear di mana bapa tidak ada di rumah dan tugas memantau dibebankan secara

total kepada ibu yang merupakan suri rumah sepenuh masa. Ini berbeza dengan keluarga luas yang terdiri daripada ahli yang ramai pada sepanjang masa di rumah.

Seterusnya kebanyakan murid yang berpencapaian sederhana dan rendah berasal dari keluarga nuklear (M7:27.7.10, M8:25.7.10, M9:17.7.10). Keluarga ini terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak sahaja. Ada keluarga yang kedua-dua ibu bapa bekerja dan terpaksa tinggalkan anak di rumah. Kedua-dua ibu bapa terpaksa bekerja pada setiap hari. Oleh itu, anak mereka yang balik lebih awal dari sekolah sebelum kepulangan ibu bapa terpaksa menguruskan diri sendiri tanpa bantuan orang lain. Keadaan ini akan menyebabkan anak-anak akan lebih bebas dan melakukan apa sahaja yang disukai tanpa kawalan ibu bapa.

Dalam pada itu, kedua-dua ibu bapa yang bekerja daripada lima keluarga nuklear sentiasa mengharapkan anak-anak supaya dapat menguruskan diri masing-masing setelah balik dari sekolah. Ibu bapa dalam kumpulan ini tidak tahu aktiviti-aktiviti anak mereka setelah balik dari sekolah. Anak-anak ini mengambil kesempatan tersebut dan tidak menumpukan perhatian terhadap pelajaran dan tidak membuat kerja-kerja sekolah setelah balik dari sekolah. Ramai daripada mereka melakukan kerja-kerja yang tidak berfaedah ketika ketiadaan ibu bapa di rumah; ini telah menjelaskan pembelajaran dan seterusnya menjelaskan pencapaian akademik mereka.

Keluarga Luas (*Extended Family*)

Analisis data kajian menunjukkan terdapat orang dewasa selain ibu bapa tinggal bersama sebagai isi keluarga sama ada emak atau bapa kepada ibu bapa peserta kajian atau emak

saudara kepada ibu bapa peserta kajian. Ada juga keluarga luas dalam kajian ini yang merupakan gabungan dua atau lebih keluarga nuklear. Emak atau bapa (datuk atau nenek) kepada ibu bapa peserta kajian berperanan bukan sahaja untuk menjaga anak-anak tetapi secara tidak langsung membantu pendidikan anak-anak dalam keluarga dengan cara memberi sokongan seperti emak mertua (IB1) yang mengaku ibu mertua yang tinggal bersama memberi “galakan” kepada anak-anak selain menjaga mereka.

Petikan 40:

P : Berapakah bilangan anak atau ahli keluarga dalam keluarga ini?

IB: Semuanya 8 orang.

P : Berapa orang yang bekerja dan bersekolah?

IB: 2 orang bekerja, 4 orang bersekolah lagi, 3 orang sekolah menengah, seorang di sekolah rendah.

P : Bagaimana encik memberi perhatian terhadap tingkah laku anak-anak di dalam dan di luar rumah?

IB: Memerhati. Anak-anak tidak boleh keluar tanpa izin mak mertua. Sebelum pergi luar mereka akan tanya izin ayah atau mak mertua saya. Kalau penting saja saya bagi izin. Kalau keluar juga boleh dapat *information*. Saya jarang menghantar mereka ke mana-mana. Jiran-jiran saya membantu kita .

P : Adakah mana-mana orang tua (datuk atau nenek) tinggal bersama?

IB: Mak mertua tinggal dengan kami. Anak dia yang OKU.

P : Apakah sumbangan mereka terhadap keluarga ini?

IB: Mereka sentiasa memberi galakan dan menjaga anak-anak.

(IB5: Julai 25, 2010)

Jumlah ahli dalam keluarga ini ialah seramai lapan orang. Ibu bapa, emak mertua dan anaknya (OKU) serta empat orang anak sendiri. Seramai empat orang anak bersekolah iaitu tiga orang di sekolah menengah dan seorang di sekolah rendah. Segala tingkah laku akan diperhatikan oleh ibu atau pun emak mertuanya. Mereka juga mendapat bantuan daripada jiran-jiran.

Keluarga murid yang ketujuh (M7) terdiri daripada sepuluh orang ahli iaitu ibu bapa, anak seramai enam orang dan anak saudara dua orang. Kesemuanya tujuh orang

bersekolah termasuk anak saudaranya yang kehilangan bapa. Bilangan anak dalam keluarga ini agak ramai. Orang tua akan sentiasa memberi nasihat apabila berkunjung ke rumah mereka.

Walaupun ibu bapa bekerja tetapi datuk nenek yang tinggal berhampiran dengan rumah mereka akan sentiasa datang untuk menjaga cucu-cucu semasa ketiadaan ibu bapa. Menurut mereka, “datuk dan nenek kadang-kadang datang ke rumah. Kalau saya pergi kerja nenek akan jaga mereka.” (IB2: 18.7.11). Dalam pada itu, murid yang berpencapaian rendah yang datang dari keluarga nuklear didapati terlalu bebas bergerak tanpa kawalan mana-mana ahli keluarga di dalam rumah. Ibu bapa mereka kurang memberi perhatian terhadap pergerakan anak. Menurut seorang bapa, setelah anaknya balik dari sekolah, dia akan makan dan tidur. Seterusnya dia keluar dari rumah untuk berjumpa kawan-kawan di luar.

Petikan 41:

P : Boleh encik ceritakan sedikit tentang aktivitinya setelah balik dari sekolah?

IB : Lepas balik dari sekolah, dia makan dan tidur, kemudian pergi luar berjalan-jalan bersama-sama dengan kawan-kawannya.

(IB8: Ogos 2, 2010)

Selain itu, murid yang berasal dari keluarga luas (*extended*) menunjukkan pencapaian akademik yang baik. Hasil kajian menunjukkan bahawa dua orang murid datang dari keluarga luas. Keluarga luas ini terdiri daripada beberapa buah keluarga nuklear dan hidup dalam satu rumah. Ahli keluarga ramai dan sentiasa bekerjasama antara satu sama lain dalam segala aktiviti atau majlis yang dijalankan dalam keluarga tersebut. Mereka juga tidak ketinggalan dalam memberi tunjuk ajar dan bantu-membantu dalam

aspek pendidikan sesama sendiri. Berikut adalah kenyataan yang diberikan oleh dua buah keluarga tentang kehidupan dalam keluarga luas.

Petikan 42:

P : Berapakah bilangan anak atau ahli keluarga dalam keluarga ini?

IB: Kami 5 orang dalam keluarga ini. Anak pertama dan kedua belajar di SMK Iskandar Shah. Seorang di SJK(T) Jasin, Darjah 5. Dalam rumah ini sahaja ada 14 orang. Kami hidup dalam keluarga besar. Dua buah keluarga.

IB: Saya seorang yang bekerja manakala ketiga-tiga anak saya bersekolah.

P : Adakah mana-mana orang tua (datuk atau nenek) tinggal bersama?

IB: Ada makcik dan keluarga adik saya tinggal bersama-sama dengan kami.

P : Apakah sumbangan mereka terhadap keluarga ini?

IB: Jaga anak-anak dengan baik. Dan menyuruh mereka supaya menghormati orang lain. Dorong mereka belajar dengan baik.

(IB1: Julai 26, 2010)

Keluarga luas ini terdiri daripada dua buah keluarga. Bilangan ahli dalam keluarga ini ialah empat belas orang. Ahli keluarga peserta kajian adalah seramai lima orang iaitu ibu bapa dan tiga orang anak. Kesemua anaknya pergi ke sekolah. Segala pergerakan dan tingkah laku anak-anak diawasi oleh ahli keluarga yang lain dan makciknya yang tinggal bersama dalam keluarga tersebut.

Petikan 43:

P : Berapakah bilangan anak atau ahli keluarga dalam keluarga ini?

IB: Saya ada anak dua orang tetapi dalam rumah ini ada 20 orang ahli. Nenek sudah meninggal. Pak cik, mak cik, menantu dan anak-anak mereka.

P : Berapa orang yang bekerja dan bersekolah?

IB: Keluarga saya suami saya yang bekerja. Keluarga mereka masing-masing menjaga. Mereka tolong-menolong antara satu sama lain.

P : Bagaimana puan memberi perhatian terhadap tingkah laku anak-anak di dalam dan di luar rumah?

IB: Dalam rumah perhatikan dia buat kerja rumah. Dari kecil kita ajar dia dan makin lama makin meningkat. Kalau nampak percakapan lain sikit, tingkah laku lain sikit saya cakap kamu buat salah. Tak boleh buat macam ini. sentiasa monitoring dia. Apa dia buat sentiasa saya perhatikan saja. Kalau dia buka

internet pun saya akan perhatikan adakah dia belajar atau melencong ke lain. Kalau pergi ke *study room* saya akan naik dan pergi tengok. Adakah dia belajar atau apa yang dia belajar. Saya akan perhatikan macam itu.

P : Bagaimana pergerakan dia di luar?

IB: Saya ada kawan-kawan di luar dan sentiasa bertanya pelajaran anak mereka.

Saya benarkan anak saya untuk berkawan dengan anak mereka. Tanya sama ada anak mereka pergi ke tuisyen atau tidak.

P : Adakah mana-mana orang tua (datuk atau nenek) tinggal bersama?

IB: Nenek dan saudara mara. Mereka memberi galakan kepada pelajar, di samping bantuan kewangan. Mereka juga menasihati dari segi tingkah laku dan pertuturan. Anak-anak pun dengar nasihat mereka tanpa membantah.

P : Siapakah yang tinggal bersama dalam keluarga ini?

IB: Ada lima *family* dalam keluarga ini.

P : Adakah ramai orang itu mengganggu pelajaran?

IB: Tidak tetapi banyak membantu kami dalam pelajarannya. Semua boleh membimbing dan mengajar mereka.

(IB3: Ogos 1, 2010)

Keluarga luas tersebut terdiri daripada lima buah keluarga. Bilangan ahli seramai dua puluh orang. Keluarga peserta kajian ini terdiri daripada empat orang iaitu ibu bapa dan dua orang anak. Menurut ibu peserta kajian, pergerakan anak-anak sentiasa dalam kawalan. Ahli keluarga yang lain dalam keluarga ini sentiasa memberi galakan dan nasihat, memberi bantuan kewangan, mengawasi tingkah laku dan pertuturan anak-anaknya. Anak-anak juga mendengar nasihat dan tidak membantah dengan memperlihatkan nilai moral yang baik. Anak-anak beliau dibimbing dan diajar oleh ahli keluarga yang lain yang berpendidikan. Apabila beberapa keluarga hidup dalam satu keluarga yang besar maka ikatan kekeluargaan menjadi bertambah kuat. Ibu bapa tidak menghadapi apa-apa masalah besar dalam menjaga anak-anak ketika mereka berada di luar atau pergi bekerja. Ini kerana rumah ini sentiasa dipenuhi oleh ahli keluarga yang lain.

Seterusnya, dua daripada sembilan keluarga dalam kajian ini merupakan keluarga luas. Anak yang dibesarkan dalam keluarga ini menunjukkan prestasi pencapaian yang lebih baik jika dibandingkan dengan murid-murid dari keluarga nuklear. Perbezaan yang

terdapat dalam keluarga nuklear ialah bilangan anak. Bilangan anak dalam keluarga murid berpencapaian rendah adalah ramai jika dibandingkan dengan murid berpencapaian sederhana dan berpencapaian tinggi. Walaupun murid berada dalam keluarga nuklear tetapi bilangan anak yang ramai bermakna ibu bapa menghadapi kesukaran untuk memberi perhatian, menjaga dan mengawal setiap orang anak. Jumlah perbelanjaan isi rumah turut bertambah dan membebankan lagi tanggungjawab ibu bapa. Ini dapat dilihat dalam kenyataan yang diberikan oleh dua orang bapa.

Petikan 44:

P : Berapa bilangan anak atau ahli dalam keluarga ini?

IB : Ahli keluarga terdiri daripada lapan orang. Kami suami isteri dua orang, anak seramai enam orang. Anak kakak pun duduk di rumah yang sama kerana bapanya sudah meninggal. Semuanya sepuluh orang.

(IB7: Julai 27, 2010)

Petikan 45:

IB : Ahli keluarga seramai lapan orang. Lima orang anak dan seorang cucu termasuk kami dua orang.

(IB8: Julai 25, 2010)

Dapatan kajian memperlihatkan dua daripada tujuh keluarga nuklear mempunyai bilangan ahli yang ramai dalam keluarga masing-masing. Apabila sesebuah keluarga itu mempunyai bilangan ahli yang ramai maka perbelanjaan isi rumah akan meningkat. Justeru itu, ibu bapa terpaksa memberi lebih tumpuan kepada perbelanjaan keperluan asas anak-anak mereka. Akibatnya, mereka kurang memberi tumpuan kepada perbelanjaan persekolahan dan kemudahan peralatan pembelajaran di rumah. Kos perbelanjaan untuk barang dapur akan meningkat jika dibandingkan dengan keluarga yang mempunyai ahli

yang sedikit. Ini secara tidak langsung akan memberi kesan kepada perbelanjaan pendidikan anak-anak dan seterusnya mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak.

Didikan Agama dalam Keluarga

Salah satu unsur yang dapat diperhatikan dari analisis data ialah pola amalan beragama bagi keluarga peserta kajian. Murid yang berpencapaian tinggi dan sederhana memperoleh didikan agama dalam kehidupan harian mereka. Salah seorang bapa telah memberikan kenyataan seperti berikut:

Petikan 46:

P : Pagi-pagi anak bangun pukul berapa?
IB : Dia bangun pada pukul empat pagi.
P : Mengapa dia bangun 4 pagi?
IB : Ada belajar sikit. Lepas itu mandi, sembahyang dan membaca 108 mantras dan tulis Sri Ramajayam. Dari kecil lagi mereka telah diajar sembahyang dan membaca mantras.

(IB3: Julai 25, 2010)

Petikan 47:

P : Bagaimana anda mendisiplinkan anak anda?
IB : Menghantar mereka ke kelas-kelas agama dan pergi ke kuil. Anak-anak kecil di rumah menjelak kaki anak sulung.

(IB1: Julai 26, 2010)

Didikan agama membantu anak-anak menjadi modal insan yang sempurna. Ini telah mendisiplinkan anak-anak meningkatkan daya ingatan di samping memperoleh pencapaian yang lebih baik dan akhirnya dapat mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupannya.

Kesimpulan

Walaupun terdapat pelbagai jenis struktur keluarga namun dalam kajian ini dapat dikenal pasti dua jenis struktur keluarga yang ketara iaitu keluarga luas dan keluarga nuklear. Jadual 4.2 memberi rumusan berkaitan struktur keluarga yang diduduki oleh kesemua peserta kajian.

Jadual 4.2

Rumusan Struktur Keluarga

Murid	Jenis keluarga	Bilangan ahli
M1	Keluarga luas (2 buah keluarga)	14 orang
M2	Keluarga nuklear	6 orang
M3	Keluarga luas (5 buah keluarga)	20 orang
M4	Keluarga nuklear	6 orang
M5	Keluarga nuklear	8 orang
M6	Keluarga nuklear	4 orang
M7	Keluarga nuklear	10 orang
M8	Keluarga nuklear	8 orang
M9	Keluarga nuklear	6 orang

Murid dalam keluarga luas dididik dan dibentuk dalam suasana kekeluargaan yang mempunyai pengawasan dan disiplin yang tinggi. Ini telah menyebabkan gaya hidup murid tersebut berbeza jika dibandingkan dengan gaya hidup murid dari keluarga nuklear.

Hubungan kekeluargaan yang saling bantu-membantu telah meringankan tugas harian sama ada untuk penjagaan atau pengurusan anak-anak ataupun untuk menambah pendapatan. Dalam pada itu, kehidupan ahli keluarga yang ramai dalam keluarga nuklear menunjukkan senario yang berlainan. Pergerakan dan tingkah laku anak-anak tidak selalu mendapat perhatian ibu bapa terutama apabila hanya ibu sahaja yang memikul tanggungjawab penjagaan anak-anak.

Stail Keibubapaan

Dalam kajian ini stail keibubapaan merupakan pola tingkah laku ibu bapa yang menunjukkan kepelbagaian aspek keibubapaan dalam keluarga. Terdapat 2 pola gaya keibubapaan yang dapat dikenal pasti dalam kajian yang diamalkan oleh sembilan buah keluarga iaitu autoritatif atau demokratik dan *laissez faire* atau permisif.

Stail Keibubapaan Autoritatif atau Demokratik

Analisis data kajian ini menunjukkan pola stail keibubapaan autoritatif atau demokratik yang mana kedua-dua ibu bapa menunjukkan sikap prihatin, tegas dan adil dalam melakukan kawalan dan peraturan terhadap anak-anak berlaku dalam kalangan keluarga responden yang berpencapaian akademik tinggi seperti M1, M3, dan M4. Malahan 5 daripada 9 keluarga mempamerkan gaya keibubapaan yang autoritatif. Namun dalam kalangan murid yang berpencapaian rendah ada yang dibesarkan dengan gaya keibubapaan autoritatif. Antara perkara yang jelas ialah dari aspek pemantauan aktiviti yang dilakukan oleh anak-anak sama ada aktiviti sekolah ataupun lain seperti menonton televisyen, internet dan bermain. Berikut adalah beberapa pandangan dari amalan yang dilakukan oleh ibu bapa ke atas kegiatan atau aktiviti berhubung dengan kerja rumah dan pelajaran anak-anak

mereka. Berikut adalah beberapa pandangan dari amalan yang dilakukan oleh ibu bapa ke atas kegiatan atau aktiviti berhubung dengan kerja rumah dan pelajaran anak-anak mereka:

Petikan 48:

P : Sejauh mana anda membenarkan anak anda membuat apa sahaja yang dia suka?

IB: Saya akan *control*. Majlis sekolah bolehlah kerana mendapat informasi daripada cikgu. Aktiviti sekolah saya benarkan mereka melibatkan diri. Bagi aktiviti lain, perlu ada guru, baru saya hantar.

P : Bagaimana anda membantu masa peperiksaan?

IB: Saya duduk bersama masa peperiksaan. Mereka tidur pukul 11 atau 12 malam. Mereka bangun pukul 4.00 pagi kadang-kala. Anak saya mempunyai minat untuk belajar. Jadi, tiada masalah. Mereka tahu menguruskan diri, masa untuk belajar.

(IB1: Julai 26, 2010)

Petikan 49:

P : Sejauh mana anda membenarkan anak anda membuat apa sahaja yang dia suka?

IB: Banyak kawalan. Saya tak kasi, tetapi ayah dia membenarkan. Dia dengan saya minta main bola pun sekejap sahaja. Kalau ayah dia tak apa lah bagi dia main. Dia kata nanti dia belajar ok....Ayah dia bagi dia kelonggaran tetapi saya kawal ketatlah. Saya *by this time* buat itu dan ini. 4.30 kalau minum teh, pukul 5 mandi, sembahyang ambil buku dan baca. Dia lepas itu pergi tuisyen dan sentiasa beritahu dia supaya mendapat 7A.

(IB3: Julai 25, 2010)

Pola kawalan dalam kalangan ibu bapa yang mengamalkan stil keibubapaan autoritarian dapat mengawal anak-anak apabila menggunakan komputer atau internet di rumah. Ini dapat dibuktikan dengan kenyataan di bawah:

Petikan 50:

P : Adakah encik mengawasi penggunaan internet?

IB: Ya, saya akan pastikan mereka belajar sesuatu melalui internet. Setiap gerak-geri akan diawasi

(IB1: Julai 26, 2010)

Petikan 51:

IB: Kadang-kadang. Saya memperuntukkan masa untuk mereka bermain dengan kawan-kawan. Tetapi, kalau mereka nak menggunakan komputer, saya ikut mereka dan duduk di tepi mereka sehingga mereka habis.

(IB4: Julai 26, 2010)

Malahan masa menonton TV ataupun bermain dibolehkan tetapi terkawal seperti yang diberitahu oleh ibu bapa ini:

Petikan 52:

IB : Saya tidak akan membenarkan mereka menonton televisyen lama-lama. Masa bermain mereka pun terhad juga. 1 jam hingga 1 jam setengah.

(IB4: Julai 26, 2010)

Dari segi tindakan kepada salah laku atau keengganan anak menuruti arahan ibu bapa menunjukkan pola tindakan yang hampir sama dalam kalangan ibu bapa yang mengamalkan keibubapaan authoritarian. Antaranya ialah menasihati anak-anak, memarahi dan juga memukul setelah memberi nasihat dan diikuti dengan nasihat.

Petikan 53:

P : Jelaskan tindakan anda apabila anak anda tidak mematuhi segala arahan anda?
IB: Menasihati mereka. Mereka juga akan mendengar nasihat kita.

(IB3: Julai 25, 2010)

Petikan 54:

IB: Saya akan cuba nasihatkan mereka 3 atau 4 kali. Kalau mereka tak dengar juga, saya akan memukul mereka. Selepas itu, ayah mereka akan menasihatkan mereka dan mereka akan mendiamkan diri selama beberapa hari. Selepas itu, mereka akan bermula balik.

(IB4: Julai 26, 2010)

Ada juga yang mengambil tindakan mendisiplinkan dengan menghantar anak-anak ke kelas agama atau pergi ke kuil.

Petikan 55:

P : Bagaimana anda mendisiplinkan anak anda?

IB: Dari kecil lagi mereka telah diajar sembahyang membaca mantras. Dia boleh buat seorang.

(IB3: Julai 25, 2010)

Petikan 56:

IB: Menghantar mereka ke kelas-kelas agama. Pergi ke kuil. Anak-anak kecil di rumah ini menjelak kaki anak sulung.

(IB1: Julai 26, 2010)

Seramai lima orang ibu bapa mengamalkan stail kepimpinan autoritatif. Dengan ini dapat dirumuskan bahawa ibu bapa yang mempunyai stail kepimpinan autoritatif lebih bersikap prihatin, tegas dan adil akan sentiasa mengawal pergerakan dan aktiviti anak, menyediakan jadual waktu, memberi nasihat dan kalau perlu akan menggunakan rotan. Kesemua tindakan ini akan mendisiplinkan anak-anak dan membentuk model insan yang boleh mengatur aktiviti harian dengan sendiri. Ini akan mempengaruhi pembelajaran murid di rumah mahu pun di sekolah dan secara tidak langsung mempengaruhi keputusan akademik yang lebih cemerlang dalam kalangan murid-murid.

Stail Kepimpinan *Laissez Faire* atau Permisif

Stail kepimpinan *laissez faire* atau permisif memperlihatkan ibu bapa yang memberi perhatian yang minimum, kawalan dan peraturan tidak ketat serta kurang prihatin terhadap anak-anak. Kumpulan ibu bapa ini kurang memberi perhatian terhadap segala tingkah laku anak-anak. Namun masih meletakkan garis panduan dan aturan untuk anak-anak.

Petikan 57:

P : Sejauh mana anda membenarkan anak anda membuat apa sahaja yang dia suka?

IB: Tengok keadaan. Kita nak beri kebebasan pun masa ini tak bolehlah. Mereka tahu apa nak buat, kita tak akan beritahu mereka.

P : Puan ada membenarkan anak-anak menonton televisyen?

IB: Saya benarkan dia untuk menonton.

P : Adakah masa-masa diperuntukkan untuk menonton televisyen?

IB: Biasanya saya menentukan masa menonton dia .

P : Jelaskan tindakan anda apabila anak anda tidak mematuhi segala arahan anda?

IB: Menasihati mereka.

P : Adakah anak-anak puan mempunyai jadual sendiri?

IB: Tidak. Mereka belajar sendiri.

P : Apakah tindakan encik sekiranya keputusan ujian dan peperiksaan anak kurang memuaskan?

IB: Marahkan mereka. Kalau mendapat markah yang tinggi saya akan puji mereka. Sampai sekarang markah dia sederhana saja.

P : Adakah anak merasa susah untuk belajar sains dan matematik dlm Inggeris?

IB: Kadang-kadang dia merungut mengatakan yang dia tak faham Bahasa Inggeris.

(IB5: Julai 25, 2010)

Hasil perbualan IB5 menggambarkan ibu bapa memberikan perhatian tetapi tidak tegas dan kurang mengawal tingkah laku termasuk pelajaran anak-anak. Kesempatan ini digunakan oleh anak-anak supaya tidak serius terhadap pelajaran di rumah mahu pun di sekolah. Ini akan menjelaskan pencapaian akademik mereka. Hasil kajian menunjukkan empat buah keluarga mengamalkan stail kepimpinan *laissez faire* atau permisif. Kenyataan seorang bapa di bawah ini menjelaskan beliau kurang mengambil berat terhadap tindakan anak-anak.

Petikan 58:

P : Sejauh mana anda membenarkan anak anda membuat apa sahaja yang dia suka?

IB: Saya memberi kebebasan. Masa baca kena baca, masa main mainlah.

P : Jelaskan tindakan anda apabila anak anda tidak mematuhi segala arahan anda?

IB: Kita bagi nasihat. Kita pukul itu tak guna langsung. Mereka akan buat kesilapan yang sama. Mereka akan berasa sedih.

P : Apakah tindakan Encik sekiranya keputusan ujian dan peperiksaan anak kurang memuaskan?

IB: Pergi ke sekolah untuk tanya kepada cikgu sebab keputusannya kurang dan juga marahnya.

(IB8: Julai 25, 2010)

Dapatan mengenai IB8 ini membuktikan bahawa ibu bapa kurang mengambil perhatian dan tidak mengawal tingkah laku anak-anak. Dalam konteks ini ibu bapa lebih memberikan kebebasan dan tidak melaksanakan kawalan terhadap anak-anak.

Seterusnya seorang Guru Tingkatan juga memberikan kenyataan di mana anak-anak yang dibesarkan dalam suasana keluarga yang kurang mendapat perhatian ibu bapa tidak menunjukkan pencapaian akademik yang baik dalam pelajaran. Beliau memberi kenyataan seperti berikut tentang ibu bapa yang kurang prihatin terhadap tingkah laku anaknya (M8).

Petikan 59:

P : Apakah sebab murid tidak memperoleh pencapaian akademik yang baik dalam ujian atau peperiksaan?

IB: Persekutaran dan latar belakang dia juga. Keluarga dia juga lemah. Saya ingat tidak ada galakan daripada ibu bapa. Lepas balik sekolah dia merayau. Ibu bapa tak ambil berat. Bapanya selalu tuduh anak sahaja. Anak tak betul lah, anak tak dengar nasihat.”

(GT8: Julai 21, 2010)

Kenyataan GT8 ini menjelaskan bahawa ibu bapa yang tidak bertanggungjawab dan kurang memberi perhatian terhadap tingkah laku anak-anak gagal melahirkan anak yang cemerlang dalam pendidikan. Akibatnya, anak mempergunakan kelemahan ibu bapa dan bertindak sesuka hati serta tidak menunjukkan minat terhadap pelajaran. Ini akan menjelaskan pencapaian akademiknya.

Petikan 60:

P : Sejauh mana anda membenarkan anak anda membuat apa sahaja yang dia suka?

IB: Ya saya memang benarkan. Saya ada bagi kebebasan kepada anak-anak. Saya juga sentiasa menasihatkan mereka supaya bercampur dengan kawan-kawan yang baik. Saya memberi kebenaran untuk anak-anak pergi ke kuil. Sembahyang itu penting.

P : Jelaskan tindakan anda apabila anak anda tidak mematuhi segala arahan anda?

IB: Saya akan nasihatkan dua tiga kali kalau tak dengar saya akan pukul. Budak sekarang kalau kita pukul mereka rasa marah terhadap kita. Anak sulung selalu kena pukul berbanding tiga orang yang lain. Baru sekarang anak sulung saya bertanggungjawab atas diri sendiri.

P : Bagaimana anda mendisiplinkan anak anda?

IB: Selalu memberi nasihat. Kalau tak dengar kena pukul.

P : Sejauh mana anda melibatkan diri dalam mendidik anak di rumah?

IB: Saya membelikan majalah, surat khabar dan sebagainya. Mereka jarang membeli sendiri kerana mereka kalau ada duit mereka ingin *top up handphone* sahaja.

(IB9: Julai 17, 2010)

Kenyataan IB9 tersebut disokong lagi oleh seorang guru tingkatan terhadap murid yang sama (M9). Guru berkenaan juga menyifatkan murid tersebut tidak diberi perhatian oleh ibu bapa. Beliau memberi kenyataan berikut:

Petikan 61:

P : Adakah murid membawa buku teks, buku nota dan buku latihan?

G : Buku teks jarang dibawa. Kena paksa buat latihan kerana malas. Selalu tidak menyiapkan kerja rumah, selalu tidur dalam kelas. Dia murid bermasalah. Ada bawa *handphone*.

(GT9: Julai 22, 2010)

Menurut GT9, murid yang berasal dari keluarga yang mana ibu bapa mengamalkan gaya kepimpinan *laissez faire* kurang memberi perhatian di bilik darjah apabila berlaku pengajaran dan pembelajaran. Murid datang ke sekolah tanpa membawa buku teks, buku latihan dan tidak menyiapkan kerja rumah. Murid tersebut juga selalu tidur dalam kelas dan melakukan pelbagai masalah disiplin seperti membawa telefon bimbit ke sekolah. Ibu bapa

tahu bahawa membawa telefon bimbit ke sekolah adalah satu kesalahan tetapi tidak menegur anaknya. Ini membuktikan ibu bapa memberi banyak kebebasan kepada anak yang mana anaknya bertindak sesuka hati dan melanggar peraturan sekolah. Akibatnya anak akan kurang memberi perhatian terhadap pelajaran dan ketinggalan dalam pelajaran di samping memperoleh pencapaian akademik yang rendah.

Seterusnya ada ibu bapa yang kurang mengambil berat terhadap persekolahan anaknya. Seorang daripada sembilan peserta kajian iaitu M7 tidak dihantar ke kelas tadika, Tahun 1 dan Tahun 2 dengan alasan bapa tidak bekerja. Berikut adalah keluhan seorang anak terhadap tindakan bapanya.

Petikan 62:

P : Kenapa anda terus pergi ke Tahun 3?

M : Dulu kita tinggal di Bukit Seremban. Masa itu bapa tak kerja. Jadi tak hantar pergi ke tadika dan sekolah. Bila datang ke ladang ini, ada sebuah sekolah Tamil dan baru saya dihantar ke sekolah dan terus ke Tahun 3. Kakak duduk di rumah nenek dan belajar di situ. Saya duduk bersama bapa sebab itu saya tak dapat ke sekolah.

(M7: Julai 27, 2010)

Sikap ibu bapa yang cuai dan kurang mengambil berat terhadap pelajaran anak-anak telah menyebabkan anak ketinggalan dalam pelajaran dan tidak dapat menguasai kemahiran asas yang sepatutnya diterima di tadika mahu pun pada tahap satu di sekolah rendah. Kegagalan ibu bapa telah menyebabkan murid berkenaan meneruskan pelajaran ke peringkat yang tinggi tanpa menguasai kemahiran asas 3M. Ini menyebabkan murid berkenaan tidak dapat memperoleh pencapaian yang baik di sekolah rendah mahu pun di sekolah menengah.

Murid yang berpencapaian akademik rendah biasanya bangun pagi tetapi bukan untuk mengulang kaji pelajaran. Murid tersebut terpaksa melakukan kerja-kerja rumah seperti mana yang terdapat di bawah:

Petikan 63:

P : Kenapa bangun terlalu awal?

M : Basuh kain pada waktu pagi, sapu rumah, sembahyang, buat sarapan pagi.

Kalau emak sudah tidur, dia suruh saya buat nasi goreng, maka saya buat sarapan untuk adik-beradik.

(M7: Julai 15, 2010)

Hasil kajian menunjukkan seorang murid yang berpencapaian rendah terpaksa melakukan pelbagai kerja dapur sebelum ke sekolah. Dalam usia yang muda dia terpaksa menanggung pelbagai tugas harian di rumah. Sikap ibu bapa yang kurang prihatin telah menyebabkan anaknya terpaksa melakukan semua kerja rumah. Keadaan ini menyebabkan murid berasa letih dan tidak dapat menumpukan perhatian semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Akibatnya prestasi pencapaian akademik murid telah merosot dari semasa ke semasa.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya terdapat empat jenis stail keibubapaan. Namun dalam kajian ini terdapat dua bentuk stail keibubapaan iaitu autoritatif atau demokratik dan *laissez faire* atau permisif. Jadual 4.3 memberi rumusan berkaitan stail keibubapaan yang dimiliki oleh kesemua peserta kajian.

Jadual 4.3

Rumusan Stail Keibubapaan

Murid	Stail keibubapaan
M1	Autoritatif atau demokratik
M2	Autoritatif atau demokratik
M3	Autoritatif atau demokratik
M4	Autoritatif atau demokratik
M5	<i>Laissez faire</i> atau permisif
M6	Autoritatif atau demokratik
M7	<i>Laissez faire</i> atau permisif
M8	<i>Laissez faire</i> atau permisif
M9	<i>Laissez faire</i> atau permisif

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa lima daripada sembilan orang ibu bapa yang mengamalkan stail kepimpinan autoritatif atau demokratik sentiasa mengambil berat terhadap pelajaran anak-anak di rumah. Mereka adalah lebih prihatin, tegas dan adil dalam mengamalkan kawalan terhadap anak-anak. Keadaan ini telah menyebabkan anak-anak dipimpin secara teratur dan lebih berdisiplin.

Ibu bapa yang prihatin terhadap pelajaran anak-anak sentiasa berbincang segala masalah yang dihadapi oleh anak. Ini memudahkan anak-anak menyatakan masalah yang dihadapi kepada ibu bapa supaya dapat mencari jalan penyelesaian. Ini secara tidak langsung meringankan lagi beban murid di sekolah dan memberi keselesaan untuk

menumpukan perhatian terhadap pelajaran di bilik darjah. Justeru, pencapaian akademik murid tersebut turut meningkat. Misalnya menurut seorang bapa “saya akan panggil mereka duduk dan tanya kenapa mereka buat begitu. Saya akan *explain* dan memberi nasihat.” (IB2: Julai 18, 2010). Manakala keadaan yang sebaliknya berlaku bagi empat orang ibu bapa yang mengamalkan gaya kepimpinan *laissez faire* di mana perhatian dan kawalan yang minima telah menjaskannya pencapaian akademik anak-anak tersebut.

Pembentukan Konsep Kendiri

Murid mempunyai konsep kendiri untuk memperoleh pencapaian yang terbaik dalam akademik. Konsep kendiri murid ada perkaitan dengan penglibatan setiap ahli keluarga. Ibu bapa merupakan orang yang menanam dan membentuk konsep kendiri dalam diri seseorang anak. Oleh itu, pembentukan konsep kendiri juga dianggap sebagai salah satu faktor yang mendorong kepada pencapaian akademik murid di sekolah menengah rendah. Dalam kajian ini pembentukan konsep kendiri murid akan dilihat dari segi perkara-perkara yang dapat memotivasi anak untuk belajar seperti matlamat atau cita-cita yang diharapkan daripada pengalaman mereka sebagai murid, kebolehan mengurus masa untuk melaksanakan kerja sekolah semasa di rumah, keinginan untuk membaiki keputusan, kunjungan ke perpustakaan, sikap suka bertanya, penggunaan media elektronik bagi tujuan pembelajaran, keinginan untuk menonton televisyen dan televisyen berbayar, pemerhatian yang kurang semasa berada dalam kelas, pencapaian sekolah rendah yang sebenar, kebolehan menguasai 3M, berdisiplin dan persepsi murid terhadap sekolah. Analisis kajian menunjukkan aspek-aspek di atas memberi impak terhadap pencapaian akademik seseorang murid di sekolah menengah rendah.

Matlamat /Cita-cita

Cita-cita atau matlamat (goal), minat dan kebolehan yang dibentuk sejak kecil lagi oleh ibu bapa dalam sanubari seseorang anak mempunyai kaitan dengan pencapaian akademik murid. Dalam analisis data kajian ini, kesemua kumpulan murid iaitu kumpulan cemerlang, sederhana dan lemah mempunyai satu persamaan. Murid dari kumpulan-kumpulan tersebut mempunyai niat untuk belajar dan menambahkan ilmu pengetahuan. Sejumlah lapan daripada sembilan orang murid masing-masing mempunyai cita-cita untuk menjawat jawatan yang tinggi dan melihatnya sebagai perkara yang dapat menjamin masa hadapan mereka. Hanya seorang sahaja (M8) yang tidak tahu cita-cita pada mulanya tetapi akhirnya menyatakan hendak bekerja di kilang. Keinginan untuk menambah ilmu pengetahuan dapat dilihat dari jawapan yang diberi oleh murid-murid apabila ditanya tentang cita-cita mereka dan sebab mengapa mereka ke sekolah.

Petikan 64:

P : Boleh nyatakan sebab anda ke sekolah?

M : Saya datang ke sekolah untuk menimba ilmu dan mencapai cita-cita saya.

(M3: Julai 16, 2010)

Petikan 65:

M : Saya minat datang sekolah secara sukarela. Saya datang sekolah untuk belajar. Jumpa kawan-kawan. Ambil bahagian dalam aktiviti sukan.

(M5: Ogos 2, 2010)

Petikan 66:

P : Apakah cita-cita anda?

M : Saya ingin menjadi jurutera.

P : Kenapa pilih cita-cita tersebut?

M : Saya ingin menjadi komputer *engineer*. Saya nak tahu lebih tentang bidang komputer.

P : Bolah nyatakan sebab anda ke sekolah?

M : Ah...sememangnya saya suka belajar dan baca buku terutamanya buku cerita. Saya datang ke sekolah sebab saya ingin mencapai sesuatu dalam hidup saya. Iaitu semua orang mesti kenal nama saya. Nak jadi popular.

(M1: Julai 16, 2010)

Petikan 67:

P : Apakah cita-cita anda?

M : Nak jadi juruterbang. Sebab saudara saya ada yang menjadi juruterbang.

P : Bolah nyatakan sebab anda ke sekolah?

M : Belajar menjadi juruterbang.

(M4: Julai 19, 2010)

Analisis kajian menunjukkan kesemua sembilan orang murid mempunyai niat yang sama untuk datang ke sekolah iaitu menimba ilmu dan mencapai cita-cita yang tinggi dalam kariernya kecuali seorang murid iaitu (M8) yang apabila ditanya tentang cita-cita beliau memberitahu, "cita-cita tak tahu" dan apabila ditanya pekerjaan yang diingini apabila besar menjawab, "nak kerja kilang". Seterusnya, disebabkan hampir kesemua murid tersebut mempunyai keinginan yang tinggi untuk belajar maka mereka didorong dengan cita-cita tersebut untuk datang ke sekolah.

Analisis rekod kehadiran murid-murid ini ke sekolah memang memuaskan. Murid dari kumpulan cemerlang dan sederhana memperlihatkan kehadiran yang penuh dan tidak banyak ponteng sekolah jika dibandingkan dengan murid dari kumpulan lemah. Secara keseluruhan semua murid ada keinginan yang tinggi untuk belajar di sekolah.

Walaupun terdapat persamaan dalam kesemua kumpulan murid tentang tujuan ke sekolah namun masih terdapat beberapa perbezaan dalam kalangan murid yang mempunyai pencapaian yang berlainan. Analisis data menunjukkan kesemua murid dari kumpulan cemerlang (M1, M2, M3: Julai 16, 2010) “berminat untuk belajar semua subjek,” manakala murid dari kumpulan sederhana dan lemah tidak meminati semua mata pelajaran di sekolah. Mereka tidak meminati mata pelajaran yang sukar difahami dan banyak membuat kesalahan. Berikut adalah kenyataan yang diberikan oleh murid berpencapaian sederhana dan lemah.

Petikan 68:

P : Apakah subjek yang anda minati?

M : Saya minat Math dengan BM. Subjek yang kurang minat BT, kerana banyak kesalahan.

(M4: Ogos 2, 2010)

Petikan 69:

M : Saya minat Matematik dan BM, Sejarah tak minat. Sejarah tak faham.

(M5: Julai 19, 2010)

Petikan 70:

P : Apakah subjek yang anda minati?

M : Suka subjek KH dan Sains. Matematik tak suka. Matematik tak faham. Cara pengiraan tak faham. Susah.

(M8: Julai 30, 2010)

Petikan 71:

M : Saya minat Bahasa Melayu. Subjek yang tidak diminati Matematik, Sejarah dan BI.

(M9: Julai 15, 2010)

Seterusnya aspek pengurusan masa bersama jadual untuk melaksanakan kerja sekolah di rumah, banyak dilakukan oleh murid cemerlang berbanding dengan murid kumpulan murid sederhana dan lemah. Dengan adanya jadual waktu, maka murid dapat membahagikan masa untuk mengulang kaji dan mengamalkan pembelajaran berfokus. Murid-murid yang mempunyai jadual waktu memberitahu seperti berikut apabila disuruh ceritakan bagaimana mereka melaksanakan kerja sekolah di rumah.

Petikan 72:

P : Ceritakan bagaimana anda melaksanakan kerja rumah?

M : Saya ada sediakan *timetable* di rumah. Kerja sekolah dilakukan berdasarkan jadual persendirian saya. Semua kerja dilakukan mengikut jadual.

(M3: Julai 16, 2010)

Petikan 73:

M : Sekurang-kurangnya dua subjek setiap hari. Saya *set* dalam otak, hari ini macam ini. Kalau saya pergi sembahyang atau majlis, saya akan *replace* untuk buat hari lain. Misalnya hari Sabtu atau Ahad.

(M1: Julai 23, 2010)

Manakala murid yang berpencapaian sederhana dan lemah tidak mempunyai jadual melaksanakan kerja sekolah di rumah.

Petikan 74:

P : Ada jadual belajar?

M : Tidak ada jadual belajar. Saya tak suka ikut jadual. Saya belajar ikut masa sendiri.

(M6: Julai 26, 2010)

Petikan 75:

P : Ada jadual belajar?

M : Tak ada jadual belajar. Saya belajar tanpa jadual.

(M8: Julai 21, 2010)

Sejumlah enam orang murid tidak mempunyai jadual belajar di rumah. Akibatnya mereka tidak memperuntukkan masa-masa tertentu bagi mengulang kaji pelajaran mereka. Kesemua murid yang berpencapaian cemerlang dan sederhana dapat menyiapkan kerja rumah yang diberikan oleh guru. Ini telah mewujudkan pemahaman yang lebih terhadap sesuatu tajuk yang dipelajari di sekolah. Murid yang selalu menyiapkan kerja rumah menyatakan seperti berikut:

Petikan 76:

P : Ceritakan bagaimana anda melaksanakan kerja rumah?

M : Selepas balik ke rumah saya akan makan dan terus siapkan kerja rumah dahulu. Selepas itu saya buat ‘*revision*’ pada waktu malam.

(M1: Julai 16, 2010)

Petikan 77:

M : Saya ada bahagikan masa untuk membuat kerja rumah. Dalam jadual ada masa untuk membuat kerja rumah.

(M3: Julai 16, 2010)

Kesemua enam orang murid dari kumpulan cemerlang dan sederhana sentiasa menyiapkan kerja rumah setelah balik ke rumah. Mereka membuat sendiri, ada yang tanya saudara mara atau guru dan ada juga yang rujuk buku-buku lain untuk menyiapkan kerja rumahnya. Kumpulan murid ini ada inisiatif untuk menyiapkan kerja rumah walau apa cara sekalipun. Kerja rumah yang diberikan oleh guru merupakan latihan-latihan tambahan supaya murid dapat memahirkan diri dan memahami tajuk-tajuk yang dipelajarinya. Pembelajaran secara praktikal akan menambahkan lagi daya ingatan murid tersebut untuk jangka masa yang panjang. Lantaran itu, murid akan menjawab segala bentuk soalan dengan mudah dan dapat memperoleh markah yang tinggi dalam sesuatu mata pelajaran.

Manakala kumpulan murid yang lemah jarang menyiapkan kerja rumah yang diberikan oleh guru. Justeru itu, mereka kurang memahami sesuatu tajuk yang diajar oleh guru dan terus ketinggalan dalam pelajaran. Murid-murid dalam kumpulan yang rendah pencapaian akademik juga merupakan kumpulan yang kurang inisiatif dalam menyiapkan kerja rumah. Disebabkan pemahaman kurang terhadap sesuatu tajuk maka murid dari kumpulan lemah tidak mengambil berat untuk menyiapkan kerja rumah seperti mana dalam kenyataan berikut:

Petikan 78:

P : Ceritakan bagaimana anda melaksanakan kerja rumah?

M : Kerja rumah kadang-kadang buat, tak tahu tak buat. Kadang-kadang tanya cikgu, kalau tak biarkan sahaja.

(M8: Julai 21, 2010)

Petikan 79:

M : Kalau faham kadang-kadang buat kerja rumah dan kalau tak faham tak ada buat apa-apa kerja rumah. Saya tanya kawan. Kalau kawan siap saya tengok dia dan salin jawapannya.

(M9: Julai 22, 2010)

Kenyataan M8 dan M9 menjelaskan bahawa murid dari kumpulan yang lemah hanya kadang-kadang menyiapkan kerja rumah dan kalau tidak tahu mereka tidak akan membuat kerja tersebut. Ada juga murid mengaku bahawa dia akan meniru kawan yang telah menyiapkan kerja rumah. Kumpulan murid ini biasanya mengharapkan orang lain dalam menyiapkan kerja rumahnya. Latihan yang sedikit tidak membantu murid berkenaan untuk memperoleh keputusan yang lebih baik dalam sesuatu peperiksaan.

Murid berpencapaian cemerlang sentiasa berusaha untuk membaiki keputusan peperiksaan masing-masing. Dalam analisis data kajian mendapati kebanyakan murid cemerlang dan sederhana rajin berusaha untuk membaiki keputusan akademik. Apabila ditanya tentang apakah rancangan mereka selepas UPSR, mereka mahu “meningkatkan kebolehan dan kecekapan,” (M1), “Kalau kurang memuaskan saya akan cuba berusaha dan membaiki keputusan saya” (M3). “Sekarang mula belajar sungguh-sungguh. Kadang-kadang ada main juga” (M4). Kumpulan murid ini sentiasa berusaha untuk membaiki pencapaian akademik dan analisis rekod keputusan peperiksaan menunjukkan bahawa sememangnya mereka cemerlang. Murid yang cemerlang selalu pergi ke perpustakaan sekolah dan perpustakaan awam. Mereka akan membuat pelbagai rujukan supaya dapat menambahkan lagi pengetahuan di peringkat sekolah menengah. Manakala murid yang berpencapaian akademik sederhana dan rendah jarang ke perpustakaan sekolah maupun perpustakaan awam. Kenyataan berikut membuktikan murid berpencapaian tinggi selalu ke perpustakaan untuk mengulang kaji pelajaran.

Petikan 80:

P : Berapa kerap anda ke perpustakaan sekolah atau awam?

M : Perpustakaan sekolah hari-hari saya pergi. *Monday to Friday* iaitu selepas sekolah untuk meminjam buku. Perpustakaan awam seminggu tiga kali.

(M1: Julai 30, 2010)

Petikan 81:

P : Berapa kerap anda ke perpustakaan sekolah atau awam?

M : Em..... perpustakaan sekolah setiap minggu 2 kali, cikgu bawa untuk program Nilam. Kalau cikgu tak bawa, kadang-kadang saya akan pergi ke perpustakaan awam.

(M2: Julai 16, 2010)

Namun murid yang berpencapaian rendah kurang berusaha untuk membaiki pencapaian akademik dan keputusan peperiksaan. Mereka ada keinginan untuk belajar tetapi tidak melihatnya dari segi kerja-kerja susulan yang perlu dilakukan. Ketiga-tiga orang murid dari kumpulan lemah memang tahu kelemahan masing-masing tetapi mengaku tidak membuat apa-apa tindakan untuk membaiki keputusan akademik yang diperoleh.

Murid kumpulan sederhana dan lemah seramai enam orang tidak mempunyai rutin yang tetap untuk ke perpustakaan. Murid-murid ini jarang pergi ke perpustakaan dan kalau pergi pun atas usaha cikgu-cikgu sahaja seperti mana yang dinyatakan seperti berikut:

Petikan 82:

P : Berapa kerap anda ke perpustakaan sekolah atau awam?

M : Kadang-kadang pergi. Sebulan sekali. Saya tidak pergi ke perpustakaan awam.

(M5: Julai 19, 2010)

Petikan 83:

M : Kalau cikgu tak bawa maka saya tak pernah pergi. Kalau cikgu bawa saya akan pergi. Kalau tak saya tak pergi ke perpustakaan sekolah.

(M8: Julai 21, 2010)

Murid berpencapaian sederhana dan rendah sentiasa bergantung kepada guru untuk pergi ke perpustakaan sekolah. Selain itu, kumpulan murid ini juga jarang pergi ke perpustakaan awam bagi tujuan meningkatkan ilmu pengetahuan. Mereka memerlukan dorongan orang lain untuk membuat sesuatu kerja.

Seterusnya murid berpencapaian cemerlang dan sederhana mengamalkan tradisi suka bertanya sekiranya tidak faham sesuatu tajuk yang diajar oleh guru semasa waktu pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Kelas dipenuhi dengan 34 orang murid berbilang kaum. M3 duduk di tengah-tengah kelas bersama dengan seorang murid berbangsa Cina. Guru sedang mengajar mata pelajaran Sejarah. Tajuk pengajaran pada hari tersebut ialah ‘Perkembangan Perusahaan Getah di Tanah Melayu’. Semasa guru mengajar ada beberapa orang murid bertanya kepada guru tentang bahagian yang mereka kurang jelas. M3 turut menanya soalan kepada guru Sejarah pada masa tersebut. Guru turut menjawab segala soalan yang ditanya oleh murid. Di akhir pembelajaran guru turut menanya soalan kepada murid untuk mengetahui pencapaian objektif pembelajaran pada hari tersebut. Ramai murid angkat tangan untuk menjawab soalan termasuk M3. Pengajaran dan pembelajaran berlaku dengan aktif.

(OB: M3: Julai 23, 2010)

Tradisi suka bertanya dan menjawab soalan atau pun dinamakan pengajaran dan pembelajaran dua hala memudahkan proses pemahaman mereka. Segala kemusyikan terjawab apabila murid tersebut bertanya kepada guru yang mengajar sesuatu subjek. Berikut adalah pengakuan murid-murid tersebut.

Petikan 84:

P : Bagaimana anda menyelesaikan masalah pembelajaran?

M : Kadang-kala saya tak faham apa yang cikgu ajar, terutamanya Matematik. Ada masa saya pergi jumpa cikgu itu, tak ada masa saya pergi jumpa cikgu itu secara persendirian.

(M1: Julai 16, 2010)

Petikan 85:

P : Apakah yang anda lakukan apabila tidak memahami apa yang diajar oleh guru dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris?

M : Terus tanya pada cikgu semasa cikgu mengajar. Cikgu akan *respons*.

(M2: Julai 30, 2010)

Manakala kumpulan murid yang lemah kurang bertanya dan mungkin takut dimarahi oleh guru. Akibatnya masalah pemahaman sesuatu tajuk pembelajaran akan berlanjutan dan boleh menjelaskan pencapaian akademik mereka.

Jumlah murid dalam kelas tersebut seramai 18 orang sahaja. Kebanyakan murid adalah murid India dan Melayu. Sembilan (9) orang murid India, 8 orang Melayu dan seorang Cina. Kelas ini merupakan kelas yang terakhir dalam Tingkatan 2. Kelas kurang bersih, susunan meja tidak teratur dan murid-murid duduk dengan rakan keturunan yang sama. Mata pelajaran yang diajar oleh pada ketika itu ialah Bahasa Melayu. Cikgu sedang mengajar cara menulis karangan dan mengumpul isi karangan yang bertajuk ‘Kebaikan dan keburukan penggunaan internet dalam kalangan murid sekolah menengah’. Pengajaran dan pembelajaran berlaku dalam suasana senyap di mana guru sahaja yang banyak bercakap dan murid diam serta kurang memberi respon. Ada murid buat kerja sendiri dan ada yang tidur di atas meja. Disebabkan kesemua murid dalam kelas tersebut lemah maka pengajaran dan pembelajaran hanya berlaku sehala sahaja iaitu hanya guru seorang sahaja yang banyak cakap.

(OB: M7: Julai, 22, 2010)

Keadaan ini disokong lagi dengan kenyataan M8 dan M9 seperti berikut:

Petikan 86:

P : Apakah yang anda lakukan apabila tidak memahami apa yang diajar oleh guru dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris?

M : Kadang-kadang saya tanya cikgu, kalau tak biarkan sahaja.

(M8: Julai 21, 2010)

Petikan 87:

M : Biasanya tak mahu tanya, kadang-kadang tanya. Takut bertanya kerana kena marah saya.

(M9: Julai 15, 2010)

Biasanya murid daripada kumpulan yang lemah jarang bertanya dalam kelas kerana mereka kurang faham dan takut dimarahi oleh guru. Oleh itu, ibu apa perlu

mendidik anak-anak supaya berani bertanya dan jangan takut untuk bertanya dengan guru semasa waktu pengajaran dan pembelajaran berlaku. Sikap rendah diri dalam kalangan murid lemah perlu dikikis sejak kecil lagi.

Analisis data kajian menunjukkan lima orang murid mempunyai kemudahan komputer dan internet di rumah masing-masing dan ini telah memudahkan mereka untuk mencari bahan-bahan tambahan secara *on-line*. Kenyataan berikut membuktikan bantuan media elektronik dalam proses pembelajaran. “Saya *surf* internet supaya dapat maklumat baru.” (M1: Julai 16, 2010), “emak bapa saya beri kebebasan untuk melayari internet,” (M2: Julai 23, 2010) dan “ibu bapa ada menyediakan komputer dan internet.” (M3: Julai 23, 2010).

Manakala bagi kumpulan murid yang lemah dalam pencapaian akademik tidak dapat menggunakan komputer dan internet. Kebanyakan mereka tidak mempunyai kemudahan komputer dan internet di rumah masing-masing. Namun analisis kajian menunjukkan setiap rumah ada sebuah televisyen. Kesemua rumah peserta kajian dilengkapi dengan sambungan televisyen berbayar. Murid berpencapaian cemerlang hanya menonton rancangan-rancangan tertentu sahaja pada hari cuti sekolah. Ini kerana masa mereka dipenuhi pelbagai aktiviti yang diaturkan oleh ibu bapa seperti berikut:

Petikan 88

P : Apakah aktiviti masa cuti sekolah?

M: *Morning study, afternoon tengok televisyen, sometimes I sleep, sometimes I help my mother to cook, sweep floor and mop.*

(M3: Julai 16, 2010)

Kesemua murid dari kumpulan cemerlang mempunyai pengisian masa yang teratur untuk belajar, menonton televisyen, membantu ibu di rumah dan sebagainya. Namun kumpulan murid sederhana dan lemah menggunakan masa yang lebih banyak untuk menonton. Apabila diajukan dengan soalan yang sama, “Apakah aktiviti masa cuti sekolah?” mereka menjawab:

Petikan 89:

P : Apakah masalah yang encik hadapi berhubung dengan pelajaran anak encik?

IB : Dia kurang minat untuk belajar. Dia hanya minat menonton kartun dan kerja-kerja perkhemahan dia minat ambil bahagian. Lawatan juga dia minat.

(IB6: Julai 27, 2010)

Petikan 90:

P : Apa dia buat selepas balik dari sekolah?

IB : Dia buat kerja rumah dan tidur. Kadang-kadang menonton TV. Tidur sehingga dikejutkan oleh ibunya. Tidak akan bangun sendiri. Duduk sekejap, pergi tuisyen jika tidak pergi ke kuil. Malam menonton televisyen. Kadang-kadang menonton terlalu lama. Saya nasihatkan dia supaya masa yang digunakan untuk menonton boleh digunakan untuk membaca.

(IB9: Julai 17, 2010)

Seramai enam orang daripada sembilan orang murid iaitu yang terdiri daripada kumpulan sederhana dan lemah lebih banyak menggunakan masa untuk menonton TV. Murid-murid tersebut lebih suka untuk menonton program-program Tamil berbentuk hiburan berbanding dengan rancangan berinformasi atau bermaklumat.

Analisis data juga menunjukkan kumpulan murid cemerlang sentiasa memberi tumpuan semasa waktu pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Mereka tidak berbual-bual dan memberi perhatian yang sepenuh semasa guru mengajar. Berikut adalah

kenyataan yang diberikan oleh guru kelas terhadap kumpulan murid cemerlang dalam kajian ini.

Petikan 91:

P : Adakah dia memberi tumpuan semasa waktu pengajaran dan pembelajaran?

G : Beri tumpuan. Kalau tak faham dia mesti tanya bahagian yang dia tak faham.
(GT1: Julai 21, 2010)

Petikan 92:

G : Dia selalu memberi perhatian semasa pengajaran dan pembelajaran. Dia murid yang rajin dan sentiasa ingin tahu sesuatu yang baru dan selalunya tidak putus asa serta banyak berusaha.

(GT2: Julai 16, 2010)

Sebaliknya kumpulan murid sederhana dan lemah tidak memberi perhatian yang sepenuhnya terhadap pembelajaran dan ada yang tidur dalam kelas. Berikut adalah kenyataan yang diberikan oleh beberapa orang guru terhadap murid yang kurang memberi perhatian semasa waktu pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Petikan 93:

P : Adakah dia memberi tumpuan semasa waktu pengajaran dan pembelajaran?

G : Dia lebih banyak berbual dan kurang memberi perhatian. Suka tidur dalam kelas semasa pengajaran dan pembelajaran. Tumpuan terhadap pelajaran terlalu kurang.

(GT4: Julai 19, 2010)

Petikan 94:

G : Perhatian terhadap pelajaran kurang juga. Perhatian dia tengok benda-benda di luar kelas. Dia tengok beg. Dia akan menumpukan perhatian dalam perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan pelajaran. Kadang-kadang mengganggu kawan. Selalu ditegur. Dia nampak lemah.

(GT8: Julai 21, 2010)

Petikan 95:

G : Dia selalu tidur dalam kelas. Dia ini sambil lewa dan kurang minat untuk belajar. Kalau dia rajin ada kemajuan, tapi dia ini malas dan suka tidur.

(GT9: Julai 22, 2010)

Pembelajaran dan pencapaian akademik seseorang murid mempunyai hubungan yang rapat dengan cita-cita atau matlamat. Murid perlu mempunyai cita-cita yang tinggi supaya sentiasa berusaha untuk mencapainya. Justeru itu, murid akan berusaha bersungguh-sungguh dan memberikan tumpuan yang lebih serius terhadap pembelajaran di sekolah. Segala aktiviti sekolah akan dilakukan dengan teratur dan bersungguh-sungguh demi mencapai cita-citanya. Murid dalam lingkungan umur 14 atau 15 tahun ini banyak memerlukan perhatian daripada ibu bapa, ahli keluarga dan guru-guru. Pengabaian kumpulan murid yang sederhana dan lemah pencapaian akademik akan mengundang pelbagai masalah baru kepada murid, ibu bapa dan pihak sekolah.

Penguasaan 3M

Sejak kecil lagi ibu bapa perlu mengambil berat tentang penguasaan 3M anak-anaknya. Apabila anak-anak tidak dapat menguasai 3M maka ibu bapa dengan segera perlu mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani masalah 3M. Dapatan kajian menunjukkan penguasaan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira memperlihatkan perbezaan dalam kalangan murid-murid yang cemerlang, sederhana dan lemah pencapaian akademiknya. Murid yang berpencapaian cemerlang dapat menguasai 3M dengan baik sekali, manakala murid berpencapaian sederhana mempunyai tahap penguasaan yang sederhana dan murid dalam kumpulan lemah menunjukkan penguasaan 3M yang kurang memuaskan. Sesi lisan dan bacaan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Tamil

dikendalikan oleh pengkaji. Tiga artikel dari bahasa yang berlainan telah diberikan kepada peserta kajian untuk dibaca (Lampiran L, Lampiran M dan Lampiran N). Seterusnya pengkaji telah mendapatkan pandangan dan bantuan guru Bahasa Melayu peserta kajian untuk melihat hasil kerja penulisan karangan Bahasa Melayu.

Guru telah memberikan 6 buah karangan dalam masa tujuh bulan. M2 telah menyiapkan kesemua karangan yang diberikan oleh guru. Hasil penulisannya telah mendapat markah lebih daripada 30 dan sentiasa mendapat pujian ‘baik’ daripada gurunya.

(OB: M2: Julai 16, 2010)

Manakala hasil pemerhatian kerja penulisan bagi M9 telah menunjukkan murid tersebut sentiasa tidak menyiapkan karangannya.

Sepanjang tujuh bulan guru Bahasa Melayu telah memberikan 5 buah karangan bagi kelas tersebut. M9 tidak menyiapkan kesemua karangan tersebut. Buku karangan didapati kosong. Setiap kali guru membuat catatan ‘siapkan kerja anda’.

(OB: M9: Julai 21, 2010)

Jadual 4.4 dan 4.5 menunjukkan hasil bacaan dan penulisan peserta kajian bagi ketiga-tiga bahasa. Keputusannya adalah seperti dalam jadual 4.4 dan 4.5.

Jadual 4.4

Penguasaan Membaca Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Tamil oleh Peserta Kajian

Murid	Bahasa Melayu			Bahasa Inggeris			Bahasa Tamil		
	B	S	L	B	S	L	B	S	L
M1 SJKT	X			X			X		
M2 SK	X			X					
M3 SK	X			X					
M4 SJKT	X				X			X	
M5 SJKC	X				X				
M6 SJKT	X				X		X		
M7 SJKT		X				X			X
M8 SJKT		X				X			X
M9 SK	X				X				

Petunjuk: B – Baik

S – Sederhana

L – Lemah

Jadual 4.5

Penguasaan Penulisan Bahasa Melayu Peserta Kajian

Murid	Baik	Sederhana	Lemah
M1 / SJKT		X	
M2 / SK	X		
M3 / SK	X		
M4 / SJKT			X
M5 / SJKC	X		
M6 / SJKT			X
M7 / SJKT			X
M8 / SJKT			X
<u>M9 / SK</u>			

Peserta kajian telah menjawab soalan Matematik yang diberikan. Soalan ini disediakan oleh Guru Cemerlang Matematik di salah sebuah sekolah menengah di daerah Jasin. Hasil keputusannya adalah seperti dalam jadual 4.6.

Jadual 4.6

Penguasaan Pengiraan Peserta Kajian

Murid	Baik	Sederhana	Lemah
M1 / SJKT	X		
M2 / SK	X		
M3 / SK	X		
M4 / SJKT		X	
		X	
M5 / SJKC		X	
M6 / SJKT			X
M7 / SJKT			X
M8 / SJKT		X	
M9 / SK			

Murid berpencapaian cemerlang dapat bertutur dengan fasih, membaca dengan lancar, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Tamil bagi murid dari sekolah Tamil. Kumpulan murid ini dapat menyelesaikan masalah Matematik dan penulisan dengan baik sekali. Berikut adalah kenyataan yang diberikan oleh dua orang guru terhadap penguasaan 3M bagi M1 dan M2.

Petikan 96:

P : Sejauh mana murid ini berusaha untuk belajar di dalam kelas?

G : Kalau tak faham mesti dia tanya, kalau bagi *homework* pun pasti siap punya.

Seorang murid yang kreatif. Kalau bagi karangan dia gunakan *vocab* yang baik sekali. Kalau banding dengan kawan yang tak boleh gunakan idioms tapi dia boleh gunakan idioms. Bahasa Inggeris dia sangat baik.

(GT1: Julai 21, 2010)

Petikan 97:

G : Memang baik dalam penguasaan 3M. Dia bole membaca Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan lancar. Aspek penulisan dan pengiraan juga memang baik.

(GT2: Julai 16, 2010)

Murid berpencapaian akademik tinggi lebih kreatif, rajin membuat kerja dan menggunakan perbendaharaan kata secara meluas. Penguasaan Bahasa Inggeris juga turut memberangsangkan. Oleh itu, mereka dapat memperoleh pencapaian yang lebih baik jika dibandingkan dengan murid berpencapaian sederhana dan lemah.

Kumpulan murid yang berpencapaian sederhana dapat menguasai pembacaan, penulisan dan pengiraan secara sederhana sahaja. Kebanyakan mereka boleh membaca tetapi aspek penulisan dan pengiraan tidak menunjukkan penguasaan yang baik. Berikut adalah komen guru tingkatan terhadap penguasaan 3M terhadap M5 dan M6.

Petikan 98:

P : Bagaimana penguasaan 3M murid ini?

G: Dia ini *moderate* sahaja. Boleh membaca tetapi penulisan dan pengiraan ada masalah sikit.

(GT5: Julai 19, 2010)

Petikan 99:

G : Penguasaan bahasa *ok*, tapi masuk topik *math* atau sains kurang menguasai.

Saya rasa murid ini kurang praktik matematik dan aspek penulisan.

(GT6: Julai 15, 2010)

Kumpulan murid sederhana ini mempunyai penguasaan bahasa yang sederhana tetapi mereka lemah dalam subjek-subjek teknikal. Akibatnya murid-murid ini tidak mendapat keputusan yang baik bagi semua mata pelajaran peperiksaan di sekolah.

Manakala kumpulan murid yang lemah hanya dapat membaca sedikit sahaja tetapi aspek penulisan dan pengiraan tidak menunjukkan penguasaan yang baik. Penguasaan selain daripada bahasa ibunda kurang memuaskan. Kumpulan murid ini terlalu lemah dalam aspek pengiraan dan penulisan. Berikut adalah rungutan guru-guru apabila ditanya tentang penguasaan 3M bagi M7 dan M8 di sekolah menengah.

Petikan 100:

P : Bagaimana penguasaan 3M murid ini?

G : Dia tak ada asas langsung. Maka sukar untuk guru-guru untuk menerangkan sesuatu di dalam kelas. *Very weak.*

(GT7: Julai 17, 2010)

Petikan 101:

G : Baca tak boleh. Saya ajar Bahasa Inggeris so tak boleh baca. Tak faham soalan. Kalau Inggeris tak faham Matematik dan Sains lagi susah kerana diajar dalam Bahasa Inggeris. Tulis susah tetapi salin sahaja boleh.

(GT8: Julai 21, 2010)

Pencapaian Sekolah Rendah

Analisis kajian menunjukkan pencapaian sekolah rendah mempengaruhi pembelajaran di sekolah menengah. Murid yang mempunyai keputusan UPSR yang cemerlang dapat meneruskan usaha dan pencapaian yang cemerlang ke sekolah menengah. Kumpulan murid ini tidak menghadapi apa-apa masalah dalam meneruskan pembelajaran di sekolah menengah. Pencapaian sekolah rendah akan dijadikan bekalan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah. Analisis data kajian menunjukkan pencapaian sekolah rendah mempunyai kesan terhadap pencapaian akademik murid di sekolah menengah. Berikut adalah kenyataan yang diberikan oleh murid berpencapaian cemerlang di sekolah rendah.

Petikan 102:

P : Apakah perasaan anda bila mendapat keputusan UPSR?

M : Saya berasa gembira dan saya memang yakin saya akan dapat 7A dalam peperiksaan UPSR.

P : Apakah rancangan anda selepas itu?

M : Saya ingat kejayaan dalam UPSR bukan sebegitu, saya nak meningkatkan kebolehan dan kecekapan saya.

(M1: Julai 16, 2010)

Hasil kajian membuktikan ketiga-tiga orang murid yang berpencapaian cemerlang iaitu M1, M2 dan M3 (7A dalam UPSR) tidak menghadapi masalah untuk meneruskan pelajaran di sekolah menengah. Murid-murid dari kumpulan ini dapat mengekalkan pencapaiannya di sekolah menengah. Manakala murid berpencapaian sederhana dan lemah iaitu M4-M9, apabila bertanya tentang perasaan tentang sesuatu keputusan peperiksaan maka mereka menjawab seperti berikut:

Petikan 103:

P : Apakah perasaan anda bila mendapat keputusan peperiksaan yang kurang memuaskan semasa di sekolah rendah?

M : Sedih sikit kerana tidak dapat keputusan yang baik.

P : Bagaimana dengan keputusan UPSR?

M : Gembira sikit. Target 2A tetapi tak dapat. Lulus sahaja semua subjek.

P : Adakah anda mempunyai rancangan untuk mengatasi kelemahan dalam pelajaran?

M : Sekarang saya mula belajar sungguh-sungguh. Kadang-kadang ada main juga dengan kawan-kawan.

(M4: Julai 19, 2010)

Petikan 104:

P : Apakah perasaan anda bila mendapat keputusan peperiksaan yang kurang memuaskan semasa di sekolah rendah?

M : Saya rasa sedih kerana gagal semua mata pelajaran.

P : Bagaimana dengan keputusan UPSR?

M : Sedih juga. Hanya lulus Matematik sahaja. Subjek lain semuanya gagal.

P : Kenapa anda tidak dapat keputusan yang baik?

M : Saya tidak dapat belajar dengan baik. Emak hantar saya ke sekolah terus di Tahun 3. Sebab itu saya tidak pergi ke tadika, Tahun 1 dan 2. Terus mula dari Tahun 3 sahaja. Oleh itu susah untuk belajar.

(M7: Julai 15, 2010)

Menurut kenyataan guru tingkatan, kesemua murid dari kumpulan sederhana dan lemah tidak menampakkan kemajuan yang lebih baik di sekolah menengah. Mereka masih mengulangi pencapaian yang sama di sekolah menengah. Sumbangan ibu bapa terhadap pelajaran kurang dan tidak menampakkan sebarang penambahbaikan dalam pelajaran anak-anak. Ibu bapa perlu mengatur strategi baru apabila mengetahui pencapaian akademik anak kurang memuaskan.

Petikan 105:

P : Bagaimana pencapaian akademik murid ini secara keseluruhan?

G : Keputusannya sederhana sahaja. Dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun, hanya dapat 42.8% sahaja. Kurang berusaha untuk membaiki keputusan peperiksaan.

(GT4: Julai 19, 2010)

Petikan 106:

G : Memang teruk. Memang lemah walaupun dapat nombor 1 dan yang dapat nombor *last* di kelas lain sama sahaja. Ujian dan peperiksaan objektif sahaja yang dapat buat. Soalan struktur atau eseai langsung tak boleh jawab.

(GT7: Julai 15, 2010)

Petikan 107:

P : Bagaimana pencapaian akademik murid ini secara keseluruhan?

G : Sangat lemah. Boleh dikatakan murid yang di hujung sekali. Masa peperiksaan pun tidur di atas meja. Tidak ada inisiatif untuk belajar.

(GT8: Julai 21, 2010)

Masalah pencapaian akademik di sekolah rendah perlu diatasi dengan menghantar murid-murid ini ke kelas pemulihan di sekolah menengah. Apa yang mendukacitakan ialah kebanyakan sekolah menengah tidak ada kelas pemulihan bagi murid-murid lemah. Ini akan mengeruhkan lagi suasana pembelajaran di sekolah menengah seperti mana yang dinyatakan oleh guru tingkatan bagi M7 dan M8 dalam kenyataan berikut:

Petikan 108:

P : Adakah murid ini dihantar ke kelas pemulihan?

G : Sekolah ini tidak ada kelas pemulihan. Hanya pendidikan khas sahaja.

(GT7: Julai 15, 2010)

Petikan 109:

P : Adakah murid dihantar ke kelas pemulihan?

G : Dia ini murid dari Peralihan. Selepas Peralihan dia masuk Tingkatan 1. Dia tak masuk kelas pemulihan di sekolah ini.

(GT8: Julai 21, 2010)

Kesemua murid dalam kategori kumpulan lemah iaitu M7, M8 dan M9 tidak pernah dimasukkan ke kelas pemulihan untuk menguasai 3M dan hanya meneruskan pelajaran tanpa kemahiran 3M di sekolah menengah. Proses pembelajaran lebih mencabar di sekolah menengah tetapi murid pula melanjutkan pelajaran tanpa kemahiran asas 3M. Keadaan ini merumitkan lagi pembelajaran kumpulan murid lemah.

Masalah Disiplin

Kumpulan murid yang cemerlang dan sederhana tidak mempunyai masalah disiplin di sekolah. Manakala kumpulan murid lemah pula mempunyai pelbagai masalah disiplin dan selalu ponteng ke sekolah. Ini juga mengganggu proses pembelajaran murid tersebut

kerana selalu dipanggil oleh guru disiplin dan ada kalanya digantung dari sekolah. Ini dapat dilihat melalui kenyataan guru tingkatan mereka.

Petikan 110:

P : Bagaimana disiplin murid ini?

G : Disiplin pun baru-baru ini digantung dah. Dia buli-buli budak lain.

P : Pernah murid dikenakan tindakan disiplin?

G : Digantung seminggu. Selalu ponteng banyak surat dihantar dah. Saya ingat kena tunggu dia terus buang sahaja dari sekolah. Dah 40 hari. 3 surat sudah dihantar. Rotan tak ada tetapi selalu kena ditegur.

P : Bila dia buat masalah disiplin ibu bapa dia datang ke sekolah?

G : Ada...ada...ada. Ada beritahu dan dibincang dengan mereka dan sebagainya. Dia kata akan mengambil berat. Dia selalu tuduh anak sahaja. Anak tak betullah, anak tak dengar nasihat.

(GT8: Julai 21, 2010)

Petikan 111:

P ; Bagaimana disiplin murid ini?

G : Dia murid bermasalah. Ada bawa *handphone*.

P : Pernah murid dikenakan tindakan disiplin?

G ; Pernah.

P : Adakah murid mematuhi peraturan sekolah?

G : Murid ini kurang mematuhi peraturan sekolah.

P : Adakah rakan murid mempunyai masalah disiplin?

G : Ya, bermasalah. (Rujuk Guru Disiplin).

(GT9: Julai 22, 2010)

Dalam pada itu, guru disiplin juga turut memberikan komen di bawah terhadap murid yang ada masalah disiplin di sekolah.

Petikan 112:

P : Bagaimana disiplin murid ini?

GD: Murid ini ada banyak kes disiplin. Semasa di Tingkatan 1 (13.5.2009 dan 20.8.2009) bergaduh dua kali dan diberi amaran serta rotan sekali. Semasa berada di Tingkatan 2, dia terlibat dalam kes buli iaitu pada 29.1.2010 dan dirotan dua kali. Seterusnya pada 5.2.2010 terlibat dalam kes membawa telefon bimbit ke sekolah. Telefon bimbit dirampas dan disimpan di sekolah. Murid ini juga terlibat dalam kes cinta dan selalu masuk lambat ke kelas selepas waktu rehat.

(GD9: Julai 27, 2010)

Dapatan kajian menunjukkan dua daripada tiga orang murid iaitu M8 dan M9 yang berpencapaian lemah iaitu kedua-duanya murid lelaki selalu terlibat dalam pelbagai kes disiplin di sekolah. Walaupun pelbagai tindakan dan hukuman telah diambil namun tidak ada apa-apa perubahan dalam kelakuan mereka. Oleh itu, mereka tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran di sekolah dan hanya dapat memperoleh keputusan peperiksaan yang kurang baik sahaja.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan kumpulan murid sederhana dan lemah seperti M4, M8 dan M9 mudah dipengaruhi dan sentiasa terikut-ikut dengan tindakan kawan-kawan. Beberapa orang guru tingkatan telah menyatakan murid yang berpencapaian rendah ini mudah dipengaruhi oleh kawan-kawan lain yang sama tarafnya.

Petikan 113:

- P : Adakah murid dipengaruhi oleh rakan untuk ponteng kelas, ponteng sekolah dan sebagainya?
- G : Ada pengaruh kawan. Saya tengok rakan dia pun teruk juga. Kedua-dua kawan dia pun ada masalah disiplin dan kena gantung juga. Dia suka campur dengan geng yang sama seperti yang ponteng dan yang buta huruf.

(GT8: Julai 21, 2010)

Petikan 114:

- P : Bagaimana dengan pembelajaran rakan-rakan murid berkenaan?
- G : Kawan-kawannya sama macam dia. Masing-masing dipengaruhi dan mempengaruhi antara satu sama lain. Rakan-rakan dia mempunyai masalah seperti ponteng kelas, ponteng sekolah dan sebagainya.

(GT9: Julai 22, 2010)

Petikan 115:

- G : Kawan-kawannya hampir sama dan ada yang lemah sedikit daripada dia. Ada ponteng kelas dan ada masalah disiplin.

(GT4: Julai 19, 2010)

Hasil perbincangan dengan guru-guru tingkatan maka dapat kita membuat satu kesimpulan bahawa murid berpencapaian sederhana dan lemah khususnya lelaki biasa mudah dipengaruhi oleh kawan-kawan senasib dengannya. Murid-murid ini hanya akan bercampur dengan kawan yang setaraf dengannya. Kawan-kawan mereka pula tidak membantu dalam menyelesaikan masalah pembelajaran tetapi melibatkan diri dalam pelbagai masalah disiplin seperti ponteng kelas, ponteng sekolah dan sebagainya. Kumpulan murid ini sentiasa menghadapi tindakan disiplin dan kebanyakan waktu P & P mereka bukan berada di dalam kelas tetapi banyak berada dalam bilik disiplin sekolah.

Sebaliknya murid cemerlang dan sederhana pencapaian akademik menjadikan kawan sebagai rakan pembelajaran. Menurut guru tingkatan M1, “murid-murid ini saling bantu-membantu antara satu sama lain dalam menyelesaikan masalah pembelajaran.”

Petikan 116:

P : Bagaimana dengan pembelajaran rakan-rakan murid berkenaan?

G : Kalau kawan-kawan dia tanya, dia bantu *especially* Matematik. Dalam kelas pun kalau ada apa-apa aktiviti yang dijalankan dia orang nak satu kumpulan dengan dia. Sebab dia rajin.

(GT1: Julai 21, 2010)

Murid cemerlang M1, M2 dan M3 iaitu ketiga-tiganya mempunyai kawan-kawan yang setaraf dengan mereka. Mereka saling tolong-menolong dalam menyelesaikan masalah pembelajaran walaupun terdiri daripada pelbagai kaum. Pembelajaran dalam kumpulan murid yang cemerlang memang memperlihatkan suasana yang berbeza dengan kumpulan murid sederhana dan lemah pencapaian akademiknya.

Persepsi Murid terhadap sekolah

Analisis data kajian menunjukkan kesemua kumpulan murid iaitu cemerlang, sederhana dan lemah mempunyai persepsi yang sama terhadap sekolah masing-masing. Mereka menyatakan kesemua sekolah ini mempunyai kemudahan fizikal yang secukupnya seperti bangunan sekolah, bilik darjah, perpustakaan, bilik komputer, kantin, makmal sains, padang dan sebagainya. Guru-guru berdedikasi dan sedia membantu anak murid di sekolah. Keadaan ini mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif di sekolah menengah. Dapatan menunjukkan kemudahan infrastruktur tidak mempengaruhi pembelajaran mana-mana murid di sekolah menengah dan tidak mempunyai implikasi terhadap pencapaian akademik murid.

Petikan 117:

P : Bagaimana persekitaran (kemudahan, keceriaan) yang ada di sekolah ini?
M : Ya, kemudahan yang ada cukup.

(M2: Julai 16, 2010)

Petikan 118:

P : Bagaimana persekitaran yang ada di sekolah ini?
M : Kemudahan semua cukup. Ada bilik komputer, kantin dan sebagainya.

(M8: Julai 30, 2010)

Secara keseluruhannya persepsi murid terhadap sekolah memang memuaskan. Keadaan persekitaran, keceriaan dan kemudahan yang terdapat dalam kawasan sekolah tidak mempengaruhi pencapaian akademik murid. Murid lebih suka belajar di sekolah masing-masing kerana setiap sekolah bandar maupun luar bandar mempunyai kemudahan yang hampir sama dalam aspek kurikulum dan kokurikulum. Kemudahan prasarana tidak

penting untuk memperoleh pencapaian yang cemerlang tetapi keinginan untuk belajar adalah lebih diutamakan.

Kesimpulan

Pembentukan konsep kendiri mengetengahkan sejauh mana peserta kajian mempunyai cita-cita yang hendak dicapai, penguasaan 3M, pencapaian UPSR dan ketidakterlibatan dalam masalah disiplin. Jadual 4.7 memberi rumusan tentang pembentukan konsep kendiri peserta kajian.

Jadual 4.7

Dapatan Tentang Pembentukan Konsep Kendiri

Murid	Pembentukan konsep kendiri			
	Cita-cita	Penguasaan 3M	Pencapaian SR	Masalah disiplin
M1	Jurutera	Baik	7A	Tiada
M2	Juruterbang	Baik	5A	Tiada
M3	Peguam	Baik	5A	Tiada
M4	Juruterbang	Sederhana	1A, 5B, 1C	Tiada
M5	Jururawat	Sederhana	2B, 2C, 3D	Tiada
M6	Doktor	Sederhana	3A, 5B	Tiada
M7	Doktor	Lemah	1C, 6E	Tiada
M8	Pekerja kilang	Lemah	2D, 5E	Ada
M9	Polis	Sederhana	1C, 2D, 2E	Ada

Dapatan kajian membuktikan cita-cita, pemahaman sesuatu subjek, pengurusan masa, kerja rumah, keinginan untuk membaiki keputusan, kunjungan ke perpustakaan, sikap suka bertanya, penggunaan media elektronik, televisyen dan televisyen berbayar, penguasaan kemahiran 3M, pencapaian sekolah rendah dan masalah disiplin mempunyai kesan terhadap proses pembelajaran seseorang murid di sekolah menengah. Aspek-aspek tersebut memang mempengaruhi pencapaian akademik murid di sekolah menengah. Kesemua aspek ini perlu mendapat perhatian yang sewajarnya daripada ibu bapa. Ibu bapa merupakan pembentuk konsep kendiri dalam kalangan anak-anak sejak kecil lagi.

Aliran Sekolah

Ibu bapa merupakan orang yang menentukan aliran sekolah semasa anak di peringkat sekolah rendah iaitu dari tahun 1 hingga Tahun 6. Dalam usia yang terlalu muda, anak tidak dapat menentukan aliran yang perlu diikutinya. Oleh itu, ibu bapa menjadi penentu aliran persekolahan anak-anak di rumah berdasarkan lokasi kediaman masing-masing. Dalam sistem persekolahan di Malaysia, murid-murid yang melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah datang dari Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan. Dalam kajian ini 3 orang murid, iaitu M2, M3 dan M9, berasal dari Sekolah Kebangsaan manakala 5 orang murid iaitu M1, M4, M6, M7 dan M8 berasal dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan seorang murid berbangsa India M5 berasal dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.

Murid-murid berpencapaian cemerlang dari Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan dapat menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam peperiksaan di peringkat sekolah menengah. Manakala murid-murid yang sederhana dan lemah pencapaian

akademik tidak dapat menunjukkan pencapaian akademik yang baik dalam peperiksaan di peringkat sekolah menengah. Murid-murid dari SK dan SJKT/C juga tidak dapat menguasai 3M dengan baik. Hasil kajian menunjukkan aliran sekolah rendah tidak mempengaruhi pencapaian akademik seseorang murid di sekolah menengah.

Penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris bagi kedua-dua aliran adalah sama. Murid berpencapaian cemerlang dari SK dan SJKT/C dapat bertutur dan memahami bahasa dengan mudah sekali. Berikut adalah kenyataan yang diberikan oleh murid dari SK dan SJK.

Petikan 119:

P : Bagaimana anda berbual dengan rakan di dalam kelas?

M : Masa Inggeris kita tetap akan cakap bahasa Inggeris. Sama juga seperti masa BM. Masa rehat atau waktu lapang kami bercakap dalam Bahasa Tamil.

P : Bagaimana penguasaan anda dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris?

M : Memang saya rasa susah sedikit untuk Bahasa Melayu sebab di sekolah rendah kita biasa cakap dengan bahasa Tamil. Masa sekolah menengah kita kena mempraktikkan dan menyesuaikan dengan kawan-kawan kerana masalah penguasaan bahasa Melayu. Tapi kita tetap bergaul dengan mereka dan cuba meningkatkan penguasaan kami dalam bahasa Melayu.

P : Sekarang anda boleh ikut ?

M : Boleh ikut.

P : Apakah yang anda lakukan apabila tidak memahami apa yang diajar oleh guru dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris?

M : Saya biasa pergi ke perpustakaan dan saya akan rujuk buku di sana.

(M1: Julai 16, 2010)

Murid yang berasal dari jenis sekolah yang berlainan dapat menguasai kedua-dua Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik. Ini memudahkan murid-murid tersebut M1, M2 dan M3 untuk memahami apa yang diajar oleh guru semasa waktu pengajaran dan

pembelajaran. Manakala murid berpencapaian sederhana dan lemah memberikan kenyataan seperti berikut:

Petikan 120:

- P : Apakah bahasa perbualan anda di rumah?
M : Bahasa Melayu, kadang-kadang cakap Bahasa Cina. Cakap Bahasa Cina dengan nenek. Kadang-kadang cakap Bahasa Tamil.
P : Bagaimana anda berbual dengan rakan di dalam kelas?
M : Cakap Bahasa Melayu juga. Kalau kawan India cakap dalam Tamil, kalau kawan Cina cakap dalam Cina.
P : Apakah yang anda lakukan apabila tidak memahami apa yang diajar oleh guru dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris?
M : Tanya cikgu atau kawan. Balik pergi bilik guru dan tanya. Hmm...cikgu ada respons. Kawan-kawan pun ada bantu.

(M5: Julai 19, 2010)

Petikan 121:

- P : Bagaimana anda berbual dengan rakan di dalam kelas?
M : Tamil dan Melayu.
P : Bagaimana penguasaan anda dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris?
M : Bahasa Melayu boleh cakap tapi bahasa Inggeris satu dua perkataan sahaja boleh cakap.
P : Adakah anda faham bahasa Inggeris semasa Matematik dan Sains?
M : Tidak faham.
P : Adakah anda tidak dapat belajar kerana bahasa?
M : Sains tak faham.

(M7: Julai 15, 2010)

Petikan 122:

- P : Bagaimana anda berbual dengan rakan di dalam kelas?
M : Cakap dengan menggunakan Bahasa Melayu.
P : Bagaimana penguasaan anda dalam Bahasa Inggeris?
M : Tak faham sangat.
P : Adakah anda membaca bahan-bahan tambahan?
M : Tidak.
P : Ibu bapa ada membelikan surat khabar Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris?
M : Bahasa Melayu ada beli, Bahasa Tamil beli, Bahasa Inggeris tidak beli.

(M9: Julai 15, 2010)

Murid berpencapaian sederhana dan lemah iaitu M4-M9 kurang yakin apabila menggunakan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Murid menghadapi kesukaran untuk memahami Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Pemahaman dan penguasaan Bahasa Melayu dan Inggeris telah mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di sekolah menengah. Seramai enam daripada sembilan orang murid menghadapi masalah untuk memahami satu atau kedua-dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris walaupun berasal dari sekolah kebangsaan atau jenis kebangsaan.

Kesimpulan

Sebelum murid ke sekolah rendah, mereka akan dihantar ke prasekolah iaitu kelas tadika bagi tujuan memberi pendedahan tentang alam persekolahan. Pendedahan ini amat penting supaya murid tahu akan iklim persekolahan yang seterusnya. Selepas itu, ibu bapa akan menentukan jenis sekolah rendah yang sesuai untuk anak-anak mengikut kemampuan masing-masing. Jadual 4.8 memberi rumusan berkaitan aliran sekolah yang dilalui oleh peserta kajian.

Jadual 4.8

Rumusan tentang Aliran Sekolah

Murid	Aliran sekolah
M1	Tadika & SJKT
M2	Tadika & SK
M3	Tadika & SK
M4	Tadika & SJKT
M5	Tadika & SJKC
M6	Tadika & SJKT
M7	Tahun 3 & SJKT
M8	Tadika & SJKT
M9	Tadika & SK

Hasil dapatan kajian menunjukkan aliran sekolah tidak mempengaruhi pencapaian akademik murid India di sekolah menengah. Murid yang datang dari Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil/Cina dapat memahami Bahasa Melayu dengan lebih baik berbanding Bahasa Inggeris. Murid cemerlang langsung tidak ada masalah untuk menguasai kedua-dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris walaupun berasal dari sekolah yang berlainan aliran. Namun bagi murid lemah sejak dari sekolah rendah tidak kira SK atau SJKT/C, memang tidak dapat memperlihatkan pencapaian yang cemerlang di sekolah menengah. Murid yang menguasai 3M dan memperoleh pencapaian yang cemerlang sejak dari sekolah rendah tidak menghadapi sebarang masalah pembelajaran di sekolah menengah.

Rumusan

Dapatan kajian menunjukkan ada beberapa faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik murid-murid India di sekolah menengah. Latar belakang keluarga, struktur keluarga, stail keibubapaan, pembentukan konsep kendiri dan aliran sekolah telah dikaji bagi mengetahui faktor sebenar yang mempengaruhi pencapaian akademik murid India di sekolah menengah.

Antara aspek yang dikaji dalam latar belakang keluarga ialah pekerjaan ibu bapa, pendapatan isi rumah, taraf pendidikan ibu bapa, tempat tinggal dan penjagaan anak oleh ibu (*father absence*). Taraf pendidikan ibu bapa dan penjagaan anak oleh ibu secara keseorangan telah memberi kesan terhadap pencapaian akademik murid di sekolah menengah. Struktur keluarga iaitu keluarga nuklear dan keluarga luas juga mempunyai hubungan yang rapat dengan pencapaian akademik seseorang murid. Stail keibubapaan iaitu kepimpinan autoritatif dan *laissez faire* telah memberikan pelbagai kesan yang berlainan terhadap cara asuhan anak di rumah.

Aspek pembentukan konsep kendiri turut memainkan peranan penting dalam mendapatkan ilmu pengetahuan di sekolah menengah. Pembentukan konsep kendiri yang dipengaruhi oleh ibu bapa telah memberi impak yang besar terhadap pencapaian akademik seseorang murid untuk mendapatkan keputusan yang lebih baik di sekolah menengah. Matlamat atau cita-cita, pemahaman sesuatu subjek, pengurusan masa, kerja rumah, keinginan untuk membaiki keputusan, kunjungan ke perpustakaan, sikap suka bertanya, penggunaan media elektronik, televisyen dan televisyen berbayar, penguasaan 3M, pencapaian di sekolah rendah dan masalah disiplin telah mempengaruhi proses

pembelajaran murid di sekolah menengah. Dalam pada itu, aliran sekolah yang berlainan tidak memberi apa-apa impak terhadap pencapaian akademik murid di sekolah menengah.

Di sini dapat dibuat satu kesimpulan iaitu keluarga memainkan peranan penting terhadap pencapaian akademik seseorang murid di sekolah rendah mahu pun sekolah menengah. Ini disebabkan seorang murid memang tidak boleh lari dari ikatan persaudaraan, hubungan kekeluargaan, kasih sayang, asuhan ibu bapa dan pemupukan nilai-nilai murni. Oleh itu, hubungan sosial yang wujud dalam sesebuah keluarga memang memberi kesan yang besar terhadap kesemua ahli keluarga tersebut. Para ibu bapa perlu menjadi *role model* yang terbaik kepada anak-anak kerana apa yang anak pelajari semuanya datang dari rumah itu sendiri. Sekiranya masalah yang dihadapi oleh murid dapat ditangani dengan cara yang teratur maka pencapaian akademik murid-murid tersebut akan bertambah baik pada masa akan datang.

BAB 5

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji melihat sejauh mana persoalan kajian telah terjawab berdasarkan teori-teori sosiologi dan teori-teori pembelajaran yang dikemukakan dalam Bab 2. Perbincangan yang menyeluruh dilakukan berdasarkan lima persoalan kajian untuk melihat bagaimana latar belakang keluarga, struktur keluarga, stail keibubapaan, pembentukan konsep kendiri dan aliran sekolah mempengaruhi pencapaian akademik murid India di sekolah menengah. Memandangkan bab ini adalah kesinambungan kepada Bab 4, maka dikemukakan dan dibahaskan antara lain model penglibatan ibu bapa yang baru dan berlainan daripada model yang dinyatakan dalam Bab 1 sebagai kerangka kajian ini. Selain itu, dikemukakan rumusan bagi analisis yang telah dijalankan mengikut soalan-soalan kajian.

Rumusan Kajian

Dapatan kajian dalam Bab 4 jelas menunjukkan bahawa empat daripada lima aspek yang dikaji memberi kesan terhadap pencapaian akademik seseorang murid di sekolah menengah. Antara aspek yang memberi kesan terhadap pencapaian akademik ialah latar belakang keluarga, struktur keluarga, stail keibubapaan dan pembentukan konsep kendiri murid itu sendiri. Manakala aliran sekolah rendah iaitu sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan tidak mempengaruhi pencapaian akademik murid-murid apabila mereka ke sekolah menengah. Berikut dikupas empat aspek yang relevan seperti yang dinyatakan di

atas dan dibandingkan dengan hasil dapatan pengkaji lain yang ada kaitan dengan pencapaian akademik seseorang murid di sekolah menengah.

Latar Belakang Keluarga yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik

Latar belakang keluarga dilihat dari aspek taraf sosioekonomi seperti pekerjaan dan pendapatan, pendidikan ibu bapa, tempat tinggal, ketiadaan bapa di rumah dan motivasi. Dapatan kajian menunjukkan aspek pekerjaan dan pendapatan serta tempat tinggal tidak mempengaruhi pencapaian akademik murid India di sekolah menengah. Manakala pendidikan ibu bapa, ketiadaan bapa di rumah dan motivasi daripada ibu bapa mempengaruhi pencapaian akademik murid di sekolah menengah. Penemuan-penemuan data dan maklumat kajian ini adalah bertentangan dengan teori-teori yang telah dikemukakan oleh beberapa ahli sosiologi barat mahupun tempatan.

Para pengkaji lepas telah menyatakan pencapaian akademik ada kaitan dengan pekerjaan dan pendapatan ibu bapa. Marimuthu (1975), Foziah Buang (1981), Marlaine E. Lockheed dan Bruns (1990), Fuller dan Olsen (1998), Eggen dan Kauchak (1999), Yap Yoke Fong (2000), Heng Gi Wa (2000), Gunasekaran (2003), Nor Eazrin Zaini (2004), Berns (2007) dan Bennett dan Arnold (2008), Azizi Yahaya, Halimah Ma'alip, Shahrin Hashim, Yusof Boon dan Jamaludin Ramli (2009) menyatakan bahawa pencapaian akademik mempunyai kaitan dengan pekerjaan dan pendapatan sesebuah isi rumah.

Para pengkaji tersebut telah mengatakan bahawa keluarga yang berpendapatan rendah tidak dapat memberikan pendidikan yang cemerlang dan tidak dapat menyediakan

pelbagai kemudahan dan peralatan pembelajaran di rumah yang mampu mendorong anak-anak mereka untuk belajar dan seterusnya memperoleh pencapaian cemerlang.

Walau bagaimanapun dapatan kajian ini menunjukkan bahawa murid-murid daripada keluarga yang berpendapatan rendah tidak selalunya memperoleh pencapaian yang rendah atau ketinggalan dalam pencapaian akademik. Ada dalam kalangan ibu bapa mereka yang hanya memperoleh pendapatan kurang daripada RM 1000.00 sebulan. Namun disebabkan oleh perbelanjaan berhemah, segala perbelanjaan isi rumah termasuk pendidikan serta aktiviti sekolah anaknya dapat disediakan tanpa sebarang masalah. Isu kewangan dan perbelanjaan persekolahan anak-anak tidak menjadi suatu bebanan kepada ibu bapa ini, kerana kebijaksanaan pengurusan kewangan keluarga. Ini menunjukkan pendapatan keluarga terutamanya pada masa kini bukan lagi menjadi salah satu faktor penentu kepada kejayaan pendidikan seseorang murid. Komitmen kerajaan dalam menyediakan pelbagai bantuan kewangan dan bantuan buku teks percuma kepada murid dapat memenuhi keperluan minimum yang diperlukan dan telah menjadi satu dorongan penting ke arah melahirkan murid yang cemerlang dalam pendidikan. Di sini keinginan dan keupayaan sebenar murid itu sendiri yang lebih menjadi penentu kepada kejayaan mereka.

Seterusnya, bagi kedua-dua ibu bapa yang bekerja dan memperoleh pendapatan lebih rendah daripada RM5000.00 sebulan keadaannya lebih baik. Kumpulan ini tidak menghadapi sebarang masalah kewangan. Mereka dapat berbelanja dengan teratur dan terancang untuk pendidikan, tuisyen, insurans dan sebagainya. Justeru, mereka tidak menghadapi sebarang masalah kewangan untuk memberi pendidikan yang sempurna kepada anak-anak. Ibu bapa kumpulan ini mengetahui akan kepentingan pelajaran kepada

anak-anak mereka. Oleh itu, mereka berbelanja dengan cermat dan mampu menyimpan wang untuk pelajaran anak-anak pada masa akan datang. Di sini dapat dibuat rumusan iaitu ibu bapa yang berpendapatan rendah tidak ketinggalan memberikan pendidikan yang sempurna seperti mana ibu bapa yang berpendapatan lumayan kerana setidak-tidaknya keperluan asas telah dapat disediakan.

Kenyataan di atas disokong lagi oleh Shahril @ Charil Hj Marzuki (2004) iaitu sesebuah keluarga yang menggunakan kewangan keluarga dengan berkesan pasti tidak akan mengalami masalah kewangan setiap bulan, tidak berhutang, tidak dilanda kesempitan untuk membayar balik pinjaman kad kredit dan lain-lain lagi. Oleh itu, kebolehan dan kebijaksanaan ibu bapa dalam menguruskan perbelanjaan keluarga masing-masing adalah lebih penting untuk memberikan pendidikan yang sewajarnya kepada anak-anak.

Dalam pada itu, lokasi tempat tinggal ibu bapa tidak berperanan mempengaruhi pendapatan sebenar mereka kerana yang bekerja di ladang dan tinggal di rumah majikan tidak perlu membayar sebarang sewa rumah, bil air dan bil elektrik pada setiap bulan kerana pihak majikan membekalkan kesemua kemudahan tersebut. Ini bermakna ibu bapa dapat berjimat dalam anggaran RM300 hingga RM400 setiap bulan dan sekaligus mengurangkan perbelanjaan dan beban kewangan mereka. Tambahan pula, baru-baru ini Menteri Sumber Manusia telah menyatakan gaji pokok minimum kepada pekerja-pekerja di Malaysia ialah RM 900.00 sebulan (Makkal Osai, 2012). Oleh itu, isu pendapatan ibu bapa perlu dilihat daripada aspek kos tanggungan sebenar. Tambahan, mereka juga berpeluang untuk menambahkan pendapatan dengan melakukan kerja-kerja sampingan dengan menggunakan bahan-bahan asli di persekitaran rumah untuk membuat penyapu lidi

dari pada pelepas kelapa kering yang banyak dan menjualnya di ladang dan di kawasan yang berhampiran. Ini menunjukkan keluarga yang tinggal di kawasan luar bandar mampu menikmati kehidupan yang lebih berkualiti bila mana mereka bijak memanfaatkan masa, tenaga mahupun persekitaran mereka

Namun, ada beberapa pengkaji lepas seperti Marjoribanks (1983), Foziah Buang (1984), Fuller dan Olsen (1998), Yap Yoke Fong (2000) dan Hamidah Sulaiman (2004) berpendapat bahawa persekitaran tempat tinggal, ruang yang mencukupi untuk aktiviti pembelajaran memainkan peranan penting terhadap pencapaian akademik seseorang murid. Manakala Taha Abdul Kadir (1977), Ho Keg Heng (1989) dan Nor Eazrin Zaini (2004) menyatakan bahawa tempat tinggal dan kemudahan fizikal tidak mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak.

Isu tempat tinggal tidak mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak walaupun keperluan asas tidak ada langsung di dalam rumah. Sekiranya murid tidak mempunyai bilik-bilik khas untuk mengulang kaji pelajaran atau menyiapkan kerja rumah maka mereka boleh menggunakan ruang tamu atau ruang-ruang kosong di dalam rumah bagi tujuan tersebut. Kebanyakan rumah mempunyai sekurang-kurangnya 2 atau 3 buah bilik. Sekiranya murid mempunyai keinginan untuk belajar maka tempat tinggal dan tempat belajar tidak lagi menjadi masalah. Mereka boleh duduk dan belajar di mana-mana ruang kosong di dalam rumah atau di meja makan yang tidak digunakan sepanjang hari.

Selain itu, faktor jarak tempat tinggal dengan sekolah yang terletak dalam lingkungan 8 km sahaja menjimatkan masa perjalanan ke sekolah kerana berhampiran

dengan rumah peserta kajian. Seterusnya, kesemua kecuali seorang murid pergi dan balik dengan menaiki kenderaan ibu bapa mereka sendiri. Mereka tidak perlu menunggu lama dan tidak berlaku pembaziran masa selepas tamat waktu persekolahan. Dapatan ini disokong oleh Abdul Razak (2011) iaitu lokasi tempat tinggal ibu bapa tidak signifikan bukan sahaja kerana berada berhampiran dengan rumah tetapi penglibatan ibu bapa untuk menghantar dan mengambil anak-anak mereka yang bersekolah menggunakan kenderaan sendiri.

Hasil kajian menunjukkan bahawa murid-murid yang berasal dari keluarga yang taraf sosioekonomi kukuh iaitu empat daripada sembilan keluarga menunjukkan ibu bapa mampu dan sedia membelanjakan sejumlah wang secara khusus untuk pendidikan anak-anak dengan harapan anak-anak mereka memperoleh pencapaian yang cemerlang. Apabila sesebuah keluarga itu telah mencapai had keperluan asas maka jumlah lebih pendapatan tidak begitu memberi kesan yang serius. Mungkin, ibu bapa berpendapatan rendah menghadapi masalah dalam menyediakan pelbagai kemudahan terkini kepada anak-anak untuk mengulang kaji atau membuat kerja-kerja tambahan dengan menggunakan media elektronik supaya dapat mengumpul maklumat-maklumat serta meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang.

Justeru, komputer dan internet merupakan peralatan yang amat berguna kepada murid. Ho Keng Heng (1989), Eggen dan Kauchak (1999), Heng Gi Wa (2000), Nor Eazrin Zaini (2004) dan Berns (2007) menyatakan bahawa pelbagai kemudahan akan membantu meningkatkan kemahiran dalam sesuatu aspek serta pencapaian akademik seseorang murid. Namun, masalah ketiadaan komputer juga telah diatasi dengan pemberian *laptop* 1

Malaysia di mana murid-murid yang datang dari keluarga yang berpendapatan sederhana dan rendah mendapat komputer secara percuma yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Di samping itu, murid-murid juga boleh menggunakan kemudahan makmal komputer sekolah bagi penggunaan komputer dan internet. Justeru, masalah pendapatan keluarga tidak boleh dikaitkan dengan pencapaian akademik anak-anak secara mutlak. Pendapatan isi rumah perlu dilihat dalam konteks holistik yang melibatkan faktor-faktor lain. Ini kerana segala keperluan pendidikan anak-anak dapat ditunaikan oleh ibu bapa sama ada yang berpendapatan tinggi, sederhana ataupun rendah. Kemudahan di dalam rumah tidak boleh dijadikan alasan bagi kegagalan memperoleh pencapaian akademik yang baik. Apa yang lebih penting ialah keinginan dan dorongan secara semula jadi atau intrinsik perlu dipupuk sejak kecil lagi dalam sanubari setiap murid untuk memperoleh keputusan yang cemerlang.

Ho Keng Heng (1989) dan Nor Eazrin Zaini (2004) menyatakan pekerjaan ibu bapa yang berjawatan tinggi mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak jika dibandingkan dengan mereka yang bekerja sebagai operator kilang atau buruh. Pandangan yang berlawanan dikemukakan oleh Foziah Buang (1981) iaitu pekerjaan bapa kurang memberi kesan kepada corak pembelajaran anak di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan ada sepasang ibu bapa yang bekerja sebagai guru namun anaknya hanya dapat memperoleh keputusan yang sederhana sahaja. Pekerjaan guru secara munasabah boleh dikatakan amat sesuai sebagai pendidik dengan latihan dan kemahiran pedagogi tetapi tidak pula dibuktikan dengan pencapaian anak yang berjaya. Sebaliknya, ibu bapa yang bekerja di

kilang yang kurang peka atau tidak terlatih seperti mana seorang guru tetapi anak mereka memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang. Oleh itu, dapat dibuat kesimpulan bahawa jenis pekerjaan ibu bapa tidak mempengaruhi pembelajaran dan pencapaian akademik seseorang murid di rumah mahu pun di sekolah. Tentu sahaja banyak faktor yang mempengaruhi pencapaian seseorang murid selain pekerjaan bapa seperti tahap pendidikan ibu bapa itu sendiri.

Dapatan kajian ini memperkuuhkan kajian-kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini iaitu taraf pendidikan ibu bapa mempengaruhi pencapaian akademik seseorang murid. Menurut beberapa pengkaji tempatan seperti Taha Abdul Kadir (1977), Kooperun Devi Samu (1992), Yap Yoke Fong (2000), Heng Gi Wa (2000), Nor Eazrin Zaini (2004), Ruzina Jusoh (2005), Wan Mardziyah (2005), Najeemah Mohd Yusof (2010), Abdul Razak (2011) dan pengkaji barat seperti Kohl, Lengua, dan McMahon (2002), semakin tinggi tahap pendidikan ibu bapa maka semakin tinggi pencapaian akademik anak-anak. Ibu bapa yang berpendidikan tinggi sekurang-kurangnya menamatkan SPM dapat memberi bimbingan dan tunjuk ajar serta membantu menyelesaikan masalah pembelajaran anak-anak dan lebih melibatkan diri dalam aktiviti sekolah.

Jelas dapatan kajian menunjukkan lima daripada sembilan orang ibu bapa adalah berpendidikan sekurang-kurangnya SPM, STPM dan Diploma. Mereka sentiasa membantu dalam pelajaran dan menyemak buku-buku latihan serta kerja sekolah anak-anak di rumah. Pengetahuan yang dimiliki memudahkan mereka berkomunikasi dan berinteraksi dengan pihak sekolah dan membantu anak-anak di rumah. Dapatan ini disokong lagi oleh Abdul

Razak Zakaria (2011) iaitu kepentingan pendidikan memerlukan ibu bapa menguasai kemahiran dan pengetahuan yang sewajarnya.

Namun empat pasangan ibu bapa yang hanya memperoleh pendidikan awal di sekolah rendah dan berkelulusan setakat PMR jarang sekali menyemak buku-buku latihan atau kerja rumah anak-anak mereka. Berkemungkinan ibu bapa yang berpendidikan rendah kurang yakin dengan diri sendiri dan menghadapi kesukaran untuk mengajar, menyemak kerja sekolah dan menyelesaikan masalah pembelajaran anak-anak kerana tidak memahami sukanan pelajaran sekolah menengah. Ada ibu bapa yang beranggapan bahawa tugas mereka selesai setakat menghantar anak ke sekolah pada setiap hari.

Zaman moden yang serba maju serta berteknologi tinggi memerlukan ibu bapa yang berpelajaran tinggi supaya mereka dapat mendidik anak-anak untuk menghadapi masa depan yang lebih mencabar yang menjurus kepada dunia elektronik dan digital. Oleh itu, salah seorang daripada ibu atau bapa perlu memiliki pendidikan sekurang-kurangnya sehingga ke peringkat SPM atau pun telah melalui proses pendidikan yang setara dengan apa yang dilalui oleh anak-anak mereka supaya dapat menguruskan proses pembelajaran anak-anak di sekolah mahu pun di rumah dengan pelbagai teknologi baru.

Dunia pendidikan pada masa kini sentiasa mengalami pelbagai perubahan. Ibu bapa juga perlu melengkapkan diri dengan pelbagai perkembangan semasa dalam bidang pendidikan supaya mereka dapat menyampaikan informasi yang terkini kepada anak-anak. Ini akan membantu anak-anak mengikuti perubahan semasa supaya dapat menghadapi segala cabaran baru dunia pendidikan. Menurut Za'ba (1992) ibu bapa yang berpendidikan

cemerlang dapat memodenkan didikan anak-anaknya itu kepada tuntutan ilmu yang telah luas dalam kemaraan dunia hari ini supaya anak-anak dapat memilih yang mana baik ditiru dan yang mana mesti ditolak. Manakala, menurut Abdul Razak Zakaria (2011) ibu bapa yang mempunyai aspirasi yang tinggi akan lebih bersedia untuk memberikan sokongan moral kepada anak-anak untuk berjaya dalam pelajaran.

Ibu bapa yang berpendidikan tahu akan kepentingan motivasi terhadap anak-anak. Motivasi ibu bapa merupakan salah satu aspek yang terpenting dalam memperoleh pencapaian akademik anak-anak di rumah maupun di sekolah. Ini kerana pujian, dorongan, motivasi, hadiah, wang dan pelbagai jenis janji telah menjadi faktor dorongan kepada anak-anak supaya memberi perhatian yang lebih serius untuk mendapatkan keputusan yang lebih baik dalam sesuatu peperiksaan.

Foziah Buang (1981) dan Heng Gi Wa (2000) menyatakan motivasi akan mencipta satu dorongan kuat dan mantap dalam kalangan murid untuk terus berminat dengan sesuatu yang dipelajari dan motivasi rendah akan melemahkan semangat serta membawa kepada kegagalan. Manakala Hamidah Sulaiman (2004), Nor Eazrin Zaini (2004) dan Zaid Mohamad (2010) menyatakan bahawa memberi dorongan dan meraikan kejayaan anak-anak dalam pelajaran akan memberi semangat baru kepada anak-anak untuk menempah kejayaan pada masa hadapan. Keadaan ini mewujudkan persaingan dalam kalangan murid-murid untuk membaiki keputusan akademik dan seterusnya memperoleh pencapaian akademik yang lebih baik.

Oleh itu, ibu masyarakat India perlu sentiasa memberi dorongan dan meraikan kejayaan anak-anak yang dicapai dalam sesuatu peperiksaan supaya situasi tersebut memberi semangat baru kepada anak-anak untuk belajar bersungguh-sungguh. Menurut Ainon Mohd (2008) estim dapat ditingkatkan melalui ganjaran di mana ganjaran yang paling besar pengaruhnya pada estim ialah kasih sayang dan pujian iaitu sejenis ganjaran yang amat berpengaruh pada estim seseorang.

Satu lagi aspek yang perlu diberi perhatian dalam latar belakang keluarga ialah kerja sampingan yang dilakukan oleh ibu bapa yang berpendapatan sederhana dan rendah. Keinginan ibu bapa untuk meningkatkan pendapatan keluarga dengan melakukan beberapa kerja sampingan patut dipuji. Namun ibu bapa yang melibatkan anak-anak dalam kerja sampingan akan mempengaruhi proses pembelajaran mereka. Anak-anak terpaksa menghabiskan beberapa jam untuk melakukan kerja-kerja sampingan, ini secara tidak langsung meletihkan mereka dan mengurangkan masa untuk menyiapkan kerja-kerja sekolah di rumah. Mungkin kerja yang dilakukan nampak kecil tetapi mengurangkan tumpuan terhadap pelajaran serta menjaskan pencapaian akademik anak-anak.

Jika dibandingkan dengan murid-murid yang berpencapaian cemerlang, mereka tidak melakukan apa-apa kerja tambahan di rumah dan masa lapang digunakan untuk membuat kerja-kerja sekolah di samping pergi ke perpustakaan awam atau kelas tuisyen. Oleh itu, pencapaian mereka bertambah baik dan mereka mencapai keputusan yang lebih cemerlang. Anak-anak boleh membantu ibu bapa tetapi ibu bapa perlu memastikan penglibatan anak-anak tidak menjaskan pembelajaran mereka di rumah. Di sini kemampuan dan kesanggupan anak untuk melakukan kerja sambilan perlu diambil kira.

Tiada gunanya jika anak berkenaan tidak mampu menerima perkara berkenaan sedangkan keluarga memaksa untuk melakukannya. Sekiranya tidak mengambil pendekatan yang lebih berhati-hati masa depan anak berkenaan akan terjejas. Mohd Fadzilah Kamsah, Syaidatul Nazirah Abu Zahrin, dan Nurul Aida Abdul Ghani (2009) menegaskan bahawa ibu bapa tidak boleh memaksa anak ikut kemahuan mereka kerana anak-anak mempunyai minat, cita rasa dan kecenderungan yang tersendiri.

Ibu bapa adalah faktor terpenting dalam membentuk dan mencirikan anak-anak (Muslim Joned & Zainuddin Hassan, 2006). Bapa sebagai ketua rumah sentiasa keluar untuk mencari sumber pendapatan bagi menyara keluarga. Ini menyebabkan mereka kurang berpeluang bersama anak-anak di waktu siang. Akibatnya ibu terpaksa mengambil alih tugas menjaga anak-anak yang balik dari sekolah. Dapatkan ini disokong lagi oleh Taha Abdul Kadir (1977) iaitu bapa sibuk dengan urusan pekerjaan dan jarang berada di rumah. Anak-anak dijaga oleh ibu secara perseorangan sehingga bapa pulang kerja. Menurut beliau lagi, anak-anak biasanya kurang takut kepada ibu, lebih-lebih lagi anak lelaki.

Dapatkan kajian ini sama dengan hasil kajian lepas iaitu ibu-ibu menjaga anak secara keseorangan. Ibu yang sudah letih dan bosan dengan kerentahan anak-anak ini tidak dapat memberikan perhatian yang sepenuh untuk mendidik anak-anak tersebut. Menurut Yarber dan Sharp (2010) dalam keluarga yang ketiadaan bapa, ibu menjadi lebih serius dan lebih cepat marah dan hilang kawalan dalam mendisiplinkan anak-anak. Keadaan ini menyebabkan anak-anak bertindak bebas dan membuat kerja-kerja yang tidak berfaedah. Ini menjelaskan aktiviti pembelajaran dan prestasi akademik mereka.

Tugas harian ibu di rumah ialah menjaga anak-anak seorang diri sehingga kepulangan suaminya. Keadaan ini memberi ruang kepada anak-anak untuk bermain, menonton dan tidur. Tumpuan anak-anak terhadap pelajaran berkurangan manakala lebih kepada aktiviti lain. Menurut Audrey Lim, Lim Kok Kwang dan Sim Ngee Meng (1998), ibu bapa mempunyai tugas dan tanggungjawab yang berbeza dalam sesebuah keluarga. Seorang bapa tidak boleh menjalankan tugas seorang ibu manakala seorang ibu pula tidak dapat menjalankan tugas seorang bapa. Pengurusan rumah tangga melibatkan penglibatan kedua-dua orang ibu dan bapa.

Dapatan kajian menunjukkan masalah ini tidak wujud bagi ibu bapa yang mempunyai anak yang berpencapaian cemerlang. Kebanyakan ibu bapa pergi kerja pada waktu pagi dan balik pada waktu petang. Kumpulan ibu bapa ini mempunyai masa untuk bersama-sama dengan ahli keluarga dan dapat berbincang masalah pembelajaran anak-anak. Penglibatan kedua-dua ibu dan bapa dalam menguruskan rumah tangga termasuk pembelajaran anak mampu membawa anak ke tahap pencapaian akademik yang lebih baik.

Menurut Wan Hassan Wan Embong dan Siti Norlina Muhamad (2006), kepincangan akhlak generasi muda seperti kurangnya sifat menghormati ibu bapa, guru, orang tua dan pemimpin berpunca daripada kurangnya kefahaman ketua keluarga (bapa) dan ibu terhadap peranan mereka. Ini jelas menunjukkan ibu dan bapa perlu memainkan peranan masing-masing dalam memastikan pencapaian akademik anak-anak. Mengharapkan salah satu pihak untuk mendidik anak pasti mewujudkan satu keadaan yang tidak seimbang dan proses pembelajaran anak akan mengalami kepincangan.

Kesimpulan

Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa pencapaian murid sekolah adalah perkara yang kompleks dan banyak faktor perlu diambil kira dengan melihat konteks sosiobudaya keluarga dan bukan hanya dari pekerjaan, pendapatan, pendidikan, lokasi tempat tinggal mahu pun struktur keluarga. Aspek nilai sosiobudaya dari segi amalan pengurusan kewangan, berhemah, sikap positif terhadap pelajaran anak-anak, gigih berusaha dan kerjasama boleh membendung pengaruh negatif yang berpunca dari SES yang rendah.

Jenis pekerjaan ibu bapa tidak memberi kesan negatif kepada pencapaian akademik seseorang murid kecuali berkait dengan ketidakupayaan ibu bapa tersebut memberikan bimbingan dan pantauan yang sewajarnya. Sekiranya pendapatan ibu bapa rendah tetapi mereka tahu untuk menguruskan perbelanjaan isi rumah dengan baik maka ini tidak menjelaskan pencapaian akademik murid-murid di sekolah. Masalah kewangan sedia ditampung oleh kerjasama ahli keluarga yang gigih bekerja dan menyumbang pendapatan untuk meringankan bebanan.

Kumpulan ibu bapa yang berpendidikan rendah kurang memahami Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang standard (hasil pemerhatian semasa temu bual dengan ibu bapa menunjukkan mereka tidak dapat bertutur dengan menggunakan Bahasa Melayu yang standard apabila berbual dengan pengkaji). Keadaan ini membuktikan bahawa kumpulan ibu bapa yang lemah dalam penggunaan Bahasa Melayu tidak dapat membantu anak-anak yang belajar di sekolah menengah yang mana proses pembelajaran menggunakan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Manakala menurut Abdul Razak

Zakaria (2011), ibu bapa yang berpendidikan lebih sedar akan peranan dan lebih bersedia untuk menghulurkan kerjasama dalam mengasuh dan mendidik anak-anak.

Dalam negara kita terdapat pelbagai pihak yang sedia untuk membantu murid-murid berpencapaian cemerlang, sederhana dan rendah. Sumbangan mereka merupakan dalam bentuk kebendaan atau wang-ringgit. Ini dapat direalisasikan oleh pihak NGO dan Kementerian Pendidikan dengan memberikan pelbagai jenis biasiswa dan pinjaman kepada murid yang kurang mampu. Ibu bapa yang berpendapatan kurang daripada RM1500.00 sebulan dan murid dari keluarga ibu tunggal sentiasa dapat bantuan Kementerian Pendidikan Malaysia dan NGO tanpa mengira latar belakang keluarga dan kaum.

Bagi menggalakkan penyertaan yang lebih besar dan meningkatkan prestasi murid di sekolah rendah mahu pun menengah maka pelbagai program sokongan pendidikan seperti Skim Pinjaman Buku Teks, Sekolah Berasrama Penuh, KWAMP, Skim Baucer Tuisyen dan Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin disediakan terutamanya kepada murid daripada keluarga berpendapatan rendah (RMK 9, 2006). Semua jenis bantuan seperti ini yang disalurkan oleh pihak kerajaan sudah semestinya akan membantu sesebuah keluarga terutamanya keluarga yang kurang mampu untuk terus memastikan tahap pencapaian anak mereka tidak terganggu. Alasan ketiadaan sumber kewangan untuk belajar dan melanjutkan pelajaran tidak seharusnya menjadi punca kepada keciciran para murid pada masa kini.

Dalam Bajet 2005 pihak kerajaan telah memansuhkan semua jenis yuran peperiksaan awam. Seterusnya dalam Bajet 2010 yuran khas telah dimansuhkan. Baru-baru

ini, untuk mengatasi masalah kewangan ibu bapa maka dalam Bajet 2011, Perdana Menteri Malaysia selaku Menteri Kewangan YAB Dato' Seri Mohammad Najib Tun Razak telah menyatakan pihak kerajaan akan memberikan RM100.00 kepada setiap murid dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5, RM250.00 kepada pelajar IPT dan Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) RM500.00 sekali dalam setahun bagi keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM3000.00 sebulan. Ini menunjukkan pihak kerajaan Malaysia memang prihatin dan sentiasa berusaha untuk mengurangkan masalah kewangan dan beban ibu bapa dalam memberikan pendidikan yang terbaik kepada anak-anak mereka.

Secara keseluruhannya boleh dikatakan bahawa taraf pendidikan ibu bapa telah mempengaruhi dan memberi kesan terhadap pencapaian akademik di sekolah menengah. Isu utama yang boleh dikaitkan dengan pencapaian pendidikan murid lebih menjurus kepada bagaimana ibu bapa memberikan sokongan yang sesuai dan terbaik kepada anak-anak menguruskan segala aktiviti pembelajaran dengan teratur. Dalam kata lain, penglibatan ibu bapa dalam proses pembelajaran anak-anak adalah amat penting dan boleh mempengaruhi pencapaian akademik seseorang murid.

Cadangan Untuk Meningkatkan Pengaruh Latar Belakang Keluarga

Pelbagai rancangan dan dasar telah diperkenalkan dalam bidang pendidikan negara, sejak kemerdekaan Malaysia. Antaranya Laporan Razak (1956), Laporan Rahman Talib (1960) serta Akta Pelajaran Kebangsaan (1967), Laporan Tun Hussein Onn (1971), Laporan Jawatan Kuasa Kabinet (1979), Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1988), Akta Pendidikan (1996), Pelan Pembangunan Pendidikan (2001) dan Pelan Induk Pembangunan (2006) untuk meningkatkan sistem dan taraf pendidikan rakyat Malaysia.

Menurut Ishak Saat (2009), pembinaan diri insan adalah agenda utama kerajaan dalam memastikan misi nasional tercapai. Malangnya, masih terdapat ibu bapa yang tidak memperoleh pendidikan yang sempurna pada waktu remaja mereka. Golongan ibu bapa ini gagal melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Ini seterusnya telah menjadikan pendidikan anak mereka. Akibatnya, anak-anak mereka turut ketinggalan dalam pelajaran dan tidak dapat menyumbang kepada kemajuan sosial dan pembangunan ekonomi negara.

Pendidikan adalah penting kepada setiap orang yang lahir dalam dunia ini. Ibu bapa perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan supaya ilmu itu dapat diturunkan kepada anak-anak. Menurut Dra. Ny.Y. Sinngih D. Gunarsa dan Dr. Singgih D. Gunarsa (1993), dalam bidang pendidikan, keluarga merupakan sumber pendidikan utama kerana segala pengetahuan dan kecerdasan intelektual manusia diperoleh oleh kanak-kanak dari orang tua dan anggota keluarganya sendiri. Generasi masa kini wajib melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat diploma atau ijazah supaya mereka dapat mendidik anak-anak pada masa akan datang.

Ilmu pendidikan amat penting kepada setiap orang supaya dapat menghadapi segala dugaan dan cabaran pendidikan anak-anak pada masa hadapan. Dengan ilmu yang dimiliki, para ibu bapa dapat membimbing dan menunjuk ajar anak-anak serta dapat menyelesaikan segala masalah pembelajaran anak di rumah mahu pun di sekolah. Mohd Abid Siddiqui (2004), menyatakan '*parent attitudes are clearly related to student engagement in learning and graduation rates.*' Mendidik anak bukan berdasarkan kebiasaan atau merupakan satu kerja rutin tetapi berdasarkan kepada pengetahuan. Oleh

itu, generasi masa kini perlu memiliki ilmu pengetahuan yang secukupnya supaya dapat diaplikasikan kepada generasi akan datang. Ibu bapa juga harus memiliki pengetahuan yang secukupnya kerana dunia kini sedang menuju ke era digital (Strom & Strom, 2010). Oleh itu, dasar kerajaan yang mewajibkan setiap rakyat Malaysia perlu menamatkan pelajaran sekurang-kurangnya sehingga ke Tingkatan 5 perlu dikuatkuasakan sepenuhnya dan perlu ada tindakan yang lebih tegas terhadap ibu bapa yang gagal menghantar anaknya ke sekolah.

Penglibatan anak-anak dalam kerja-kerja sampingan untuk menambah pendapatan keluarga tidak boleh dijadikan faktor yang menghalang pencapaian akademik mereka. Malahan penglibatan mereka akan memberi kesedaran kepada anak-anak tentang keadaan sebenar masalah kewangan keluarga dan seterusnya mendorong mereka untuk belajar bersungguh-sungguh. Dalam negara kita terdapat pelbagai jenis pekerjaan dan kerja-kerja sampingan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah. Oleh itu, ibu bapa harus tahu cara untuk meningkatkan pendapatan keluarga tanpa menjelaskan hubungan kekeluargaan.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia, badan-badan NGO, parti-parti politik, pelbagai Yayasan Negeri dan orang perseorangan sanggup memberikan pinjaman pendidikan, biasiswa serta sumbangan kepada murid-murid sekolah dalam bentuk wang dan peralatan. Dalam pengurusan perbelanjaan isi rumah ibu bapa turut memerlukan ilmu pengetahuan supaya dapat mencari jalan untuk menguruskan perbelanjaan isi rumah secara sistematis. Pengetahuan tentang pengurusan kewangan keluarga dapat melicinkan segala aktiviti kehidupan harian setiap keluarga.

Ketiadaan bapa (*father absence*) merupakan satu masalah yang perlu diatasi oleh sesebuah keluarga. Dalam usaha untuk mencari kekayaan untuk menyara keluarga, pihak bapa tidak boleh lupa tugas dan tanggungjawab terhadap keluarga. Menurut MacCallum dan Golombok (2010), apabila anak-anak tidak dikawal oleh bapa maka anak-anak mudah terdedah kepada bahaya emosi dan menghadapi masalah tingkah laku. Bapa perlu memperuntukkan masa yang secukupnya untuk bersama-sama dengan ahli keluarga dan membantu serta berbincang masalah pembelajaran anak-anak.

Tugas menjaga anak-anak tidak boleh diserahkan sepenuhnya kepada ibu sahaja. Kaum wanita yang lemah lembut menghadapi kesukaran untuk mendisiplinkan anak-anak yang sudah masuk alam remaja di samping menyiapkan pelbagai kerja rumah tangga. Tugas dan tanggungjawab untuk menguruskan rumah tangga dan mengambil berat terhadap pelajaran harus dibahagikan secara saksama. Ibu bapa perlu berganding bahu secara bersama untuk menjaga, mendidik membesarkan anak-anak. Tugas berat ini harus dipikul bersama oleh ibu dan bapa seperti bah kata pepatah, “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”.

Di samping itu, anak-anak juga memerlukan motivasi, galakan dan dorongan daripada pihak ibu bapa supaya bergiat aktif dalam pelajaran. Segala bentuk motivasi meningkatkan keinginan untuk mencapai kejayaan yang seterusnya. Ibu bapa boleh menjanjikan hadiah, wang-ringgit atau membawa mereka melawat dalam atau ke luar negara mengikut kemampuan mereka. Menurut Rozumah Baharudin, Siti Nor Yaacob, Rojanah Kahar, Abdullah Al-Hadi, dan Harina Halimatusaadiah Hassan (2003) salah satu aspek penting dalam proses keibubapaan pada peringkat awal kanak-kanak ialah

memberi dorongan, rangsangan dan sokongan ke arah mencapai prestasi cemerlang dalam pendidikan. Walaupun hadiah yang diberi kecil atau tidak seberapa, namun ia akan memberi impak atau pengertian yang besar kepada anak-anak berkenaan.

Pengaruh Struktur Keluarga Terhadap Pencapaian akademik

Kehidupan manusia tidak lari daripada ikatan kekeluargaan. Setiap insan yang lahir dalam dunia ini hidup dalam suasana kekeluargaan. Menurut Fuller dan Olsen (1998) keluarga merupakan himpunan ahli keluarga yang hidup secara bersama, tolong-menolong dan cinta-mencintai antara satu sama lain. Penglibatan setiap ahli keluarga amat diperlukan dalam membentuk dan memberikan pendidikan yang sempurna kepada anak-anak. Hubungan kekeluargaan yang longgar menyumbang kepada berlakunya pelbagai masalah sosial masa kini (Wan Hassan Wan Embong & Siti Norlina Muhamad, 2004).

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kesemua murid yang berpencapaian sederhana dan lemah adalah daripada keluarga nuklear. Keluarga nuklear atau asas terdiri daripada suami, isteri dan anak-anak, sementara anggota keluarga luas bukan sahaja terdiri daripada keluarga nuklear tetapi dianggotai oleh ahli dari keluarga nuklear lain yang mempunyai ikatan darah seperti ibu, bapa atau adik beradik ibu bapa, datuk, nenek, emak saudara dan bapa saudara. Murid yang membesar dalam struktur keluarga luas menunjukkan pola perkembangan yang positif dari segi pencapaian akademik. Sokongan sosial daripada ahli keluarga luas dianggap sangat signifikan dalam memastikan pembangunan sahsiah dan perkembangan pendidikan seseorang kanak-kanak. Panduan dan teguran yang konsisten mampu membentuk kanak-kanak memperoleh peribadi yang positif dan terkawal.

Sejak kebelakangan ini kewujudan keluarga nuklear bertambah banyak berbanding keluarga luas. Ibu bapa tidak dapat memberikan perhatian dan pengawasan yang sepenuhnya terhadap anak-anak. Ini kerana kedua-dua orang ibu bapa terpaksa bekerja untuk mencari nafkah hidup yang secukupnya untuk menampung perbelanjaan keperluan rumah tangga. Keadaan ini dapat diatasi jika terdapat datuk atau nenek dan ahli keluarga yang lain. Mereka dapat mengawasi anak-anak semasa ketiadaan ibu bapa di rumah serta memastikan anak-anak dipantau dan tidak terabai terutama dalam keluarga yang mempunyai bilangan anak yang ramai. Dapatkan ini disokong oleh Heng Gi Wa (2000), iaitu ada ibu bapa kesuntukan masa untuk mengambil berat tentang perkembangan pelajaran anak-anak sama ada di rumah atau di sekolah kerana kebanyakan masa diperuntukkan untuk mencari pendapatan tambahan bagi menyara keluarga.

Dapatkan kajian menunjukkan dua orang murid berpencapaian rendah berasal dari keluarga nuklear yang mempunyai bilangan anak yang ramai. Bilangan ahli keluarga yang ramai menyukarkan proses pembelajaran anak-anak. Ini disokong oleh Taha Abdul Kadir (1977), Schiefelbein dan Simmons (1981) dan Heng Gi Wa (2000), iaitu keadaan kesesakan mengakibatkan anak-anak tidak selesa untuk belajar dan mengulang kaji pelajaran. Ibu bapa pula perlu memberikan perhatian yang sepenuhnya terhadap setiap orang anak supaya anak-anaknya tidak ketinggalan dalam pelajaran. Oleh itu, bilangan anak yang ramai dalam sesebuah keluarga nuklear tidak memperlihatkan pencapaian akademik yang cemerlang di sekolah.

Menurut Abdul Rahim Abdul Rashid (2006) gaya kehidupan dalam keluarga luas adalah berbeza jika dibandingkan dengan gaya kehidupan keluarga nuklear. Keluarga luas

memberi peluang yang lebih positif terhadap pengalaman sosiobudaya dan pembelajaran nilai-nilai moral yang terunggul. Selain ibu bapa, murid yang berasal dari keluarga luas sentiasa berada dalam kawalan ahli keluarga yang lain. Mereka juga mengajar nilai-nilai murni kepada ahli keluarga yang lebih muda. Ini jelas apabila dapatan kajian menunjukkan ada keluarga yang datuk nenek walaupun tidak tinggal bersama tetapi tinggal di taman yang berhampiran dan kerap-kali datang menjaga cucu-cucu ketika ibu bapa tidak ada di rumah, memberi nasihat dan tunjuk ajar. Sumbangan mereka terhadap keluarga anak memberi impak yang besar di mana pola pencapaian murid dari keluarga luas lebih baik berbanding dengan murid dari keluarga nuklear. Boleh diandaikan bahawa pembentukan nilai-nilai murni dalam kalangan anak-anak yang mendapat pantauan dan nasihat orang dewasa atau tua meningkatkan disiplin murid tersebut supaya dapat menumpukan perhatian yang baik spesifik terhadap pelajaran dan seterusnya membantu meningkatkan pencapaian akademik.

Kehidupan dalam keluarga luas memang memberi impak yang positif terhadap pencapaian akademik seseorang murid. Walaupun ibu bapa mempunyai taraf SES yang rendah namun itu bukan menjadi salah satu faktor murid tersebut memperoleh keputusan yang kurang baik. Anak-anak yang tinggal dalam keluarga luas masih memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang kerana ada orang dewasa yang lain dalam ahli keluarga mengambil alih peranan ibu bapa untuk tugas pengawasan, membantu anak-anak menyiapkan kerja, memberikan sokongan moral dan psikologi serta mendidik anak menjadi insan yang sempurna. Masalah kewangan, ketiadaan bapa di rumah tidak lagi menjadi penghalang kepada pencapaian akademik murid India. Ikatan dan hubungan kekeluargaan dengan ahli keluarga yang lain boleh mengambil alih tugas membentuk generasi intelektual pada masa akan datang. Ini dapat dibuktikan di mana murid dari keluarga berpendapatan

rendah tetapi tinggal dalam keluarga luas telah memperoleh keputusan akademik dan sahsiah yang cemerlang.

Selain itu, datuk dan nenek turut memberi pendidikan agama supaya didikan agama membentuk murid yang bermoral, sahsiah tinggi dan tabah menghadapi cabaran. Seperti mana yang dinyatakan oleh Za'ba (1992), agama itu suatu peraturan hidup bagi memimpin manusia dalam kehidupan di dunia ini terhadap kelakuan dan peribadi baik dan jahat, salah dan betul. Sehubungan itu, murid yang sentiasa membaca dan mengingati mantras atau ayat-ayat suci akan mengamalkan cara penghafalan yang mana boleh diaplikasikan juga semasa mengingati fakta-fakta dalam aspek pelajaran mereka. Daya ingatan mereka akan menjadi lebih kuat dan tidak mudah lupa apa yang dipelajari. Murid tersebut dapat mengingati apa yang dipelajari di sekolah seperti mana mengingati mantras atau ayat suci tersebut yang dipraktikkan setiap hari di rumah. Dapatan berhubung dengan agama dan kaitannya dengan pencapaian disokong oleh Azizi Yahaya et.al (2009), kepercayaan agama dan amalan membantu individu berhadapan dengan krisis secara tenang seperti cabaran peperiksaan tanpa sebarang gangguan psikologi. Kumpulan murid ini dari segi insaniah berpotensi memperoleh pencapaian yang lebih baik jika dibandingkan dengan murid lain.

Kesimpulan

Fungsi yang dimainkan oleh setiap ahli keluarga mempunyai hubungan dengan pembelajaran dan pencapaian akademik seseorang murid. Konteks keluarga yang kondusif dan positif lebih berperanan dan dominan dalam menjana kecemerlangan akademik anak-anak (Abdul Razak Zakaria, 2011).

Hubungan kekeluargaan melahirkan murid yang mempunyai perwatakan yang tinggi dan seterusnya cemerlang dalam akademik. Dapatan ini disokong oleh Za'ba (1992) iaitu anak-anak menjadi orang yang berhemah tinggi, mulia tingkah laku, halus budi pekerti dan elok adab perangai dan kesopanan jika cukup asuhan dan didikan daripada ibu bapa serta ahli keluarga yang lain. Struktur keluarga berperanan memberi ruang pengalaman positif sosiobudaya yang membawa kepada kecemerlangan dalam pendidikan. Menurut Berns (2007), "*the family functions as a system of interaction and the way it conducts personal relationship has a very powerful effect on the psychosocial development of children.*" (hlm. 53). Manakala, Jal Zabdi (2010) pula mengatakan bahawa pengabaian kanak-kanak boleh mengundang pelbagai masalah bukan sahaja kepada kanak-kanak berkenaan tetapi juga kepada penjaga dan negara.

Cadangan Untuk Mempertingkatkan Pengaruh Struktur Keluarga

Murid yang berasal dari keluarga luas kurang menghadapi masalah pembelajaran berbanding dengan murid dari keluarga nuklear. Anak-anak yang diperbesarkan dalam keluarga nuklear memerlukan pemerhatian yang lebih daripada pihak ibu bapa. Walaupun ahli keluarga terdiri daripada ibu, bapa dan anak-anak namun hubungan kekeluargaan dan interaksi sesama mereka perlu dikukuhkan. Ibu bapa yang bekerja perlu melatih dan membimbing anak-anak untuk melakukan kerja-kerja berfaedah sejak kecil lagi.

Selain itu, ibu bapa dalam keluarga nuklear boleh membawa bersama orang tuanya atau sanak saudara dari kampung, meminta bantuan jiran, menghantar anak ke pusat-pusat asuhan atau mendapatkan perkhidmatan pembantu rumah orang tempatan atau luar negara sehingga anak tersebut sudah mahir berdikari. Ibu bapa perlu membahagikan masa lapang

atau hari cuti supaya dapat bersama-sama dengan anak-anak dan membincangkan segala masalah termasuk masalah pembelajaran anak di rumah. Kenyataan ini disokong lagi oleh Huang Chih Mei dan Chee Soon Juan (1995) iaitu ibu bapa perlu tahu kualiti masa yang dihabiskan dengan anak-anak dengan memaksimumkan masa bersama dengan anak sebagai ganti ketiadaan mereka di rumah. Kebolehan anak untuk menguruskan diri juga dapat mengurangkan beban ibu bapa yang bekerja siang dan malam. Pembentukan sikap kendiri yang tinggi sejak kecil memudahkan anak-anak menguruskan aktiviti pembelajaran dengan teratur dan terancang ketika ibu bapa tiada di rumah.

Di samping itu, dalam zaman teknologi yang serba maju ini didikan agama turut memainkan peranan yang penting pada seseorang individu. Walaupun dunia sudah maju namun kita tidak boleh melupakan segala ajaran agama dan harus menyalurkan didikan agama kepada generasi muda. Didikan agama membentuk modal insan dan peribadi yang mulia dalam kalangan generasi muda. Pembentukan peribadi mulia dapat membantu murid-murid menumpukan perhatian yang lebih terhadap pelajaran. Murid yang mempunyai didikan dan pegangan agama yang kukuh dari segi lahiriah tidak sanggup menipu ibu bapa dan tidak melakukan perbuatan yang melanggar disiplin sekolah. Oleh itu, ibu bapa harus memastikan anak-anak mendapat didikan agama yang sempurna dengan mengajar di rumah mahu pun menghantar anak ke kelas-kelas agama. Menurut Ismail Hj. Mohd Rashid (2004) bukan hanya kekayaan, darjah, pangkat dan jawatan menjadi ukuran menentukan “keistimewaan” seseorang tetapi yang penting ialah insan yang mempunyai nilai untuk memelihara kesejahteraan hidup secara menyeluruh dan kolektif.

Walau bagaimanapun, para pengkaji juga perlu memikirkan pendekatan yang lebih konstruktif dalam mempertingkatkan peranan keluarga nuklear yang semakin banyak pada masa kini. Perubahan dan penambahbaikan seharusnya dibuat kepada keluarga nuklear. Ini kerana kita perlu menerima hakikat bahawa pada masa hadapan hanya keluarga nuklear yang akan banyak terhasil di negara kita. Ibu bapa harus diberi ilmu keibubapaan yang lebih terperinci. Misalnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)(Akta Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga, 1966) dan Dasar Keluarga Negara (2010) serta beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sedang mengadakan pelbagai kursus keibubapaan dan pembangunan keluarga. Para ibu bapa seharusnya menggunakan peluang seperti ini untuk mengikuti kursus-kursus seperti ini agar sentiasa peka terhadap keperluan dan harapan generasi muda masa kini. Ini penting kerana golongan muda sentiasa dipersalahkan apabila sesuatu masalah berlaku. Jika ilmu dan pengetahuan ibu bapa baik, maka masalah seperti ini dapat dibendung di peringkat awal lagi.

Menurut Abd Ghafar Mahmud (2011) tanggungjawab insan ialah untuk menyempurnakan hubungannya dengan Tuhan, diri sendiri, insan lain dan alam sekitar. Oleh itu, badan-badan NGO seperti Persatuan Hindu Malaysia, Persatuan Belia Hindu, Kelab Bell Belia Tamil dan sebagainya perlu melaksanakan pelbagai aktiviti kekeluargaan dan keagamaan untuk memberikan kesedaran kepada anak-anak muda tentang pengurusan masa, budaya hormat-menghormati melalui kelas-kelas serta ceramah-ceramah agama supaya anak-anak muda tahu akan nilai-nilai moral dan sosiobudaya yang perlu diamalkan dalam kehidupan harian mereka. Badan-badan NGO di kawasan masing-masing perlu turun padang dan mengenal pasti keluarga bermasalah, murid-murid yang bermasalah di sekolah

dan memberi bantuan secara drastik. Tindakan sebegini dapat mengurangkan masalah keruntuhan moral dalam kalangan murid-murid sekolah menengah.

Pengaruh Stail Keibubapaan Terhadap Pencapaian Akademik

Menurut Ananda Kumar Palaniappan (2006) stail keibubapaan yang berbeza boleh membawa kepada tingkah laku anak yang berbeza. Ibu bapa yang mempunyai stail kepimpinan yang cemerlang dapat membentuk anak yang berdisiplin dan berpotensi untuk memperoleh pencapaian akademik yang terbaik. Dapatan ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Heng Gi Wa (2000), Yap Yoke Fong (2000), Ruzina Jusoh (2005) dan Azizi Yahaya et al. (2009), iaitu ibu bapa yang mengamalkan stail kepimpinan autoritatif akan melahirkan anak yang bercita-cita tinggi, berminat untuk belajar serta berkeyakinan tinggi, mempunyai jati diri yang tinggi dan bersifat positif. Sifat-sifat positif ini seterusnya mempengaruhi aktiviti pembelajaran dan pencapaian akademik yang cemerlang.

Interaksi antara ibu bapa dan anak yang memberi fokus kepada anak dan peka terhadap keperluannya dinamakan sebagai gaya keibubapaan autoritatif (Rozumah Baharudin, 2008). Dalam kajian ini, lima buah keluarga yang mengamalkan stail keibubapaan autoritatif telah mempunyai anak yang berpencapaian cemerlang dan sederhana. Antara ciri yang jelas ditunjukkan ibu bapa berkenaan ialah responsif, mengamalkan kawalan dan pemerhatian terhadap segala tingkah laku anak-anak mereka. Mereka juga lebih bersedia untuk membincang masalah pembelajaran anak-anak. Kaedah ini membentuk individu yang bertanggungjawab, boleh kawal diri, mampu berdikari, membentuk nilai murni dan disiplin diri yang tinggi dalam kalangan murid.

Menurut Jaipaul L. Roopnarine, Ambika Krishnakumar Metindogan, dan Evans (2006) ibu bapa autoritatif dijadikan sebagai *role model* oleh anak-anak. Tambahan, perbincangan dua hala di antara ibu bapa dengan anak-anak mewujudkan perkembangan sosioemosional, persefahaman dan penyelesaian pelbagai masalah pembelajaran yang dihadapi murid di rumah mahu pun di sekolah.

Sebaliknya, ibu bapa yang mengamalkan stail keibubapaan *laissez faire* atau permisif dalam kajian ini mempunyai anak-anak yang memperoleh pencapaian yang sederhana dan rendah sahaja. Kumpulan ibu bapa ini kurang memberi perhatian terhadap tingkah laku anak-anak. Menurut Ruzina Jusoh (2005), anak-anak yang dididik dengan cara permisif tidak menunjukkan kecemerlangan dalam pencapaian akademik. Ibu bapa memberikan kebebasan kepada anak-anak menyebabkan mereka menjadi liar dan menimbulkan banyak masalah disiplin. Manakala Azizi Yahaya et al. (2009) menyatakan ibu bapa yang mengamalkan stail permisif atau *laissez faire* melahirkan individu yang berdikari, menurut kemahuan sendiri, berada di luar kawalan, serta tidak terikat dengan struktur dan peraturan keluarga.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat empat kumpulan ibu bapa yang mengamalkan stail permisif di mana mereka hanya memberi perhatian serta kawalan yang minimum, lebih bertoleransi, dan kurang prihatin terhadap tingkah laku anak-anak selepas balik dari sekolah. Anak-anak dari keluarga ini tidak terbimbang, lemah kawalan diri, tidak matang dan tidak mempunyai hala tuju kehidupan, membuat kerja-kerja yang tidak berfaedah seperti menonton televisyen terlalu lama, tidur dan keluar merayau bersama kawan-kawan kerana ibu bapa membiarkan anak melakukan apa sahaja yang disukai tanpa

sebarang bentuk kawalan. Selain itu, ada ibu bapa yang kurang bertanggungjawab kerana menyuruh anak bangun pagi dan membasuh kain serta menyediakan sarapan pagi kepada ahli keluarga yang lain. Keadaan ini menyebabkan murid tersebut tidak cukup tidur dan letih sebelum pergi ke sekolah. Akibatnya murid tidak dapat memberikan tumpuan yang serius dan memperoleh prestasi yang rendah di sekolah menengah.

Seterusnya, ada ibu bapa yang lupa akan tugas dan tanggungjawab serta kurang prihatin terhadap kepentingan pendidikan kepada anak-anak. Mereka tidak menghantar anak ke kelas tadika, Tahun 1 dan 2, sebaliknya terus menghantar ke Tahun 3 dengan alasan tidak ada sekolah berhampiran kawasan kediaman mereka. Ini memperlihatkan ibu bapa dalam kategori ini tidak serius terhadap pelajaran anak-anak. Keadaan ini mengakibatkan murid tersebut tidak menguasai kemahiran asas dan akhirnya ketinggalan dalam pelajaran. Dapatan ini disokong oleh Mahzan Arshad (2007) iaitu “*home is the first school and parents are the first teacher is a well-accepted notion in giving education to the younger generations from prehistoric cultures to our recent society*”. (pp. 129-136). Sikap ibu bapa yang sambil lewa dan mengabaikan anak-anak akhirnya menyebabkan kegagalan dalam pelajaran anak-anak.

Kesimpulan

Anak-anak diperbesarkan dengan stail keibubapaan yang berlainan. Tindakan dan cara asuhan anak-anak ada kala menimbulkan perasaan kurang selesa dalam kalangan anak-anak. Anak-anak yang dibesarkan secara teratur oleh ibu bapa yang mengamalkan stail kepimpinan autoritatif menunjukkan disiplin dan peribadi yang tinggi semasa berada dalam kelas. Ini kerana budaya cemerlang dalam kalangan anak-anak dibentuk sejak kecil dari

rumah masing-masing. Rumah merupakan tempat bermula segala-gala tingkah laku. Menurut Za'ba (1992), Mahzan Arshad (2007) dan Abdul Razak (1992) anak-anak belajar meniru daripada orang tua yang rapat dengan mereka dan menjadikan ibu bapa sebagai *role model* dalam pelbagai aktiviti harian mereka. Oleh itu, ibu bapa perlu menjadi contoh terbaik kepada anak-anak dalam mendidik dan membentuk peribadi yang baik. Akibatnya anak-anak dapat memberikan perhatian yang serius semasa pengajaran dan pembelajaran dan memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang.

Ibu bapa yang mengamalkan stail kepimpinan *laissez faire* atau permisif kurang prihatin dan kurang menanyakan masalah yang dihadapi oleh anak-anak. Ini menyebabkan anak-anak sentiasa menyimpan apa jua masalah pembelajaran dalam hati dan akhirnya tidak dapat memberi perhatian yang sewajarnya terhadap pelajaran. Anak-anak diperbesarkan dalam suasana yang terlalu bebas dan ada segelintir pula diperbesarkan dengan pelbagai tekanan hidup sentiasa menghadapi gangguan emosi dan psikologi. Cara kepimpinan ini menyebabkan anak-anak tidak begitu serius terhadap pelajaran di rumah mahu pun di sekolah. Akibatnya anak-anak berhadapan dengan risiko pencapaian akademik yang lemah. Oleh itu, pihak ibu bapa perlu lebih tegas dan prihatin terhadap tingkah laku anak-anak.

Cadangan bagi Meningkatkan Pengaruh Stail Keibubapaan

Stail keibubapaan autoritatif atau demokratik dapat melahirkan anak-anak berdisiplin dan berkelakuan baik. Namun ibu yang mengamalkan stail *laissez faire* atau permisif menghadapi pelbagai masalah untuk memberikan pendidikan yang sempurna kepada anak-anak. Stail keibubapaan *laissez faire* memperlihatkan ibu bapa memberikan perhatian dan

kawalan yang minimum serta kurang prihatin terhadap tindak-tanduk anak-anak. Justeru itu, anak-anak lebih bebas dan kurang mengambil berat terhadap pelajaran. Kumpulan ibu bapa ini perlu mengubah stail mendidik anak-anak di rumah. Mereka perlu lebih tegas, lebih prihatin dan memberi perhatian serta kawalan yang maksimum supaya anak-anak tidak memperdayakan kelemahan yang ada pada ibu bapa. Stail keibubapaan memastikan kestabilan dan keutuhan unit keluarga serta melengkapkan keluarga dalam menghadapi cabaran hidup moden masa kini.

Ramai daripada ibu bapa kurang arif tentang cara mendidik anak-anak di rumah. Mereka tidak tahu stail keibubapaan yang perlu diamalkan untuk membesarkan dan mendidik anak-anak di rumah kerana kekurangan ilmu pengetahuan. Kerajaan perlu mewajibkan setiap pengantin baru untuk menghadiri kursus-kursus pengurusan rumah tangga dan cara mendidik anak-anak seperti mana kerajaan mewajibkan pendaftaran setiap perkahwinan di negara ini. Tindakan ini membantu golongan ibu bapa yang mengamalkan stail keibubapaan *laissez faire* dapat mengetahui cara asuhan yang betul serta dapat melahirkan anak-anak berdisiplin dan berkelakuan baik.

Aspek Pembentukan Konsep Kendiri Murid terhadap Pencapaian Akademik

Cita-cita atau goal amat penting bagi seseorang yang ingin mencapai kejayaan dalam hidup. Murid sekolah perlu mempunyai cita-cita yang tinggi supaya cita-cita tersebut menjadi pendorong kepada kejayaan mereka. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa hampir kesemua murid dalam kajian tersebut mempunyai cita-cita, hanya seorang murid dari kumpulan berpencapaian rendah tidak mempunyai cita-cita. Setelah berbincang lama dan faham akan maksud cita-cita, baru murid tersebut menyatakan dia berminat untuk menjadi

seorang pekerja kilang. Sejak kecil lagi murid tersebut tidak mempunyai cita-cita yang tinggi menyebabkan dia seperti tidak mempunyai hala tuju dalam hidup. Manakala murid yang mempunyai cita-cita tinggi sentiasa berusaha untuk mencapai cita-cita tersebut dan menumpukan perhatian yang serius terhadap pelajaran. Kumpulan murid bercita-cita tinggi sentiasa mengekalkan pencapaian akademik di sekolah. Dapatan ini disokong lagi oleh Heng Gi Wa (2000) serta Strom dan Strom (2010) iaitu murid berpencapaian tinggi mempunyai konsep kendiri yang tinggi berbanding murid berpencapaian rendah yang tidak mempunyai aspirasi dan cita-cita yang tinggi dalam pelajaran dan kerjaya.

Satu lagi aspek konsep kendiri yang membantu murid dalam proses pembelajaran ialah pemahaman sesuatu mata pelajaran yang dipelajari. Dapatan kajian ini menunjukkan murid cemerlang memahami semua subjek yang diajar oleh guru. Manakala enam orang murid dalam kumpulan sederhana dan lemah tidak suka semua subjek yang diajar oleh guru. Ini kerana murid-murid dari kumpulan sederhana dan lemah pencapaian akademik kurang memahami subjek-subjek tertentu dan menyebabkan mereka kurang berminat untuk belajar subjek-subjek tersebut. Mata pelajaran yang kurang diminati diabaikan. Justeru itu, murid tidak memperoleh pencapaian yang lebih baik dalam pelajaran dan secara keseluruhan mendapat keputusan yang tidak cemerlang dalam sesuatu peperiksaan.

Pemahaman terhadap sesuatu subjek mempengaruhi pencapaian akademik seseorang murid. Dapatan ini disokong oleh Ho Keng Heng (1989) dan Heng Gi Wa (2000) iaitu murid yang cemerlang menunjukkan sikap positif terhadap pelajaran manakala murid yang berpencapaian rendah menunjukkan sikap negatif terhadap pelajaran. Menurut A. Hassan Mohamad (2008) apabila seseorang murid itu sudah berminat dengan mata

pelajaran tertentu dan kemudian didorong pula oleh rasa “suka” pada mata pelajaran yang lain sudah tentu menyebabkan murid memperoleh kejayaan diingininya. Hasil kajian lepas menunjukkan bahawa murid yang berminat memberikan tumpuan ketika pengajaran dijalankan dan ini menjadi faktor penggerak ke arah pencapaian yang cemerlang.

Satu lagi masalah yang menyebabkan murid ketinggalan dalam pelajaran ialah sikap tidak mengambil berat dan tidak memberi perhatian semasa waktu pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Dapatan kajian menunjukkan murid berpencapaian sederhana dan rendah selalu berbual, tidak memberi perhatian, suka tidur, suka mendiamkan diri dan tidak dapat mempelajari apa-apa di dalam kelas. Tindakan yang mereka lakukan mengganggu pengajaran dan pembelajaran murid lain. Justeru murid tersebut selalu dimarahi oleh guru. Dari segi psikologi, kumpulan murid ini kurang menumpukan perhatian terhadap pelajaran, tidak mengambil berat terhadap pelajaran dan memperoleh pencapaian yang kurang memuaskan.

Seterusnya jadual waktu persendirian dan pengurusan masa secara sistematik turut memainkan peranan terhadap pembelajaran seseorang murid. Murid yang mempunyai jadual waktu persendirian dapat membahagikan masa dengan betul. Ini mengelakkan pembaziran masa dalam kalangan murid-murid di rumah. Segala aktiviti pembelajaran dan persekolahan dapat dirancang dengan teratur. Dapatan ini disokong oleh Taha Abdul Kadir (1977), Hamidah Sulaiman, Siti Salina Abdullah, dan Farrah Dina Yusop (2004), Nor Eazrin Zaini (2004) dan Zaid Mohamad (2010) iaitu jadual waktu adalah penting dan dua jam sehari adalah lebih daripada memadai untuk kerja sekolah, mengulang kaji mata pelajaran dan membuat latihan menjawab soalan. Kunci kejayaan ialah melakukan sesuatu

kerja secara konsisten. Kalau tidak ada jadual waktu maka murid tidak mempunyai hala tuju dan disiplin diri dalam mengulang kaji pelajaran dan membuat kerja rumah yang akhirnya menjelaskan pencapaian akademik seseorang murid. Menyiapkan kerja rumah dan mengulang kaji pelajaran sentiasa membantu murid untuk memperoleh pencapaian yang lebih baik di sekolah.

Selain itu, kunjungan ke perpustakaan turut mempengaruhi pencapaian akademik murid di sekolah menengah. Ini kerana murid sekolah menengah perlu tahu cara-cara untuk meningkatkan ilmu pengetahuan selain daripada apa yang diajar oleh guru dalam bilik darjah. Perpustakaan merupakan gedung ilmu di mana murid boleh mendapat pelbagai sumber bacaan tambahan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan. Dapatkan kajian ini disokong lagi oleh Schlee, Mullis, dan Shriner (2009) iaitu murid yang selalu pergi ke perpustakaan dan membaca di luar waktu sekolah memperoleh pencapaian yang tinggi. Ibu bapa perlu menggalakkan anak-anak selalu pergi ke perpustakaan sekolah atau awam. Menurut Heng Gi Wa (2000), dan Yap Yoke Fong (2000) ibu bapa golongan berpendapatan rendah tidak mengerti kepentingan perpustakaan dalam usaha membantu pembelajaran anak-anak. Ilmu pengetahuan yang luas dari segi kognitif memudahkan murid menjawab soalan dengan baik dalam sesuatu peperiksaan dan memperoleh keputusan yang lebih baik. Sekiranya murid kurang membaca maka daya pemikiran menjadi cetek dan mereka hanya dapat memperoleh keputusan yang sederhana atau kurang memuaskan.

Sikap suka bertanya juga mempengaruhi pencapaian akademik seseorang murid. Bukan semua yang diajar oleh guru dapat difahami oleh murid. Pembelajaran sesuatu tajuk

ada hubung kait dengan tajuk-tajuk sebelumnya. Segala kemosyikilan berhubung sesuatu tajuk yang diajar oleh guru perlu di atasi pada ketika itu supaya ianya tidak berlanjutan. Ini kerana proses pengajaran dan pembelajaran mempunyai kesinambungan dengan tajuk yang dipelajari seterusnya. Dapatan ini disokong oleh Heng Gi Wa (2000) dan juga Strom dan Strom (2010) iaitu murid yang bersikap positif akan memperoleh kejayaan dan sebaliknya sikap negatif membawa kepada kegagalan. Keadaan ini memberi pemahaman yang lebih terhadap sesuatu tajuk yang diajar oleh guru.

Murid yang berpencapaian rendah takut untuk bertanya kerana dimarahi oleh guru maka mereka akan mendiamkan diri. Akibatnya murid yang suka bertanya lebih yakin semasa menjawab soalan peperiksaan dan seterusnya memperoleh keputusan yang lebih baik. Murid yang malas, segan dan takut bertanya kurang berkeyakinan semasa menjawab soalan peperiksaan. Ini secara tidak langsung menjelaskan pencapaian akademik murid-murid tersebut. Sikap seperti ini patut dikikis sejak dari sekolah rendah supaya tidak berlanjutan ke sekolah menengah.

Buat masa kini media elektronik memainkan peranan penting dalam memberikan informasi-informasi terkini. Ibu bapa juga perlu memiliki sikap dan kemahiran-kemahiran supaya dapat membantu perkembangan anak-anak dalam persekitaran digital masa kini (Strom & Strom, 2010). Penggunaan komputer dan internet menambahkan pengetahuan dan memudahkan lagi proses pembelajaran seseorang murid di sekolah menengah. Pembelajaran menggunakan internet iaitu *e-learning* memudahkan murid memperoleh pelbagai maklumat tambahan tentang tajuk-tajuk yang dipelajari di sekolah. Oleh itu, setiap rumah perlu dilengkapi dengan

komputer dan internet supaya anak-anak dapat belajar dengan lebih mudah. Manakala murid daripada golongan SES yang rendah boleh menggunakan makmal komputer sekolah untuk mendapatkan apa jua maklumat berkaitan pelajaran.

Dapatan kajian juga menunjukkan menonton televisyen dan saluran televisyen berbayar menjadi salah satu penyebab yang mengganggu proses pembelajaran murid-murid di rumah. Murid yang selalu menonton televisyen dan saluran televisyen berbayar membazir masa dengan pengisian tidak berfaedah. Ibu bapa perlu mengawasi program-program yang ditonton dan jangka masa anak menonton. Ibu bapa tidak boleh membiarkan anak-anak menonton program-program yang tidak berfaedah untuk jangka waktu yang lama. Keadaan ini menyebabkan murid tidak menumpukan perhatian terhadap pembelajaran di rumah. Dapatan ini disokong oleh Abdul Rahim Abdul Rashid (2006) yang menyatakan bahawa terlalu banyak hiburan dan keselesaan di rumah boleh merosakkan akhlak dan sikap golongan muda. Manakala Strom dan Strom (2010) serta Zaid Mohamad (2010) menyatakan aktiviti-aktiviti yang digilai kanak-kanak ini tidak begitu buruk kesannya seperti yang disangka sekiranya ibu bapa mengawal dan mengawasi menunya supaya tidak dipengaruhi anak. Pengisian masa tanpa sebarang pembaziran dapat mendisiplinkan anak-anak dan membantu menyiapkan sebarang kerja sekolah. Masa yang terluang boleh digunakan untuk membuat kerja-kerja berfaedah dan mengulang kaji pelajaran.

Dapatan kajian menunjukkan murid yang lemah dalam penguasaan 3M turut menghadapi masalah dalam memahami sesuatu subjek semasa pengajaran dan pembelajaran. Kegagalan menguasai 3M telah bermula sejak dari sekolah rendah dan

berterusan ke peringkat sekolah menengah. Justeru, pencapaian akademik rendah bagi murid-murid lemah berterusan ke sekolah menengah. Masalah ini sepatutnya perlu diatasi di akar umbi iaitu semasa murid berada di sekolah rendah. Apabila masalah ini tidak diatasi di sekolah rendah maka murid berhadapan dengan masalah penguasaan kemahiran asas 3M yang berlanjutan ke sekolah menengah. Dapatan ini disokong lagi oleh Hamidah Sulaiman et al. (2004) iaitu kelemahan akademik tahap sekolah rendah memerlukan perhatian yang serius kerana ia dikhuatiri berterusan sehingga ke peringkat sekolah menengah dan pendidikan tinggi.

Manakala Amir Hasan Dawi (2002) pula menegaskan kegagalan murid dalam peperiksaan UPSR adalah berpunca daripada kelemahan mereka menguasai kemahiran asas 3M yang lazimnya diajar di peringkat paling awal persekolahan. Menurut Amir Hasan Dawi lagi, kurangnya keprihatinan ibu bapa dan guru terhadap anak-anak di peringkat awal pendidikan memungkinkan mereka menghadapi masalah kelemahan akademik yang berterusan. Pencapaian sekolah rendah bagi murid yang berpencapaian sederhana dan lemah mempengaruhi prestasi di sekolah menengah. Semua murid yang berpencapaian sederhana dan lemah tidak dapat memperoleh keputusan yang baik malah memperoleh keputusan yang lebih teruk lagi. Murid-murid ini hanya dapat menjawab soalan-soalan objektif yang mana hanya perlu menghitamkan jawapan dan tidak dapat menjawab soalan berbentuk struktur atau eseai. Keadaan ini menjelaskan pencapaian akademik murid-murid tersebut di sekolah menengah.

Kelas pemulihan amat penting bagi murid-murid berpencapaian rendah. Murid yang lemah tidak dapat bersaing dengan murid cemerlang dan sederhana. Sekiranya kumpulan

murid lemah dihantar ke kelas pemulihan semasa berada di sekolah rendah maka mereka dapat menguasai kemahiran asas 3M dengan mudah dan dapat mempertingkatkan pencapaian akademik di sekolah menengah. Masalah penguasaan 3M patut diselesaikan di akar umbi iaitu semasa murid berada di Tahap 1. Justeru itu, apabila murid melangkah ke Tahap 2 maka mereka tidak menghadapi masalah untuk lulus dalam semua subjek peringkat UPSR. Ini kerana pembelajaran di sekolah menengah adalah lebih mencabar jika dibandingkan dengan pembelajaran di sekolah rendah.

Masalah disiplin merupakan salah satu aspek yang dipandang serius di mana-mana sekolah dalam negara ini. Dapatan kajian menunjukkan murid yang selalu menghadapi masalah disiplin tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran di dalam kelas. Justeru, murid yang mempunyai pelbagai masalah disiplin di sekolah tidak dapat memperoleh pencapaian yang cemerlang dalam pelajaran masing-masing. Dapatan kajian ini memperkuuhkan lagi kajian yang dilakukan oleh Ragunathan (2000) iaitu murid yang mempunyai disiplin positif memperoleh pencapaian akademik yang baik, manakala murid berdisiplin negatif adalah sebaliknya. Masalah ponteng kelas dan ponteng sekolah merupakan masalah disiplin yang biasa berlaku di sekolah. Menurut Rasidah Omar (2004) salah satu sebab berlaku gejala ponteng sekolah dalam kalangan murid ialah kurangnya perhatian ibu bapa terhadap prestasi akademik anak-anak. Disiplin diri sendiri mengajar seseorang hidup secara aman damai. Kekurangan disiplin sentiasa mendorong manusia menjadi hamba kepada kemahanan-kemahanan yang tidak sah (A. Hassan Mohamad, 2008).

Dapatan kajian menunjukkan murid lelaki dari kumpulan berpencapaian rendah memperlihatkan pelbagai masalah disiplin. Dalam pada itu, murid lelaki yang bermasalah

disiplin dipengaruhi oleh rakan-rakan yang sama taraf dengan mereka. Kenyataan ini disokong oleh Taha Abdul Kadir (1977), Ragunathan (2000) dan Bonesrnning (2008). Dari sudut yang lain, murid berpencapaian cemerlang menjadikan rakan sebagai orang yang kedua terpenting selepas guru. Kawan dijadikan rakan seperjuangan dalam proses pembelajaran di sekolah. Segala kemusykilan berkaitan pelajaran dapat dibincang bersama dan sentiasa mengamalkan sikap tolong-menolong antara satu sama lain. Situasi ini membantu murid memperoleh keputusan yang lebih baik dalam sesuatu peperiksaan dan meningkatkan pencapaian akademik. Murid tanpa masalah disiplin adalah murid yang berjaya dalam hidup.

Semua murid berminat datang ke sekolah bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan mencapai cita-cita. Mereka mempunyai keinginan yang tinggi untuk belajar dan datang dengan penuh harapan. Hasil kajian menunjukkan persepsi murid terhadap sekolah tidak mempengaruhi pencapaian akademik seseorang murid. Kesemua murid mempunyai pendirian yang positif terhadap sekolah, guru-guru dan kemudahan asas yang terdapat dalam kawasan sekolah. Menurut Marimuthu (1975) dan Taha Abdul Kadir (1977) perasaan dan tanggapan terhadap sekolah dan orang-orang bersangkutan dengannya memberi kesan kepada tingkat motivasi dan konsep kendiri murid-murid dan ini mempengaruhi pencapaian akademik mereka sendiri.

Kesimpulan

Murid sentiasa berinteraksi dengan ahli keluarga, guru dan rakan-rakan. Interaksi sosial yang berlaku setiap hari membawa kepada perubahan dalam tingkah laku seseorang murid. Perubahan tingkah laku mempunyai hubungan dengan keupayaan murid dan

mempengaruhi pencapaian akademik. Dapatan kajian membuktikan teori fungsionalisme yang dikemukakan oleh ahli-ahli sosiologi mempunyai hubungan dengan proses pembelajaran seseorang murid di rumah mahu pun di sekolah.

Konsep kendiri murid mempengaruhi pencapaian akademik di sekolah menengah. Ini kerana keupayaan murid ada hubung kait dengan penglibatan ibu bapa terhadap pelajaran anak-anak. Segala tindakan dan tingkah laku murid itu perlu dipupuk dan memerlukan pengawasan ibu bapa. Sejak kecil lagi ibu bapa perlu mendidik dan membimbing anak-anak dengan cara pembelajaran yang teratur dan menanam minat serta cita-cita tinggi dalam sanubari anak-anak. Kenyataan ini disokong lagi oleh Za'ba (1992) iaitu anak-anak pada zaman ini sangat dikehendaki terlatih menggunakan akal fikiran dan timbangan sendiri mulai dari kecil lagi supaya setelah dewasa dirinya itu mempunyai sifat tahu memulakan sesuatu kerja yang baik dengan fikiran sendiri.

Menurut Hamidah et al. (2004) ibu bapa seharusnya membina semangat anak-anak untuk berani menerima risiko. Cara belajar yang berbeza, cita-cita atau goal yang tinggi, penggunaan jadual waktu belajar sendiri, minat terhadap sesuatu subjek, kunjungan ke perpustakaan, sikap suka bertanya, menyiapkan kerja rumah, tumpuan semasa waktu pengajaran dan pembelajaran, penggunaan media elektronik atau teknologi moden bagi tujuan pembelajaran di rumah dan keinginan untuk membaiki pencapaian yang berterusan telah memberi impak kepada pencapaian akademik murid di sekolah menengah. Walaupun kesemua perkara di atas merupakan kerja rutin seseorang murid namun pengawasan ibu bapa akan menyebabkan murid tersebut menjadi lebih yakin dan bersikap positif terhadap pelajaran di sekolah.

Selain itu, penguasaan 3M, pencapaian sekolah rendah, masalah disiplin khususnya murid lelaki dari kumpulan sederhana dan lemah, pengaruh kawan turut memberi kesan terhadap proses pembelajaran dan pencapaian akademik seseorang murid di sekolah menengah. Namun kemudahan, fizikal bangunan, keceriaan dan persekitaran sekolah tidak mempengaruhi pencapaian akademik murid di sekolah menengah.

Cadangan Untuk Meningkatkan Konsep Kendiri Murid

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menekankan kepada mewujudkan insan yang berilmu dan berakhlak mulia, seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani yang boleh mencapai kesejahteraan diri dan memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Dalam usaha untuk mencapai cita-cita tersebut kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar serta diubah suai mengikut perkembangan semasa supaya dapat melahirkan rakyat Malaysia yang berpengetahuan dan berkemahiran. Contohnya KBSR dan KBSM telah diperkenalkan untuk memberi ruang yang secukupnya kepada murid-murid sekolah rendah supaya dapat menguasai kemahiran asas sejak dari sekolah rendah. Namun masih terdapat murid yang tidak tahu membaca, menulis dan mengira apabila melangkah ke sekolah menengah.

Penguasaan kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) merupakan aspek yang perlu diberi perhatian yang serius oleh pihak sekolah dan ibu bapa sejak dari sekolah rendah. Pihak sekolah perlu memastikan setiap murid mesti menguasai kemahiran asas 3M pada Tahap 1 di sekolah rendah. Sekiranya murid tidak menguasai kemahiran asas maka pihak sekolah dikehendaki melakukan pemulihan kepada murid-murid berkenaan.

Kegagalan melakukan pemulihan menyebabkan murid tersebut menghadapi masalah pembelajaran yang berterusan sehingga ke sekolah menengah.

Para ibu bapa perlu tahu tahap pencapaian anak-anak dan harus mengambil langkah untuk mengajar kemahiran yang paling asas kepada anak-anak di rumah. Setiap hari mereka perlu memperuntukkan sedikit masa untuk mengajar atau menyemak kerja sekolah anak-anak. Pemerhatian dan bimbingan ibu bapa amat diperlukan supaya anak-anak tidak ketinggalan dalam pelajaran dari peringkat awal persekolahan. Dalam usaha memberikan pengetahuan asas berkaitan cara-cara membimbing dan mendidik anak-anak, pihak sekolah boleh memberikan perkhidmatan sosial kepada ibu bapa. Ibu bapa kepada murid berpencapaian sederhana dan lemah harus dipanggil ke sekolah untuk diberikan pengetahuan asas dan pendedahan tentang cara-cara membantu anak-anak untuk memperoleh pencapaian yang cemerlang. Guru kaunselor sekolah boleh mengatur masa dan memanggil para ibu bapa untuk memberikan input serta mengadakan sesi dialog untuk membincang masalah pembelajaran anak-anak di rumah dan sekolah. Ini secara tidak langsung mengurangkan masalah yang dihadapi oleh ibu bapa yang berpendidikan rendah iaitu setakat Tahun 6 atau PMR.

Murid yang gagal menguasai kemahiran asas akan memperoleh pencapaian yang kurang memuaskan dalam mana-mana peperiksaan. Mereka juga tidak mendapat keputusan yang cemerlang dalam UPSR. Kegagalan untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang atau setakat lulus sahaja semua mata pelajaran menyebabkan keciciran dalam kalangan murid-murid. Sekiranya ada murid yang masih melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah tanpa kemahiran 3M maka sudah tentu mereka menghadapi masalah yang sama iaitu tidak

dapat memperoleh pencapaian yang baik. Justeru itu, pihak kementerian boleh mewujudkan sekolah-sekolah khas kepada murid-murid yang tidak memperoleh pencapaian yang baik di peringkat sekolah rendah. Murid lemah yang tidak menguasai kemahiran membaca, menulis atau mengira seharusnya dihantar ke sekolah-sekolah khas untuk mempelajari kemahiran pertukangan atau teknikal yang banyak melibatkan kemahiran praktikal dan kurang melibatkan pembelajaran secara teori. Justeru itu, keinginan dan minat untuk belajar dapat dipertingkatkan dalam kalangan murid berpencapaian rendah.

Pembukaan sekolah-sekolah pertukangan dan teknikal bagi lepasan UPSR dapat mengurangkan masalah disiplin yang biasa dilakukan oleh murid berpencapaian rendah di sekolah menengah. Selain itu, murid-murid berpencapaian rendah tidak berminat untuk belajar subjek-subjek teras di sekolah menengah berbanding dengan subjek teknikal. Pembelajaran subjek yang diminati mengurangkan pelbagai masalah pembelajaran di sekolah menengah.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuka sekolah-sekolah berasrama penuh di seluruh negara bagi murid yang memperoleh pencapaian cemerlang dalam UPSR. Konsep yang sama boleh diaplikasikan kepada murid yang memperoleh pencapaian yang rendah dalam UPSR. Kumpulan murid yang lemah harus dihantar ke sekolah khas atau mengadakan satu atau dua kelas khas di sekolah harian biasa supaya dapat mempelajari pendidikan kemahiran teknikal sahaja. Menurut Md. Zahir Kechot dan Mansor Jusoh (2000), bagi menghasilkan tenaga mahir dan separuh mahir, maka latihan amat diperlukan. Tahap pendidikan semata-mata tidak mencukupi bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran tetapi melalui latihan murid didedahkan dengan kerja-kerja praktikal.

Tindakan sedemikian dapat mengurangkan masalah kegagalan murid memperoleh keputusan yang cemerlang di samping melahirkan tenaga kerja berkemahiran kepada pembangunan negara.


Cita-cita yang tinggi, pengurusan masa lapang, sikap suka bertanya, keyakinan untuk membaiki keputusan, penggunaan kaedah pembelajaran dengan komputer dan internet harus ditanam oleh ibu bapa dan pihak sekolah. Sekiranya ibu bapa kurang memberi perhatian terhadap pembelajaran anak-anak maka kaunselor sekolah perlu memainkan peranan untuk memupuk minat dalam kalangan murid-murid sekolah supaya dapat mempertingkatkan pencapaian akademik di sekolah. Seterusnya ramai murid menghabiskan masa lapang dengan menonton siaran-siaran yang berbentuk hiburan berbanding dengan siaran berbentuk informasi. Ada kalanya murid akan menonton terlalu lama sesuatu program dan menghabiskan masa tanpa membuat apa-apa kerja yang berfaedah. Ibu bapa perlu menentukan masa menonton dan mengawasi apakah program yang ditonton oleh anak-anak dan adakah ianya bersesuaian dengan peringkat usia anak-anak. Pihak kaunselor di sekolah tidak diperuntukkan masa untuk mengajar apa-apa subjek di sekolah. Oleh itu, mereka harus mengambil inisiatif supaya dapat mengenal pasti masalah dan membantu murid-murid berpencapaian rendah.

Aliran Sekolah

Di negara kita, kesemua murid yang melangkah ke sekolah menengah datang dari tiga jenis aliran sekolah rendah. Ada murid datang dari Sekolah Kebangsaan, ada yang datang dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina. Berdasarkan teori perubahan (*exchange theory*), ibu bapa berkeinginan yang tinggi untuk mendapatkan pendidikan yang terbaik pada

peringkat rendah. Justeru itu, mereka menghantar anak ke sekolah pilihan masing-masing untuk mendapatkan pendidikan yang terbaik kepada anak-anak. Namun, dapatan kajian menunjukkan aliran sekolah tidak mempengaruhi pencapaian akademik murid India di sekolah menengah. Walaupun murid itu berasal dari sekolah kebangsaan atau jenis kebangsaan tetapi penguasaan kemahiran asas yang kukuh dapat menjamin pembelajaran yang berkesan di sekolah menengah. Kumpulan murid cemerlang dapat mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih mudah dan memperoleh pencapaian akademik yang lebih cemerlang berbanding dengan kumpulan murid sederhana dan lemah tanpa mengambil kira jenis sekolah.

Pemahaman bahasa, kemahiran mengira dan menulis yang lemah mengakibatkan murid sukar untuk memahami apa yang diajar oleh guru dan tidak dapat menjawab soalan ujian atau peperiksaan dengan baik. Kegagalan untuk menguasai kemahiran 3M walau dari aliran sekolah yang mana sekali pun tetap menjejaskan pencapaian akademik murid-murid di sekolah menengah. Di sini dapat dibuat kesimpulan bahawa aliran sekolah tidak mempengaruhi pembelajaran dan pencapaian akademik murid di sekolah menengah.



Rajah 5.1: Model Pengaruh Keluarga yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Murid India di Sekolah Menengah.

Merujuk kepada Rajah 5.1, setiap persoalan yang dikaji bukan sahaja mempengaruhi pencapaian akademik murid India secara terus-menerus tetapi turut mempengaruhi antara satu sama lain. Persoalan latar belakang keluarga atau SES ada mempengaruhi stail keibubapaan, struktur keluarga dan pembentukan konsep kendiri murid. Misalnya ibu bapa yang berpendidikan dan menjawat jawatan yang tinggi dapat mempelajari stail keibubapaan yang lebih teratur dalam mendidik anak-anak di rumah. Di samping itu, ibu bapa yang berpendidikan dapat bertindak secara profesional dalam menyelesaikan masalah pembelajaran anak-anak di rumah mahu pun di sekolah.

Seterusnya ketiadaan bapa di rumah dapat diatasi dengan kehadiran ahli keluarga yang lain. Kehidupan dalam keluarga luas dapat meringankan beban tugas seseorang ibu di rumah di mana interaksi dan komunikasi dalam kalangan ahli keluarga memudahkan pengawasan segala tindak-tanduk anak-anak di rumah. Dalam pada itu, pendidikan ibu bapa, pekerjaan dan motivasi turut mempengaruhi keupayaan seseorang murid di sekolah menengah. Ibu bapa yang berpendidikan dapat membentuk disiplin diri serta cita-cita tinggi dalam kalangan anak-anak.

Di samping guru, ibu bapa juga perlu mengajar dan membimbing anak-anak untuk menguasai kemahiran 3M dan memperoleh pencapaian yang lebih baik sejak dari bangku sekolah rendah. Ibu bapa sepatutnya membetulkan segala masalah pembelajaran anak-anak sejak dari bangku sekolah rendah lagi. Ini kerana anak-anak berada lebih lama bersama ibu bapa jika dibandingkan dengan guru-guru di sekolah. Ibu bapa perlu berganding bahu dengan pihak sekolah untuk meningkatkan pencapaian anak-anaknya. Menurut Taha Abdul Kadir (1977), kalangan orang yang kerap melawat ke sekolah

didapati pencapaian akademik anak-anak lebih baik daripada yang kurang melawat sekolah. Menurut beliau lagi, tidak ramai yang membincang soal pelajaran anak-anak, kelemahan atau kejayaan mereka tetapi ramai yang datang ke sekolah kerana hendak membincang soal disiplin, masalah ponteng dan sebagainya.

Ibu bapa yang mempunyai pegangan agama yang kuat sentiasa menunjuk ajar nilai-nilai murni dalam kalangan anak-anak. Ainon Mohd (2008) menyatakan agama ialah sumber estim yang penting bagi sesetengah orang. Manakala Abdul Razak Zakaria (2011) pula menyatakan sekiranya ibu bapa tidak melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak, kecemerlangan akademik masih dapat dicapai seandainya nilai-nilai yang positif dipraktikkan dalam keluarga. Oleh itu, didikan agama yang menjadi tunjang utama dalam pembentukan nilai-nilai positif perlu dipupuk dalam kalangan anak-anak supaya menjadi insan yang berguna kepada negara ini

Dalam pada itu, struktur keluarga juga mempengaruhi stail keibubapaan. Ibu bapa yang diperbesarkan dalam keluarga luas tahu akan cara menguruskan urusan rumah tangga, menyelesaikan masalah rumah tangga serta cara untuk mendidik anak-anak sendiri walaupun tinggal berjauhan dari keluarganya. Stail keibubapaan yang dialami semasa berada dalam keluarga luas banyak membantu untuk menguruskan rumah tangga sendiri walau di mana mereka berada. Kumpulan ibu bapa ini lebih yakin dan mempunyai stail keibubapaan yang lebih dinamik apabila mendidik anak-anak sendiri.

Struktur keluarga iaitu kehidupan dalam keluarga luas dan didikan agama turut mempengaruhi pembentukan konsep kendiri murid untuk memperoleh pencapaian yang

lebih baik. Murid yang datang dari suasana kehidupan yang lebih mesra seperti keluarga luas sentiasa dibantu oleh ahli keluarga yang lain selain daripada ibu bapanya. Murid-murid tersebut mempunyai disiplin yang tinggi dan mempunyai matlamat hidup yang jelas untuk mencapai cita-citanya. Oleh itu, struktur keluarga memang mempunyai hubungan yang erat dengan stil keibubapaan dan pembentukan konsep kendiri murid untuk memperoleh pencapaian akademik yang lebih baik.

Seterusnya, stil keibubapaan juga turut mempengaruhi pembentukan konsep kendiri untuk memperoleh pencapaian akademik yang lebih baik. Cara ibu bapa mendidik anak-anak akan mempengaruhi proses pembelajaran di rumah mahu pun di sekolah. Anak-anak perlu dibesarkan dengan cita-cita yang tinggi sejak kecil lagi. Apabila anak-anak mempunyai cita-cita tinggi maka mereka akan belajar bersungguh-sungguh untuk memperoleh pencapaian yang lebih baik. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan penguasaan 3M dan pencapaian akademik sejak dari bangku sekolah rendah. Sekiranya anak-anak masih lemah maka ibu bapa perlu bertindak secara drastik untuk mengatasi masalah pembelajaran anak-anak di peringkat akar umbi. Ibu bapa yang mengamalkan stil keibubapaan autoritatif dapat mempengaruhi hala tuju anak-anak untuk memperoleh pencapaian yang lebih baik.

Latar belakang keluarga mempengaruhi aliran sekolah di mana ibu bapa yang menentukan aliran sekolah rendah anak-anak. Ibu bapa biasanya menghantar anak-anak ke sekolah rendah yang berhampiran dengan tempat tinggal. Namun aliran sekolah rendah murid berkenaan tidak mempengaruhi pencapaian akademiknya di sekolah menengah. Kesemuanya bergantung kepada penglibatan dan pengawasan ibu bapa di rumah.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa latar belakang keluarga, struktur keluarga, stail keibubapaan dan pembentukan konsep kendiri murid mempunyai hubungan dan saling berkaitan antara satu sama lain dalam memberikan pendidikan sewajarnya kepada murid-murid India di sekolah menengah. Pencapaian akademik seseorang anak memang memerlukan penglibatan setiap ahli keluarga. Mana-mana ibu bapa yang cuai dan tidak mengamalkan budaya sosial yang cemerlang akan gagal melahirkan anak yang cemerlang dalam pendidikan. Oleh itu, segala-galanya bermula dari rumah, iaitu didikan yang sempurna, gaya keibubapaan yang cemerlang serta latar belakang keluarga kukuh akan sentiasa meningkatkan pembentukan konsep kendiri murid untuk memperoleh pencapaian akademik yang lebih baik.

Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa pencapaian akademik murid India di sekolah menengah masih menjadi isu dan masalah yang serius. Strategi pendidikan yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengemukakan beberapa langkah yang boleh dianggap berkesan untuk menghadapi masalah pembelajaran di sekolah menengah dalam negara kita. Namun begitu, berdasarkan perbincangan di atas masih terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian seperti penekanan kepada aspek latar belakang keluarga iaitu ibu bapa perlu memperoleh pendidikan yang secukupnya supaya sentiasa membimbing anak-anak dalam bidang akademik. Di samping itu, satu lagi peranan ibu bapa ialah sentiasa memberikan motivasi yang berterusan dalam usaha membantu meningkatkan prestasi akademik anak-anaknya.

Seterusnya aspek struktur keluarga pula memberi penekanan terhadap ikatan kekeluargaan yang mantap walaupun berada dalam keluarga nuklear serta didikan agama yang sempurna turut memberi impak terhadap pencapaian akademik seseorang murid di sekolah menengah. Ibu bapa yang mempraktikkan kepimpinan *laissez faire* atau permisif perlu mengambil inisiatif untuk mengubah stail keibubapaan kepada *autoritatif*. Murid juga perlu mempunyai goal atau keinginan atau cita-cita yang tinggi, tiada masalah disiplin, para guru sekolah rendah perlu memastikan muridnya tahu membaca, menulis dan mengira serta memperoleh rekod pencapaian yang cemerlang atau sekurang-kurangnya lulus semua mata pelajaran di peringkat sekolah rendah supaya dapat melakukan transformasi dan pembaharuan dalam pendidikan negara.

Seterusnya parti-parti politik dan NGO yang mewakili kaum India perlu memberikan sumbangan yang lebih agresif untuk meningkatkan pencapaian akademik murid India di sekolah menengah. MIC yang mewakili masyarakat India di negara ini, merupakan parti politik yang ketiga terbesar dalam komponen Barisan Nasional. Biro Pendidikan parti ini perlu mempunyai unit khas untuk mengumpul data-data atau statistik pencapaian akademik murid India yang lulus dan gagal dalam peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM. Mereka juga perlu mempunyai data-data murid yang melanjutkan pelajaran ke IPTA awam dan swasta dan murid yang tercicir serta menganggur. Data-data ini perlu dikemaskini supaya parti itu sentiasa peka terhadap pencapaian akademik murid India di negara ini.

Masyarakat India juga perlu menujuhan sebuah persatuan untuk mengawasi perkembangan pendidikan dan menjaga kebijakan murid-murid India di negara ini seperti

mana yang diamalkan oleh Persatuan Dong Zong bagi masyarakat Cina di Malaysia. Persatuan ini boleh diwakili oleh pakar-pakar akademik India berkelulusan Ijazah Tinggi supaya sentiasa membuat perancangan untuk meningkatkan pencapaian akademik murid India di negara ini. Jawatankuasa tersebut perlu menyiapkan perancangan lima tahun khas untuk meningkatkan prestasi akademik murid India. Perancangan ini perlu berdasarkan perubahan dasar kerajaan dan transformasi pendidikan yang diamalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Seterusnya Kementerian Pendidikan perlu menetapkan seorang pegawai khas berketurunan India di setiap Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan di peringkat kementerian. Pegawai-pegawai ini perlu diberi tugas untuk sentiasa mengawasi perkembangan pencapaian akademik murid India. Pengawasan yang lebih rapat dan terperinci di peringkat akar umbi (*grass root*), dapat mengenal pasti masalah murid-murid India dan guru-guru sejak dari peringkat sekolah rendah. Ini telah mengurangkan masalah pembelajaran murid India di negara ini. Di samping itu, pihak kerajaan juga perlu mewujudkan seorang Timbalan Menteri Pendidikan berbangsa India untuk mengawasi sekolah-sekolah Tamil, murid di sekolah menengah dan di IPTA dan perkembangan akademik murid India secara keseluruhannya di negara ini. Ini kerana pendidikan adalah aset yang terpenting kepada setiap rakyat dalam negara ini untuk membangunkan negara dalam pelbagai bidang.

Pengaplikasian cadangan-cadangan di atas dapat mengurangkan pelbagai masalah pembelajaran di pelbagai peringkat sekolah serta meningkatkan pencapaian akademik murid di sekolah menengah. Cadangan-cadangan itu ditujukan kepada Kementerian

Pendidikan Malaysia, pihak sekolah, badan-badan NGO dan ibu bapa supaya dapat mengurangkan masalah pembelajaran dan pencapaian murid India di sekolah menengah. Penglibatan pihak-pihak tertentu dapat meningkatkan pencapaian akademik serta melahirkan sumber tenaga manusia yang produktif untuk membangunkan negara dalam bidang perindustrian, pertanian dan sebagainya. Negara memerlukan ramai pekerja yang berkemahiran teknikal supaya tidak bergantung kepada tenaga kerja luar negara. Sekiranya pihak-pihak tertentu melakukan perancangan dan transformasi dalam sistem pendidikan negara maka ini membawa perubahan besar kepada pembangunan negara. Pendidikan memainkan peranan penting bagi menjana pertumbuhan ekonomi, mempertingkat daya saing, kualiti hidup dan modal insan sempurna dalam arus pembangunan negara.

Cadangan Kajian Akan Datang

- a. Kajian ini merupakan satu kajian kualitatif yang dijalankan di sekolah menengah daerah Jasin, Melaka. Peserta kajian terdiri daripada murid-murid sekolah menengah di daerah Jasin sahaja. Penglibatan peserta kajian dari satu daerah tidak mewakili murid India bagi seluruh negara. Oleh itu, pengkaji akan datang boleh melibatkan peserta kajian dari seluruh negara untuk mewakili keseluruhan murid India di negara kita.
- b. Peserta kajian iaitu 9 orang murid, 9 orang ibu bapa atau penjaga dan 9 orang guru boleh ditambah kepada bilangan yang lebih besar pada masa akan datang untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh. Namun diambil perhatian bahawa penyelidikan secara kualitatif sememangnya mengambil masa lama dan kos yang tinggi. Oleh itu, jumlah peserta kajian

- perlulah bersesuaian. Apa yang boleh dilakukan ialah menggabungkan kaedah kualitatif dengan kuantitatif.
- c. Kajian ini lebih memberi keutamaan kepada peranan keluarga yang mempengaruhi pencapaian akademik murid India di sekolah menengah. Para pengkaji akan datang boleh memberi tumpuan kepada faktor-faktor lain seperti pengaruh rakan sebaya, media elektronik, peranan sekolah atau dasar-dasar kerajaan yang mempengaruhi pencapaian akademik murid India di sekolah menengah.
- d. Kajian ini hanya melibatkan murid daripada satu kaum sahaja. Bagi tujuan perbandingan faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik murid di sekolah menengah maka pengkaji akan datang boleh melibatkan murid daripada pelbagai kaum dalam konteks 1 Malaysia untuk melihat faktor yang berlainan yang mempengaruhi pencapaian akademik murid di sekolah menengah.

Pengkaji akan datang juga boleh melakukan kajian ini dengan kaedah kuantitatif di seluruh negeri di Malaysia.

Penutup

Pendidikan menjadi semakin penting untuk mencapai matlamat pembangunan nasional iaitu ke arah mencapai Wawasan 2020 dan membentuk bangsa Malaysia yang bersatu-padu dan harmonis. Perancangan dan pelaksanaan pelbagai langkah amat diperlukan mengikut perubahan masa untuk mempertingkatkan daya saing, menghadapi cabaran alaf baru dunia pendidikan dan pembangunan negara. Pendidikan merupakan tunjang kepada

kemajuan negara kerana rakyat dapat menikmati kualiti hidup yang tinggi disebabkan oleh kekayaan negara dan pembangunan mampan. Oleh itu, setiap rakyat Malaysia perlu membuat pelaburan yang sewajarnya dalam bidang pendidikan supaya dapat melahirkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran untuk menghadapi persaingan global yang semakin mencabar pada masa akan datang.

Dalam pada itu, kehidupan keluarga hari ini mengalami pelbagai pergolakan dan perubahan yang drastik untuk menikmati kehidupan yang lebih materialistik dan mewah. Dalam mengejar material dan kemewahan ini, kita tidak boleh lari dari tugas dan tanggungjawab untuk memberikan pendidikan yang sepenuhnya sebagai pelaburan masa depan kepada anak-anak, hubungan kekeluargaan dan pengurusan rumah tangga yang sistematik. Setiap ibu bapa perlu mengetahui dan memahami fungsi serta erti keluarga dan ikatan kekeluargaan supaya tidak berlaku sebarang kepincangan dalam melahirkan anak-anak yang berpengetahuan dan modal insan berguna kepada negara Malaysia. Keluarga merupakan penentu utama bagi negara yang sihat, dinamik, produktif dan berdaya saing (RMK-9). Ibu bapa zaman ini perlu mengetahui tanggungjawab terhadap anak dan cara bagaimana mendidik serta memenuhi keperluan anak-anak. Ini kerana mereka menjadi *role model* kepada anak-anak yang membentuk keluarga dan meneruskan tradisi kekeluargaan pada masa akan datang. Oleh itu, segala-galanya bermula dari keluarga. Setiap ahli dalam sesebuah keluarga mempunyai fungsi, peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam melahirkan seorang insan yang berguna dan berjaya dalam kehidupannya.

RUJUKAN

- A.Hassan Mohamed. (2008). *Kejayaan di tangan anda*. Selangor: Thinker's Library.
- Abd Ghafar Mahmud. (2011). *Haluan kerja pendidikan: Merealisasikan agenda transformasi negara*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2002). *Sosiologi untuk kerja sosial*. Kuala Lumpur: Utusan.
- Abdul Rahim Abdul Rashid. (2006). *Krisis dan konflik institusi keluarga*. Kuala Lumpur: Utusan.
- Abdul Rahim Abd Rashid, Sufean Hussin, & Jamaluddin Tubah. (2006). *Institusi keluarga menghadapi cabaran alaf baru*. Kuala Lumpur: Utusan.
- Abdul Aziz Md Yusof. (1990). *Academic motivation, perception of parental press and academic achievement of Malay pupils*. Tesis Sarjana Prndidikan yang tidak diterbit, National University of Singapore.
- Abdul Razak Zakaria. (2011). *Hubungan konteks keluarga dengan penglibatan ibu bapa dan pencapaian akademik anak-anak di sekolah menengah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Ahmad Mahdzan Ayob. (1998). *Kaedah penyelidikan sosioekonomi: Suatu pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ainon Mohd. (2008). *Psikologi orang berjaya*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Amir Hasan Dawi. (1999). *Penteorian sosiologi dan pendidikan*. Tanjung Malim, Perak: Quantum Books.
- Amir Hasan Dawi. (2002). *Penglibatan ibu bapa dengan pembelajaran anak-anak di peringkat sekolah rendah*. Kertas projek yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Anderson, J. G., & Safar, D. (1967). The influence of differential community perceptions on the provision of equal education opportunities. *Sociology of Education*, 40, pp. 219-230.
- Ananda Kumar Palaniappan. (2006). Gaya keibubapaan kreatif dalam pembangunan keluarga. Dlm. Abdul Rahim Abdul Rashid, Sufean Hussin, & Jamaluddin Tubah (Penyt.), *Institusi keluarga menghadapi cabaran alaf baru*. Kuala Lumpur: Utusan.
- Andy, H. (1979). The significance of classroom coping strategies. Dlm. Len Barton & Roland Meighen (Penyt.), *Sociological interpretations of schooling and classroom: A reappraisal*. England. Naferton Books.
- Asmah Ali, & Zulekha Yusof. (2004). *Salahlaku sosial remaja kini: Cabaran dan penyelesaiannya*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan. (29-30 Mei 2004).
- Audrey Lim, Lim Kok Kwang, & Sim Ngee Mong. (1998). *Practical tips for parents: Nurturing your primary school child*. Singapore: Federal Publications.
- Azizi Yahya, Halimah Ma'alip, Shahrin Hashim, Yusof Boon, & Jamaludin Ramli. (2009). *Modal insan membentuk keluarga berkesan*. Johor: UTM Press.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2009). Putrajaya.
- BBC News. (2005). Dimuat turun daripada http://news.bbc.co.uk/go/pr/fr/-/2/hi/uk_news/education/4134756.stm
- Bailey, C. (2007). *A guide to qualitative field research*. Thousand Oaks, CA: Pine Forge Press.
- Bailey, K. D. (1992). *Kaedah penyelidikan sosial*. (Terj. Hashim Awang). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Bakker, J., Denessen, E., & Bruns-Laeven, M. (2007). Socio-economic background, parental involvement and teacher perceptions of these in relation to pupil achievement. *Educational Studies*, 133, pp. 177-192.
- Ballantine, J., & Spade, J. (2001). *School and society: A sociological approach to education*. Australia: Wadsworth Thomson Learning.
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Banks, O. (1976). *Understanding human behavior*. Dlm. Atan Long (1988), *Psikologi pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bennett, J., & Arnold, D. (2008). Should we pay students for good test scores? *The Education Digest*, 74, pp. 40-41.
- Berg, B. L. (1989). *Qualitative research methods for the social sciences*. Boston: Allyn and Bacon.
- Berita Harian. (2002, Julai 27). Pemakanan dan pendidikan murid Melayu. hlm 13.
- Berns, Roberta M. (2007). *Child, family, school, community: Socialization and support*. Belmont, CA: Wadsworth.
- Bibi Jan Mohammad Ayyub. (1992). *Home environment, peer influence and the academic achievement of Malay students*. Unpublished Master of Education thesis, National University of Singapore.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (1998). *Qualitative research for education: An introduction to theories and methods*. New York, NY: Pearson.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2003). *Qualitative research for education: An introduction to theories and methods*. New York, NY: Pearson.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2007). *Qualitative research for education: An introduction to theories and methods*. New York, NY: Pearson.

- Boeije, H. (2010). *Analysis in qualitative research*. Los Angeles, CA: SAGE.
- Bonesrnning, H. (2008). Peer group effect in education production: Is it about congestion? *The journal of socio-economics*, 37, pp. 328-342.
- Brookover, W., Beady, C., Flood, P., Schwertzer, J., & Wisenbaker, J. (1979). *School social systems and students achievement: School can make a difference*. USA: Praeger.
- Brophy, J. E., & Good, T. L. (1974). *Teacher-student relationship: Cause & consequences*. New York, NY: Holt.
- Burns, R. B. (1982). *Self-concept development and education*. London: Holt, Rinehart, & Winston.
- Chew Hook Thye. (1979). *Masalah perpaduan nasional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chih-Lun Hung. (2007). Family, school and Taiwanese children's outcomes. *Educational Research*, 49, pp. 115-155.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan (Buku 1)*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Coleman, M. C. (1986). *Behaviour disorders: Theory and practice*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Cooper Smith, S. (1967). *The antecedents of self-esteem*. San Francisco, CA: Freeman.
- Considine, G., & Zappala, G. (2002). The influence of social and economic disadvantage in the academic performance of school students in Australia. *Journal of Sociology*, 38, pp. 129-148.
- Corbin, J., & Strauss, A. (2008). *Basic of qualitative research* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.

- Creswell, J. W. (1994). *Research design: Qualitative and quantitative approaches*. London, UK: Sage.
- Creswell, J. W. (2003). *Reserch design: Qualitative and quantitative and mixed method approaches* (2nd ed). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. Englewood Cliffs, NJ: Pearson Prentice Hall.
- Czikszentmihalyi, M. (1987). The pressured world of adolescents. *Education of Horizons*, 65(3), pp. 39-45.
- Debra, J. (2001). *Beyond social promotion and retention- Five strategies to help students succeed*. Dimuat turun daripada <http://www.ncrel.org/sdrs/areas//issues/students/atrisk/at800.htm>
- Demie, F. (2005). Achievement of black Caribbean pupils: Good practice in Lambeth schools. *British Educational Research Journal*, 31, pp. 481-508.
- Demie, F., & McLean, C. (2007). Raising the achievement of African heritage pupils: A case study of good practice in British school. *Educational Studies*, 33, pp. 415-434.
- Douglas, J. W. B. (1964). *The home and the school: A study of ability and attainment in the primary school*. London: Macgibbon & Kee.
- Dra. Ny. Y. Singgih D. Gunarsa, & Singgih D. Gunarsa. (1993). *Psikologi untuk keluarga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dweech, C. S. (1986). *Motivational process affecting learning*. New York, NY: Macmillan.
- Eahlemen, J. R., & Cashion, B. G. (1995). *Sociology: An introduction* (2nd ed). USA: Little, Brown.
- Ee Ah Meng. (1997). *Pemantapan proses pendidikan*. Shah Alam: Fajar Bakti.

- Eggen, P., & Kauchak, D. (1999). *Educational Psychology*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- F. Ivan Nye., & Berardo, F. M. (1973). *The family: Its structure and interaction*. New York, NY: Macmillan.
- Fatimah Daud. (1992). *Pengenalan teori-teori sosiologi*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Foziah Buang. (2000). *Perhubungan antara pencapaian akademik dengan faktor demografi status sosioekonomi dan sikap ibu bapa*. Disertasi Sarjana Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya.
- Fuller., Mary Lou, & Olsen, G. (1998). *Home-school relations: Working successfully with parents and families*. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Gagne, R. M. (1970). *The conditions of learning*. New York, NY: Holt, Rinehart, & Winston.
- Gunasekaran, K. (2003). *Pengaruh keluarga terhadap pencapaian akademik di kalangan pelajar India di Tampin*. Kertas Projek. Universiti Malaya.
- Hamidah Sulaiman, Siti Salina Abdulah, & Farrah Dina Yusop. (2004). Peranan ibu bapa dan guru dalam membantu pelajar-pelajar yang menghadapi masalah pencapaian akademik. *Masalah Pendidikan*, 27, hh. 75-86.
- Harian Nam Naadu. (2012, Disember 7). 48520 murid tidak boleh membaca. hlm. 2.
- Haston, (1999). *Designing and supervising intervention programs for under-achieving students*. Dimuat turun daripada <http://www.ncrel.org/sdrs/areas//issues/students/atrisk/at800.htm>
- Heng Gi Wa. (2000). *Pengaruh sosioekonomi keluarga dan sikap pelajar terhadap pencapaian akademik: Satu kajian di Melaka*. Disertasi Sarjana Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya.

- Hess, R. D. (1984). *Family and school as a education institutions*. Dlm. R. D. Porke (Ed.), *The family*. Chicago, IL: University of Chicago Press.
- Ho Keng Heng. (1989). *Academic achievement of students in two secondary schools in Muar*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.
- Huang Chih Mei, & Chee Soon Juan. (1995). *Effective parenting for the Asian family*. Singapore: Heinemann Asia.
- Ishak Saat. (2009). *Pendidikan negara bangsa Malaysia*. Shah Alam: Karisma.
- Ismail Hj. Mohd Rashid. (2004). *Cabarannya pembangunan semasa negara*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ismail Yusoff. (2001). *Pengenalan Sains Sosial*. Sintok: Penerbitan Universiti Utara Malaysia.
- Ivan, F., & Felix, M. (1973). *The family: Its structure and interaction*. New York, NY: Macmillan.
- Jacobs, N., & Harvey, D. (2005). Do parents make a difference to children's academic achievement? Differences between parents of higher and lower achieving students. *Educational Studies*, 31, pp. 431- 448.
- Jaipaul L. Roopnarine, Ambika Krishnakumar, Aysegul Metindogan, & Evans, Melanie. (2006). Links between parenting style, parent-child academic skill and social behavior in young children of English-speaking Caribbean immigrants. *Early Childhood Research Quarterly*, pp. 238-252.
- Jal Zabdi Mohd Yusoff. (2010). *Jenayah keganasan rumah tangga* (Edisi ke-2). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Jamaludin Badusah, Muhammad Hussin, & Abd Rasid Johar. (2000). *Inovasi dan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran*. Selangor: AJM Publishing Enterprise.
- Janaki Raman Manickam. (2009). *The Malaysian Indian dilemma: The struggles and agony of the Indian community in Malaysia*. Selangor: Nationwide Human Development and Research Centre.
- Jayaletchumi Mottan. (2002). Keibubapaan anak istimewa. Dlm Jayaletchumi Mottan, Rohani Abdullah, & Abdullah Al-Hadi Muhamed. (2002). *Keluarga dan keibubapaan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Johnson, A. G. (2000). *The Blackwell dictionary of sociology. A user guide to sociological language*. USA: Blackwell.
- Kamarudin Kachar. (1989). *Perkembangan pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Teks Publication.
- Kamarudin Ngah, & Roslin Md Akhir. (1990). *Kaedah penyelidikan: Panduan mudah kerja luar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Kamus Dewan. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karweitz, N., & Hansell, S. (1983). Sex differences in adolescent relationship: Friendship and status. Dlm. J. L. Epstein, & N. Karweitz (Penyt.), *Friends in school: Patterns of selection and influence in secondary school* (hh. 115-130) London, UK: Academic Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1999). *Kurikulum pendidikan prasekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kohl, G. W., Lengua, L. J., & McMahon, R. J (2002). Parent involvement in school: Conceptualizing multiple dimensions and their relations with family and demographic risk factors. *Journal of School Psychology*, 38(6), pp. 501-523.
- Kooperun Devi Samu. (1992). *Masalah pembelajaran Bahasa Malaysia di kalangan murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil: Satu kajian kes*. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.
- Koller, M. R., & Ritchie, O. W. (1978). *Sociology of childhood*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Lockheed, Marlaine E., & Bruns, Barbara. (1990). *School effects on achievement in Secondary Mathematics and Portuguese in Brazil*. Working Papers. Education and Employment. The World Bank.
- MacCallum, F., & Golombok, S. (2010). Children raised in fatherless families from infancy: A follow-up of children of lesbian and single heterosexual mother at early adolescence. Dlm. Yarber & Sharp (Penyt.), *Single-parents families: Past, present and future*. Santa Barbara, CA: Praeger.
- Mahzan Arshad. (2007). The role of parents in providing education to children at early age. *Masalah Pendidikan*, 30(2), pp. 129-136.
- Makkal Osai. (2012, Mei 10). Pendapatan minimum rakyat Malaysia. hlm. 4.
- Marjoribanks, K. (1983). Social class, environment and adolescents aspirations. *Educational Studies*, 9, pp. 135-143.
- Majlis Pengetua Kanan Kebangsaan. (2005). *Panduan pengurusan sekolah ke arah pendidikan cemerlang*. Selangor: Percetakan Selaseh.

- Marina Mohd Yusoff. (2004). *Kaitan penglibatan ibu bapa dengan pencapaian akademik Tingkatan Empat di Sekolah Menengah di Shah Alam*. Disertasi Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.
- Marimuthu, T. (1975). *The influence of home background on the education carriers and aspirations of Tamil youth in Peninsular Malaysia*. Unpublished PhD dissertation. Manchester University.
- Marimuthu, T. (1983). A social class and other correlates of educability: A review of research. Dlm Khoo Phon Sai et al. *Fikiran mengenai pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan.
- Marimuthu, T. (1984). Schooling as a dead end: Education for the poor especially the estate children. Dlm Syed Husin Ali (Penyt.), *Ethnicity, class and development*. Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Marimuthu, T. (1996). *Pengenalan sosiologi pendidikan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Marohaini Yusoff. (2001). *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Marshall, G. (1996). *The concise Oxford dictionary of sociology*. New York, NY: Oxford University Press.
- Maznah Baba, & Siti Nor Yaacob. (2002). Keibubapaan anak remaja. Dlm Jayalethchumi Mottan, Rohani Abdullah, & Abdullah Al-Hadi Muhamed. (Penyt.), *Keluarga dan keibubapaan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Md. Zahir Kechot, & Mansor Jusoh. (2000). *Ekonomi Malaysia: Menghadapi dan menangani cabaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mead, G. H. (1964). *George Herbert Mead on Social Psychology*. Chicago. IL: University of Chicago Press.

Merh, D. (1996). Goal structures in creative motivation. *Journal of Creative Behavior*, 30(2), pp. 77-104.

Merriam, S. B. (1988). *Case study research in education: A qualitative approach*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.

Mingguan Malaysia. (2010, April 11). Murid Tahap 1 masih tidak menguasai 2M. hlm. 7.

Miquela Rivera. (2008). The Importance of quality early childhood education.

Education Digest, 74(3), pp. 61-63.

Mohammad Ali. (2010). *Metodologi dan aplikasi: Riset Pendidikan*. Bandung: Universiti Pendidikan Indonesia, Pustaka Cendekia Utama.

Mohammad Azmi Yusof. (2000). *Perbandingan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar Bumiputera Tingkatan Tiga di sekolah bandar dan luar bandar*. Kertas Projek Sarjana Pengurusan, Universiti Malaya.

Mohammad Isa Aziz. (2003). *Hubungan antara corak persahabatan dan pencapaian akademik di kalangan pelajar sekolah menengah*. Disertasi Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.

Mohd Abid Siddiqui. (2004). *Secondary school drop-outs*. New Delhi, India: APH.

Mohd Fadzilah Kamsah, Syaidatul Nazirah Abu Zahrin, & Nurul Aida Abdul Ghani. (2009). *Petua membantu anak berjaya*. Kuala Lumpur: PTS Millennia.

Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka bentuk tinjauan: Soal selidik pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM.

- Mohd Sharani Ahmad, & Mansor Abu Talib. (2002). Keibubapaan sepanjang hayat. Dlm Jayalethchumi Mottan, Rohani Abdullah, & Abdullah Al-Hadi Muhamed. (Penyt.), *Keluarga dan keibubapaan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Sharani Ahmad, & Zainal Madon. (2007). *Tip pandai belajar*. Selangor: PTS Millennia.
- Mohd Sheffie Abu Bakar. (1987). *Metodologi penyelidikan untuk ekonomi dan bidang-bidang berkaitan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Morch, S., & Andersen, H. (2006). Individualization and the changing youth life. In C. Leccardi, & E. Ruspini (Eds.), *A new youth? Young people, generations and family life*. Italy: Ashgate.
- Mouly, & George, J. (1968). *Psychology for effective teaching* (2nd ed.). USA: Holt Rinehart and Winston.
- Muslim Joned, & Zainuddin Hassan. (2006). Hubungan keluarga ke atas prestasi akademik pelajar: Kajian kes keluarga Melayu. Dlm. Abdul Rahim Abd Rashid, Sufean Hussin, & Che Hashim Hassan (Penyt.), *Krisis dan konflik institusi keluarga*. (2006). Kuala Lumpur: Utusan.
- Najeemah Mohd Yusof. (2010). *Bahasa dan sempadan etnik dalam kalangan murid pelbagai etnik di sekolah menengah di Malaysia*. Kuching: Koleksi Persidangan.
- Nasirah Muin. (2000). *Kepimpinan pengajaran ke arah kecemerlangan pencapaian akademik di sekolah menengah Daerah Gombak, Selangor*. Disertasi Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.
- Ng, S. N. (1972). Socio-economic status variables. *Jurnal Pendidikan*, 3.
- Nielsen, Linda. (1996). *Adolescence: A contemporary view*. New York, NY: Holt Rinehart & Winston.

Nik Azis Nik Pa. (2002). *Keluarga berdaya maju*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Norlizah Che Hassan. (2008). *Perkaitan cara gaya keibubapaan dengan konsep kendiri dan tingkah laku delinkuen remaja*. Tesis Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Noor Azizah Ahmad, & Teh Yik Koon. (1998). *Sosiologi: Pengenalan kepada Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan.

Noraini Mohd Akhir. (2005). *Keberkesanan tuisyen terhadap pencapaian akademik pelajar-pelajar Muslim di sebuah sekolah menengah*. Disertasi Sarjana Pendidikan Universiti Malaya.

Noraini Ramli. (2000). *Hubungan antara keberkesanan pengajaran guru dengan pencapaian akademik pelajar Tingkatan Tiga: Satu kajian survey*. Disertasi Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.

Norani Mohd Salleh. (2001). Etika dan penyelidikan kualitatif. Dlm Maharoni Yusoff. *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kerja lapangan kajian* (hh.1-33). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Nor Eazrin Zaini. (2004). *Faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik Pelajar Tingkatan Empat di sebuah sekolah menengah di Banting, Pahang*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.

O'Connor, C. R. (1996). *A case study of the implementation of a non-graded multiage continuous progress primary program*. (ERIC Document Reproduction Service No. ED 407 165.

Omar Mohd Hashim. (1993). *Pendidikan, persoalan, penyelesaian dan harapan*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Othman Md Johan. (1995). Kesan konsep kendiri dan faktor-faktor latar belakang murid terhadap pencapaian akademik mereka. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Ke-21*, Fakulti Pendidikan UKM.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjung Malim: Penerbitan UPSI.
- Parson, T. (1959). The school class as a social system. *Harvard Educational Review*, 29, pp. 297-318.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research & evaluation methods* (3rd ed.). London: Sage.
- Pendeta Zaba. (1992). *Mencari keluhuran budi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Piaget, J. (1952). *The origin of intelligence in children*. New York, NY: International University Press.
- Plowden, R. (1967). *Children and their primary school: Report of the Central Advisory Council for Education*. London, UK: HMSO.
- Rancangan Malaysia Ke-9: 2006-2009. (2006). Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- Ragunathan Ayyavoo. (2000). *Hubungan antara masalah disiplin dengan pencapaian akademik di sekolah-sekolah swasta di Kuala Lumpur*. Disertasi Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.
- Robert, V. Kail. (2007). *Children and their development*. Englewood Cliffs, NJ: Pearson.
- Rohana Yusof. (2001). *Asas Sains Sosial dari perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosidah Omar. (2004). *Gejala ponteng sekolah di kalangan pelajar sekolah*. Prosiding Seminar Wanita. PWTC, Kuala Lumpur.

- Rosmaria Abdullah. (2005). *Hubungan gaya perbelanjaan dengan pencapaian akademik murid Tingkatan Empat di sebuah sekolah menengah (Felda), Daerah Bentong, Pahang*. Disertasi Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.
- Rossheta Hj. Abd Rahman. (2002). *Stail belajar dan pencapaian akademik. Satu kajian kes*. Universiti Malaya.
- Rozumah Baharudin, Siti Nor Yaacob, Rojanah Kahar, Abdullah Al-Hadi, & Halina Halimatusaadiah Hassan. (2003). *Keluarga dan penyesuaian tingkah laku kanak-kanak*. Serdang: Penerbitan UPM.
- Rozumah Baharudin, Siti Nor Yaacob, Rajanah Kahar, & Abdullah Al-Hadi Hj Muhamed. (2003). *Dinamik keluarga dan pencapaian anak*. Serdang: Penerbit UPM.
- Rozumah Baharudin, & Rahimah Ibrahim. (2008). *Keluarga, kanak-kanak & remaja*. Serdang: Penerbit UPM.
- Rumaya Juhari, & Rojanah Kahar. (2002). Keluarga: Pembentukan, struktur dan fungsi. Dlm Jayaletchumi Mottan, Rohani Abdullah, & Abdullah Al-Hadi Muhamed. (2002). *Keluarga dan keibubapaan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ruzina Jusoh. (2005). *Perkaitan pencapaian akademik dan gaya keibubapaan pelajar Tingkatan 3 di sebuah sekolah menengah di USJ Subang Jaya*. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.
- Sabitha Merican. (2005). *Kaedah penyelidikan sosial*. Selangor: Prentice Hall.
- Santhiram, R. (1999). *Education of minorities: The case of Indian in Malaysia*. Petaling Jaya: Child Information, Learning and Development Centre.
- Saodah Ahmad. (2002). Keluarga dan pekerjaan. Dlm Jayaletchumi Mottan, Rohani Abdullah, & Abdullah Al-Hadi Muhamed. (Penyt.), *Keluarga dan keibubapaan*. (2002). Serdang: Universiti Putra Malaysia.

- Sarala Manikam. (2003). *Pengaruh persahabatan (peer group) terhadap pencapaian akademik pelajar di sebuah sekolah menengah di Petaling Jaya*. Disertasi Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.
- Schiefelbein, E., & Simmons, J. (1981). *Determinants of school achievement: A review of research for developing countries*. Canada: International Development Research Centre.
- Schlee, Bethanne M., Mullis, Ann K., & Shriner., M. (2009). Parents social and resource capital: Prediction of academic achievement during early childhood. *Children and Youth Service Review*, 31, pp. 227-234.
- Shahril @ Charil Hj Marzuki. (2004). *Keluarga bahagia: Pengurusan kewangan keluarga yang berkesan*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan. (29-30 Mei 2004). Jil. 1.
- Sharifah Md Nor. (1985). *Streaming in Malaysia secondary schools*. Ph.D. dissertation, University of Wisconsin.
- Sharifah Md Nor, & Noraizah Shahruddin. (2001). *Lowest stream students learning: The demotivating factors*. Kertas kerja dibentangkan di International Seminar Learning & Motivation: Insights from Multiple Perspectives. Penang. 8-10 Oktober, 2001.
- Sharifah Md Nor, & Siti Suria Salim. (2005). Pelajar berisiko gagal: Sejauh mana dan bagaimana sekolah boleh membantu. Dlm Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Foo Say Fooi, *Memperkasa pendidikan pelajar berisiko*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Silverman, D. (2000). *Doing qualitative research*. London, UK: SAGE.

- Sinnappah Arasaratnam. (2006). Malaysian Indians: The formation of Incipient Society.
- Dlm. K. S. Sandhu, & A. Mani (Penyt.), *Indian communities in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Siti Nor Yaakob, Arifin Nopiah, Ahmad Hariza Hashim, Abdullah Al-Hadi Muhammad, & Anuar Ahmad. (1990). Perkaitan beberapa faktor latar belakang keluarga dengan pencapaian akademik pelajar. *Jurnal Pendidikan Guru*, 6, hh. 87-97.
- Sofiah Osman. (1990). *Membaca: Satu pengenalan*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Solon Community School District. DRAFT (2003). At risk plan of service.
- Strom, D. R., & Strom, S. P. (2010). *Parenting young children: Exploring the internet, television, play and reading*. Charlotte, NC: Information Age Publishing.
- Sufean Hussin. (2004). *Pendidikan di Malaysia, sejarah, sistem dan falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Taha Abdul Kadir. (1977). *Persekutaran rumah tangga dan pencapaian akademik murid-murid di sekolah menengah kebangsaan*. Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Tuckman, B. W. (1999). *Conducting educational research*. New York, NY: Harcourt Brace.
- Tunner, J. H. (1998). *The structure of sociological theory* (6th ed). Belmont, CA: Wadsworth.
- Tunner, J. H., Beeghley, L., & Power, C. H. (1998). *The emergence of sociology theory* (4th ed.). Belmont, CA: Wadsworth.
- Unicef. (2010) Dimuat turun daripada <http://www.unicef.org.malaysia>
- Unit Penilaian dan Peperiksaan. (2007). Jabatan Pelajaran Melaka.

- Van Houtte, M. (2004). Gender context of the school and study culture, or how the presence of girls affects the achievement of boys. *Educational Studies*, 30, pp. 409-421.
- Wan Hassan Wan Embong, & Siti Norlina Muhamad. (2004). *Kesedaran terhadap peranan bapa kepada anggota keluarga mempengaruhi gejala keruntuhan akhlak remaja*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan. (29-30 Mei 2004). Vol 1.
- Wan Hassan Wan Embong, & Siti Norlina Muhamad. (2006). Kesedaran terhadap peranan bapa kepada anggota keluarga mempengaruhi gejala keruntuhan akhlak remaja. Dlm. Abdul Rahim Abd Rashid, Sufean Hussin & Che Hashim Hassan (Penyt.), *Krisis dan konflik institusi keluarga*. Kuala Lumpur: Utusan.
- Wan Mardziyah Wan Hasbullah. (2005). *Harapan pelajar terhadap penglibatan ibu bapa di sekolah untuk pencapaian akademik*. Disertasi Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.
- Walters, D. M., & Borgers, S. B. (1995). Student retention: Is it effective. *The School Counselor*, pp. 300-310.
- Wiersma, W. (1969). *Research methods in education: An introduction*. New York, NY: J. B. Lippincott.
- Wiersma, W., & Jurs, S. G. (2009). *Research methods in education: An introduction*. New York, NY: Pearson.
- Wolf, R. M. (1977). *Achievement in America: National Report of the United States for the International Achievement Project*. New York, NY: Columbia University, Teachers College.

- Wong, Moses Chiat Chong. (1992). *Factors related to underachievement amongst high-ability secondary students in Singapore*. Tesis Sarjana Pendidikan, National University of Singapore.
- Yaacob Harun. (1991). *Keluarga Melayu bandar: Satu analisis perubahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yap Yoke Fong. (2000). *Hubungan antara penglibatan ibu bapa dan status sosioekonomi dengan pencapaian akademik*. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.
- Yayasan Strategik Sosial. (2000). *Education the vehicle for school advancement*. Strategy paper. Kuala Lumpur: Penulis.
- Yazid Saleh. (2010). *Pengenalan pemuliharaan bandar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaid Mohamad. (2010). *Ibu bapa bijak anak hebat*. Selangor: True Wealth.